

Amfar azlan
L

TALQIN UNTUK UMNO

Syed Hussein Alattas

120 - 130

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
31 DEC 1988



AL-SUHAIMI

**P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur.**

Cetakan Pertama Jun 1988

\$15.00

© Hakcipta S.H. Alattas 1988

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari **Al-Suhaimi**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

أَشْرَافًا

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu.

Istimewa untuk Putraku
Syed Mohamad Muhiyuddin Alattas

479746
APB

M
324.2595U
ALA

15 FEB 1989

Perpustakaan Negara

ISI KANDUNGAN

1. Mukadimah	25 - 41	9
2. Siapa Pembunuh <input checked="" type="checkbox"/> UMNO	48 - 61	25 ✓
3. Pembunuh Yang Mati		48
4. Saya Dan Musa Hitam		67 ✓
5. Surat Tunku kepada S.H. Alattas		88
6. Bapak Kucing		93
7. Sepatah Kata Tunku Yang Dipertua		120
8. Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan Malaya		128 ✓
9. Demokrasi Ala Ku Li		131
10. Geng 11		163
11. Tau Makan Tau Simpan		175
12. Teori Berkat		189
13. Bulan Dikelilingi Awan Hitam		199
14. Patah Tumbuh Hilang Berganti		213
15. Jambatan Malaysia — Libya		225
16. Pembunuh Gergasi		241
17. Talqin		269 ✓
18. Imej Seorang Hero		283
19. Faktor Cina		303
20. Bakal Perdana Menteri		321
21. Post Skrip		355

25-41
48-61

لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

UNTUK MEREKA YANG BERFIKIR

YA TUHANKU!
JADIKANLAH NEGARA INI
SEBUAH NEGARA AMAN DAN MAKMUR
ANUGERAHKANLAH RAKYATNYA
DENGAN REZEKI YANG MELIMPAH
JADIKANLAH RAKYATNYA
ORANG-ORANG YANG BERIMAN
KEPADAMU.....
YA ALLAH!

Doa Nabi Ibrahim
(Al-Baqarah ayat 126)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MUKADDIMAH

BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM. Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW serta kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Sudah lebih daripada satu tahun saya tidak menemui pembaca, iaitu sejak buku saya yang terakhir "*Challenger*" *Siapa Lawan Siapa?* ditahan oleh mahkamah atas permintaan Datuk Musa Hitam supaya tidak membenarkan saya menerbit, mencetak, mengedar dan menjual buku tersebut.

Sebagai seorang rakyat dalam sebuah negara demokrasi saya taat kepada perintah mahkamah. Sebaik-baik saja saya menerima perintah yang dihantar oleh pejabat peguam Datuk Musa, saya pun memberhentikan penjualan dan pengedarannya. Bukan itu saja, saya juga memberi arahan kepada wakil pengedar saya supaya memberhentikan penjualan di kedai-kedai buku, baik di dalam mahupun di luar negeri. Versi bahasa Inggeris yang telah siap untuk dicetak juga terpaksa ditangguhkan percetakannya kerana perintah mahkamah tersebut. Demikian juga versi dalam bahasa Mandarin dan bahasa Jepun terpaksa diberhentikan terjemahannya.

Bagaimanapun saya tidak dapat menahan penerbitan cetak rompak dan pengedarannya, sama ada di dalam atau di luar negeri, yang dilakukan oleh orang-orang tertentu yang mengambil kesempatan mencari keuntungan. Apa tidaknya, buku yang harga asalnya cuma \$15 telah dijual dengan harga \$40, dan ada yang sehingga \$50. Royalti memang tidak payah bayar, begitu juga taip-setting dan segalanya. Mudah sahaja, masuk bilik kamera buat *plate* dan cetak. Satu malam sahaja sudah dapat cetak ribuan naskhah.

Bukan itu saja, ada juga yang menjual dengan naskhah zerox atau fotostat. Itu pun tinggi juga harganya. Bukan sahaja di dalam negeri, tetapi di luar negeri pun ada. Semasa saya di Jakarta, ada orang yang menunjukkan naskhah fotostat buku itu minta saya tandatangan.

Inilah nasib menjadi penulis di negara kita. Sudahlah buku tidak dapat dijual, orang lain pula yang mendapat untung. Pencetak-pencetak rompak ini tidak pernah tertangkap kerana mereka mempunyai rangkaian operasi dan pengedaran yang hebat. Jadi merekalah yang kaya, hasil daripada rompakan.

Begitulah sedikit sebanyak mengenai hal buku saya yang ditahan oleh Datuk Musa. Hari perbicaraan entah bila saya pun tidak tahu. Terserah pada Mahkamah dan Hakim Ajaib Singh yang menjatuhkan hukuman. Walaupun peguam saya, saudara Razak Ahmad, telah meminta agar *injunction* itu diangkat, tetapi nampaknya berat untuk diangkat. Nak tahu, tanyalah tuan Hakim Ajaib Singh, kerana perkara yang berlaku pada saya ini memang pelik dan sungguh ajaib.

Para pembaca dan peminat setia saya tahu apa yang mereka harap dan mahukan dari tulisan saya. Saya tidak akan hampakan mereka. Nikmat dan keseronokan membaca adalah hak mereka, risikonya memanglah saya tanggung sendiri. Buku saya yang sudah-sudah pun begitu juga. Buku ini pun sama.

Saya sedikit pun tidak kesal dengan nasib yang diterima oleh buku "*Challenger*" itu, kerana saya sudahpun mengatakannya di dalam buku itu bahawa: **Melalui buku SIAPA LAWAN**

SIAPA ini saya mengisytiharkan perang dengan siapa sahaja yang cuba mengkhianati bangsa, agama dan negara saya. Saya serius! dan saya telah bersedia. Dengan nama Allah Subhanahu Wata'aala yang maha berkuasa, bersenjatakan Al-Quran yang suci dan Al-Hadith yang mulia, marilah kita semua berperang kerana menegakkan yang hak."

Demikian juga dengan buku ini yang merupakan lanjutan daripada perjuangan saya yang sama, iaitu **menyatakan kebenaran walaupun kebenaran itu pahit**. Sepertimana pahlawan Islam yang memasuki peperangan menentang kemungkaran, saya bersedia menghadapi segala tentangan dan rintangan, dengan menyerahkan jiwa dan raga saya kepada Allah SWT.

Dalam dunia ini perkara yang paling payah hendak dilakukan ialah menyatakan kebenaranlah, kerana tak dapat dielakkan mesti ada orang yang akan menjadi sasaran peluru ataupun pedang kita, kerana saya menulis tentang orang, tentang tokoh-tokoh politik yang berkuasa. Saya tidak menulis tentang konsep ataupun teori politik yang tidak ada kena mengena secara langsung dengan apa yang berlaku setiap hari. Itu saya tak minat. Orang lain yang berminat dalam bidang itu boleh tulis. Bagi saya "**amar makruf nahi munkar**" menjadi pegangan saya dalam menulis buku-buku politik.

Ini yang Tunku Abdul Rahman tidak faham dengan cara saya. Anda akan membaca kisah saya dengan Tunku dalam Bab "**Bapak Kucing**" nanti. Bukan Tunku sahaja yang tak faham konsep dan falsafah saya dalam penulisan. Saya tahu saya ada ramai peminat, tetapi saya tahu ramai juga orang yang marahkan saya, kerana saya berani mendedahkan perbuatan-perbuatan mereka yang bertentangan dengan Sunnah Rasulullah SAW.

Mereka yang makan cili pasti rasa pedasnya. Mereka tentulah tidak senang kerana dengan pemaparan tulisan saya itu akan merosakkan rancangan dan perniagaan mereka yang cuba menjadikan politik dan nasib bangsanya sebagai satu komoditi dalam perniagaan mereka untuk mencari untung sebanyak-banyaknya untuk diri mereka sendiri.

Begitulah. Niat saya hendak menjelajah ke negara-negara lain di dunia untuk bukan sahaja mencari bahan bagi menjawab buku V.S. Naipul seperti yang saya janjikan dalam buku "*Challenger*" dulu, tetapi untuk menjawab banyak lagi tuduhan-tuduhan karut terhadap Islam yang dibuat oleh musuh-musuh Islam, telahpun saya mulakan.

Bukan V.S. Naipul itu sahaja yang membuat tuduhan karut terhadap Islam. Banyak lagi. Bahkan yang lebih besar dan lebih jahat lagi daripada V.S. Naipul itu. Semuanya tidak harus dibiarkan begitu saja. Saya sedang membuat penyelidikan, saya telah pergi ke Los Angeles, San Francisco dan New York di Amerika, saya telah pergi ke negara-negara Timur Tengah, ke Filipina dan Indonesia. Sedikit demi sedikit semuanya akan saya perangi seperti saya telah perangi kemungkaran-kemungkaran yang dilakukan di negara ini.

Sesuai dengan kesedaran yang telah dibawa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini perjuangan kita, baik politik mahupun agama, tidak boleh lagi dilakukan sekadar di bawah tempurung negara kita sahaja. Datuk nenek kita orang-orang Melayu dulu pun mereka menjadi pelaut yang handal dan telah menjelajah sampai ke benua China, benua India dan benua Rom. Hari ini apatah lagi.

Dunia hari ini telah menjadi semakin kecil disebabkan oleh berbagai-bagai kemajuan komunikasi ciptaan manusia. Pergolakan politik dan agama yang berlaku di negara kita hari ini tidak lagi ditentukan oleh faktor-faktor di dalam negeri sahaja.

Banyak faktor-faktor luar negeri telah mempengaruhi dan turut campur tangan dalam menentukan keadaan politik, ekonomi dan agama di negara kita. Amerika, Inggeris, Russia, Jepun, Korea, Iran, Libya, China, India, Israel, melalui berbagai-bagai agen mereka dalam politik, ekonomi dan agama, semuanya adalah faktor-faktor yang tidak boleh dipandang ringan.

Pemimpin-pemimpin politik kita pun kita dengar sikit sikit ke luar negeri, sikit sikit keluar negeri, bukannya untuk berehat

dan makan angin sahaja, tetapi mereka ada urusan penting di sana, yang kebanyakan kita tidak tahu. Sebagai seorang penulis buku politik semasa yang bertanggungjawab dan komited, itu semua saya mesti tahu, dan saya mesti ceritakan kepada peminat-peminat buku saya.

Datuk Musa nak letak jawatan pun dia buat keputusan di Davos, Switzerland, bukannya di Segamat atau di Kota Tinggi, Johor. *Connection* Tengku Razaleigh dengan mahaguru India Chandra Swamiji dan Sultan Brunei itu semua kita mesti tahu. Kerana hari ini bukan lagi seperti zaman kita menentang Malayan Union dulu. Politik hari ini sudah jauh lebih sofistikated dari politik zaman Tunku. Musuh kita bukan Inggeris dan Komunis sahaja lagi. Macam-macam sudah jadi musuh kita. Dan semua itu saya mesti kaji dan selidik, supaya mereka tidak boleh cong saya.

Berikutan dengan kekalahan Tengku Razaleigh dalam pemilihan agung 24 April 1987, anak raja dari Kelantan yang gagal merebut kerusi Presiden UMNO dengan pertolongan musuh tujuh tahunnya, iaitu Datuk Musa Hitam, telah mengambil strategi baru pula dengan mendapatkan bantuan dari kalangan istana. Inilah yang dikatakan bahawa kalau asal dari istana itu akhirnya dia akan balik ke istana juga. Kini sudah terbukti kata-kata itu.

Penglibatan istana dalam politik kalau setakat sikit-sikit seperti masa-masa lalu itu bolehlah dibiarkan. Tetapi nampaknya usaha Ku Li mengheret istana supaya turut campur dalam politik untuk merampas kerusi Perdana Menteri dari tangan rakyat, seperti yang sedang dibuatnya sekarang ini tidaklah boleh dibiarkan lagi.

“Tolong menolonglah kamu kearah bawa kebajikan, yang bawa ketakwaan kepada Allah. Janganlah jangan kamu tolong menolong arah membawa kepada pergaduhan, pertelingkahan dan kemaksiatan kederhakaan kepada Allah Subhanawata’ala.”

“Tuhan menyayangi mereka yang berjuang di jalanNya dalam satu barisan yang padu, seperti batu-batu dalam sebuah tembok.” — (61:4)

Al Quran

Saya tahu ada orang-orang yang berada di atas itu yang akan berasa tersinggung. Mereka bukan saja tersinggung tetapi akan berasa terhina apabila mereka membaca buku ini nanti. Tetapi oleh kerana niat saya adalah bersih dan suci, dan saya berdoa agar Allah SWT memelihara niat saya, maka tugas itu tetap akan saya laksanakan juga.

Kepada Allah saya berserah. Tiada sesuatu apapun di dunia ini yang akan bergerak kalau bukan dengan izinNya. Itulah iktikad dan keyakinan saya, penuh kepada kebesaran dan kekuasaan Allah SWT semata-mata. Tidak ada yang lain selain daripadanya. Dialah sebaik-baik penjaga. Saya tidak akan merelakan sama sekali tanahair pusaka bertuah ini dimusnahkan oleh sesiapa pun, baik oleh tangan-tangan kotor dari dalam, sama ada dari kampung ataupun dari istana, mahupun oleh tangan-tangan jahat dari luar negeri. Setakat qudrat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada saya, akan saya tunaikan tugas yang diamanahkan kepada saya. Segala puji bagi Allah, kerana hanya Allah saja yang kita sembah. Dialah yang berhak menerima puji-pujian dan sembah. Tidak ada yang selain daripadanya. Allah yang Maha Besar lagi Maha Berkuasa. Kebesaran dan keagungan itu hak Allah. Manusia yang dicipta tidak berkuasa dan tidak berupaya melainkan dengan izin Allah jua.

Kita semua, tidak kira siapakah kita, asal saja kita penganut agama Islam, kita mesti sanggup menerima ajaran dan teguran. Tidak ada di antara kita yang tahu segala-galanya. Allah saja yang meliputi segala-galanya. Sebagai khalifah Allah dibumiNya, saya hanya menjalankan tugas besar saya sebagai manusia, iaitu mengingatkan manusia tentang hakikat bahawa hanya Tuhan yang kekal. Yang selain daripadanya tidak ada yang kekal, tidak ada yang abadi. Semuanya akan fana. Semuanya. Kita yang hidup ini pasti akan menemui maut.

Kita ini semua, tidak kira siapa, raja, perdana menteri, presiden parti, hakim besar, menteri besar, penarik beca, nelayan, pelayan, semuanya hamba Allah. Tubuh kita asal dari tanah, dan kita akan kembali kepada tanah.

Sebagai seorang Islam kita patut berasa takut dan sedih kalau sekiranya ada di antara saudara kita yang mati tidak beriman. Mati sebelum sempat bertaubat.

Kita bukan rakyat Tuhan. Kalau kita rakyat Tuhan bolehlah kita bertukar-tukar Tuhan, macam kita tukar-tukar team. Sekejap team A, lepas itu tukar team B, kemudian masuk team A balik semula. Dalam parti UMNO dalam kerajaan bolehlah macam itu. Orang yang sudah menerima Islam sebagai agama, bila terkeluar Islam hukumnya murtad. Orang murtad mati tak masuk syurga.

Di mana juga kita ada di alam maya ini kita tetap bersifat hamba. Sebagai seorang hamba eloklah kita sedarkan diri kita. Pangkat, darjat, kebesaran, kekayaan, itu tidak lebih dari mimpi indah yang tidak akan kekal.

Allah berkuasa dengan dua perkataan saja: "*Kun fayakun*" — Jadi, maka jadilah. Sama ada muslim itu akan mati di dalam iman atau di dalam kekufuran terpulanglah kepada Allah.

Allah saja yang boleh angkuh, sombong dan murka, kerana itu pakaian Allah yang menjadi milikNya. Kata-kata ini adalah kata-kata mereka yang mengkaji dan mengaji hakikat dan tarikat. Orang-orang syari'at mungkin akan salah tafsir kata-kata di atas. Kalau belum faham cuba-cubalah membaca buku tarikat dan hakikat. Eloklah mengenal diri, kerana orang yang tidak kenal diri dia tak kenal Tuhan.

Nampaknya ramai sangat orang yang berada di atas hari ini, sama ada para raja dan keluarga mereka, para menteri dan hartawan serta orang besar-besar, mereka seolah-olah sudah lupa diri. Sudahlah fardu 'ain mereka terlupa dan terlalai, fardu kifayah pula mereka jadikan fardu tak payah.

Hidup manusia, terutama orang politik, para pembesar, begitu juga raja-raja dan kerabat mereka, menjadi resah gelisah adalah kerana mereka tidak mengerti erti puas. Mereka tidak tahu bersyukur dengan nikmat yang mereka perolehi. Sudah dapat, hendak lagi, tidak kira halal haram, semua telan. Semasa menerima segala kebaikan dari Allah mereka tidak berterima kasih dan bersyukur, tetapi bila Allah berhentikan nikmat buat sementara dari mereka, mereka mulalah membuat sesuatu yang boleh menimbulkan porak peranda dan huru hara kepada manusia.

Cuba tengok keadaan politik dalam negeri hari ini, cuba tengok parti UMNO, apa sudah jadi? Rosak parti disebabkan ahli terlalu ramai nak rebut kerusi Presiden. Kerusi itu hanya satu. Bila tak puas hati cara demokrasi, mereka bawa ke mahkamah. Bila mahkamah jatuhkan hukum, sudahlah kelam kabut. Semua nak cari salah orang. Dosa-dosa sendiri tidak mahu cari. Kalau nampak pun cepat-cepat pula ditutup, dengan macam-macam cara.

UMNO dari satu sudah jadi dua. Satu lahir dalam istana tahun 1946, tahun anjing, dan yang satu lagi lahir di pangkuan rakyat, tahun 1988, tahun naga. Yang mana satu lebih kuat? Lebih beruntung? Ikut kepercayaan orang Cina Naga kuat dan angka 88 adalah angka yang membawa untung.

Kalau kedua-duanya dibiarkan hidup, orang Melayu akhirnya jadi apa? Raja-raja berapa lama lagi boleh duduk dalam istana? 1946 rakyat Indonesia menggulingkan raja-raja mereka menerusi satu revolusi. Raja-raja di Tanah Melayu selamat kerana pertolongan rakyat Melayu. Tapi apa akan jadi pada raja-raja kalau mereka terus menyakiti hati rakyat? Rakyat ini macam air hujan yang turun dari langit. Setitik demi setitik. Tapi bila mereka bersatu, membanjiri bumi dan menjadi bah besar, segala pohon-pohon besar dan gunung-ganang boleh runtuh. Mungkinkah terjadi satu revolusi di Malaysia?

Tuhan memberikan kemenangan kepada sesiapa yang disukaiNya, kerana Dia saja yang maha mengetahui. Tuah Dr

Mahathir nak menang jadi Presiden dan Tuhan nak kekalkan dia jadi Perdana Menteri, itu tuah dan rezeki dia. Pangkat kemuliaan, kebesaran dan kekayaan adalah hak Tuhan yang boleh diberi dan diambilNya dari kita. Yang kita jadi susah hati dan resah gelisah, kenapa? Kita ini siapa? Cuba kita tanya diri kita sendiri, ukur akal, kebijaksanaan dan ilmu yang ada pada diri kita dulu sebelum hendak mempersoalkan hak-hak dan pemberian Tuhan kepada hambaNya.

Memang betul ada manusia sepanjang hidupnya kerjanya tidak ada lain dari menipu dan membohong saja, bersumpah sana, bersumpah sini, Wallahi Wabillahi Watallahi, kita nampak dia hidup senang lenang. Pada pandangan kita masih ramai orang yang percaya dia akan berjaya jadi orang besar. Itu yang kita nampak dengan mata kasar. Siksa dan penderitaan yang ditanggung, dia saja yang tahu. Itu di dunia. Belum lagi di akhirat.

Sambil saya menulis ini tiba-tiba saya teringat, tentu ada orang yang bertanya: S.H. Alattas ini tulis buku politik atau tulis buku agama? Biarlah saya jawab sendiri. Bolehkah politik dipisahkan dari agama? Macam mana kita hendak pisahkan api dari cahaya? Tapi wali Allah boleh buat kerja-kerja yang mustahil dibuat oleh manusia biasa.

Malaysia adalah negara Islam. Raja-raja kita yang menjadi ketua-ketua agama juga beragama Islam. Parti yang menjadi tulang belakang kerajaan yang memerintah adalah parti yang dipimpin oleh mereka yang beragama Islam. Kalau boleh kita pisahkan panas dari apinya, bolehlah pembaca suruh saya tulis mengenai politik tanpa menyentuh hal-hal agama.

Akhirnya buku ini saya namakan TALQIN UNTUK UMNO. Biasanya kita membaca talqin apabila ada kematian. Apakah UMNO sudah mati? Tidak. Kalau tidak mengapa saya mengajak pembaca sekalian membaca talqin bersama-sama saya, dan saya katakan talqin ini untuk UMNO?

Bukankah buku sudah ada di tangan anda? Bacalah dari mula hingga akhir, dan carilah jawapannya di dalamnya.

Bacalah! Semoga Allah melimpahkan rahmatNya ke atas orang-orang yang membaca dan berfikir untuk mencari yang benar yang hak.

Wabillahi taufiq walhidayah. Wallahu a'lam!



SYED HUSSEIN ALATTAS
Pengarang



Kalau boleh berbaik-baik macam inikan bagus. Buang yang keruh, ambil yang jernih. Rakyat suka tengok para pemimpin mereka sentiasa berbaik antara satu dengan lain, tidak dalam sentiasa bersengketa. Kita semua inikan bersaudara. Berselisih pendapat antara satu dengan lain perkara biasa.



Dulu semasa lawatan Dr Mahathir ke Kelantan, turut bersama beliau ialah Tunku Razali dan Datuk Sanusi Junid, ketika itu masih Setiausaha Agung UMNO (lama). Mereka disambut oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Yaakob. Sekarang suasana dah berubah. Nasib Datuk Mohamed Yaakob pun tak menentu. Nak sambut macam mano?



Inilah gambar yang telah membawa tuah kepada Datuk Mohamad Rahmat. Bukan mudah hendak menyanyi dengan raja. Tiga buku berturut-turut saya gunakan gambar ini, *Musa Derhaka*, *Musa a Traitor* dan *Challenger*. Ada orang yang menyatakan gambar ini sebagai 'Image Builders' untuk Tok Mat.



“Datuk! Biawak busuk ini Datuk nak simpan juga ke?” Tok Mat bertanya. Siapa juga biawak busuk yang dimaksudkan oleh Tok Mat ni. Dr Mahathir tahu.



Datuk Musa Hitam sedang memuji kalungan di leher Dr Mahathir. "You lawa lah, Datuk, you handsome, you bersih, Tok, you memang cekap, you amanah." Betul ke kata Musa ni? Dr Mahathir senyum saja, senyum sinis. "Angkatlah I tinggi melangit, I tahu siapa you". Kata Dr Mahathir.



“Ini dunia punya hal, banyak susah mahu cakap. Dia sekejap boleh pusing ini macam, lain kali dia lain macam pusing. Serupa itu bola. Awak ada artikah?” Kenapa pula Tun Hussein cakap macam tu kat Che Dat? Orang Turki tak cakap macam itu.

SIAPA PEMBUNUH UMNO?

4 Februari 1988 akan dikenang sebagai suatu tarikh yang mempunyai erti yang tersendiri dalam sejarah Malaysia. Pada hari itu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menjatuhkan satu hukuman yang lain dari yang lain. Kita semua sudah tahu apakah hukuman yang amat besar maknanya kepada bangsa Melayu itu. Parti UMNO yang telah memimpin bangsa Melayu selama lebih 40 tahun telah diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah.

Cerita macam mana dia boleh jadi macam itu semua orang sudah tahu. Cerita yang panjang pun orang tahu, cerita yang pendek apatah lagi. Cerita pendek kata itu gara-gara Geng 11. Ceritanya yang panjang terpaksa kita buka semula bab perlawanan merebut jawatan dalam UMNO yang bermula pada tahun 1981 antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Datuk Musa Hitam, dan kemudiannya Datuk Musa meletakkan jawatan, lepas itu dia bersatu dengan Tengku Razaleigh pula, melawan Datuk Seri Dr Mahathir dan Ghafar Baba, dan berakhir dengan kekalahan untuk Tengku Razaleigh dan Musa Hitam.

Yang menang tetap juga menang kerana hak untuk menang memang berada pada dia, dan yang kalah tetap terus kalah

kerana memang kekalahan sudah menjadi hak dia, walau apa pun ikhtiarnya, yang akan terjadi hanyalah yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

Walaupun cerita panjang dan cerita pendek itu semua orang tahu, tapi boleh dikatakan semua orang tersentak dan terperanjat juga dengan keputusan mahkamah itu. Orang Team A terperanjat, orang Team B terkejut, orang Team C terpinga-pinga, orang yang tak ada team pun hairan. Yang tak hairan tak terperanjat barangkali adalah beberapa orang.

Dan semenjak Hakim Datuk Harun Hashim menjatuhkan hukuman itu, percakapan orang-orang politik dan orang yang tidak politik tetapi bercakap macam orang politik pun berubahlah cara dan gayanya. Ramai yang seperti kucing jatuh anak. Duduk salah berdiri tak kena, berjalan rasa penat. Maklum sajalah, berpisah setelah lebih 40 tahun duduk bersama berpelok-pelok dan ada yang duk bergantung dan duk kerabat dia saja.

Begitulah yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT. Manusia boleh merancang dan mentadbir, sedang yang mentakdirkannya ialah tidak ada yang selain daripadanya. Allah telah meletakkan hukumNya ke atas makhlukNya. Beratkah, ringankah, apalagi yang boleh dibuat. Hukum Allah adalah hukum yang adil seadil-adilnya. Sebagai hamba Allah kita hendaklah berfikir untuk memahami keadilanNya. Nak menangis sampai keluar air mata darah buat apa? Itu kerja orang gila yang tak siuman dan tak menggunakan akal.

Yang telah pergi tetap telah pergi. Itulah hakikat setiap yang baru. Tidak ada yang kekal dan abadi kecuali Allah SWT semata. Yang baru sentiasa menunggu masa sahaja akan sirna dan lebur, sama ada dengan sebab yang munasabah atau tidak munasabah pada akal manusia, pada hakikatnya di sisi Allah semua yang berlaku adalah munasabah belaka.

Sungguhpun saya bukan ahli UMNO, tapi saya sayangkan UMNO, sebab saya tahu jasa-jasa UMNO yang amat besar terhadap bangsa Melayu dan agama Islam. Tetapi saya tidaklah

pula bergantung pada UMNO dan saya tidak duk kerabat dia. Saya bergantung hanya kepada Allah.

Pada masa orang jadi kelam kabut disebabkan UMNO tiba-tiba diisytiharkan haram itu, saya ingat pada masa itu saya bolehlah duduk diam sekejap berfikir dengan tenang mengenai apa yang telah terjadi dan apa yang akan terjadi pada nasib bangsa saya. Saya cuba memahami kehendak Allah yang maha besar. Sebab kata seorang kawan saya, orang yang berfikir atau orang yang bijak pandai itu dia tak boleh kelam kabut sama dengan orang ramai yang sedang kelam kabut. Jadi saya pun cubalah mencari ketenangan pada waktu itu. Kalau semua orang kelam kabut apa pula nak jadi? Lagi huru-hara dan haru-birulah jadinya. Lintang pukang dan terbalik lingkuplah semuanya.

Guru saya pernah mengingatkan saya. Kata dia, **“Beb, jangan lupa, pada setiap zaman ada Wali Allah yang menjaga alam ini. Kalau tidak nescaya porak perandalah dunia, kerana manusia terlalu ramai yang suka lupa kepada perintah Allah dan suka membuat kemungkaran di atas bumi Allah. Setiap kali ada peristiwa buruk atau mala petaka, ingatlah pesanku ini. Jangan lupa kepada Allah, dan jangan lupa kepada orang yang telah diangkat martabatnya oleh Allah menjadi waliNya.”**

Saya selalu ingat pesan guru saya itu. Tetapi apabila saya cuba bersunyi-sunyi diri, maka ada saja yang menghalang. Tak boleh nak duduk diam sekejap. Ramai member yang tak suka tengok kita nak senang sikit. Telefon berdering-dering siang malam pagi petang. Tak kira waktu Maghribkah atau waktu Isya. Asyik berbunyi sahaja dia. Pelek juga, kerana saya bukanlah Presiden UMNO atau orang penting dalam pertubuhan yang telah dijatuhkan hukuman tidak sah itu. Dahlah yang bertelefon begitu ramai, yang datang ke rumah pula lebih kurang juga.

Dalam ramai-ramai kawan-kawan yang bertelefon dan yang datang itu, sama ada orang politikkah atau orang yang berasa dia orang politik, masing-masing dengan pendapat, fikiran dan cadangannya masing-masing. Ramai yang ber-

tanyakan kepada saya bila lagi saya nak tulis buku tentang kematian UMNO? Ada yang bertanya kenapa saya tidak menulis buku lagi? Ini satu peluang yang baik, kata mereka. Orang nak tahu apa S.H. Alattas nak kata tentang kematian UMNO, dan apa ramalannya terhadap masa depan politik Melayu.

Memang pertanyaan macam itu semua orang pun boleh tanya. Saya pun boleh tanya juga. Orang ingat mudah tulis buku politik macam saya tulis ini. Itulah sebab akhir-akhir ini makin ramai orang nak jadi penulis buku politik semasa. Para pembaca tentu dah berjumpa macam-macam buku analisa politik yang ditulis selepas hukuman berat dijatuhkan ke atas UMNO. Ini negara demokrasi. Siapa nak tulis buku boleh tulis. Tuhan telah menjanjikan rezeki bagi setiap makhluk yang diciptanya. Pandai-pandai masing-masinglah. Akhir sekali para pembaca juga yang akan menentukan mana buku yang patut mereka baca dan mana yang tak perlu dibaca. Buat apa buang-buang masa.

Menulis buku politik bagi saya bukan satu perkara mudah. Mesti pandai satu pasal, tahu apa yang sebenarnya berlaku satu pasal, berani satu pasal lagi. Berani pula macam-macam berani ada. Kita tulis yang benar pun banyak orang tak suka, sebab dalam dunia politik ada macam-macam jenis orang. Semua jenis orang itu kita mesti tahu dan kenal. Silap haribulan salah date kita dengar cerita yang karut-marut, kita percaya, rosaklah buku kita. Berleho-leho.

Nak tahu itu semua bukan boleh main baca buku-buku lain dan baca suratkhobar saja. Dengar maklumat dari orang pun mesti tapis betul-betul. Mesti pandai baca orang juga. Dan akhirnya sekali mesti minta pertolongan dari Allah SWT, supaya analisa dalam buku kita tidak senget sebelah.

Dengan buku ini genaplah 14 buah buku politik yang telah saya tulis. (1) *Temanku Pemimpin-Pemimpin*. (2) *Kenapa Rosli Dhoby & 3 Hero Sarawak Dihukum Bunuh?* (3) *Sarawak Kepada Siapa Hendak Diserahkan*. (4) *Perang Di Kuala Linggi 1978*. (5) *Bahtera Lama Nakhoda Baru*. (6) *Siapa Selepas*

Musa? (7) Pemuda Di Zaman Mahathir. (8) Tuah Nasib Pemimpin Malaysia. (9) Perdana Menteri Yang Kelima. (10) Hantu Bukit Cina. (11) Musa Derhaka? (12) Musa A Traitor? (13) "Challenger" - Siapa Lawan Siapa? (14) Talqin Untuk UMNO.

Saya sengaja senaraikan nama buku-buku politik yang telah saya tulis ini ialah kerana ada orang yang telah cuba hendak merosakkan nama saya dengan menerbitkan sebuah buku yang menggunakan nama saya. Nama buku itu "**TAU MAKAN TAU SIMPAN**". Di atas kulit depannya terpampang huruf besar nama S.H.ALATTAS. Nama penerbitnya pun AlNujum Enterprise. Alamat penerbitnya: 16C, Jalan Bawal, Kepong Baru, KL. Entah alamat itu ada atau tidak saya pun tak tahu.

Begitulah buruk dan jahatnya ada setengah-setengah manusia di antara kita. Tuhan telah menyediakan jalan yang banyak dan luas untuk semua manusia mencari rezeki yang halal pun mereka tak cukup juga. Mereka nak cari jalan yang jahat dan buruk juga. Mintalah pertunjuk dan hidayah kepada Allah yang maha kuasa. Sesungguhnya Allah tidak pernah menzalimi manusia, tetapi manusialah yang menganiaya dirinya sendiri. Oleh itu kita hendaklah berhati-hati supaya kita tidak tertipu membiarkan diri kita menjadi hamba kepada politik, ataupun diperalatkan oleh orang-orang politik yang gilakan kuasa.

Kata salah seorang kawan rapat yang datang ke rumah saya, "Walau macam manapun, Habeb mesti keluarkan satu buku. Kematian UMNO bukan perkara kecil. Ini satu masalah besar. Satu jenis malapetaka dan bala bencana pada negara. Orang Melayu memerlukan pertunjuk dari seorang penulis yang berani dan tajam mata penanya macam Habeb, untuk membentuk dan membendung fikiran orang politik yang mula meliar."

Apakah kawan saya ini tidak tahu bahawa fikiran orang-orang politik bukan sekarang sahaja baru mula meliar? Sudah lama dah meliar dan meliau. Itulah masalah besar yang

dihadapi oleh Dr Mahathir. Ramai orang tidak sedar. Mereka fikir cara mudah mereka hanya nampak Dr Mahathir yang lemah. Mereka tak nampak masalah politik hari ini tak serupa dengan masalah politik di zaman Tunku atau di zaman Tun Razak atau di zaman Hussein Onn dulu. Mereka tak tahu betapa besarnya masalah yang mesti dihadapi oleh Dr Mahathir.

Inilah dia silapnya orang kita. Mereka kata Dr Mahathir yang silap, sedangkan yang buat seluruh keadaan jadi kacau balau mereka sendirilah. Sudah sesat dan liar. Cubalah fikir, takkan Dr Mahathir seorang, bersama beberapa kerat orang yang bersimpati dengan dia, mampu nak betulkan seluruh sistem yang sudah jadi kacau balau dan liar liau itu. Ini yang saya cuba jelaskan dalam buku saya sebelum ini. Masalah kita sudah jadi kronik. Kita mesti faham apakah masalah yang sebenarnya. Kita mesti kaji dengan mendalam. Kita mesti balik kepada ajaran suci Islam, kerana Islam sahajalah yang boleh menjamin kesejahteraan umat di sepanjang zaman.

Melihat saya diam tak bercakap laju dan lancar macam selalu, kawan saya itu meneruskan bicaranya: "Sebelum merdeka dulu kita tak pernah dengar perkataan rumah haram, apa lagi mendengar orang Melayu dipaksa pindah dari tempat kediamannya yang dinamakan rumah haram oleh para pemimpin UMNO. Saudara-mara kita dari seberang boleh datang dan tinggal berapa lama yang mereka suka, di Persekutuan Tanah Melayu. Kita bila suka saja boleh ke seberang. Sekarang saudara-mara yang sama ditangkap dan dilokap atas tuduhan pendatang haram. Kemudian mereka pun disuruh pulang ke seberang."

Saya terus diam. "Saya sedang berfikir tentang siapakah pembunuh UMNO. Kalau tidak ada pembunuhnya UMNO tidak boleh mati." Kawan saya meneruskan lagi.

"Pada mulanya rumah tempat tinggal dan perkampungan Melayu diberi gelaran haram. Kemudian saudara mara suku sakat orang Melayu digelar pendatang haram. Akhir-akhir ini Parti Kebangsaan Melayu pula jadi parti haram. Ini semua

siapa punya kerja Beb? Cuba Beb ceritakan kepada saya. Siapa Beb?"

Bercelaru benar nampaknya fikirannya. Sambil mendengar percakapannya yang berapi-api itu, saya memanggil isteri saya membawakan minuman. Isteri saya yang memang faham dengan saya segera membawa minuman. Saya jemput kawan saya itu minum dahulu sebelum saya memulakan percakapan.

"Masalah ini masalah yang berat. Jadi kita janganlah gopoh-gapah. Kita mesti menghadapinya dengan tenang. Jangan cepat bakar jambatan. Kita lihat dulu gerak angin dan awan di langit. Apablla kita dapat membaca segala alamat itu barulah kita mulakan langkah. Bila begitu barulah tindakan kita itu bijaksana." Saya cuba menenangkan semangatnya yang sedang semarak berapi-api pada petang itu.

Kawan saya bangun dari tempat duduknya sambil memegang gelas minuman, dan selepas meneguknya ia menuju ke sangkar burung tiong kesayangan isteri saya, lalu mengagah-agah burung itu.

"Beb mesti ceritakan kepada saya, Beb," desak dia.

"Bhodoh!" Sampuk burung tiong kesayangan isteri saya. Terkejut kawan saya itu dibuatnya. Saya tersenyum diam-diam, buat-buat tak faham yang dia tersinggung dengan tiong yang pandai berkata-kata dan pandai membodohkan manusia.

"Dalam pengetahuan saya Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, bekas Perdana Menteri kita yang pertama tak buat kerja-kerja macam ini. Tunku dulu telah menghalalkan kerja-kerja yang diharamkan oleh al-Quran saja. Tunku halalkan arak, malahan Tunku marah pula orang yang mengharamkan arak diminum di khalayak ramai. Tunku halalkan judi lumba kuda. Minum dan menari-nari di dalam majlis semua Tunku halalkan." Dia menerangkan ikut sedap dia saja. Saya biarkan dia bercakap.

"Mengharamkan pertubuhan UMNO ini kerja mahkamah. Mahkamah yang jatuhkan hukuman mengatakan pertubuhan

UMNO tidak sah. Tapi kita tak boleh salahkan mahkamah.”

“Awak sudah habis bercakap?” Saya tanya. Dah malas saya nak dengar celoteh dia yang banyak celaru itu. Dia diam.

Saya pun sambung: “Kau fikir ini semua kerja siapa kalau bukan kerja orang-orang yang bebal?” Saya menjawab pertanyaannya dengan soalan. Dia memandang muka saya dan terbayang tanda-tanda soalan di mukanya. Saya fikir dia tentu tidak faham apa yang saya maksudkan.

“Hari ini banyak orang yang bebal dalam masyarakat kita, terutamanya orang-orang politik.”

“Apa maksud Beb?”

“Kau bukan tak pernah baca buku-buku saya. Bukan tak tahu sudah berapa banyak saya tulis tentang sikap dan perangai kebanyakan orang UMNO. Saya sudah lama nampak perkara macam ini akan terjadi. Saya dah tulis dalam buku saya.”

“Habebe penulis investigatif politik yang canggih, penganalisa politik dan peramal yang tajam. Masa keadaan seperti sekarang inilah Habebe mesti tulis satu buku. Jangan hampakan dan kecewakan peminat Habebe sendiri.”

“Setakat hendak tulis buku cari duit, cepat tulis cepat jual, memang mudah. Inilah masanya. Saya tahu. Tetapi nak menulis buku kenapa UMNO mesti tak sah, siapa pembunuh UMNO dan siapa yang mati, betulkah UMNO sebuah parti haram, ini semua bukan kerja senang. Ini memerlukan satu kajian yang mendalam serta terperinci dari segala segi. Ini kerja yang berhubung dengan masa depan bangsa, negara, agama dan juga manusia.”

Dia nampaknya bersetuju lalu cepat-cepat dia menyampuk.
“Betul Beb. Betul.”

“Bhodoh!” Burung tiong kesayangan isteri saya menyampuk lagi. Kawan saya itu tersinggung lagi. Kasihan dia.

“Cerita tentang UMNO sebuah parti haram, tentang ada orang team B yang terlibat dengan Geng 11 akan menubuhkan sebuah parti baru, ini semua bukan cerita baru. Cerita ini sebelum perhimpunan agung tahun lepas lagi ramai orang sudah tahu.”

“Ia ke Beb? Macam mana boleh tahu?”

“Macam-macam caralah nak tahu. Lagi pun bukan susah sangat nak tahu rahsia orang UMNO yang ramai cerdiknyanya tak boleh diikuti, bodohnya tak boleh diajar.”

“Jangan cakap macam itu Beb. Orang UMNO sekarang tengah marah.”

Saya tak peduli, saya teruskan cakap saya. “Orang UMNO berpolitik tanpa visi apatah lagi strategi untuk kepentingan bangsa dan agama. Politik mereka politik periuk nasi. Politik cari makan. Politik balak. Politik anak bini, rumah aircon, kereta besar, perabut Itali, saban tahun *heart attack* ke luar negeri. Nasionalisme tidak dihayati. Pegangan agama dan keimanan lemah sekali. Kesetiaan dan keikhlasan macam setia dan ikhlas pelacur. Hanya di mulut saja. Kata orang puteh, *lip service only*.”

“Siapa dia pembunuh UMNO ini Beb?” Dia bertanya lagi soalnya tadi.

“Awak tak tahu?”

“Kalau saya tahu tidaklah saya tanya dengan awak. Sayalah yang beritahu awak.”

“Yang awak nak tahu sangat ni apa awak nak buat? Awak nak pergi bunuh orang-orang itu?”

“Bhodoh!” Burung tiong kesayangan isteri saya menyampuk lagi.

“Eh, diamlah kau. Membising saja. Bodoh, bodoh! Apa benda yang kau cakap pun kau tak tahu.” Sungguh-sungguh

tersinggung nampaknya dia.

“Dia tu memang macam itu, suka menyampuk cakap orang. Macam orang-orang UMNO juga. Ramai yang tak faham apa yang mereka sendiri cakap. Mereka marahkan Dr Mahathir, marahkan Anwar, mereka kata Dr Mahathir bodoh, awak ingat mereka itu semua faham apa yang mereka cakap? Macam burung tiong itulah juga.”

“Awak perli saya, Beb!”

“Eh, awak tersinggung ke? Saya minta maaf. Saya tak ada niat langsung nak perli awak. Saya cuma ceritakan pasal burung tiong tu suka menyampuk cakap orang, suka mengata orang bodoh tapi dia sendiri tak faham apa dia cakap. Apa pasal pula saya perli awak? Awak terasa ke? Awak tak patut terasa. Tak ada apa-apa.”

“Eh, minumlah lagi. Tambah minuman tu.” Saya cuba memujuk hati dia yang tersinggung.

“Awak ni marah sangat dengan orang UMNO ni kenapa, Beb? Ada apa-apa ke?”

“Saya bukan marah dengan semua orang UMNO. Awak nak tahu pendapat saya. Awak nak tahu siapa pembunuh UMNO, 'kan?”

“Geng 11 dan orang-orang di belakang Geng 11?” Dia melepaskan serkap jarangnya.

“Kita dah terlanjur jauh sangat dah. Dah menyeleweng daripada landasan perjuangan asal para pengasas UMNO dulu. Jadi Tuhan nak tunjukkanlah kepada kita. Dah banyak sangat yang rosak dalam UMNO tu. Tuhan sengaja buat macam itu supaya orang-orang UMNO berfikir. Selama ini orang-orang UMNO bukan suka sangat berfikir pasal UMNO. Cakap mulut saja berjuang untuk UMNO, tapi sebenarnya berjuang untuk diri sendiri saja.”

Kawan saya kelihatan mengangguk-anggukkan kepalanya. Kemudian dia melihat ke arah burung tiong. Bimbang kalau-kalau kena kata bodoh sekali lagi. Nasib baik tak kena.

“Awak setuju tak dengan saya? Ini semua kehendak Allah Ta’ala.”

“Kehendak Allah Ta’ala tu memanglah kehendak Allah Ta’ala. Tapi Allah Ta’ala melakukan sesuatu mesti ada sebab-sebabnya.” Dia mengemukakan hujahnya.

“Mesti. Mesti ada sebab. Apa sebabnya? Nak tahu sebabnya orang-orang UMNO kenalah berfikir. Jangan hidup semata-mata ikutkan hawa nafsu yang tamakkan harta, tamakkan kuasa. Orang tua-tua dah kata, ikut rasa binasa, ikut hati mati. Inilah dia.”

“Saya sedih dengan cerita UMNO ni. Tak sangka, tiba-tiba boleh mati.”

“Benda yang dah sakit tenat macam tu macam mana nak hidup lagi? Dunia sudah suruh pergi kubur dah kata mari. Hidup pun tak sempurna, menyusahkan ada.”

“Jadi Habeb sukalah UMNO mati?”

“Suka tak suka pun apa lagi yang kita boleh buat? Awak pernah tengok wayang kulit Kedah?” Saya tanya dia.

“Tak pernah,” jawab dia. “Kenapa?”

“Dalam wayang kulit tu, bila satu watak tu dalam kesedihan, Tok Dalang dia akan kata: *Biarlah aku membawa diriku ini, pergi mengembara seorang diri, ke dalam hutan belantara, menghiburkan hatiku sendiri.* Dia sedih macam itu. Kita sedih nak buat apa? Benda dah mati. Tapi takkan dengan sebab UMNO mati kita mesti mati sama? Yang penting sekarang apa? Umat Melayu jangan panik, jangan putus asa, jangan mengalah. Perjuangan mesti diteruskan. UMNO yang baru mesti terus hidup.”

“Susah Beb, UMNO dan mati.”

“Bhodoh,” kata burung tiong kesayangan isteri saya. Kawan saya nampaknya tak peduli lagi dengan cakap burung tiong itu. Dia dah jadi biasa.

“Dengar,” kata saya. “Kita orang Islam. Mengikut hukum Islam, yang mati mesti dimandikan, dikapan, disembahyangkan dan dikebumikan. Kemudian kita baca talqin. Mahu?”

“Kamu ni Beb, UMNO mati pun kamu nak baca talkin juga.”

“Mesti, kerana yang menghidupkan UMNO dulu itu sebahagiannya adalah para alim ulama, yang diantara mereka mungkin ada Wali Allah. Lagipun talqin ini untuk siapa? Bukan untuk orang yang mati saja, tapi untuk orang yang masih hidup juga. Biar mereka insaf sikit.”

“Saya sedih Beb. Dulu kita bersatu kita dapatkan kemerdekaan. Sekarang kita bergaduh sama sendiri, kita perang sama sendiri, yang menang jadi abu yang kalah jadi arang, UMNO diharamkan.”

“Jangan cepat sangat menyesali kehendak Tuhan. Sebaliknya kita mesti bersyukur. Menyesal, meratap, menangis air mata darah pun tak berguna. Buang masa saja, kerana kalau berjumpa Nabi Isa AS yang boleh menghidupkan orang mati sekalipun dia tidak akan buat apa-apa.”

“Tengah serius ni Beb. Tolonglah jangan main-main.”

“Cerita nabi Isa AS awak kata saya main-main. Saya pun serius. Nabi Isa AS boleh hidupkan orang mati.”

“Tapi janganlah bawa cerita Nabi ke dalam politik UMNO.”

“Kenapa tidak? UMNO dulu kuat kerana roh Islam yang ada dalam jiwa ahli-ahlinya. Silatulrahim yang menyatu-

padukan mereka. Keikhlasan kepada Allah dan Rasul, kepada perjuangan bagi menegakkan satu bangsa untuk duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Pemimpin UMNO dulu ikhlas kepada rakyat. Pemimpin sekarang ikhlas kepada periok nasinya sahaja. Itulah jadinya, kerana nawaitunya nawaitu tak sah.”

“Betul ke kalau nabi Isa AS menjelma semula, Habeb fikir dia tak mahu hidupkan semula UMNO yang sudah mati?”

“Betul,” saya jawab. “Mati UMNO cuma mati secara teknikal saja. Bukankah Dr Mahathir pun dah cakap macam itu. Yang patut mati tu biarlah dia mati. Awak tahukah, dalam UMNO ada orang yang lebih Kristian daripada Kristian, lebih zionis daripada Yahudi. Awak tahu Nabi Isa AS sendiri pun hendak dibunuh oleh orang-orang Yahudi, lalu Tuhan angkat Isa AS naik ke langit. Saya bukan nak samakan Nabi Isa AS dengan UMNO, sebab memang tidak sama, tetapi saya teringat cara bagaimana orang-orang Yahudi mahu bunuh Isa AS akhirnya mereka sendiri yang terseksa dan dilaknat oleh Tuhan.”

Memang orang Kristian tidak ada dalam UMNO, tetapi siapakah dapat menafikan bahawa di dalam UMNO memang ada orang-orang yang dipengaruhi oleh orang-orang Kristian? Ini yang lebih bahaya, kerana ia adalah gunting dalam lipatan, api di dalam sekam, racun di dalam madu. Hidup mereka sehari-hari nampak macam orang Islam, tetapi hakikatnya tidak. Mereka ini amat pandai menggunakan simbol-simbol supaya menampakkan bahawa merekalah yang sebenarnya Islam.

Dalam UMNO ada ahli Fremason. Komunis dalam UMNO memang ada dari dulu lagi. Ini memang sudah menjadi satu rahsia umum yang semua orang tahu.

Orang Islam yang beriman tidak sanggup menjadi alat untuk musuh-musuh Islam yang hendak menghancurkan Islam. Mereka tahu bahawa azab di akhirat itu tidak dapat dibayangkan siksa dan pedihnya. Dunia ini hanya sekejap

sahaja, ia tempat singgah untuk perjalanan hidup yang panjang. Orang-orang yang beriman lebih rela lehernya dipenggal dari menyerahkan bangsa dan agamanya kepada musuh.

Tetapi kerana mereka yang hidupnya berdampingan dengan syaitan, dan secara tidak disedari telah dilatih oleh musuh mereka untuk menjadi pembunuh yang kejam dan zalim terhadap bangsanya sendiri, mereka akan membunuh siapa saja yang menghalang cita-cita mereka, waima UMNO sendiri. Bermacam-macamlah alasan dan hujah diberikan oleh mereka untuk menghalalkan tujuan mereka. Ini tidak pelek, kerana akal dan hati mereka memang telah dijajah oleh musuh mereka. Mereka tidak sedar merekalah Babra Kamal Malaysia. Mereka menjadi patung kepada suatu strategi politik internasional yang akan menghancurkan umat Melayu dan Islam. **Na'uuzubillahi minzalik.**

Inilah yang sedang terjadi di negara kita dan di dalam UMNO, tetapi tidak ramai yang menyedarinya, kecuali orang-orang yang beriman dan bertaqwa serta ikhlas berjuang untuk bangsanya. Tetapi mereka yang mungkar itu pun berkata mereka berjuang untuk menegakkan kebenaran dan keadilan juga.

Bagaimana mereka hendak menegakkan kebenaran kalau mereka hanya berkata pada bibir sahaja sedangkan perlakuan seharian mereka bertentangan dengan kata-kata itu semua. Mereka pergi kemana-mana kononnya untuk menyatu-padukan umat Melayu, sedangkan hakikatnya mereka memecah-belahkan umat Melayu dan Islam.

“Ya Allah Ya Rabbi, segeralah selamatkan bangsaku ini, dan perbetulkanlah hati mereka supaya kembali kepada jalan yang benar, jalan seperti yang telah Engkau tunjukkan kepada orang-orang yang terdahulu itu.”

“Betullah Habeb punya analisa.” Tiba-tiba kawan saya memecahkan suasana diam dan hening setelah kami melayan fikiran masing-masing. Sekarang tidak ramai lagi ahli UMNO

macam masa mula ditubuhkan dulu. Dulu tak ada lawyer, tak ada orang kaya-kaya, nak cari orang yang lepasan pengajian luar negeri pun boleh kira dengan jari. Yang berjuang semuanya petani, nelayan, guru, ulama yang miskin, yang tidak ada kepentingan. Kuasa-kuasa besar pun tidak beri perhatian kepada politik dalam negeri kita. Tak macam sekarang. Zaman dah berubah, tapi pemimpin-pemimpin UMNO berubah kepada yang tak baik. Baru ada satu dua pemimpin berjiwa Islam, mereka ramai-ramai pakat nak bunuh. Tulislah buku Beb.”

Dia meletakkan gelasnya lalu meminta diri. Sebelum itu sempat dia menjentikkan puntung rokoknya. Abu rokoknya terkena kepada sangkar burung tiong kesayangan isteri saya. Burung tiong itu melenting dan sergah dia. “Bhodoh!”

Lepas itu burung tiong itu mengucapkan selamat jalan: “Ta ta... Ta ta...”

Selepas kawan itu meninggalkan rumah saya, saya bermain-main dengan burung tiong kesayangan isteri saya. Tiba-tiba saya teringatkan Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim. Dr Mahathir adalah Perdana Menteri yang pertama berjuang untuk membetulkan umat Melayu selaras dengan zaman kebangkitan Islam, dan dia bawa bersama Anwar Ibrahim yang terkenal sebagai seorang fundamentalis Islam. Mungkin di sinilah mulanya nyawa UMNO diancam.

Kalau kita lihat sejarah kelahiran Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW, kelahiran kedua-duanya tidak sama. Kehidupan dan tempat kelahiran mereka berbeza. Berbeza umat dan zamannya. Kedua-duanya Nabi dan Rasul Allah, namun kitab mereka berbeza. Injil di zaman Isa tidak sama dengan Injil di hari ini. Tetapi al-Quran yang menjadi petunjuk kepada umat Muhamad SAW ke jalan yang benar dari mula ia diturunkan masih asli hingga ke hari ini.

Adakah sama rakyat di zaman Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri dengan rakyat zaman Dr. Mahathir Muhammad menjadi Perdana Menteri? Tak sama. Cara

mereka berfikir dan cara mereka berkerja juga tidak sama. Jadi memang tidak sama. Kalau kita umpamakan kitab, kitab Tunku kitab lama. Macam juga orde lama dan orde baru di Indonesia.

Ramai sudah yang meramalkan Anwar akan menggantikan Mahathir, walaupun Ghafar Baba duduk di kerusi nombor dua. Ghafar Baba tidak berbahaya. Sekiranya Anwar yang jadi Perdana Menteri, pasti UMNO akan kuat semula seperti zaman ia bermula dulu. UMNO kuat dulu kerana keislaman yang kuat dalam UMNO. Ini satu sejarah. Orang-orang yang tidak faham sejarah sahaja yang sanggup menafikannya.

Musuh-musuh Islam tahu UMNO tidak boleh dipecah dan dihancurkan dari luar. Mereka terpaksa mencari orang dalam untuk menghancurkan UMNO. Sewaktu ramai orang Melayu dalam UMNO menjadi sombong, angkuh dengan kedudukan dan pangkat, lupa daratan, sedikit demi sedikit UMNO pun hancur, kerana masing-masing berebutan hendak memilikinya, seolah-olah UMNO itu adalah gedung kekayaan yang boleh direbut-rebut untuk diri sendiri.

Begitulah UMNO rosak binasa kerana ia perlahan-lahan telah terkeluar daripada landasannya yang telah diletakkan oleh orang-orang yang arif dan tinggi hemahnya serta penuh hikmah kerana keimanan Islam menjadi teras dan roh serta semangat perjuangan pemimpinnya. UMNO hancur dibunuh oleh orang-orang yang tidak mempunyai roh Islam di dalam jiwanya.

Dalam media massa hampir setiap hari kita melihat kejahatan dan kekejaman Zionis Yahudi. Kerosakan UMNO ada kaitan secara langsung atau tidak dengan permainan Yahudi. Sudah ada orang UMNO yang amalannya lebih kurang orang-orang Yahudi.

Selain dari agen Zionis, tidak kurang juga agen-agen imperialis barat, yang menjadi dalang. Buktinya banyak, sama ada kita sedar atau tidak sahaja. Mereka ini memakai pelbagai topeng, tetapi hakikatnya mereka menyebarkan pemikiran

imperialis barat. Apabila pemikiran itu kita gunakan, maka senanglah imperialis barat menggunakan kita untuk kepentingan mereka dengan sesuka hati. Apakah bukti lagi yang hendak dicari? Dalam buku saya sebelum ini yang Datuk Musa ambil tindakan mahkamah itu telah saya bincangkan hal ini dengan panjang lebar.

Memang buktinya banyak. Setelah 31 tahun merdeka masih ramai lagi orang kita, orang-orang penting yang berpengaruh, berfikir dengan rangka pemikiran penjajah. Dalam kenyataan hidup seharian kita boleh selidiki kehidupan setengah-setengah para hakim dan lawyer serta para pembesar kita yang menjunjung cara hidup Inggeris yang bukan Islam. Apalagi kalau ada darah penjajah dalam diri anak-anak mereka kerana kebetulan mereka berkahwin dengan mem-mem yang Islamnya kerana hendak jadi Mrs atau Madam saja. Orang ini jelas hidup mereka tidak begitu senang dengan kebangkitan Islam.

Faktor perpecahan UMNO yang satu lagi ialah istana. Bukti-bukti semakin jelas bahawa Tengku Razaleigh secara langsung atau tidak telah dan sedang menggunakan istana, secara yang tidak disedari oleh istana sebagai bentengnya. Ini semua menimbulkan kebencian yang luar biasa dari rakyat kepada ketamakan golongan istana, yang tidak cukup dengan kekayaan dan kemuliaan yang diberikan oleh rakyat dalam pelbagai bentuk. Sekarang mereka sanggup pula campurtangan untuk mendapatkan kuasa politik, sedang selama ini rakyat diabaikan oleh istana.

Istana yang memegang kuasa yang penuh atas adat istiadat Melayu dan agama Islam tidak melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan sempurna. Kekuasaan mereka yang demikian besar sekiranya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, sudah cukup untuk membuat mereka dihormati oleh rakyat. Kacau balau dan perpecahan yang berlaku ini pun tentu tidak akan berlaku. UMNO yang dirasmikan di Istana Besar Johor itu pun tentu akan selamat menjadi benteng pembela umat Melayu dan Islam. Tapi apa nak dikata. Lain perkara yang diamanahkan lain perkara yang nak direbut.



Perkerjaan PEKEMBAR (UMNO) yang lebih besar lagi, ialah berikhtiar mengubah tabiat dan penghidupan orang-orang Melayu. Perubahan itu tidak dapat disempurnakan dalam setahun, bahkan berpuluh-puluh tahun. Masing-masing bermuafakat dan berikhtiar, mustahaknya bukan sahaja dengan sokongan cakapan, melainkan daripada hatinya sendiri.

- DATO' ONN JAAFAR

2 September 1947




Pengorbanan Musa pasti terbelas. Hapuskan petualang dan dalang UMNO. Siapa dia petualang dan siapa dia dalang dalam UMNO? Gambar kenangan di Subang Airport, inilah pengikut-pengikut yang taat setia pada Datuk Musa. Sejarah Datuk Onn dan Datuk Musa hampir sama. UMNO tidak ada tempat bagi mereka yang suka merajuk dan tidak setia.



Seniman mana, masyarakat mana yang merayu? Amboi no! Mereka ingat seniman dan masyarakat kita pun dah jadi hak mereka. Mentang-mentanglah nak pujuk Musa.



Orang Melayu berarak menuju ke rumah Datuk Onn di Johor Bahru kerana memujuk dia supaya mengambil semula jawatan Yang Dipertua UMNO yang telah diletaknya. Ini gambar bersejarah. Datuk Musa mengulangi sejarah Datuk Onn, jadi nasib Datuk Onn akan berulang ke atas diri Datuk Musa.



"Hidung saya gatal." Begitulah agaknya kata Tok Musa. Hidung gatal perkara biasa. Yang berbahaya ialah setiap kali kita bercakap dengan orang kita pegang hidung. Mengikut ramalan *body language*, memegang hidung bila bercakap dengan orang menunjukkan sikap cuba menyembunyikan sesuatu.



"Hidung saya pun gatal juga." Begitulah agaknya kata Ku Li.
"Cuba tengok jari Musa, dia sudah tarik trigger tembak saya.
Saya belum tembak dia. Peluru saya masih belum saya gunakan
untuk Musa. Kalau dia berani marilah kita bermain *Russian
Roulette.*"

PEMBUNUH YANG MATI

Baru saja saya habis menulis bab 'Siapa Pembunuh UMNO', Suhaimi setiausaha saya beritahu ada kawan lama nak bercakap di telefon. Saya pun jawab.

"Assalamu'alaikum," saya beri salam. Orang itu menjawab salam saya. Dia kenalkan dirinya. Tak usahlah saya sebut namanya. Dia ni orang besar dan berpengaruh.

"Dengar khabar tulis buku baru?"

"Betul, saya sedang tulis."

"Apa tajuknya?"

"Siapa Pembunuh UMNO," kata saya. Sebenarnya waktu itu tajuk yang tetap belum ada. Tajuk "Talqin Untuk UMNO" belum lagi saya fikir untuk jadi tajuk buku ini.

"Sedap tajuknya Beb."

"Tak sedap siapa nak beli? Orang sekarang ini pemilih. Semua nak yang sedap-sedap belaka. Makan nak sedap, duduk nak sedap, tidur nak sedap, baca pun nak sedap. Dia kira nak

sedap dia saja. Yang tak sedap nak bagi sapa?" Entah kenapa tiba-tiba saya membebel.

"Buku you tajuk apa pun orang belilah."

"Kalau macam itu Alhamdulillah."

"Siapa Pembunuh UMNO? Musa Hitam ke?"

Orang ini orang Johor. Dia memang tak suka dengan Datuk Musa, kerana karier politiknya telah dibunuh oleh Datuk Musa. Kalau tak kerana Datuk Musa, sampai sekarang dia masih jadi menteri. Sebab itu dia suka kalau saya kata Musa sebagai pembunuh UMNO.

Tapi saya tak boleh tulis buku ikut dia punya suka. Kalau saya tulis buku ikut kesukaan orang-orang desperado, buku saya dari awal hingga akhir penuh dengan dosa-dosa kering sajalah.

"Nak tahu jawabnya kenalah baca buku, kerana ini *suspense thriller*."

"Sikit-sikit tak boleh cerita ke?"

"Saya belum ada bukti nyata yang Musa Hitam pembunuh UMNO, tapi saya ada bukti Musa Hitam telah bunuh karier politik ramai pemimpin-pemimpin UMNO, terutama pemimpin UMNO Johor. You sendiri pun siapa yang bunuh."

"Betul ke you nak tulis ini semua Beb?"

"Betul."

"You tulis Beb. Ramai pemimpin team B mati kerana Musa. Siapa yang bunuh Tengku Razaleigh Hamzah? Hero Kelantan itu mati bukankah Musa pembunuhnya?"

Saya teringat kepada buku saya yang diambil tindakan mahkamah oleh Datuk Musa. Perkara yang disebut dalam

telefon oleh bekas menteri kawan saya ini saya sudah tulis dalam buku itu.

“Apa you ingat Musa kuat sangat ke, dia boleh bunuh UMNO? Mana yang lebih kuat, Musa atau UMNO?” Saya tanya dia.

“Mestilah UMNO lebih kuat daripada Musa, sebab itu saya tanya you siapa pembunuh UMNO.”

“Jangankan nak bunuh UMNO, nak bunuh karier politik Dr Mahathir pun Musa tak mampu. Ah, kalau dia kuat takkanlah dia nak berselindung di belakang Tengku Razaleigh.”

Cakap pasal pembunuh, antara isi kandungan *injunction* mahkamah ke atas buku “*Challenger*” *Siapa Lawan Siapa* ialah tuduhan pembunuh. Saya kata Datuk Musa Hitam bertanggungjawab ke atas pembunuhan orang-orang Islam di Memali. Datuk Musa tidak mengaku. Dia bawa kes ke mahkamah dan dapat *injunction* haramkan buku saya daripada dijual.

Tapi selagi Datuk Musa belum buktikan yang dia tidak berdosa dalam tragedi itu, seluruh anggota keluarga Ibrahim Libya dan juga keluarga mereka yang nyawanya terkorban dalam peristiwa itu tetap akan kata Musa Hitam seorang pembunuh.

Musa boleh guna mahkamah untuk menahan penjualan buku saya. Tetapi Musa tak akan berjaya menahan sesiapa saja dari mempercayai kebenaran tulisan saya.

“DIALAH YANG MENGUTUS DALAM KAUM YANG BUTA HURUF SEORANG RASUL DARI ANTARA MEREKA UNTUK MEMBACAKAN KEPADA MEREKA KETERANGAN-KETERANGAN TUHAN, MEMBERSIHKAN MEREKA DAN MENGAJAR KEPADA MEREKA KITAB DAN HIKMAT (PENGETAHUAN) BIARPUN MEREKA DAHULUNYA DALAM KESESATAN YANG TERANG.”

(SURAH JUMMAH — AYAT 2)

Sebut pasal buku itu, dalam buku itu saya buat ibarat pencabar-pencabar Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung 24 April 1987 macam anak-anak kapal 'Challenger' yang meletup di angkasa dan mengorbankan anak-anak kapal itu. 'Challenger' Malaysia itu pilotnya Tengku Razaleigh Hamzah, co-pilot Datuk Musa Hitam. Yang ikut sama dalam kapal itu ialah Ajib Ahmad, Shahrir Samad, Dollah Badawi, Radzi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, Kadir Sheikh Fadhil, Othman Saat dan Marina Yusof.

Itu yang saya sudah sebut dalam buku itu. Yang saya tak sebut pun ada lagi. Tambahlah sendiri. Boleh tambah. Dalam buku itu juga saya telah banyak memperkatakan masalah dan faktor-faktor yang boleh membunuh UMNO.

Pembunuh UMNO ini bukan seorang, tapi ramai dan banyak. Geng 11 itu cuma satu faktor yang kecil sahaja yang menjadi alat. Ibarat orang yang menarik trigger pistol dan melepaskan tembakan, sedangkan pistol dan peluru semuanya orang dah siapkan. Tapi kalau tak ada orang tarik trigger, UMNO tentu tak sampai ke mahkamah.

Sekarang mahkamah telahpun mengisytiharkan UMNO sudah jadi sebuah pertubuhan tidak sah. Kalau mahkamah tak buat keputusan dan menjatuhkan hukuman begitu, UMNO masih sah. Tapi mahkamah mesti buat keputusan, sebab Geng 11 sudah bawa kes UMNO ke mahkamah. Pasal apa Geng 11 bawa kes UMNO ke mahkamah? Sebab mereka tak puas hati dengan keputusan pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden pada 24 April 1987.

Siapakah Geng 11 itu? Mereka ahli UMNO juga. Mereka alat Team B. Siapa dalangnya? Siapa *master-mindnya*? Orang dalam Team B bukannya semua pandai-pandai. Kalau kita mahu bincang dan analisa pokok persoalan itu, berjela-jelalah tulisan ini, berpusing-pusing macam gasinglah, pi mai pi mai duk tang tu jugalah. Macam Arab berperang sama Arab, cakap apa pun bertahun-tahun berperang jugalah dia, Israel yang menang.

Kita di sini Melayu berperang sama Melayu kerana prinsip demokrasi mahu rebut kerusi sampai dapat, apa cara pun tak kira. Orang lain dapat kerusi tak demokrasi. Kita dapat baru demokrasi. Orang lain menang undi kita kata kita menang moral. Dari mana belajar macam itu pun tak tahu. Ini yang susah. Demokrasi cuma untuk menang sendiri saja. Buat negeri sendiri buat rakyat sendirilah. Macam mana nak buat rakyat sendiri nikah pun tidak. Hidup membujang sepanjang.

Janganlah panik kerana kematian UMNO dan kalau panik pun janganlah hasut orang ramai supaya panik sedangkan setiap yang hidup mesti mati. Buah kelapa sudah kering mesti gugurlah. UMNO ini memang saja umurnya nak panjang, masa zaman Tunku jadi Presiden lagi UMNO sudah nazak lepas itu hidup balik semula sebab itu jangan panik, kecualilah bagi mereka yang memang sudah sah kalahnya.

Kita jangan jadi ayam. Jatuh buah kelapa sebiji ingat matahari sudah jatuh. Panggil semua binatang satu hutan belantara keluar, cerita kata matahari sudah jatuh. Binatang yang bodoh-bodoh pun percayalah. Berkumpullah mereka. Yang berkeriau berkeriau, yang bertempek bertempek, yang mengongoi mengongoi. Bila datang sang harimau raja di hutan melihat benda yang jatuh itu maka ketawalah dia. Ha ha ha... apalah bodohnya kau ini ayam, kata dia. Ini buah kelapa. Bukan matahari. Tapi dia tu ayam. Eloklah dia bodoh pun. Janganlah kita manusia pun nak jadi ayam.

Saya sudah cakap dulu dalam buku saya: **“Kalau kita bertanding kerana negara kita negara demokrasi dan bukan kerana perjuangan yang suci dan mulia seperti yang diajarkan oleh Nabi Besar kita Muhammad SAW, saya ingin mengatakan bahawa kita sedang menggali kubur kita sendiri.”**

Mereka itu telah menggali kubur mereka sendiri, sekarang kenapa mereka nak lari terjerit-jerit minta tolong sampai ke

mahkamah? Mahkamah takkan boleh tolong. Mahkamah hanya boleh sahkan bahawa itu memang kubur. Masuklah kubur. Saya boleh tolong bacakan talqin. Kalau tak masuk kubur, macam mana saya nak baca talqin? Masuklah.

Orang yang sudah tersilap langkah menggali kubur kerana niat busuk nak tanamkan orang lain yang tidak berhak masuk kubur lagi supaya mereka itu senang bermaharajalela saja, mereka jangan ingat dunia ini tak ada penjaga yang lebih berkuasa. Kalau Allah biarkan saja dunia ini menjadi rebutan manusia-manusia yang gilakan kuasa dan dikuasai hawa nafsu semata, sudah lama dunia ini hancur binasa.

Tuhan tidak akan membiarkan dunia ini hancur lebur sebelum tiba waktunya. Sebaliknya Tuhan akan membiarkan orang-orang yang sesat dan jahat itu menjadi tak ketahuan hala, biar padan muka mereka, macam kejadian iblis dulu. Iblis nak engkar perintah Allah, akhirnya Allah lepaskan mereka bebas menjadi setan laknat yang tak ada kerja lain selain daripada mengacau manusia supaya ikut mereka masuk neraka.

Itulah demokrasi cara iblis. Asalkan dia menang, masuk neraka pun tak apa. Nampaknya di kalangan UMNO pun dah ada tanda-tanda orang yang sudah dirasuk oleh iblis supaya jadi macam itu. Maka eloklah kita berwaspada daripada perangkap mereka. Bacalah *A'uzubillahi minasy-syaitanir rajiim*. **Ya Allah! Lindungilah aku daripada syaitan-syaitan yang kena rejam.**

Berwaspadalah dengan hantu-hantu kubur yang berkeliaran di kalangan kita. Kubur sudah panggil mereka tapi mereka nak rebut kerusi dunia lagi. Masya Allah!

Mari kita duduk berfikir dengan tenang, minta pertunjuk dari Allah Ta'ala, kerana Dialah yang berhak dan berkuasa ke atas seluruh alam maya ini. Kita lihat bahawa UMNO sudah lama cuba dibunuh dengan berbagai-bagai cara, berbagai-bagai taktik, oleh berbagai-bagai pihak. Apa yang telah terjadi kepada UMNO? Dia diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah.

Lagi? Apa lagi yang terjadi pada UMNO? Orang cuba bunuh dia dengan tikaman yang bertubi-tubi, dengan letupan bom fitnah di sana sini, dengan demokrasi ala iblis dan ada yang sudah siap menggali kubur. Untuk siapa kubur itu digali?

Tapi satu soalan yang amat-amat penting sekali untuk menjadi renungan mendalam kita semua ialah: Apakah sebenarnya UMNO telah mati?

Kita dengar orang cakap mati, mati, mati ini sudah macam-macam cakap mati ada. Demokrasi pun orang kata sudah mati, sudah mati, tapi demokrasi ada juga lagi, tak mati. Sekarang sana sini orang macam kena histeria menjerit melolong kata UMNO sudah mati. Siapa yang kata mati?

UMNO lama betul sudah mati. Bila roh sudah tinggalkan jasad, jasad mesti dikuburkan. Kalau setan masuk dalam tubuh yang mati jadi penengalan.

UMNO selepas 24 April 1987 sudah semakin rosak dan semakin teruk. Sudah merbahaya dan membahayakan umat Melayu. Ada pemimpin-pemimpin di kalangan UMNO sendiri yang mengamok nak bunuh UMNO dan nak bunuh umat Melayu. Waktu itu UMNO pun sudah berpecah. Perpecahan Team A dan Team B jelas dengan amat ketara. Siapa pun tak boleh sangkal lagi hakikat itu. Umat Melayu dan umat Islam di negara ini dalam bahaya yang amat besar.

Tanpa pertolongan dari Allah SWT yang maha pengasih dan penyayang terhadap hamba-hambanya yang bertaqwa dan yang telah diangkat darjatnya, yang sentiasa berdoa kepada Allah agar Allah menyelamatkan umat Islam daripada ancaman musuh-musuh Allah, nescaya kita tidak akan terlepas daripada bahaya malapetaka besar itu.

Hanya orang-orang yang beriman sahaja yang percaya dan dapat melihat pertolongan Allah. Maka dengan Taqdir Allah terjadilah apa yang telah terjadi itu. Buang yang keruh ambillah yang jernih. UMNO mesti diberi nafas dan roh yang

baru. Kenapa biarkan yang dah mati tak berkubur? Sekarang sudah jadi rebutan, sebab itu saya baca talkin.

Ramai orang bertanya saya siapakah pembunuh UMNO. Musa Hitamkah? Tengku Razaleighkah? Mahkamahkah? Geng 11 kah? Anak-anak kapal Challengerkah? Demokrasi ala ibliskah?

UMNO itu parti umat Melayu yang beragama Islam. Dia bukanlah harta karun untuk direbut oleh orang-orang yang pintar menipu dan membunuh. Dia ditubuhkan oleh semangat dan roh umat Melayu yang ikhlas berjuang kerana mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam. Perjuangan asalnya mendapat restu dan diiringi do'a oleh para ulama dan para wali Allah di bumi Melayu ini.

Oleh kerana itu kalau ada orang-orang yang berniat jahat hendak merosakkannya atau membunuhnya, yang akan rosak dan yang akan mati bukanlah UMNO, tetapi orang-orang yang berniat jahat itulah. Ini telahpun menjadi kenyataan di hadapan mata kita.

Mereka boleh kata apa mereka suka. Mereka boleh kata mereka sayangkan UMNOlah, mereka sanggup berkorban untuk UMNOlah, mereka sanggup berkorban untuk orang Melayulah, apa pun mereka boleh kata, sebab mereka ada mulut. Tetapi siapa yang rosakkan UMNO? Siapa yang bawa UMNO ke mahkamah? Apabila UMNO diisytiharkan tak sah apa pasal Tunku tak sabar-sabar lagi terus tubuhkan parti UMNO Malaysia? Tidakkah itu semua menunjukkan tamaknya hati mereka nak rebut UMNO untuk mereka sahaja?

Boleh masukkah dalam akal kita mereka kata mereka buat macam itu memandangkan pucuk pimpinan pada masa itu tidak berbuat apa-apa untuk memulehkan semula UMNO? Nak pulehkan UMNO takkan boleh buat tergocoh-gacah macam itu. Bukan nak buat roti canai atau nak buat murtabak Pak Din. Langit pun bukan nak runtuh. Negara bukan diserang garuda. Nak lari ke mana? Dan siapa yang kejar? Berapa hari saja selang tarikh keputusan mahkamah? 4

haribulan dengan 8 haribulan. Empat hari saja. Itu menunjukkan mereka itu sudah lama bersedia nak bunuh UMNO dan sudah lama bersiap nak tubuh parti baru yang mereka panggil UMNO Malaysia. Tunku Abdul Rahman dan Hussein Onn dijadikan alat.

Kenapa orang tua dua orang itu dijadikan alat? Tak percaya kepada diri sendirihah? Kalau tak percaya kepada diri sendiri macam mana nak jadi pemimpin? Itulah, dulu konfiden melebihi-lebih sangat. Bukan orang tak tahu apa jadi kepada Ku Li, Marina dan kuncu-kuncu mereka pada malam 24 April itu. Yang menangis ada, yang jadi bisu tak boleh cakap ada, yang diserang histeria pun ada. Itu semua orang tahu. Pemimpin yang berjuang kerana rakyat tak macam itu jadinya. Yang jadi macam itu ialah pemimpin yang berjuang untuk diri sendiri saja.

Orang pun tahu sekarang Ku Li sudah belajar daripada Musa. Peralatkan orang lain. Itulah tektik dan strategi Musa. Dia ingat dia boleh selamat. Dia ingat dia boleh bunuh semua orang lain. Musa peralatkan Ku Li. Ku Li nak peralatkan siapa? Dia nampak Tunku dan Hussein Onn boleh diperalatkan, dia pun tolak Tunku dan Hussein Onn ke depan, dia di belakang. Dia ingat orang tak tahu. Dia nak main ketup puyuh dengan siapa? Kita boleh nampak dia. Jangan sembunyilah.

Hussein Onn pun mula-mula cuba menafikan yang dia terlibat. Dia cakap dia tak tahu apa-apa tentang penubuhan UMNO Malaysia. Tapi dua tiga hari lepas itu dia buat kenyataan pula yang dia terlibat. Ini semua apa punya permainan ini? Bukan kali pertama. Orang masih ingat lagi sebelum itu pun Hussein Onn ada buat satu dua penafian tentang mesyuarat kabinet yang dia jadi pengerusi dia kata dia tak tahu. Bila orang tunjukkan bukti baru dia kelam kabut meminta maaf. Ini punya mainan kita sudah tahu. Kita boleh baca punya.

Ini Tengku Razaleigh dan Musa Hitam kalau betul-betul berjuang berani kerana benar, berani kerana memperjuangkan bangsa, agama dan negara, bukan kerana kepentingan diri sendiri, buatlah cara *gentleman*, cara seorang hero. Percaya kepada diri sendiri. Jangan bergantung kepada orang lain.

Dulu Musa yang nak lawan Dr Mahathir, kenapa Ku Li yang bertanding? Sekarang Ku Li pula yang lawan Dr Mahathir, kenapa tolak Tunku dan Hussein Onn ke depan? Dollah Badawi dulu jadi orang nombor satu menyokong regu Ku Li — Musa. Sekarang kenapa Dollah Badawi balik kepada Dr Mahathir pula?

Itu semualah cara-cara dan gaya orang yang tak ada pendirian. Bakat sebagai seorang pemimpin bukan tak ada. Allah SWT telah kurniakan bakat kepada mereka masing-masing. Pengaruh pun ada. Tapi macam orang yang ada pistol tapi tak tahu guna, dia tembak sana sini tak kena akhirnya tertembak diri sendiri. Maka jadilah pembunuh-pembunuh yang mati dimakan peluru sendiri.

Tunku dan Hussein Onn pun karut juga. Awak dah tua-tua buatlah cara orang tua-tua yang beriman. Jadilah orang tua yang berguna kepada anak cucu. Apa lagi nak duduk menyibuk dalam politik. Zaman awak sudah berlalu. Tak usahlah nak tunjuk pandai lagi. Kalau betul Tunku dan Hussein Onn masih layak berpolitik, tentulah sampai sekarang masih jadi Perdana Menteri. Hakikat itu janganlah nak buat-buat lupa. Patutnya orang tua-tua jadi penasihat kepada budak-budak yang hendak berkelahi supaya jangan berkelahi. Ini awak pula yang ke-depan jadi alat orang. Macam mana anak cucu nak hormat?

Kisah Tunku marahkan kepada Dr. Mahathir ini panjang sejarahnya. Sama panjangnya dengan sejarah dia sayangkan kepada Ku Li. Sebab itu apabila Ku Li menentang Dr Mahathir, Tunku kenalah tunjukkan kepada Ku Li yang dia masih sayangkan Ku Li. Macam mana lagi nak tunjuk sayang kalau bukan macam yang dia buat hari ini? Kata orang Kelantan Tunkulah duk alak Ku Li. Ku Li sendiri seronoklah dia bila ada orang duk alak dia.

Hussein Onn dulu terkenal sebagai seorang pemimpin yang tegas. Apa pun akibatnya Datuk Harun yang dianggapnya bersalah itu diperangnya habis-habisan. Banyak masa dia jadi Perdana Menteri dihabiskannya untuk melawan Datuk Harun.

Sekarang dia dan Datuk Harun dalam satu upeh menyokong Ku Li. Di mana hilangnya ketegasan dulu? Sudah diserang penyakit mengarut jugakah? Hari ini cakap lain esok lain pula cakupnya. Orang macam ini senanglah dipergunakan oleh Ku Li. Tapi dengan menggunakan orang-orang semi mengarut macam ini, apa yang Ku Li dapat?

Dollah Badawi sudah lari. Datuk Musa sudah lari. Datuk Rais Yatim pun kalau jambatannya tak dibakar sudah lari juga dia. Tapi apakan daya, jambatan sudah dibakar. Bukan orang lain yang bakar, sendiri punya tangan juga yang bakar. Sekarang nak menyesal pun tak guna lagi. Apa jadi pun mesti diteruskan juga. Macam cerita orang Kelantan yang termakan ubi gadong, dimakannya terus sampai habis. Alang-alang nak mabuk sangat biar mabuk betul-betul. Padan muka. Kalau nak tahu ceritanya boleh saya ceritakan. Bukan susah. Semuga boleh jadi pengajaran kepada orang lain.

Orang ini dia sangat bengis orangnya. Kata orang Kelantan, pongah. Kebetulan di tepi rumahnya ada banyak ubi gadong. Suatu masa pada musim banjir, dia pun atas permintaan isterinya pergilah menggali ubi gadong itu. Memang ubi gadong orang Kelantan selalu makan pada musim banjir. Selepas menggali maka dia pun hiris nipis-nipis dan kemudian direndamkan di dalam air yang mengalir, supaya bila dimakan nanti tidak mabuk.

Apabila cukup harinya maka orang itu pun pergilah mengambil ubi gadong yang direndamnya tadi. Dia bawa balik dan minta isterinya kukus. Maka isterinya pun kukuslah macam mengukus pulut padi di Kelantan. Apabila siap kukus dia pun mulalah makan. Entah macam mana, barangkali kerana air di dalam tali air kurang kuat mengalirnya, selepas dua tiga mulut makan, sudah rasa lain macam. Dia memberitahu isterinya. Kata isterinya, tak payah makanlah. Baiklah pergi rendam semula. Dia tak dengar cakap isterinya. Dia suami. Mana boleh dia dengar cakap isteri.

Dia pun minta dengan isterinya lagi.

“Mano lagi?”

“Mano lagi ggapa?” kata isterinya.

“Mano lagi ggapa. Ubi gadunglah.”

“Nak buat ggapa?” tanya isterinya.

“Nak buat ggapa? Ore tak buat kereta dengan ubi gadung.” Dia angkat suaranya.

“Tak boleh make, mabok. Kena gi ghendan lagi.” Pujuk isterinya.

“Buat maghi ssini. Aku nak ghedam!”

“Mabok!” isterinya memujuk.

“Buke mu mabok, aku mabok.” Marah benar dia.

Mahu tak mahu isterinya pun pergilah ambil lagi dan bawa ke depan suaminya. Suami pun makanlah.

“Ha! nak mabok sangat, maboklah. Ha! maboklah!” Kata suami itu kepada dirinya sendiri.

Lepas itu memang dia pun mabuk. Tiga hari tiga malam tak bangun-bangun dari tikarnya. Lembik macam orang mati.

Dalam kapal “*Challenger*” yang meletup pada 24 April 1987 yang lalu, di dalamnya ada seorang wanita yang nak jadi Wanita Besi Malaysia. Namanya Marina Yusoff. Sungguhpun Marina tidak buat pengumuman dia bakar jambatan macam Rais Yatim, tapi sebenarnya dia pun dah bakar jambatan juga. Sebab itu kisah dia pun kalau kita perhatikan betul-betul macam kisah orang Kelantan yang makan ubi gadung itu juga. Marina orang Kelantan. Dia tentu tahu cerita ubi gadung itu.

Marina ini dia dah silap langkah. Orang kalau silap langkah dan berjalan pada jalan yang silap cepat-cepatlah balik ke

pangkal jalan. Kata orang tua-tua, sesat di tengah jalan balik ke pangkal jalan. Marina ini nampaknya lain cara dia. Dia sesat di tengah jalan dia tak peduli, kerana dia nak jadi orang berani, dia kata: Biar nak sesat sangat, biarnya sesat gi. Jadi makin sesat baratlah jadinya.

Kepada Marina ini kita pun sebenarnya sayang. Sayang! Tetapi apa boleh buat, dia yang cari pasal. Kita memang kekurangan wanita yang boleh dijadikan tokoh perjuangan. Tetapi kalau dengan cara yang macam Marina buat itu, banyaklah susah orang lain. Tak boleh nak ikut dia! Kalau suami dia sendiri pun dia tak terjaga, macam mana dia nak jaga orang-orang lain. Macam mana dia nak jaga rakyat yang ramai.

Semasa menaiki kapal "*Challenger*" itu Marina ada buat kenyataan di surat khabar Cina yang dia sanggup lagi bercinta, tetapi nampaknya sampai hari ini masih juga membujang macam Ku Li. Saya nak cadangkan sedikit kepada Marina ini. Dia pun rupa ada, tinggi pun cukup. Karier dia dalam politik nampaknya sudah mati dibunuh oleh cara sendiri. Jadi saya cadangkan supaya dia jadi bintang filem sahajalah. Atau bintang TV. Jadi macam Joan Collin yang berlakon Alexis. Kalau kena caralah bolehlah jadi macam Alexis. Dalam filem saja, apa salahnya.

Datuk Shahrir Samad sorang lagi yang naik kapal "*Challenger*" pada 24 April 1987. Dia pun dah tak nampak masa depan dia ada dalam politik, jadi sekarang dia sibuk dengan kedai dobi. Apa lagi nak buat. Kedai dobi ni kerjanya membasuh kain-kain kotor kemudian meminta upah dengan kerana membasuh itu. Memanglah kerja itu bagus, tetapi bagus macam mana pun orang panggil membasuh kain juga.

Dalam pada itu pun dia masih lagi sibuk cabar sana cabar sini, supaya dia rasa dia masih lagi ada dalam gelanggang politik. Nak sedapkan hati sendiri saja, bukan apa benda. Dia tak macam gergasi tua dari Johor yang bernama Othman Saat tu. Othman Saat tak menyibuk macam Shahrir, tapi menyibuk macam lain. Dialah orang Johor yang sokong penuh Ku Li

hendak menjahanamkan perpaduan umat Melayu. Lepas itu dia kata nak bersatu. Bersatu apa bendanya? Bersatu untuk nak pecahkan umat Melayulah, selepas membunuh UMNO.

Jadi sekarang para pembaca dan peminat buku-buku saya, sama ada yang setia ataupun tidak, bolehlah berfikir sendiri dengan bebas, siapakah yang telah membunuh UMNO dan siapakah yang sebenarnya telah mati?



"Kenapa you ni Ku Li?" Tanya Dr Mahathir.
"Sakit gigilah Doktor."
"Saya bukan Doktor gigi, tapi yang saya tahu kalau selalu sangat sakit gigi pergilah tampil." nasihat Dr. Mahathir.
"Kalau tampil, ulat gigi nak makan apa?" Tanya Ku Li.
"Kalau sayang ulat gigi tahan sajalah sakitnya."
"Aya tak boleh tahan Doktor."
"Tak boleh tahan, cabut!"
"Ini you perli!" kata Ku Li. Kedua-duanya pun ketawa.



“Eh.. Eh.. kenapa muka you macam muka saya. Saya mimpi ke?” Ku Li bertanya. “Ku tidak bermimpi Ku, itu bayang-bayang Ku dalam cermin. Kenapa Ku takut dengan bayang-bayang sendiri ke?”



"Musa, ini semua you punya pasal. Sudahlah I kalah lawan Dr Mahathir. Sekarang I sudah terkeluar dari UMNO."

3/6/88

SEGAMAT 2 Jun — Bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam hari ini mengumumkan beliau tidak akan menyertai UMNO (baru).

"Inilah sahaja pilihan yang terbuka kepada saya dalam krisis perpaduan Melayu buat ketika ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Ketika menghuraikan sebab - sebab yang mendorong beliau mengambil keputusan itu, Datuk Musa berkata beliau telah membuat rayuan demi rayuan untuk perpaduan bangsa Melayu tetapi malangnya semangat musyawarah tidak langsung diterima oleh mana - mana pihak.

Kalau dikatakan diterimapun, ia terikat dengan berbagai syarat dan ini menyebabkan umat Melayu semakin serius berpecah, kata beliau.

Datuk Musa yang sebelum ini dilantik sebagai Pengerusi Penaja UMNO (baru) bahagian Segamat, berkata berasaskan pelbagai fakta, beliau dengan rela hati melepaskan jawatan itu.

"Dengan rasa rendah hati yang amat sangat, saya memutuskan tidak menyertai UMNO (baru)."

Datuk Musa berkata beliau sedar pendiriannya ini akan membangkitkan berbagai tafsiran, termasuk sebagai satu tanda tamatnya karier politik beliau sendiri.

Dalam hal ini, tambahnya, "saya lebih rela ia berlaku dengan cara yang saya sendiri yakin merupakan cara yang terhormat."

Beliau bagaimanapun berkata bahawa sebagai bekas pemimpin UMNO asal dan bekas Timbalan Perdana Menteri, beliau akan terus menawarkan sumbangannya ke arah memulihkan perpaduan Melayu di negara ini, tanpa menyebelahi mana - mana pihak.

Di samping itu, beliau berkata beliau juga akan terus menyuarakan pendapat dan pandangannya terhadap apa juga isu nasional memandangkan negara akan terus menghadapi pelbagai cabaran di masa - masa akan datang. — Bernama.

Kedudukannya diserahkan pada pengundi Kota Tinggi

SEGAMAT 2 Jun — Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam hari ini berkata beliau akan menyerahkan kepada pengundi Kota Tinggi untuk menentukan kedudukannya sebagai anggota Parlimen kawasan itu.

"Saya akan mengadakan perjumpaan dengan para pengundi tersebut dalam dua tiga hari ini bagi menentukan perkara itu," katanya.

Beliau memberitahu para pemberita selepas mengumumkan pendiriannya tidak menyertai UMNO (baru) selepas menghadiri majlis perjumpaan Hari Raya anjuran UMNO bahagian Segamat di sini petang ini.

Ditanya sama ada beliau akan menjadi anggota Bebas berikutan keputusannya itu, beliau berkata, "saya menyerahkannya juga kepada pengundi untuk menentukannya."

Menteri Besar, Haji Muhyiddin Yassin, yang hadir di majlis perjumpaan Hari Raya itu meninggalkan majlis sejurus sebelum Datuk Musa membuat pengumuman itu.

Beliau menjelaskan pengumuman itu dibuat selepas Haji Muhyiddin meninggalkan majlis adalah sebagai tanda hormat ke atas beliau (Haji Muhyiddin) sebagai Menteri Besar.

Menurutnya, beliau telah memberitahu keputusannya kepada Haji Muhyiddin tetapi enggan menyatakan reaksi Haji Muhyiddin.

Ditanya sama ada akan wujud "team C" kelak, beliau menjawab "orang banyak tanya sama ada beliau "team Mahathir atau "team Razaleigh" tetapi menurutnya beliau adalah "team Allah SWT." — Bernama.

san
Malaysia
6/6/1988

KUALA LUMPUR 3 Jun — Bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dukacita dengan keputusan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tidak mahu menyertai UMNO (baru).

Katanya, tindakan itu tidak akan dapat membantu menyelesaikan masalah politik negara khasnya yang berkaitan dengan perpaduan orang - orang Melayu, dan cabaran - cabaran masa depan berkaitan ekonomi serta pembangunan negara.

"Sebenarnya tindakan itu akan lebih merumitkan lagi usaha-usaha menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam satu kenyataan sebagai mengulas mengenai pengumuman Datuk Musa hari ini yang tidak mahu menyertai UMNO (baru). Datuk Musa yang sebelum ini dilantik sebagai pengerusi penaja UMNO (baru) bahagian Segamat berkata: "Inilah sahaja pilihan yang terbuka kepada saya dalam krisis perpaduan Melayu buat ketika ini."

"Dengan rasa rendah hati yang amat sangat, saya memutuskan tidak menyertai UMNO (baru)," tegasnya.

Datuk Abdullah yang juga ahli Majlis Tertinggi UMNO (baru) selanjutnya berkata: "Saya tetap dengan pendirian saya bersama UMNO (baru) kerana berpendapat UMNO (baru) boleh meneruskan perjuangan UMNO (lama) yang diasaskan pada tahun 1946."

Menurutnya, tidak ada bezanya ideologi dan matlamat antara UMNO (baru) dengan UMNO (lama).

Beliau menyeru orang - orang Melayu mengambil kesempatan dari kedudukan dan pengaruh UMNO (baru) dalam kerajaan untuk membina



DATUK MUIYIDDIN



DATUK AJIB AHMAD

AJIB TETAP BERSAMA UMNO BARU

JOHOR BAHRU 3 Jun — Bekas Menteri Besar Johor, Datuk Ajib Ahmad berkata, beliau tetap bersama UMNO (baru) walaupun bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tidak menyertai pertubuhan itu. Katanya, penyertaannya dalam UMNO (baru) bertujuan mengelakkan perpecahan sesama orang Melayu terutamanya di negeri itu juga untuk pembentukan kerajaan yang lebih stabil. Datuk Ajib yang juga ahli Parlimen Mersing itu, bimbang dengan

perkembangan politik negara sejak akhir - akhir ini.

Beliau tidak mahu berdolak - dalik setelah menyertai UMNO (baru) walaupun sehingga ini beliau belum mengetahui sama ada keahliannya telah diterima.

Datuk Ajib juga melahirkan perasaan bimbang dengan keputusan Datuk Musa tidak menyertai UMNO (baru) yang mungkin akan memburukkan lagi keadaan menerusi kemunculan puak - puak di kalangan orang Melayu.

Utusan Malaysia
4/6/1988

SAYA DAN MUSA HITAM

Nampaknya saya tidak boleh tulis buku politik Malaysia tanpa menulis tentang Datuk Musa Hitam. Ini yang kacau sikit ni. Bukanlah nak kata Datuk Musa tu hebat sangat, sampai saya tak boleh nak tulis buku politik Malaysia tanpa menyentuh dia. Bukan juga nak katakan saya bimbang nak sentuh dia takut dia ambil tindakan mahkamah lagi ke atas saya. Tidak juga.

Tapi nak katakan dia tak hebat pun, hebat ni ada macam-macam jenis hebat. Yang bagus sangat memang kita kata hebat. Tapi yang buruk sangat pun kita kata hebat juga. Datuk Musa kita ini termasuk dalam hebat team yang mana? Hebat team A atau hebat team B? Itu semua terpulanglah kepada pembaca semua untuk menentukannya. Takkanlah yang macam itu pun saya nak tulis juga? Cuma Datuk Musa Hitam ini memang dia itu team B.

Semua orang tahu saya menulis banyak tentang Datuk Musa dalam banyak buku saya. Jadi bila ada orang tahu saya sedang menulis buku baru, adalah yang bertanyakan kepada saya: Apakah saya akan menghentam Datuk Musa Hitam juga?

Datuk Mohamad Rahmat telah angkat tabik pada Musa. Tapi macam mana tabik Mohamad Rahmat itu orang cuma lihat daripada luar sahaja. Orang susah nak tahu tabik itu tabik betul atau tabik bengkok atau tabik perli atau tabik olok-olok? Itu Datuk Mohammad Rahmat saja yang tahu.

Saya memang orang yang menyokong Datuk Mohamad Rahmat. Dalam tiga buah buku saya, *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia* (1984), *Musa Derhaka* (1985) dan *Challenger, Siapa Lawan Siapa* (1987) saya menyokong Mohamad Rahmat.

Sewaktu tidak ada siapapun yang menyebut Datuk Mohamad Rahmat, sewaktu orang mengatakan Mohammad Rahmat sudah hilang kariernya dalam politik saya menyokong dia. Saya tetap mengatakan masa depan politiknya masih terang.

Dalam buku saya *Challenger, Siapa Lawan Siapa* misalnya saya mengatakan, "Tak banyak pemimpin yang sanggup bekerja untuk bangsanya setelah ia dijadikan korban. Mohamad Rahmat, salah seorang tokoh yang berjiwa besar, yang sanggup bekerja untuk UMNO walau pun dia telah diketepikan. Jasanya yang besar memelihara perpaduan UMNO Johor yang dipecahkan oleh Musa-Ajib dan Othman Saat itu tentu tidak akan dilupakan. Allah akan membalas kebaikan untuk orang yang berbuat baik."

Datuk Mohamad Rahmat ini memang orang yang terkena aniaya. Dia telah dianiaya oleh Datuk Musa Hitam. Akibat daripada itu dia telah dihantar ke Indonesia untuk menjadi Duta di sana. Tapi sebagaimana yang telah saya katakan dalam buku saya, Allah akan membalas jasa dan kebaikan seseorang. Sekarang dia duduk pada kerusi yang lamanya setelah dibuang begitu lama. Memang dia seorang anak yang mendapat rahmat.

Walaupun Mohamad Rahmat telah tabik pada Musa, saya seperti Mohamad Rahmat juga ada pendirian saya sendiri. Setiap orang mempunyai pendiriannya masing-masing. Jadi setiap orang berbuat sesuatu atas pendirian dan sikapnya.

Datuk Mohamad Rahmat atau sesiapa saja yang hendak tabik pada Musa Hitam, tabiklah. Itu dia sendiri punya hal. Saya sendiri, saya belum nak tabik lagi. Namun demikian, bila-bila masa sahaja saya bersedia untuk bersalam-salaman serta menyambung silaturahmi sebagai umat Muhammad SAW. Kami pun sebangsa dan datang pula daripada negeri serta keluar daripada sekolah yang sama pula.

Semua umat Islam adalah saudara antara satu dengan yang lain. Biar pun Datuk Musa sebagai seorang ahli politik yang hendak berkuasa di negara ini boleh buat apa saja, dan saya pula penulis yang boleh mengkritik akan perbuatannya, ini tak boleh memutuskan persaudaraan kita sesama Islam.

Saya sebagai seorang penulis buku politik yang berpegang kepada ajaran dalam kitab al-Quran, perintah suci Allah, Tuhan bagi segala makhluk di bumi dan di langit, yang telah berfirman kepada manusia yang dipilih olehNya menjadi khalifahNya di muka bumi ini supaya berpegang kepada ajaran *amar makruf nahi mungkar*, saya akan terus menegur Musa selagi saya tidak dapat melihat bukti-bukti yang Musa telah bertukar.

Tahun 1981 saya sokong Mahathir-Musa habis-habisan. Saya sabung nyawa untuk pastikan kemenangan pada Musa yang dipilih oleh Mahathir. Selepas itu bila Musa mula membuka langkah sumbang, saya dengan dia pun mulalah menjadi seperti kucing dengan tikus. Saya tidak akan lepaskan tikus ini bermaharajalela. Saya buru tikus ini sampai ke atas bumbung, sampai ke mana-mana.

Pada tahun 1982 semasa pertandingan Ketua Pemuda tahun itu, ada pertentangan yang tidak kelihatan oleh banyak orang. Musa mahukan kepada Haji Suhaimi sedangkan Mahathir mahukan kepada Anwar Ibrahim. Saya waktu itu tidak menyokong Haji Suhaimi tetapi saya menyokong Anwar Ibrahim. Para pembaca tentu sudah baca buku saya *Pemuda Di Zaman Mahathir*. Antara Haji Suhaimi dan Anwar Ibrahim, saya memilih untuk menyokong Anwar Ibrahim,

茲將獲得該詞八一年度HSC、MCE及巫印二族之獎助學金名單列下：

(A)HSC一名：陳愛虹。

(B)MCE 六名：葉冠儀，黃美玲，葉文修，葉秋婷，葉曉娥，葉志芬。

(C)巫印二族獎助學金八名：錫地羅拉，拉娃帝，莎那莉雅，哈士羅，羅哈雅帝，亞末薩基化烈，夏新樂，陳德南。

計此次前來申請MCE獎學金之學生成績非常特出，其中葉冠儀，葉志芬考獲5科A等特優，葉文修考獲4科A等特優。

馬來作家賽胡先阿拉達士 預測安華依不拉欣 會當選巫青總團長

(吉隆坡七日訊) 一名本地馬來作家今日在其新著作中預測，首相署部長安華依不拉欣將會于本星期四舉行的巫青總團長職位選舉中獲得勝利。

這名作家是賽胡先阿拉達士(Syed Hussein Alattas)，他是在其新書「馬哈迪時代的青年

」一書中作出這種預測。他今日在此間一家酒店為其新書舉行發售禮時說，他是基于感應及眼前的政治發展而作出上述預測。

他指出，他曾于八月廿六日預測拿督那吉敦阿都拉薩會在巫青副團長職位的選舉中取得勝利，結果其預測完全靈驗了。

他形容回教青年團結運動前領袖安華依不拉欣的性格品質「運運超越了他生活着的時代」。

他說，過去，他對我國著名政治領袖前途的預測，約有五十巴仙都靈驗了。

迄今為止，作家賽胡先阿拉達士已著有十一本書，包括「慕沙之后的領導人」。

他指出，他將會在最近出版另三本新書包括一本取名「馬哈迪之后的領導人」。



馬來作家賽胡先阿拉達士與他的新書「馬哈迪時代的青年人。」

雪摩多西卡

廿六日舉行

(吉隆坡七日訊) 雪蘭莪月廿六日上午十時半在該會年會員大會，並選出一九九一年該會主席曾瑞壽呼吁至

Pelancaran Buku 'Pemuda Di zaman Mahathir' di sebuah Hotel di Kuala Lumpur. Penulis meramalkan Anwar Ibrahim akan menang Ketua Pemuda dan Najib Tun Razak akan menang Naib Ketua Pemuda tanpa bertanding. Hanya Akhbar Cina saja yang menyiarkan ramalan tersebut.

kerana memang kedua-dua orang ini saya kenal. Saya kenal mana satu yang intan dan mana satu yang kaca.

Antara sebab-sebab saya menyokong dan berani meramalkan Anwar akan menang ialah kerana saya sudah lihat di sana sini riak kebangkitan Islam. Saya tahu dengan pasti sebuah negara Islam tidak ada pilihan lain selain memilih seorang pemimpin muda yang ada potensi sebagai pemimpin kerana pendirian dan pegangan serta cara hidupnya yang mengikut akidah Islamiyah. Ini semua ada pada Anwar tetapi tidak ada pada Haji Suhaimi.

Malah saya lihat hingga sekarang pun tidak ada pilihan lain yang harus dibuat kalau kita ingin mengekalkan kesinambungan politik Islam kecuali mengekalkan Anwar. Sebab itu pada tahun 1987 saya sekali lagi menyokong Anwar. Dan Alhamdulillah, Anwar menang.

Waktu itu tembelang Musa Hitam sebenarnya masih belum jelas. Dia masih lagi sembunyi-sembunyi. Tetapi pada tahun 1984 Musa Hitam tidak lagi dapat main sorok-sorok dan sembunyi-sembunyi. Pada tahun itulah saya mula menentang Musa Hitam. Waktu itu saya sudah mempunyai bukti-bukti yang cukup tentang siapakah Musa Hitam sebenarnya.

Pada tahun itu saya marahkan kepada Mahathir kerana masih lagi mahu mengekalkan dan mengambil Musa Hitam sebagai Timbalannya.

Ini semua sudah terang dan jelas dalam buku saya *Musa Derhaka dan Challenger, Siapa Lawan Siapa*, yang diambil injunction mahkamah oleh Musa Hitam.

Siapa yang kenal Musa Hitam, tidak ada apa yang aneh bagi Musa Hitam. Lihat sahaja bagaimana dia bersekupu dengan Ku Li, yang ia pernah desak supaya Mahathir membuangnya. Dia bersekupu dengan orang yang pernah dia anggap musuh untuk menumbangkan Mahathir, kawannya.

Akibat daripada kerja-kerja Musa dan kemudian Musa dan Ku Li serta kawan-kawan yang sama-sama menaiki Challenger

yang dilancarkan pada 24 April, 1987, keadaan menjadi kacau balau sehinggalah pada petang 4 Februari, 1988, apabila UMNO diisytiharkan sebagai pertubuhan tidak sah oleh Hakim Harun Hashim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Dr Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia, yang mempunyai tanggungjawab dan amanah sebagai pemimpin, demi menjaga maruah bangsa Melayu telah melakukan sesuatu bagi menyelamatkan rakyat yang kepadanya diberikan amanah untuk menjaganya telah melakukan sesuatu yang memang kewajipannya, kemudiannya telah menubuhkan UMNO (baru).

Tengku Razaleigh yang telah menjadi geng baik Musa Hitam untuk merebut pucuk pimpinan politik Malaysia telah melakukan pelbagai macam tindakan, tetapi sekupunya Musa Hitam telah mengisytiharkan dirinya menyokong Mahathir dengan pelbagai macam kenyataan akhbar, yang mendapat liputan yang besar dan menyeluruh.

Strategi politik apakah yang Musa Hitam sedang lakukan. Sewaktu Tunku Abdul Rahman, Hussein Onn, Ku Li dan ramai lagi orang Team B memerangi Mahathir, Musa Hitam menyokong Mahathir, tidak berapa bulan selepas dia berpakat dengan Tengku Razaleigh untuk menumbangkan Mahathir.

Dalam hal ini barangkali saya terpaksa hormat pada Musa Hitam. Macam seorang yang menghormati orang buruannya yang datang ikut sama turut mengusung jenazah bapanya. Kita terpaksa hormat dengannya kerana dia sanggup usung jenazah ayah orang yang tak disenanginya hingga ke kubur. Tetapi setakat itu sahajalah hormat saya kepada Datuk Musa Hitam. Keikhlasan dan kejujuran hatinya Allah sajalah yang tahu. Macam mana pun kalau dia buat lagi saya akan buru dia sampai ke lubang cacing.

Tetapi kalau kita analisa perbuatan Musa yang seperti ini ia dengan jelas menunjukkan bahawa dia memisahkan secara tegas prinsip-prinsip moral, etika dan politik. Ini seperti kata Machiavelli dalam *The Prince*, "moral dan tata susila

merupakan satu kemungkinan yang diharapkan, sedangkan ketatanegaraan adalah suatu kenyataan yang dihadapi dalam kehidupan sehari-hari. Suatu kenyataan memang harus dibezakan dengan suatu kemungkinan yang diharapkan. Kerana itu bidang politik tidak perlu memerhatikan bidang moral. Tujuan politik jauh lebih nyata dari tujuan moral dan negara harus mengejar tujuan-tujuan nyatanya.”

Perbuatan dan tindakan Musa Hitam daripada dahulu hingga hari ini persis seperti ia memakai falsafah politik Niccolo Machiavelli. Baginya dalam urusan politik yang penting ialah bagaimana mendapat kejayaan dengan memegang kekuasaan.

Itulah Musa Hitam. Orang lain nak jadi penyokong dan pengikut dia, jadilah. Dan kalau Datuk Musa nak terus ambil tindakan mahkamah ke atas saya, ambillah. Saya tetap akan berdiri di atas pendirian saya. Saya tetap akan menulis menyatakan mana yang hak dan mana yang batil. Sementara itu saya sentiasa berdoa ke hadrat Allah SWT agar saya mendapat pertunjuk dan hidayahNya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab saya sebagai penulis.

Antara kelemahan-kelemahan yang menjadi sifat orang Melayu ialah mereka mudah sangat melupakan peristiwa-peristiwa dan kejadian-kejadian yang telah berlalu. Mereka tidak suka berfikir dan tidak suka membaca kalau dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Sebab itu kerajaan adakan kempen membaca. Saya sudah lama mengikuti hal ini. Saya tahu benarlah perangnya, sebab itu saya menulis buku untuk mengingatkan kepada orang Melayu terutamanya ahli-ahli UMNO, khasnya wakil-wakil rakyat. Mereka ini telah diamanahkan untuk membangun dan menjaga kepentingan umat Islam dan bangsa Melayu supaya mereka tidak lupa kepada sejarahnya.

Sejarah itu penting, kerana sejarah yang lalu mengajar kita mengenai hari ini dan hari esok. Sejarah tetap akan berulang, inilah yang dinamakan hukum alam. Kalau kita bangsa Melayu dapat merenung ke dalam diri sejarah bangsanya sendiri seperti

Buku Challenger: Musa saman Syed Hussein

17/4/87
UM

Oleh
Faridah Hashim

KUALA LUMPUR 16 April — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam hari ini berjaya mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi di sini menghalang seorang penulis, S.A Alattas dan dua lagi defendan daripada mencetak, mengedar dan menjual buku bertajuk "Challenger Siapa lawan Siapa?" yang beliau dakwa memalukannya.

Datuk Musa Hitam yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri diwakili oleh Peguam Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad dalam permohonan sebelah pihak di kamar Hakim Datuk Ajaib Singh pagi ini.

Selain daripada penulis buku itu, S.A. Alattas atau nama penuhnya, Syed Hussein Alattas, dua lagi defendan yang dinamakan dalam tuntutan beliau ialah penerbit dan pengedar buku tersebut, Alnujum Sdn. Bhd., dan pencetaknya, Percetakan dan Perniagaan Berlian Sdn. Bhd.

Dalam kenyataan tuntutan yang turut dikemukakan hari ini, Datuk Musa mendakwa bahawa ketiga-tiga defendan telah dengan tidak benar dan jahat mencetak dan menerbitkan perkataan-perkataan mengenai beliau yang boleh memburukkan nama baik serta memalukannya.

Timbalan Presiden UMNO itu juga mendakwa bahawa perkataan-perkataan yang terkandung di dalam buku tersebut boleh membawa makna bahawa beliau:

- Seorang penipu, pembohong, penjahat, pemutar belit, perasuah, tidak bertanggungjawab dan tidak ikhlas.

- Seorang pembunuh dan atau seorang yang berkemungkinan melakukan pembunuhan yang bersedia melakukannya untuk mencapai cita-citanya.

- Seorang pembunuh lelaki, wanita dan kanak-kanak.

- Seorang penderhaka dan atau seorang

yang bersifat pengkhianat kepada bangsa Melayu dan negara.

- Seorang yang bekerja kepada dan terikat dengan badan-badan perisik luar negeri dan sedia berkorban demi kedaulatan dan kepentingan kuasa-kuasa dan atau negara-negara luar.

- Seorang komunis dan tidak beragama yang berlindung di sebalik jubah perjuangan UMNO untuk bangsa Melayu dan agama Islam untuk meneruskan tindak-tanduk komunisnya.

- Seorang yang kejam, tidak adil, tidak berperikemanusiaan, merbahaya yang berupaya melakukan keganasan dan mencetuskan keadaan masyarakat yang kucar-kacir semata-mata untuk mencapai cita-citanya.

- Seorang yang hilang akal, pengecut dan melarikan diri dari kenyataan.

- Seorang yang tidak taat dan bijak melakukan sesuatu serta tidak boleh dipercayai.

- Seorang yang tidak berupaya menguruskan hal-hal kewangan sendiri.

- Seorang pendendam dan pendengki yang memperolehi kekayaan secara haram dan

Dalam kenyataan tuntutannya itu, Datuk Musa juga mendakwa kandungan di dalam buku tersebut bertujuan merendahkan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Datuk Musa yang akan bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden dalam Perhimpunan Agung UMNO 24 April ini, berkata, tujuan dan tuduhan utama buku tersebut adalah serangan yang tidak berasas dan tidak adil dan sarat dengan fitnah dan kenyataan-kenyataan yang memalukan yang keseluruhannya mencemarkan nama baik beliau sebagai seorang ahli politik kebangsaan dan antarabangsa.

Datuk Musa juga menuntut gantirugi bagi fitnah yang dilakukan oleh ketiga-tiga defendan terhadapnya.

Mahkamah larang pengedaran buku Siapa Lawan Siapa

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam, memperolehi perintah Mahkamah Tinggi di sini hari ini untuk menghalang pengedaran buku *Siapa Lawan Siapa*, S H Alattas, dan dua orang lagi daripada mencetak dan mengedarkan buku itu yang didakwa mengandungi perkataan-perkataan memfitnahnya.

Hakim Ajaib Singh membuat keputusan itu dalam kamarnya berikutan permohonan *ex-parte* yang dikemukakan oleh Datuk Musa melalui peguamnya, Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad.

Mahkamah juga menghalang S H Alattas, penerbit dan pengedar buku itu iaitu Alnujum Sdn Bhd dan pencetaknya, Pencetakan dan Perniagaan Berlian Sdn Bhd atau ejen mereka daripada mempamer, mengedar serta menerbitkan dalam sebarang bentuk buku itu atau bahan lain berhubung dengannya atau mempunyai hubungan dengan buku itu sehingga perintah selanjutnya.

Ketiga-tiga defendan mempunyai tempoh 14 hari untuk meminta menyetepikan perintah itu.

Sebelum itu, Datuk Musa mengemukakan saman malu terhadap ketiga-tiga defendan kerana mendakwa beberapa perenggan mengenainya dalam buku itu dicetak dan disiarkan secara palsu serta berniat jahat.

Dalam kenyataan tuntutan, beliau berkata, perkataan-perkataan yang dikatakan berbentuk fitnah itu bermaksud menghinanya dan berikutan penyiaran perkataan-perkataan itu, nama baik, perwatakan dan reputasinya telah dipertikaikan oleh orang ramai dan mendedahkannya kepada kebencian orang ramai serta menghinanya.

Datuk Musa berkata, perkataan-perkataan dalam buku itu bermaksud mengkritik dan memalukannya serta mengandungi kenyataan-kenyataan fitnah yang merosakkan nama baik serta reputasi beliau atas sifatnya sebagai tokoh politik.

Katanya, perkataan-perkataan itu mengikut pengertian biasa antara lain membawa maksud bahawa beliau seorang penipu, pendusta, menerima rasuah, tidak bertanggungjawab dan tidak jujur dan seorang pembunuh dan/atau seorang yang mempunyai niat untuk membunuh dan sanggup melakukan

S.H. ALATTAS

"CHALLENGER"



SIAPA LAWAN SIAPA?

KUUT buku *Siapa Lawan Siapa*.

pembunuhan demi memenuhi cita-citanya.

Datuk Musa mendakwa bahawa perkataan itu juga membawa maksud beliau seorang komunis dan bertindak bertentangan dengan hukum agama serta berselembunyi di sebalik perjuangan Umno demi mencapai perjuangan komunisnya dan beliau gila kuasa, tidak sabar, tamak dan seorang yang tidak berprinsip yang sanggup melakukan apa sahaja semata-mata kerana merebut kuasa politik.

Menurutnya, ketiga-

tiga defendan menyiaran perkataan-perkataan itu dengan tujuan meningkatkan pengedaran buku itu serta memperolehi keuntungan daripada penjualannya.

Datuk Musa berkata, kecuali mahkamah menghalanginya, defendan-defendan berkenaan mengancam dan berhasrat untuk meneruskan penerbitan buku itu atau membuat tuduhan yang sama terhadap beliau.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga menuntut ganti rugi, kos serta pelepasan lain yang mahkamah fikirkan perlu. — Bernama.

Berita Harian
7/4/1987

Kes 'Challenger — Siapa Lawan Siapa'

Musa tak berhak kekal tuntutan saman malu — Syed Hussein

Oleh Faridah Hashim

KUALA LUMPUR 23 April — Pengarang buku "Challenger - Siapa Lawan Siapa", Syed Hussein Alattas dan dua lagi defendan hari ini menegakkan bawa bekas Timbalan Perdana Menteri, D-

bahwa kandungan buku tersebut bertujuan merendah-rendahkan dan memalukan beliau selaku Timbalan Presiden UMNO. Ketiga-tiga defendan menafikan demikian di

kandungan buku itu yang beliau dakwa memalukannya. Pada 16 April lalu, Datuk Musa telah berjaya mendapatkan perintah mahkamah menghalang ketiga-tiga defendan daripada mencetak, mengedar dan menjual buku tersebut. Perintah tersebut dikeluarkan oleh Hakim Datuk Ajah Singh setelah mendengar permohonan "belah pihak yang

menertibkan perkataan-perkataan mengenai beliau yang boleh mencabul nama baik serta memalukannya.

Beliau juga mendakwa perkataan-perkataan itu boleh membawa makna bahawa beliau seorang penipu, penjahat, tidak bertanggungjawab serta sanggup melakukan apa saja semata-mata untuk memenuhi cita-citanya. Kandungan buku "Challenger - Siapa Lawan Siapa" itu juga, dakwa Presiden UMNO pengertian

Musa itu juga menyebut bahawa kandungan buku itu bermaksud beliau seorang agen bagi badan-badan perisik luar negeri, seorang komunis yang tidak beragama yang berlindung di bawah jubah UMNO. Syed Hussein Alattas dan dua defendan itu pula dalam kenyataan bela diri mereka hari ini menafikan perkataan-perkataan yang terkandung di dalam buku itu membawa pengertian sedemikian. Mereka juga menafikan bahawa buku itu diterbitkan dengan tujuan memalukan atau

Kes saman libel yang dikemukakan oleh Musa Hitam

Syed Hussein hadir di Mahkamah Tinggi untuk membela diri

KUALA LUMPUR 21 April — Syed Hussein Alattas, pengarang buku "Challenger — Siapa Lawan Siapa," dan dua pihak lagi hadir di Mahkamah Tinggi di sini hari ini untuk membela diri terhadap saman libel yang dikemukakan terhadap mereka oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam. Syed Hussein sendiri datang ke mahkamah untuk mengemukakan memorandum rhabrannya. Datuk Musa menamakan Syed Hussein, penerbit dan pengedar buku itu, Almuji Sdn Bhd dan

pencetaknya, Percetakan dan Perniagaan Belian Sdn Bhd, sebagai defendan dalam saman malu yang dikemukakannya pada 16 April. Syed Hussein kemudian memberitahu pemberita beliau akan mengemukakan permohonan Khamis ini untuk mengesahkan perintah mahkamah yang Datuk Musa memperolehinya yang menghalang dia dan dua pihak lagi daripada mencetak dan mengedar buku itu yang Datuk Musa mendakwa mengandungi perkataan-perkataan fitnah terhadapnya. Syed Hussein juga berkata

peguam Abdul Razak Ahmad akan mewakilinya dan dua pihak lagi. Syed Hussein berkata 30,000 naskah buku itu telahpun dijual dan menambah kata dia menerima pesanan bagi 50,000 lagi naskah buku itu. Datuk Musa berjaya memperoleh perintah mahkamah itu daripada Hakim Ajah Singh dalam kamarnya ckoran permohonan "ex parte," yang dikemukakannya melalui peguam beliau, Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad. Perintah itu menghalang ketiga-tiga defendan daripada menjual, mengedar atau mencetak buku itu, walau dalam bentuk apa sekalipun atau bahan lain yang berhubung dengannya atau mempunyai hubungan dengan buku itu sehingga perintah selanjutnya. Syed Hussein dan dua pihak lagi diberi tempoh 14

hari untuk memohon mengesahkan perintah berkenaan. Menurut kenyataan tuntutan, Datuk Musa mendakwa bahawa beberapa perenggan dalam buku itu yang merujuk kepada beliau dicetak secara paku serta berniat jahat.

Beliau juga mendakwa bahawa perkataan-perkataan itu bertujuan menghinanya dan akibat penyiaran perkataan-perkataan itu, orang ramai telah mempertikaikan nama baik, perwatakan dan reputasinya lalu mendedahkannya kepada kebencian masyarakat serta menghinanya.

Datuk Musa berkata tujuan dan tuduhan utama buku itu ialah kritikan yang tidak beraas dan wajar, sarat dengan fitnah dan kenyataan-kenyataan yang memfitnah dan memalukan yang mencemarkan nama baik

dan reputasi beliau sebagai tokoh politik. Katanya, perkataan-perkataan dalam buku itu mengikut pengertian biasa antara lain membawa maksud bahawa beliau seorang penipu, pembongok, menerima rasuah, tidak bertanggungjawab, tidak ikhlas dan seorang pembunuh atau yang berkemungkinan melakukan pembunuhan semata-mata untuk memenuhi cita-citanya.

Datuk Musa mendakwa bahawa ketiga-tiga defendan menyebarkan perkataan-perkataan itu dalam buku berkenaan untuk meningkatkan pengedaran buku itu dengan tujuan mengaut keuntungan daripadanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu menuntut ganti rugi, kos dan pelapasan lain yang mahkamah fikirkan wajar. — Bernama

22/4/87
(Musa)
Utusan Malaysia

作者派律師硬碰慕沙 「挑戰者」被指誹謗罪



(吉隆坡廿一日訊)
「挑戰者，誰斗誰」的
作者S·H阿拉達斯已
指派律師，準備為其被
指有誹謗拿督慕沙的訴
訟，作出辯護。

S·H阿拉達斯今天
親自為其代表律師阿都
拉薩，向本市高庭入稟
上述通知。

阿都拉薩律師是代表
案中的三名答辯人：(一)
S·H阿拉達斯，(二)
ALNUJUM 私人有限公
司(分銷商)和(三)

PERNIAGAAN BERLI
AN 私人有限公司(印
刷商)。

巫統署理主席拿督慕
沙是在本月十六日，入
稟高庭起訴上述三名答
辯人，指責由這三名答
辯人所撰寫，印刷和分
銷的「挑戰者，誰斗誰」
部份書中內容，有
誹謗其名譽和人格；並
要求賠償損失。

拿督慕沙，也在是日，
通過其律師取得臨時禁
制令，制止上述答辯人

，通過出售，繼續印刷
，發行，展示，散佈這
本書，和任何與這本書
有關的東西。

S·H阿拉達斯今天
在高庭註冊處提呈有關
文件後表示，辯方將在
本月廿三日，向法庭提
呈申請書，要求撤消這
項針對辯方的禁制令。

S·H阿拉達斯說，
在這本書還未被禁出售
前，它已賣出三萬本。
他說，在此書出版後
，他曾受到某人的恐嚇

yang tertulis dalam *Sejarah Melayu* misalnya akan terdapat di dalamnya banyak pelajaran yang sangat bermanfaat kepada bangsa kita. Tetapi berapa ramaikah lagi ahli UMNO yang masih ingat kepada buku *Sejarah Melayu* itu?

Hari ini kita mulai dilanda krisis istana dengan rakyat. Tidakkah hal yang sama juga pernah terjadi dalam *Sejarah Melayu*? Mungkin ramai sudah lupa, tetapi yang masih tidak lupa tentulah tahu dimanakah bermulanya.

Bahawa terjadi dan bermulanya perselisihan, krisis dan kalau salah-salah tindak, kalau salah-salah bawa tidak mustahil pula terjadi peperangan antara istana dan rakyat.

Ini semua siapakah yang memulakannya. Siapa lagi kalau bukan Musa yang menjadi punca dan yang memulakannya? Kalau Dr. Mahathir tidak ambil Musa Hitam menjadi Timbalannya dulu, tentu Ku Li dan Tunku Abdul Rahman tak akan marah-marah sampai begini. Dari tahun 1981 dia marah hingga sekarang.

Saya tak mahu cerita banyak-banyak mengenai Datuk Musa dalam buku ini. Sudah cukuplah apa yang saya ceritakan mengenainya dalam buku-buku saya yang lepas, terutama dalam *Musa Derhaka* dan buku terakhir saya yang diambil tindakan mahkamah oleh Datuk Musa itu.

Saya naik hairan dengan orang UMNO. Mereka cepat lupa. Kalau bukan Musa yang letak tiga jawatan serentak, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO, UMNO tidak jadi bercelaru macam hari ini.

Selepas itu ramai yang terpaksa menghabiskan wang pergi ke London mencari Musa. Konon Musa Hitam duduk pada sebuah rumah yang tidak mempunyai pembantu dan menyediakan keperluan-keperluan hidupnya sendiri. Jadi orang pun ikutlah bersedih.

Tapi berapa ramaikah orang yang ikut bersedih dengan kesukaran pelajar-pelajar kita di London, atau di tempat-

tempat lain di luar negeri menuntut ilmu sedangkan mereka hanya mengharapkan kepada biasiswa kerajaan yang hanya cukup untuk menampung mereka hidup sahaja. Manakala pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab hidup senang lenang dan tidak memperdulikan segala rintihan pelajar-pelajar ini?

Itu belum lagi mengirakan bagaimana siksanya pelajar-pelajar persendirian kita yang menuntut di Mesir atas belanja persendirian ibu bapa sedangkan ibu bapa mereka adalah seorang petani di kampung yang pendapatannya sangat sedikit. Mereka ini mengharapkan belas sesama mereka sahaja. Saling tolong menolong untuk membawa diri mereka bagi menuntut ilmu.

Saya hampir-hampir tidak faham kenapa ada orang yang bersedih atas kesusahan orang perseorangan, sedangkan tidak pula bersedih atas kesusahan orang yang lebih ramai dan lebih menderita?

Selepas terjadinya drama lakonan Musa Hitam itu, maka kepulungannya disambut oleh ribuan orang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Sudah letak jawatan, cipta satu suasana memaksa Ku Li melawan Dr Mahathir pula. Awak dah letak jawatan nak menyebok apa lagi?

Tapi ini semua orang faham dan telah saya huraikan dengan panjang lebar dalam buku-buku saya sebelum ini. Ini semua tektik tipu helah politik Musa Hitam sahaja.

Apabila Musa *offer* Ku Li lawan Presiden, Ku Li pun apa lagi. Jawatan Presiden itu keramat dan berkuasa. Apa lagi, Ku Li pun apa lagi. Orang yang mengantuk diberikan bantal. Macam orang yang mabuk diberikan araklah.

Sudah naik sheikh nak jadi Perdana Menteri maka Ku Li pun berpakatliah dengan Musa. Jangan lupa Musa itu musuh Ku Li. Maka kedua-duanya pun pergilah kempen masuk hutan keluar bandar, masuk bandar keluar hutan, siang malam

sampai ada rakyat yang berkelahi-kelahi kerananya. Berjuanglah konon!

Maka dia pun ajaklah segala orang-orang yang mudah dipengaruhinya. Dia bawa Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim, Radzi Shiekh Ahmad, Sharifah Dora, Zainal Abidin Zain, Rahmah Othman, masuk Team B. Entah macam mana Musa Hitam dan Ku Li cong semua orang ini, saya pun tak tahu. Itu kenalah tanyakan kepada Musa dan Ku Li. Boleh jadi mereka guna teori SaKaC.Jp.VI (Sang Kancil Jatuh Dalam Perigi Versi 1).

Mengikut Teori SaKaC. Jp.VI ini, suatu hari Sang Kancil jatuh dalam perigi. Apabila telah jatuh dalam perigi maka berfikir-fikirlah dia bagaimana jalan yang sebaik-baiknya untuk dia naik semula ke atas. Dalam pada berfikir-fikir itu maka melintastlah seekor kambing. Dengan segera Sang Kancil memanggil Kambing lalu menceritakan bagaimana lazat dan nikmatnya air perigi itu. Apabila mendengar akan kelazatan dan kenikmatan air dalam perigi itu, Kambing pun ingin hendak merasakan sama. Jadi Kambing pun terjunlah ke dalam perigi itu. Apabila Kambing sudah terjun, Sang Kancil pun mendapatlah kesempatan untuk naik ke belakang Kambing dan meloncat keluar daripada perigi itu. Dia pun lalu keluar. Dan selamatlah dia.

Ku Li percaya Mahathir mesti kalah. Musa percaya Ghafar mesti kalah. Dan memang ada yang kalah. Yang kalah adalah kedua-dua Ku Li dan Musa.

Akhir-akhirnya semua orang ini hilang jawatan. Bagus-bagus jadi menteri, hilang jawatan jadi Tok Putri. Dia sudah lupa sekarang ini zaman moden, orang sakit sudah pergi hospital, tak pakai lagi Tok puteri. Tapi kerana Sheikh perjuangan sudah naik konon tak kira punya.

Kawan-kawan tu bila sudah kalah, sudah tak ada kerja, sudah hilang kuasa, yang selama ini ada driver, sudah tidak boleh pakai driver lagi maka macam-macamlah jadi. Ada yang buka kedai dobi, ada yang buka syarikat lawyer sendiri.

Musa kalah pun tidak menjadi hal. Dia ada Kandos. Dari Musa Hitam sekarang bertukar warna jadi Musa Coklat. Itu pun nasib baik Mahathir restu.

Tapi ini zaman bukan aneh benar. Kalau siswazah boleh menganggur, menteri pun boleh menganggur. Apa peleknya sebab ramai antara mereka itu yang suka minum air anggur.

Dan yang buka semula syarikat guamannya tidak ada kerja lain selain nak bawa kes ke mahkamah. Sikit-sikit naik mahkamah. Sikit-sikit naik mahkamah. Kehidupan kita sekarang pun dah jadi macam kehidupan di negara mahkamah pula.

Itulah akan ceritanya Datuk Musa kita ini. Hari ini ada pula orang dok sebar berita sana sini mengatakan Musa sudah baik dan nak rujuk semula dengan Mahathir. Boleh kita percaya? Kata cerita juga, entah daripada mana puncanya, tidak ada siapa yang hendak bertanggungjawab, konon katanya Mahathir pun nak rujuk semula dengan Musa.

Akan khabar ini maka ramai jugalah segala penakawan dok geleng kepala. Tengoklah itu betapa licinnya kerja Musa. Sikit punya bagus ke? Tahun lalu dia dok kempen perpaduan dengan Ku Li, sekarang bila Ku Li dah tersepit, Musa juga yang sepitkan Ku Li, bukan orang lain, sekarang Musa pun buat hemoi kata orang Utara, mai dok sondoi-sondoi sua domoi nak bersatu balik dengan Mahathir.

Sebagai seorang Islam, kita mesti mencontohi Nabi kita Muhammad SAW. Nabi sentiasa memaafkan umatnya. Kita mesti ikut Tuhan kita. Sifat Tuhan maha pengampun lagi amat pengasihani. Tapi kita tidak boleh jadi Nabi ataupun Tuhan. Nabi pun suruh kita tambat unta kita terlebih dahulu sebelum menyerahkan pada takdir. Faham-faham le. Dalam Islam tak ada pengampunan bagi mereka yang murtad.

Tuhan maha mengetahui niat dan maksud manusia, sedangkan kita manusia makhluk Tuhan ini, Tuhan tak bagi kita nampak apa yang tersembunyi di dalam hati perut orang

lain. Kecualilah para Wali Allah dan orang-orang yang telah dikurniakan kasyaf oleh Allah.

Mari kita tanya pula Tok Mat atau Datuk Mohamad Rahmat, Menteri Penerangan kita. Ini kerja terang menerang ini kerja dia. Lagi pun dia dah dua kali jadi Menteri Penerangan. Takkan tak terang lagi. Janganlah bagi orang ramai duduk dalam gelap. Mana tempat yang patut terang, tolonglah Datuk terangkan. Kat mana tempat ada pencuri, suluh biar semua orang nampak.

Kita tanya Datuk kita ini, apa kata dia tentang Musa kerana kita boleh belajar bagaimana Tok Mat Rahmat main politik. Dulu Musa jadi boss Tok Mat. Sekarang Tok Mat tabik Musa, ada orang kata itu tabik orang politik.

Tak kiralah tabik orang politikah, tabik orang apakah. Pokoknya dia tabik. Niat dia siapa tahu. Dulu selepas di Kementerian itu Datuk Mohamad Rahmat, entah kenapa terpelanting ke Indonesia. Zaman-zaman dulu, kalau pergi ke Indonesia itu pergi menuntut ilmu dalam, ilmu batin, duduk bertapa dan sebagainya. Tak tahulah kita sama ada sambil menjadi Duta itu Datuk Mat kita ini bertapa sama. Sebab itu sekarang dia ada naik tagan.

Sekarang Datuk Mohamad Rahmat selepas balik dari Indonesia nampaknya terang dan bersinar. Ini nasib manusia makhluk Tuhan. Dulu orang ingat kareer politiknya sudah KO sekarang bagaimana? Dia sekarang Setiausaha Agung UMNO. Masa depannya cerah.

Jadi untung jugalah orang panggil Tok Mat Rahmat ini si bulat. Yang bulat selalu bergolek. Rupa-rupanya anak arwah Pak Rahmat ini bertuah juga orangnya. Harap-harap janganlah bila sudah duduk di atas itu lupa daratan pula. Nak nyanyi lagu setia, nyanyilah. Nyanyilah berapa banyak nak nyanyi pun. Di samping itu cari orang yang ikhlas dan setia jadi penyokong.

Menyanyi dan ajak orang ramai menyanyi lagu setia itu

bagus, asal jangan leka menyanyi orang lain yang kebas isi, awak tinggal tulang-tulang sahaja. Sayur sudah habis awak tinggal kuah sahaja.

Orang Melayu memang terkenal mudah sangat dilekakan. Itu ada sikit bahaya. Eloklah kita ingat mengingati. Lagi pun sekarang saya dengan Tok Mat standard ada sikit sama. Tok Mat jadi Mat Rock gelaran baru yang diberikan kepadanya selepas mempopularkan lagu Setia. Saya pula jadi pelakon filem dan TV. Memang Tok Mat perlu keras macam *rock*, bukan *rock melon* tapi *rock*, batu yang memang pejal.


Saya fikir ramai orang yang sudah nampak macam mana nasib Datuk Musa Hitam akhirnya. Apa sudah jadi dengan 7 kesatrianya? Berapa lagi yang tinggal? Nasib Datuk Musa.

Kalau betul-betul Musa sudah bertaubat, ertinya kalau kata-kata dan perbuatannya sekarang ini adalah kata-kata dan perbuatan yang benar, yang ikhlas, yang lahir dari dalam jiwanya tetapi soalnya bolehkah kita percaya? Sanggupkah kita mengambil risiko untuk dipermain-mainkan lagi oleh Datuk Musa, macam mana cerita budak jaga kambing mempermain-mainkan orang kampung dengan cerita serigalanya?

Begitulah hubungan saya dengan Musa Hitam. Tidak ada banyak berubahnya antara dahulu dengan sekarang. Hanya Allah jua yang menentukan. Saya berserah kepadaNya. Sebelum saya tamat bab ini saya nak menyanyi satu lagu.

Siakap senohong
tak gelama ikan duri
bercakap bohong
tak lama jadi menteri.

Lagu ini mengikut fatwa orang yang mengajar kepada saya, harus diulang sebanyak tiga kali.



"Sekarang ni you dalam I punya tangan" Begitulah agaknya kata Tan Sri Ghazali Shafie ketika itu Menteri Dalam Negeri pada Dr Mahathir. Masa itu Mahathir baru jadi Timbalan Perdana Menteri Tak dapat tanduk telinga dipulas. Itu kerusi Perdana Menteri sepatutnya King Ghaz yang punya. Musa bekas Timbalan Perdana Menteri dan Ku Li bekas Menteri Kewangan pun mahukannya juga. Tak ada rezeki nak buat macam mana. Semuanya tinggal bekas sahajalah.



“Sekarang siapa pandai? Saya dan orang saya masih juga dalam UMNO Malaysia, you boleh buat apa”. Begitulah kata Musa pada Mahathir sambil ketawa. Abdullah Badawi dan Haji Suhaimi tersenyum gembira. “Saya sakit perutlah tengok perangai awak Musa”.



“Kita menang! Kita menang!” Begitulah agaknya kata kedua-dua bekas Menteri Besar Johor Tan Sri Othman Saat dan Datuk Ajib Ahmad.
“Menang apa benda yang seronok sangat ni?” “Menang pilihanraya 1981.” Oh! itu cerita lama.”



Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Siapa yang ketawakan siapa? Ha.. Ha.. Ha.. Ha.. Siapa kena main dengan siapa.. Osman Saat duduk saja belakang Musa, tapi tetap sokong Ku Li. Macam Ajib juga berdiri belakang Ku Li tapi tetap sokong Musa. Banyak pandailah.



Syed Hussain Al-Atas
15-C, Lorong Medan Tunku Satu
Off Jalan Tuanku Abdul Rahman,
50300 Kuala Lumpur.

Syed Hussain

Saya merujuk didalam buku karangan Syed 'Siapa Lawan Siapa', muka surat 336, berkenaan dengan perbincangan Syed dengan seorang Cina bernama Lee, yang disebutkan, "Dimana Negara Amerika, Canada, Britain, dan Australia, Orang-Orang Cina boleh jadi rakyat yang setia didalam negara-negara yang mereka duduki itu, dan tidak pernah dengar tuntutan-tuntutan mereka disana".

Kedaaan disana berlainan, orang-orang Cina didalam negara-negara tersebut dan orang-orang Cina di Malaysia bezanya sebagai Harimau dengan Kucing. Di Malaysia orang-orang bangsa lain sama banyak dengan orang-orang Melayu. Bangsa Melayu telahpun tersepit dan sudah hendak lenyap dalam negerinya sendiri. Saya rasa tidak ada lain jalan hendak menyelamatkan bangsa untuk terlepas daripada penjajah British, dan British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain. Dengan itu tidak ada jalan lain hendak merdekakan Tanah Melayu melainkan dengan berontak atau pun dengan cara perdamaian. Kita tahu kita tidak ada senjata, dan tidak ada semangat untuk berjuang. Hanya satu jalan sahaja iaitu jalan perdamaian, dengan jalan itulah kita tarik orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa yang duduk di Tanah Melayu untuk menyebelahi kita, dan kita mengaku akan beri hak kepala mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu.

Sekarang orang-orang Melayu sudah dapat apa yang dikehendaki, tetapi janganlah kita lupa perjanjiannya yang kita buat. Sebenarnya Amerika dan Britain memberi tempat kepada mereka dengan cara kesihan rahim untuk menduduki didalam negara-negara itu, dan apakah hak mereka boleh menuntut. Sekiranya tidak berpatuh kepada undang-undang negeri, mereka akan dihantar balik ke negeri mereka yang asal. Kedaaan negeri Amerika dan Britain sebagai Harimau dan keadaa kita macam Kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan negara-negara itu.

Banyak lagi buku-buku yang keluar dari buku Syed yang tidak sedap dengar, berkenaan hal peribadi orang lain. Tiap-Tiap penulis mahulah ada tujuan yang baik dan ikhlas. Saya sendiri telah pun menjadi Pengerusi akhbar 'The Star', dan saya keluarkan buku-buku dan tulisan-tulisan dan saya berdoa kehadiran Allah S.W.T. pohon diberi akal fikiran kepada saya untuk menulis supaya apa yang saya tulis itu adalah yang boleh menjadi guna kepada bangsa saya dan penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini, bahawa dengan


Tuan Abdul Rahman Putra Al-Haj (DMN. CHJ)

16, Jalan Air Rajah, 10150 Pulau Pinang, Tel. 372876
1, Jalan Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Tel. 2980114

...../2-

inilah yang saya tulis. Saya kenal Syed dari kecil, yang saya ingat semasa Syed berkawan dengan anak angkat saya Syed Abdullah Barakabah. Oleh itu saya berharap gunalah tulisan Syed yang bijak untuk faedah bangsa, agama dan negara, bukan untuk mencaci dan mencerca peribadi orang lain dengan tidak ada sebabnya.

Sekian.



(Tunku Abdul Rahman Putra)



"Terima kasih atas amoi punya sokongan. Saya gembira, ramai wanita yang masih ingat sama saya." Begitulah gigihnya semangat Tunku, biarpun sudah tidak boleh berjalan dengan sempurna, dia masih mahu terus hidup. Ayatollah Khomeini pun umurnya lebih kurang macam Tunku tapi masih terus berjuang. Berjuang di jalan Allah.



“Biar tinggal sikit saja lagi umur kita, berjuang kita mesti terus berjuang.”

“Ia, ia itulah yang saya sedang buat, biar sudah pakai dua tongkat saya masih belum putus asa.” Begitulah agaknya kata Tunku.



Tunku sayang kuda. Main kuda cuma satu hobi Tunku. Ikut undang-undang Negeri tak salah. Apa salahnya main kuda? Yang tak eluknya kalau kuda yang mainkan kita. Berapa ramai orang yang sudah ditendang kuda, akhirnya papa kedana.

BAPAK KUCING

Tidak berapa lama selepas buku saya terjual dan kemudian mendapat *court injunction* atas tindakan Datuk Musa Hitam, tiba-tiba pada satu hari saya menerima sepucuk surat daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Bagi memudahkan kepada pembaca buku-buku saya, surat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (DMN.CH.) itu, saya perturunkan seperti di bawah, walaupun memang salinan fotonya ada disiarkan.

Saya tidak mengubah walau sepatahpun kata atau tanda-tanda baca dalam surat yang ditulis oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kepada saya itu.

*Syed Hussain Al-Atas
16-C, Lorong Medan Tuanku Satu
Off Jalan Tuanku Abdul Rahman,
50300 Kuala Lumpur.*

Syed Hussain (Tulisan tangan Tunku Abdul Rahman)

Saya merujuk didalam buku karangan Syed 'Siapa Lawan Siapa', muka surat 336, berkenaan dengan perbincangan Syed

dengan seorang Cina bernama Lee, yang disebutkan, "Dimana Negara Amerika, Canada, Britain, dan Australia, Orang-orang Cina boleh jadi rakyat yang setia didalam negara-negara yang mereka duduki itu, dan tidak pernah dengar tuntutan-tuntutan mereka disana".

Keadaan disana berlainan, orang-orang Cina didalam negara-negara tersebut dan orang-orang Cina di Malaysia bezanya sebagai Harimau dengan Kucing. Di Malaysia orang-orang bangsa lain sama banyak dengan orang-orang Melayu. Bangsa Melayu telahpun tersepit dan sudah hendak lenyap dalam negerinya sendiri. Saya rasa tidak ada lain jalan hendak menyelamatkan bangsa untuk terlepas daripada penjajah British, dan British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain. Dengan itu tidak ada jalan lain hendak merdekakan Tanah Melayu melainkan dengan berontak atau pun dengan cara perdamaian. Kita tahu kita tidak ada senjata, dan tidak ada semangat untuk berjuang. Hanya satu jalan sahaja iaitu jalan perdamaian, dengan jalan itulah kita tarik orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa yang duduk di Tanah Melayu untuk menyebelahi kita, dan kita mengaku akan beri hak kepada mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu.

Sekarang orang-orang Melayu sudah dapat apa yang dikehendaki, tetapi janganlah kita lupa perjanjiannya yang kita buat. Sebenarnya Amerika dan Britain memberi tempat kepada mereka dengan cara kesihan rahim untuk menduduki didalam negara-negara itu, dan apakah hak mereka boleh tuntutan. Sekiranya tidak berpatuh kepada undang-undang negeri, mereka akan dihantar balik ke negeri mereka yang asal. Keadaan negeri Amerika dan Britain sebagai Harimau dan keadaan kita macam Kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan negara-negara itu.

Banyak lagi buku-buku yang keluar dari buku Syed yang tidak sedap dengar, berkenaan hal peribadi orang lain. Tiap-tiap penulis mahulah ada tujuan yang baik dan ikhlas. Saya sendiri telah pun menjadi Pengerusi akhbar 'The Star', dan saya

keluarkan buku-buku dan tulisan-tulisan dan saya berdoa kehadrat Allah S.W.T. pohon diberi akal fikiran kepada saya untuk menulis supaya apa yang saya tulis itu adalah yang boleh menjadi guna kepada bangsa saya dan penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini, bahawa dengan inilah yang saya-tulis. Saya kenal Syed dari kecil, yang saya ingat semasa Syed berkawan dengan anak angkat saya Syed Abdullah Barakabah. Oleh itu saya berharap gunalah tulisan Syed yang bijak untuk faedah bangsa, agama dan negara, bukan untuk mencaci dan mencerca peribadi orang lain dengan tidak ada sebabnya.

Sekian.

(Tunku Abdul Rahman Putra)

Begitulah bunyi surat yang dituliskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj kepada saya. Saya tidak tahu niat dan tujuan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menulis surat yang seperti itu kepada saya. Allah sahaja yang maha mengetahui. Walau bagaimana pun saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tunku kerana sudi menulis surat kepada saya dan beserta dengan kesudiannya menegur saya. Sesungguhnya kita hendaklah ingat mengingati di antara satu sama lain. Begitulah maksud firman Allah di dalam al-Quran. Dan hanya kepada Allah saya berserah seluruh jiwa raga saya, tidak ada yang lain selain daripada kepadaNya.

Dalam banyak-banyak buku yang saya tulis dan dalam banyak-banyak bab yang terkandung di dalam buku saya, sesungguhnya inilah bab yang saya rasakan terlalu sukar hendak menulisnya. Inilah seperti kata pepatah Melayu: **Ditelan mati emak, diluah mati bapa.**

Begitulah susahnya hendak menulis bab ini. Tetapi walau bagaimana sekalipun, walaupun susah walaupun senang, dengan izin Allah akan saya hadapi juga kerana saya telah memilih untuk menjadi penulis. Telah membina diri saya sekian lama dengan belajar daripada pelbagai orang, daripada

pelbagai buku dan berdoa kepada Allah, supaya Allah menunjukkan jalan yang benar yang diredhai olehNya.

Memang susah. Saya telah menurunkan surat bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama yang dipanggil Bapa Kemerdekaan itu. Apabila saya menurunkan surat itu dan di dalam surat itu Tunku ada menyentuh beberapa perkara, maka mahu atau tidak mahu terpaksa saya, bukan mempertahankan diri tetapi menerangkan apakah sikap dan pendirian saya terhadap permasalahan yang telah saya tuliskan yang menjadi perhatian sehingga Tunku Abdul Rahman menulis surat tersebut di atas.

Bukanlah niat saya sengaja hendak membentangkan surat peribadi Tunku kepada pembaca buku saya, tetapi kerana surat itu nampaknya seperti memberikan pendapat muktamad Tunku terhadap pendapat saya, dan barangkali orang lain juga ada pendapat yang seperti Tunku itu tetapi tidak mempunyai peluang untuk menulis kepada saya, maka di sini izinkanlah saya menerangkan supaya hilang mana yang keliru.

Tunku seorang negarawan, seorang pemimpin besar dan bekas Perdana Menteri Malaysia. Sementara saya pula seorang biasa, rakyat Malaysia telah belajar menulis, di sana dan di sini, ada yang tak menjadi dan ada juga yang menjadi. Saya beranikan diri saya kerana saya tahu saya berpegang kepada yang hak dan benar, iaitu al-Quran dan al-Hadith.

Saya mengenali Tunku sejak tahun 1952 lagi. Ketika itu Tunku baru pindah ke kampung saya Wadi Hana. Kebetulan rumah Tunku berhadap-hadapan dengan rumah saya. Anak angkat Tunku menjadi kawan baik saya. Begitu juga dengan anak Tunku yang bernama Tunku Nerang Putera. Begitu juga dengan Mak Engku Puan Sharifah Rhodiah, yang saya sendiri anggap seperti ibu angkat saya.

Sewaktu itu saya bebas keluar masuk rumah Tunku. Kalau tidak silap ingatan saya pada tahun 1952 saya ikut santap Nasi Merdeka di rumah Tunku bersama-sama dengan para pengasas UMNO dan ahli-ahli yang turut hadir pada waktu itu.

Ibarat kata sekiranya beras Nasi Merdeka yang saya makan itu boleh tumbuh dan hidup kembali, tentu pohon padi itu sudah lebih tinggi daripada bangunan UMNO yang ada hari ini, kalaulah pohon padi boleh tinggi. Barangkali juga kerana berkat Nasi Merdeka yang saya makan di rumah Tunku itulah maka jiwa saya adalah jiwa merdeka, tidak jiwa hamba.

Jadi bagaimana saya boleh pisahkan diri saya dengan UMNO. Saya lihat UMNO membesar di hadapan mata saya. UMNO itu saya rasakan seperti saudara angkat saya. Saya mengenali para pemimpin UMNO yang berhijrah ke kampung saya. Saya kenal mereka daripada waktu belum dikenali ramai, waktu masih menyewa rumah-rumah kayu dan rumah separuh batu, sehinggalah menjadi orang-orang penting dan berpindah ke mahligai menjadi kaya raya, ada yang menjadi negarawan yang terkenal, bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negeri. Tunku sendiri adalah contoh yang sangat tepat.

Para pejuang yang dimakamkan di Makam Pahlawan yang terletak di Masjid Negara itu juga adalah orang-orang yang saya kenali secara peribadi. Marilah kita menghadihkan al-Fatihah kepada Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tun Dr Ismail, Tun Sardon Jubir, Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Tun Abdul Razak.

Al-Fatihah.

Begitulah beratnya rasa hati hendak menulis bab ini, tetapi saya mempunyai sebab-sebab yang juga tidak ringan, yang memberanikan diri saya, bak kata orang kejam mata tetapi tidak kejam hati dan menulis bab ini. Kalau Tunku mempunyai tanggungjawab sebagai seorang Perdana Menteri sewaktu dia menjadi Perdana Menteri dan sekarang dia mempunyai tanggungjawab sebagai seorang bekas Perdana Menteri, maka saya mempunyai tanggungjawab sebagai seorang penulis. Tanggungjawab seorang penulis juga bukan tanggungjawab yang tidak berat. Kalau Perdana Menteri bertanggungjawab secara operasional untuk menjaga agama, bangsa dan negara, penulis mempunyai tanggungjawab mental untuk menjaga perkara yang sama.

Tunku sudah jauh lebih tua daripada saya, kalau umur yang menjadi ukuran, tetapi saya pun bukan muda lagi. Seperti Tunku mempunyai menantu dan cucu, saya juga mempunyai menantu dan cucu-cucu. Dan saya rasa di sisi Islam tidaklah salah bagi saya dan Tunku untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi di depan Allah Tuhan seru sekalian alam. Apa lagi kuasa yang lebih besar daripada Allah yang menjadikan langit dan bumi serta makhluk di antara keduanya?

Tunku kena ingat bahawa Tunku pun telah jadi seorang penulis seperti saya atau saya pun menjadi seorang penulis seperti Tunku. Saya menulis di akhbar-akhbar. Tunku ada kolum di akhbar. Saya tak ada. Saya menulis buku. Tulisan-tulisan Tunku pun telah banyak yang dibukukan. Ini semua adalah hakikat bahawa kita adalah penulis.

Kehidupan ini bukankah bertimbal balik? Tunku menulis mengkritik orang. Saya menulis pun mengkritik orang. Kita sama-sama mengkritik orang sebab oranglah yang memberi reaksi kepada pemikiran. Yang lain tidak. Buat apa kita kritik yang lain daripada orang?

Yang berbeza barangkali adalah cara dan *target* kritikan kita. Orang yang Tunku kritik kebanyakannya tidak sama dengan orang yang saya kritik. Perkara yang saya kritik pula kebanyakannya tidak sama dengan perkara yang Tunku kritik. Pribahasa Inggeris ada mengatakan *a coin have two sides*. Tunku nampak apa yang Tunku lihat dan saya nampak apa yang saya lihat. Antara Tunku dan saya pandangan kita berbeza.

Ada banyak sebabnya mengapa pandangan kita berbeza. Sebabnya yang penting kerana latarbelakang sejarah saya dengan latarbelakang sejarah Tunku yang berbeza. Tunku seorang putera raja. Sebagai seorang putera raja kehidupannya tentulah berbeza. Saya anak seorang Pak Habib yang berpegang kuat pada tali Allah. Cara hidup seorang putera raja berbeza dengan anak Pak Habib yang dikongkong dan diikat dengan tali Allah. Saya dibesarkan di rumah biasa, Tunku dibesarkan di rumah luar biasa yang dipanggil istana.

Pengalaman kita berbeza. Cara hidup kita berbeza. Visi kita pun berbeza.

Tunku pernah memegang jawatan Perdana Menteri. Saya seorang penulis politik, tidak pernah memegang apa-apa jawatan menteri, malah tidak pernah bekerja dengan kerajaan pun. Memang saya tak suka bekerja di bawah orang lain. Hidup saya bergantung semata-mata kepada Allah SWT.

Sebagai seorang rakyat, apa yang saya rasa adalah apa yang biasanya dirasakan oleh rakyat. Apa yang Tunku rasa adalah apa yang seorang putera raja rasa. Tidak sama. Anak raja boleh buat apa yang mereka suka. Tak ramai yang berani menegur, marah jauh sekali. Saya waktu berumur sembilan tahun terlupa sembahyang, kena pukul. Bercakap bohong apa lagi.

Orang di sekeliling Tunku semenjak dari Tunku kecil hingga hari ini dan orang di sekeliling saya semenjak dari dulu hingga hari ini mempunyai pandangan, ideologi, *way of life* yang sangat berbeza.

Saya seorang yang telah dididik oleh datuk nenek saya supaya berpegang kepada prinsip *amar makruf nahi munkar*. Saya tidak setuju orang Islam minum arak kerana arak itu haram. Saya tidak setuju orang Islam berjudi kerana judi dilarang oleh Allah. Perkara-perkara yang begini menjadi bahan yang saya kritik semenjak saya mula menulis buku politik pada tahun 1972 dalam buku saya *Temanku Pemimpin-pemimpin*.

Saya menyampaikan yang hak ini tidak bererti saya seorang manusia yang sempurna. Tapi itu menjadi tugas dan tanggungjawab saya apabila saya menerima Islam sebagai agama saya. Sebagai seorang rakyat biasa semenjak dari kecil lagi saya diajar dan dididik supaya berkata benar. Jadi setiap apa yang saya tulis itu adalah benar. Memang menelan yang benar itu pahit. Tetapi itu telah menjadi prinsip saya. Dan saya bersedia menerima hukuman ke atas kesalahan dan kesilapan yang telah saya lakukan. Bumi mana yang tak ditimpa dek hujan dan

lautan mana yang tak bergelombang. Tapi tak eloklah kalau hujan sepanjang waktu dan gelombang sepanjang zaman, kerana gelombang ada macam-macam gelombang, bergelombang pun gelombang juga.

Begitulah perbezaan yang sebenarnya amat mendasar yang membezakan pandangan dan sikap saya dan Tunku apabila menghadapi apa-apa pun permasalahan sama ada bercorak politik, sosial atau agama, malah tentang sikap dan pandangan terhadap hidup itu sendiri.

Tunku daripada tindakan dan percakapannya melihat Islam sebagai satu agama yang persis terpisah daripada kehidupan harian yang tidak bercorak ritual agama ataupun yang bercorak peribadi, sementara saya melihat Islam sebagai ad-Din atau *way of life*.

Semakin jelas bahawa perbezaan antara Tunku dan saya, antara seorang bekas Perdana Menteri berdarah raja dengan seorang penulis dan peramal politik rakyat biasa adalah perbezaan dalam premis pemikiran dan apa yang orang-orang akademik kata *frame of reference*. Pandangan Tunku bersifat sekular sedangkan pandangan saya adalah Islamik.

Matlamat hidup Tunku ialah menjadi *The Happiest Prime Minister* ataupun *The Happiest Ex-Prime Minister in the World*, yang mengandungi makna sama dengan *happy go lucky*. Saya seorang Muslim yang ingin menjadi hamba Allah yang hidup diredhai oleh Allah SWT, dan saya seorang rakyat yang menjadi penulis politik yang komited dengan bangsa, agama dan tanahair saya.

Satu lagi perbezaan yang saya tak berapa pandai nak sebutkan tetapi saya rasa memang ada. Saya akan cuba jelaskannya sedikit demi sedikit apabila saya menjawab surat Tunku selanjutnya ini.

Apabila Tunku mengatakan dalam suratnya, "**Keadaan negeri Amerika dan Britain sebagai Harimau dan keadaan kita macam Kucing, tidak harus dibanding negeri kita dengan**

negara-negara itu'', itu saya rasakan adalah satu tikaman yang amat tajam menusuk sanubari jiwa saya.

Seorang bekas Perdana Menteri, seorang yang berketurunan raja-raja Melayu yang berdaulat, seorang negarawan tua yang masih ingin campur tangan dalam politik hari ini, dia menyifatkan dirinya dan juga bangsa Melayu sebagai kucing dan Amerika dan Britain sebagai harimau? Ini saya sama sekali tak boleh terima dan hati saya berasa pedih dan malu dengan sikap seperti itu.

Saya bimbang dengan pandangan yang seperti itu nama Tunku yang pernah disanjung oleh rakyat Malaysia dan dunia kerana jasa-jasa Tunku yang dulu akan menurun, walaupun tidak orang nanti langsung memadamkan nama itu daripada senarai orang yang pernah berjasa kepada negara ini.

Pandangan itu boleh menyebabkan ada orang akan berkata bahawa jiwa Tunku tidak sebesar yang dianggap oleh orang selama ini. Saya sendiri pernah mendengar orang mengatakan bahawa hakikatnya Tunku hanya membuat *negotiation* kemerdekaan, bukannya pejuang kemerdekaan. Sedangkan Tunku telah diberi penghormatan yang tinggi dan luar biasa oleh rakyat Malaysia dengan gelaran Bapa Kemerdekaan.

Saya pun hormat kepada Tunku dengan jasa-jasanya mendapatkan kemerdekaan kepada negara. Tetapi kalau Tunku sendiri membuat pengakuan bertulis macam itu, apakah ertinya merdeka kalau sekadar menjadi kucing di kalangan harimau-harimau dunia? Saya tak mahu bangsa saya jadi kucing. Saya malu dengan datuk nenek saya. Saya malu dengan para Awlia Allah.

Sekarang saya yang telah makan Nasi Merdeka di Wadi Hana jiwa saya berteriak-teriak, bertempek-tempek bercampur antara malu, sakit, kesal, marah, benci, kesian terhadap seorang yang bertanggungjawab dalam *negotiation* kemerdekaan tanahair kita berjiwa kucing. Saya berasa ini adalah satu hakikat yang amat dahsyat sekali.

Malu saya bukan sahaja sebagai seorang Melayu tetapi juga malu sebagai seorang Islam. Saya bukan saja malu, tetapi saya juga kesal, kerana saya tahu waktu itu semangat orang-orang Melayu yang menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan bukan semangat dan jiwa kucing, tetapi jiwa dan semangat mereka lebih hebat daripada harimau. Itulah jiwa dan semangat Islam. Aneh bin ajaib pula pemimpin yang membuat *negotiation* kemerdekaan mempunyai semangat kucing di dalam dirinya.

Kucing itu tak salah apa-apa. Kita pun bukan mengata kepada kucing. Kucing binatang yang mulia kejadiannya. Saya pun sukakan kucing. Tetapi tak bolehlah kita nak jadi macam kucing orang lain jadi harimau. Itu ertinya belum masuk gelanggang lagi kita sudah mengaku kalah.

Kucing itu binatang kesayangan Nabi. Kasih Nabi pada kucing tak sama seperti kasihnya kepada umat. Nabi mahukan umatnya berjuang untuk mempertahankan tanahairnya. Nabi ajar umatnya *Hubbul watan minal-iman*. Cintakan tanahair itu separuh daripada iman. Kucing tak pernah cintakan tanahair. Kucing tangkap tikus sama ada untuk buat main-main atau untuk makanannya. Tapi kita sebagai anak watan kita akan memperjuangkan tanahair kita hingga ke titisan darah yang terakhir. Apalagi kita sebagai umat Islam. Kalaupun tidak kita sama setaraf dengan Amerika dan Britan, kita tidak mahu duduk lebih rendah dari mereka. Sekarang kita sudah merdeka, kita patut boleh buat apa yang Amerika dan Britain boleh buat, seperti yang Tunku sebut dalam suratnya itu.

Saya malu hendak tulis semacam ini, tetapi inilah analisa yang dapat dibuat, apa lagi yang hendak ditulis. Saya semenjak dari kecil telah diajar untuk menyatakan kebenaran dan bercakap yang hak. Namun apa pun saya tetap bercakap, dan saya berserah kepada Allah SWT. Tidak ada kepada yang lain. Macam mana saya boleh terima hari ini saya disuruh jadi kucing?

Kita analisa secara positif kita kata Tunku tidak mahu pertumpahan darah dan peperangan. Memang baguslah. Tapi

tidak mahu itu kerana apa? Kerana sikap kemanusiaan yang amat mendalamkah atau kerana berjiwa kucing? Jadi rombongan kita yang pergi ke London menuntut kemerdekaan itu rombongan kucinglah? Kemerdekaan negara kita pun kemerdekaan negara kucinglah. Kita ini semuanya kucinglah.

Patutlah dulu Dr Mahathir tak tahan sangat dengan Tunku, dia lawan Tunku dan tulis buku *Malay Dilemma*, kerana dia tak mahu orang Melayu jadi kucing, tak mahu negara Malaysia jadi negara kucing.

Sekarang pada waktu Dr Mahathir sedang memimpin umat Melayu bangun sekali lagi untuk membina maruah dan kehormatan yang sama setanding dengan harimau-harimau di seluruh dunia, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang kini bukan zamannya lagi mengiaiu-ngiaukan suaranya yang garuk minta rakyat supaya jangan sokong Dr Mahathir. Dia tiba-tiba nak buat parti baru yang diberi nama Umno Malaysia, nak ajak rakyat Malaysia yang sedang belajar jadi harimau supaya jadi kucing semula. Mana ada jalan, Tunku. Sorrylah.

Inilah yang saya pernah kata dalam buku *Challenger* dulu di kalangan orang Melayu peringkat atasan pun ramai lagi yang fikirannya belum merdeka. Macam mana tak jadi macam itu, Tunku yang dikatakan "Bapa Kemerdekaan" sendiri pun merdeka cuma setakat merdeka kucing saja.

Merdeka kucing ni tahu-tahu sajalah. Dia hidup kena orang pelihara, kena orang beri makan. Merdeka apa namanya tu? Tapi itulah merdeka kucing yang Tunku mahu agaknya. Mesti dengar cakap orang puteh, mesti jaga hati orang puteh supaya dia tak marahkan kita. Bila Dr Mahathir buat polisi "*Buy British goods last*", tersedaklah Tunku. Dia tak fikir orang Melayu boleh berani macam itu. Dia ingat kalau British tak beri kita makan; kelaparanlah kucing-kucing.

Tunku juga ada mengatakan di dalam suratnya kepada saya itu: "**British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain.**"

Di sini sekali lagi kita boleh melihat fikiran kucing Tunku. Mengikut Tunku, "British tidak akan beri merdeka oleh kerana tanggungjawabnya terhadap bangsa-bangsa lain". Ini pelek sikit ni. Bunyi cakap itu macam bukan bunyi cakap orang Melayu, tapi cakap orang puteh yang menjajah bangsa-bangsa lain. Dia ada tanggungjawab special pula terhadap bangsa-bangsa lain, maka sebab itulah dia menjajah bangsa-bangsa lain.

Inilah falsafah penjajahan, falsafah yang membenarkan satu bangsa menjajah bangsa lain. Bangsa yang kuat dan cerdik menjajah bangsa yang lemah dan bodoh. Bangsa harimau menjajah bangsa kucing. Kalau anda belum jelas lagi macam mana penjajah telah menanamkan sifat lemah dalam fikiran orang yang dijajah, saya pun tak tahulah macam mana lagi nak cerita. Tunku itulah satu contoh yang paling baik. Fikiran orang yang dijajah perfect pada dia. Macam mana kita nak boleh setuju dengan dia, dan macam mana hari ini boleh ada orang yang masih nak ikut cakap Tunku, saya pun hairan.

Kemudian Tunku kata: "**Kita tahu kita tidak ada senjata, dan tidak ada semangat untuk berjuang.**"

Ini lagilah saya tak faham. Saya fikir Profesor Datuk Dr Zainal Abidin Wahid dan Profesor Datuk Dr Khoo Kay Kim pun tak faham. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sendiri yang kata. Bukan orang lain. Kalau orang lain yang kata boleh jadi kita dapat cari sebabnya. Ini Tunku sendiri yang kata, macam mana kita nak faham. Rosak sejarah kalau macam ini. Patutlah Dr Burhanuddin, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad tak mahu ikut pakatan Tunku pada masa itu.

Ini barulah betul-betul kacau kita. Tiap-tiap kali perayaan Hari Kebangsaan kita beri penghormatan kepada pejuang-pejuang Melayu yang menentang Malayan Union, kita seru orang sekarang supaya kembali kepada semangat 1946. Tunku kata waktu itu kita tak ada semangat nak berjuang menuntut kemerdekaan. Macam mana ni Tunku? Rosaklah sejarah macam ini, Tunku. Macam mana budak-budak sekolah nak faham sejarah negara mereka sendiri?

Bangsa Melayu tidak ada semangat untuk berjuang. Ini satu kenyataan yang cukup berat, yang bukan saja memalukan bangsa Melayu tetapi menghina. Ini satu tohmah. Kita belajar tentang tokoh-tokoh pejuang seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman, Datuk Sagor, Tuk Janggut, Datuk Peramu, Datuk Maharajalela, Mat Salleh, Rosli Dhoby dan ramai lagi. Orang puteh memang tak kata mereka itu pejuang, orang puteh kata mereka itu penderhaka dan pengkhianat. Soalnya Tunku ini sampai begitu dahsyat sekalikah fikirannya telah dijajah oleh Inggeris? Astaghfirullah al-adzim.

Masya Allah! Kenyataan Tunku itu sama sekali menafikan adanya roh keislaman dalam jiwa orang Melayu, menafikan hasil kajian yang telah dibuat oleh Profesor Syed Muhamad Naquib Al-Attas dalam perkara ini.

Kalau kita kata Tunku dah tua nanti Tunku dan pengikut-pengikut setianya marah. Kalau Tunku tak tua kita kenalah kaji dan selidik semula fakta sejarah bangsa kita. Tapi walau macam-mana pun saya tak akan terima mengatakan orang Melayu waktu itu tak ada semangat. Banyak bukti-bukti sejarah yang ada. Saya terpaksa kata Tunku dah tua.

Saya minta maaflah Tunku saya terpaksa cakap macam ini. Kasar sikit bunyinya. Tapi nak buat macam mana? Dulu pun saya pernah kata Tunku dah tua, tapi dengan makna yang lain sikit. Kali ini nampaknya dah semakin nyata.

Apa nak dihairankan. Tua satu perkara biasa. Apabila sampai masanya seseorang itu apabila sudah melewati umurnya dia akan tualah. Tak ada masalah apa-apa bagi orang yang sudah tua. Yang ada masalahnya orang-orang lain yang tak tua lagi itu meminta orang yang tua supaya tolong mereka dan mereka tak percaya orang yang dah tua itu dah tua.

Itu satu aspek. Dari aspek yang lain pula Tunku telah mengakui bahawa dia memang tidak berjuang sewaktu hendak mencapai kemerdekaan. Tunku hanya pergi *negotiate* dengan "bapa angkat" dan "abang angkat" harimaunya di London.

Kita tanya pula macam mana Tunku *negotiate* ataupun berunding itu? Tunku jawab dalam suratnya kepada saya: "Hanya satu jalan sahaja iaitu jalan perdamaian, dengan jalan itulah kita tarik orang-orang Cina, India dan lain-lain bangsa yang duduk di Tanah Melayu untuk menyebelahi kita, dan kita mengaku akan beri hak kepada mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu."

Nampak nyata kucingnya Tunku di situ. Apabila jiwanya kucing maka segala tindak dan caranya pun tindak dan cara kucinglah. Bukan orang Melayu tak ada semangat perjuangan. Sebenarnya Tunku yang tak ada semangat perjuangan. Orang Melayu ada semangat perjuangan. Tetapi orang Melayu waktu itu hormatnya kepada raja, taatnya, takutnya dan segala macam, mereka mahu ada raja dan mereka mahu raja jadi ketua mereka. Tunku itu raja, sebab itu rakyat Melayu waktu itu mahu Tunku jadi ketua mereka dan mereka akan ikut apa kata ketua mereka. Apa kita nak buat, dah jadi cara hidup dan pegangan hidup orang Melayu waktu itu macam itu.

Raja memang pandang rendah kepada rakyat. Dari dulu-dulu sejak ada kerajaan, ada raja dan ada rakyat, memang macam itu. Dia raja! Rakyat semua hamba kepada raja. Apa diperintah oleh raja rakyat mesti patuh. Tak patuh pancong kepala. Rakyat kenalah jadi macam kucing. Macam itulah Tunku tengok orang Melayu. Macam raja tengok rakyat dan hamba-hamba dia.

Tetapi walau bagaimanapun tidaklah semua raja macam itu. Tidak saya nafikan ada juga raja-raja yang baik dan adil. Kalau tidak macam mana boleh ada peribahasa **Raja adil raja disembah, Raja zalim raja disanggah**. Pada hari ini pun ada juga raja yang baik, yang belajar Tasawuf dan mengikut Sunnah Rasulullah SAW.

Faham Tunku tentang orang Melayu ialah faham cara raja. Tentulah tak sama dengan faham cara Dr Burhanuddin, cara Boestamam dan cara Ishak Haji Muhammad. Tentu tak sama dengan faham Dr Mahathir yang faham cara rakyat. Antara

faham Tunku dengan faham Tengku Razaleigh mungkin ada persamaan, sebab kedua mereka sama-sama keturunan raja, dan mereka berkawan baik pula.

Jadi mereka yang selama ini percaya kepada pimpinan Tengku Razaleigh eloklah fikirkan semula, supaya bangsa Melayu tidak menjadi bangsa kucing.

Kerana fahaman Tunku yang macam itu, bahawa rakyat-rakyat Melayu ini semuanya hamba yang lemah, takut dan tak ada semangat berjuang, macam kucing, Tunku tak percaya orang Melayu boleh berjuang sendiri menuntut kemerdekaan. Dia kenalah ajak Cina dan India tolong. Tu dia! Rupa-rupanya macam itu kisahnya. Maka Tunku pun "mengaku akan beri hak kepada mereka sekiranya kita merdeka. Inilah hak yang mereka dapat yang diberikan kepada mereka oleh orang-orang Melayu," kata Tunku.

Itulah kisahnya. Maknanya apa? Maknanya orang Melayu sang kucing-kucing ini kalau tak ditolong oleh orang Cina dan India nescaya tak akan mempunya dia menuntut kemerdekaan. Orang Melayu sang kucing-kucing ini tak akan mampu menjadi bangsa yang maju kalau tak ditolong oleh bangsa lain. Hina tak hinanya bangsa Melayu pada pandangan Tengku, macam itulah. Fikirlah sendiri kalau fikiran anda sudah bebas daripada belenggu penjajah.

Tunku mengatakan lagi: "**Sekarang orang-orang Melayu sudah dapat apa yang dikehendaki, tetapi janganlah kita lupa perjanjiannya yang kita buat.**"

Apa dia yang orang Melayu sudah dapat, Tunku? Tunku pun sudah kata, "**Bangsa Melayu telahpun tersepit dan sudah hendak lenyap dalam negerinya sendiri.**"

Saya nak tanya, macam mana boleh jadi macam itu, Tunku? Cubalah Tunku jawab kepada saya dan kepada orang Melayu. Perjanjian apa yang Tunku dah buat dan Tunku minta supaya orang Melayu jangan lupa kepada perjanjian itu. Ini semua Tunku yang kena jawab kepada orang Melayu. Saya

tak boleh jawab. Kalau saya jawab nanti saya sentuh perkara-perkara sensitif.

Tunku juga yang kata: **“Sebenarnya Amerika dan Britain memberi tempat kepada mereka dengan cara kesihan rahim untuk menduduki didalam negara-negara itu, dan apakah hak mereka boleh tuntutan. Sekiranya tidak berpatuh kepada undang-undang negeri, mereka akan dihantar balik ke negeri mereka yang asal.”**

Kata-kata Tunku itu kalau saya nak ulas dan komen pun nanti Tunku kata saya nak ungukit perkara-perkara lama yang dah tak boleh diungkit-ungkit lagi. Ini yang peribahasa kita kata “ditelan mati emak diluahkan mati bapa”. Nak telankah nak luah? Tunku yang dah banyak makan garam tolonglah jawab kepada saya dan kepada orang-orang Melayu yang lain.

Dunia sentiasa berkembang dan berubah. Itu memang kerja dunia. Kita kenalah sesuaikan diri kita dengan keadaan yang berubah. Dunia hari ini bukan serupa lagi dengan zaman Tan Cheng Lock, Tun HS Lee, Tun Sanbathan dan Tun Tan Siew Sin. Ini zaman Karpal Singh, zaman Lim Kit Siang dan zaman Lee Kim Sai. Bukan Tunku tak tahu ini semua. Kalau tahu janganlah buat-buat tak tahu.

Saya percaya Tunku tahu banyak perkara yang saya dan kawan-kawan saya tak tahu. Saya amat berterima-kasih kepada Tunku kerana saya tak sangka Tunku sudi menulis surat kepada saya. Banyak pengetahuan yang saya dapat dari surat Tunku yang amat berharga itu. Memandangkan isinya yang terlalu tinggi nilai bagi umat Melayu itulah maka saya siarkan dalam buku saya ini, dan saya ulas dan komen sedikit sebanyak, seperti kata Tunku, supaya “boleh menjadi guna kepada bangsa saya dan penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini”.

Saya juga amat berterima-kasih atas nasihat Tunku yang Tunku berkata: “Oleh itu saya berharap gunalah tulisan Syed yang bijak untuk faedah bangsa, agama dan negara, bukan untuk mencaci dan mencerca peribadi orang lain dengan tidak ada sebabnya.”

Itu saya setuju. Saya pun selalu berdoa ke hadrat Allah SWT memohon pertunjuk dan hidayatNya agar saya tidak menyalahgunakan tulisan saya untuk tujuan yang tidak baik. Seperti yang selalu saya kata, pegangan saya ialah "*Amar makruf nahi mungkar*". Saya berjuang melalui tulisan saya, kerana saya adalah seorang anak Melayu yang mempunyai semangat untuk berjuang.

Melalui tulisan saya akhir-akhir ini saya berperang menentang sesiapa saja yang cuba hendak merosakkan agama, bangsa dan negara saya. Bahasa saya dan bahasa Tunku mungkin tidak sama, sebab itu Tunku kata saya ada mencaci dan mencerca peribadi orang lain. Saya jenis orang yang bercakap terus terang dan berkata benar walaupun pahit. Tak kira punya. Tak ada selindung-selindung. Saya jenis tak takut punya. Saya lahir ke dunia pun seorang diri. Saya mati pun mati seorang. Kalau ada orang nak kebumikan saya Alhamdulillah. Kalau tak ada manusia nak uruskan, tak apa, malaikat ada. Tunku pun suka cakap tak pa tak pa.

Zaman telah banyak berubah. Saya terpaksa bercakap dengan cara yang sesuai dengan zaman 1980-an menjelang tahun 2000 ini, bukan cara zaman 1950-an. Zaman 1950-an dulu zaman Mak Inang dan Dondang Sayang. Zaman 1980-an ini zaman Rock dan Mat Rock dan Minah Rock. Rentak dan iramanya tak serupa.

Baru-baru ini saya ada dengar Tunku kata yang Tunku sedih dan kesal dengan keadaan politik. Itu perkara biasa. Saya tak hairan, seperti saya telah buat ulasan di atas, fahaman Tunku dengan fahaman pimpinan politik cara rakyat memang tak cocok, kata orang Indonesia. Tapi saya rasa pelik sikit bila Tunku kata yang Tunku bimbang kalau keadaan yang Tunku tak suka itu berterusan nanti Tunku mati pun pejam mata tak rapat, kerana banyak sangat masalah yang belum selesai.

Tibalah giliran saya pula sekarang, izinkanlah saya memberi nasihat kepada Tunku. Saya cakap terus terang saja. Zaman Tunku berpolitik sudah berakhir. Tunku pun dah banyak uzur sekarang. Allah lanjutkan usia Tunku supaya

Tunku boleh bertaubat atas segala dosa-dosa dan membanyakkan buat ibadat.

Serahkanlah urusan politik hari ini kepada orang-orang hari ini, sebab kalau nak kira banyak masalah tak selesai, Nabi Muhammad SAW tentulah kena hidup sampai ke hari ini. Kita ini semua umat Muhammad. Mengikut logik Tunku itu Nabi Muhammad kenalah hidup sampai sekarang supaya masalah-masalah boleh diselesaikan.

Tunku patutnya tidak fikirkan mata Tunku boleh pejam rapat atau tidak bila Tunku mati nanti. Ajaran Islam tidak pernah mengajar begitu. Tunku patut fikirkan apabila tiba waktu sakratul-maut yang siapa pun tak boleh tahu itu apakah waktu itu Tunku boleh mengingati dan menyebut nama Allah ataupun tidak. Boleh mati dalam iman atau tidak. Itulah yang saya bimbangkan, sebab saya kasihkan Tunku. Tunku saudara tua saya. Saya harap semuga Tunku dapat mati dalam iman. Soal mata pejamkah, mulut terngangakah, berbuihkah, lidah terjelirkah, itu semua bukan kerja manusia boleh menentukannya. Allah yang menentukannya.

Tunku memikirkan mati pejam mata tak rapat kerana masalah politik tak selesai dengan cara Tunku itu, kalau cara macam itu Tunku kenalah hidup sampai bila-bila untuk selesaikan masalah politik. Itu sudah tergelincir sedikit aqidah kita kalau macam itu. Lebih baik kita beristighfar dan bertaubat cepat-cepat.

Tunku tahu tak, Nabi Noh Alaihissalam umurnya 950 tahun. Begitu kuat baginda berdakwah cuma 62 orang saja umatnya yang masuk Islam. Anak dan isterinya adalah kafir belaka. Berbeza dengan Nabi kita, hidupnya 63 tahun saja, tapi mempunyai lebih dari satu billion umat kerana Islam diturunkan kepada Muhammad untuk semua bangsa, bukan untuk orang-orang Arab dan Melayu saja.

Tunku sendiri pun adalah seorang pendakwah Islam. Dalam waktu yang sama Tunku bercakap dan hidup tidak berpandukan al-Quran dan Sunnah seperti sepatutnya. Tunku jadi

Pengerusi PERKIM. Nanti kita bimbang tak tahu berapa orang yang sudah diislamkan oleh Tunku yang jadi orang-orang Mukmin. Sekiranya Tunku dapat membetulkan aqidah Tunku dan bertaubat, insya Allah saudara-saudara baru dalam PERKIM boleh jadi orang-orang Mukmin dan Mukminat.

Tuhan bukan nak suruh seseorang manusia itu hidup sampai tak mati-mati, kata orang tua-tua kampung kita bukan nak tongkat langit, sebab kalau tak mati pun menyusahkan juga. Semuanya dijadikan mengikut giliran masing-masing. Apabila tiba waktunya, tidak boleh diinjak atau dipercepatkan walau sesaat pun. Tunku pun sudah lanjut usia. Saya pun begitu juga, sudah tua dan sudah ada cucu, tetapi masih mudalah sedikit lagi kalau dibandingkan dengan Tunku.

Sebaik-baiknya yang tua-tua macam kita ini tinggalkanlah kerja-kerja orang muda kepada orang muda, kerana dunia ini bukan hak kita. Buat apa kita nak tamak nak rebut hak orang-orang muda? Tetapi kita kenalah beringat, kadang-kadang ada orang muda yang nak pergunakan kita untuk kepentingan mereka. Mereka pun datanglah pujuk kita, puji kita dan macam-macam lagi supaya kita tolong mereka. Waktu ini kalau kita tidak insaf yang kita lebih dekat dengan kubur daripada dengan politik, rosaklah kita.

Yang nak pergunakan kita akan pujuk dan puji kita. Tetapi bagaimana yang lain-lain. Mereka akan ketawakan kita, malulah kita. Budak-budak muda sekarang ini lain macam sikit, Tunku. Di depan kita mereka tunjuk hormat, tapi di belakang kita mereka umpat yang bukan-bukan. Boleh pengsan kita kalau mendengarnya. Inilah yang dikatakan anak-anak di zaman sains dan teknologi. Buat sesuatu ikut suka hati sendiri.

Apa lagi yang Tunku mahu daripada dunia ini? Tidak cukup lagikah dengan apa yang telah dikurniakan Allah selama ini? Saya beranikan diri memberi nasihat begini sebab saya tahu orang lain tak berani nak nasihat Tunku begini. Saya berpegang kepada perintah Allah supaya orang Islam sama orang Islam saling ingat mengingatkan. Tunku ingatkan saya,

Saya ingatkan Tunku. Kalau tidak kita boleh terlupa dan terlalai. Yang boleh beri taufik dan hidayah cuma tuhan saja.

“Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberikan petunjuk, memberikan hidayah pada siapa-siapa yang kamu kasih, siapa-siapa yang kamu sayang, walaupun dia ayah, anak, isteri, abang, adik atau cucu kamu. Kamu tidak akan dapat memberikan hidayah kepadanya, melainkan Allah ta’ala sajalah yang akan berikan hidayah kepada siapa-siapa yang dia kehendaki dan siapa-siapa yang dia mahu.”

Al Quran.

Orang tua buat feel orang tua. Bila masuk waktu kita pergi ke masjid bersembahyang. Budak-budak pun hormat dengan kita. Orang dewasa memanglah hormat. Sekali-sekali kita bercakap pun, kata orang-orang kampung, masin cakupnya.

Saya bukan nak kata Tunku tak boleh langsung melayan orang-orang muda. Boleh, tetapi ada had dan batasnya. Janganlah kita melayan berlebih-lebihan sebab kerja yang berlebih-lebihan itu Tuhan pun marah. Sabda Rasulullah SAW bermaksud sebaik-baik hidup adalah sederhana.

Jadi apabila ada yang tarik upeh pinang, ibaratnya, janganlah Tunku duduk atas upeh itu untuk ditarik. Kita orang tua-tua yang sudah lebih umur ini orang kata jatuh upeh. Upeh pinang yang sudah kuning bila dah jatuh dia dah tak naik lagi dah. Bila dah tak naik lagi dah, budak-budak naik atas kita. Di kampung upeh pinang dijadikan permainan. Diheret macam naik motorbot atas darat. Yang duduk atas itu pun bermimpi-lah naik bot. Jadi janganlah ikut budak-budak main tarik upeh. Nanti kalau orang-orang tua lain tengok, mereka gelakkan Tunku.

Biarlah budak-budak muda nak tarik masuk sungaikah, masuk lautkah, biar mereka tarik sama-sama puak mereka. Sebab kalau masuk sungaikah masuk lautkah mereka tu orang

muda-muda semuanya. Mereka boleh berenang. Mereka tahu mana tempat ada jerung, mana tempat banyak buaya dan mana tempat banyak sampah sarap. Kita yang sudah berumur ini tak usahlah ikut mereka. Nanti kalau masuk laut kita nak berenang pun tak boleh. Mata pun dah tak berapa terang lagi.

Budak-budak sekarang ini pandai mereka lebihnya nak seronok sahaja. Seronok mereka pula ada macam-macam cara seronok. Seronok politik ada, seronok ekonomi ada, seronok main-main pun ada juga. Mainan mereka pun ada macam-macam. Kita yang tua-tua ini jangan tersilap layan mereka. Takut kalau tersilap buatnya budak-budak itu kerana dia nak suka cara dia nanti dia pujuk kita suruh pakai *napkin*. Mula-mula boleh jadilah kita tak seronok. Tapi lama-lama dia boleh cakap sama kita itu *new fashion*, semua orang sudah pakai. Kita dek kerana dah mula nak nyanyok maka percaya kepada budak-budak itu, bila kita pakai *napkin* ramailah orang gelak. Kalau saya terkena tipu macam itu tak pa juga. Tapi kalau Tunku pun budak-budak muda itu tipu macam tu, malulah kita. Tunku bekas Perdana Menteri Malaysia.

Memanglah kalau Tunku ikut budak-budak tu mereka boleh siarkan di suratkhobar, di televisyen dan radio. Tapi apa nak buat? Orang gelak sahajalah.

Budak-budak pula ada macam-macam jenis budak-budak. Budak-budak kampung dia tak tahulah nak sebut *napkin* semua itu. Dia kalau dia pujuk pun barangkali minta main guli atau layang-layang sahaja. Tapi kalau anak-anak raja saya tak tahulah. Dia punya *taste* lain macam.

Lagi satu Tunku jangan lupa, dalam surat Tunku itu Tunku umpamakan orang Melayu sebagai kucing. Saya bimbang ini semua kalau tahu kepada budak-budak nakal itu nanti dia tanya: Mana dia bapak kucing?



Kemegahan kita membuat kerja-kerja yang mungkar, bukan saja memalukan diri kita sebagai orang Islam tetapi memalukan umat Islam. Apatah lagi kalau kita menjadi seorang pemimpin negara Islam yang dihormati dan disegani oleh dunia.




Buka kelab-kelab judi, hobi main kuda ini bukan kerja pemimpin Islam yang baik. Macam mana nak tegah kemungkar, kita pun hidup dalam kemungkar?




"Minta maaf Tunku. Umur Tunku tinggal panjang ini saja. Bertaubatlah. Kalau nak jadi bapak duduk di rumah, itu bapak yang betul pergi masjid" kata Dr Mahathir.

"Yalah Che Dat, saya memang nak pi masjidlah ni." Jawab Tunku. Pak Khir dan Tan Sri Kadir turut dengar sama. Tun Tan Siew Sinisudah mati. Mereka ini semua satu geng dulu. Saya selalu jumpa Tan Sri Kadir sembahyang Jumaat di masjid Bangsar.




"Happy Birthday Tunku. Happy birthday to you. Happy birthday, happy birthday, happy birthday to you."


...happy birthday, happy birthday to you.



Lim Kit Siang dan kawan-kawan ucapkan selamat hari jadi untuk Tunku.



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri yang pertama dengan piala kemenangannya yang dibawakan oleh kudanya. Manalah dia tidak gembira, ada kuda-kuda yang handal-handal belaka. Ada orang jangan hendak ada satu kuda sepatu kuda yang sudah terpakai pun tak ada.



Kalau badan mahu sihat hari-hari mesti main "Holla Hup". Tun Razak cuma tengok saja tetapi tak turut main. Ini ada satu lagu "Holla Hup": *Bila mama pakai celana, papa geleng kepala. Bila mama hulla hup, bisul papa meletup. Hulla! Hulla Hulla Hup... Hulla hula hula hup... Hulla la la hul la hup. Inilah dia The Happiest Prime Minister in the World.*

SEPATAH KATA TUNKU YANG DIPERTUA

Pada 11 Mei 1956 ini genaplah umur UMNO 10 tahun. Dari-pada tarikh dan hari UMNO ditubuhkan hinggalah hari ini berbagai-bagai perkara telah UMNO hadapi dan jumpai yang barang kali tidak ada sebuah parti siasah pernah menjumpai keadaan yang seumpamanya.

Mula-mula UMNO ini ditubuhkan ialah untuk menentang teriti Mc Michel (Malayan Union). Setelah UMNO berjaya menentang dan meruntuhkan treaty itu maka UMNO telah menubuhkannya Kerajaan Persekutuan.

Lepas menubuhkan kerajaan persekutuan maka UMNO telah mula berpecah-belah kerana Datuk Onn berfikir iaitu dengan ada orang Melayu sahaja di dalam UMNO ini satu pun tidak dapat dihasilkan. Dia berfikir dengan bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain senanglah kita mencapai kemerdekaan. Caranya hendak mendapatkan kerjasama itu ialah dengan membubalkan UMNO dan menubuhkan sebuah parti yang tidak bercorak perkauman. Dengan maksud inilah Datuk Onn menubuhkan partinya yang baharu iaitu IMP. Ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang terkemuka dalam parti ini ialah Datuk Onn sendiri, Datuk Sir Chen Lock Tan, Datuk Thuraisingam, Datuk Zainal Abidin, Ramani, K.L. Dewarsr, Menon, Raja Ayob dan lain-lain lagi yang namanya masyur dan terkenal dalam lapangan politik negeri ini.

Apabila tertubuh saja parti IMP itu maka orang ramai telah terkejut dan terpegun. Ada setengah-setengah orang berkata UMNO akan mati didalam 6 bulan dan ada setengahnya pula berkata tak usahlah kita berjuang lagi. Tetapi orang-orang yang bersemangat dan taat setia kepada UMNO serta memandang UMNO ini sebagai parti kebangsaan Melayu yang tunggal telah menjawab perasaan putus harapan itu dengan berkata "Kami akan berdiri teguh dan tetap dalam UMNO dan kalau UMNO mati bersama-samalah kami.

Datuk Abdul Razak telah menulis surat kepada saya minta saya terima jawatan Yang Dipertua UMNO. Saya telah bersetuju dengan permintaan itu dengan syarat orang-orang seperti Datuk Abdul Razak mahulah bersama-sama. Saya telah terima juga surat daripada Malay Graduate Association yang diketuai oleh Dr. Ismail, Haji Hassan dan lain-lain orang yang terpelajar di Johor dan Singapura. Persekutuan ini mendesak saya terima jawatan Yang DiPertua UMNO sambil memberi pengakuan hendak menyokong saya. Banyak lagi orang-orang dari Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Seberang Prai, Johor dan Negeri Sembilan semuanya bersetuju saya terima, tetapi pada masa mengundi calon-calon yang Dipertua di dalam persidangan UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1951, didapati wakil-wakil Kedah Haji Muhamad Rejab telah mengundi calon lain dengan pandainya sendiri. Sungguh pun begitu saya telah menang atas calon lawan saya dengan mendapat undi yang terbanyak sekali.

Yang anehnya dalam soal memilih calon Yang Dipertua ini, ialah Encik Bahaman Shamsudin dari Seremban telah diminta memperkenalkan saya kepada ahli-ahli persidangan. Encik Bahaman waktu bangun bercakap telah berkata saya tak tahu banyak berkenaan Tunku tetapi dia ialah kawan saya yang baik dan saya percaya dia boleh. ini telah menjadi ahli-ahli persidangan gelak ketawa kerana lain-lain calon itu Haji Ahmad Fuad dan C.M Yusof telah diperkenalkan oleh pencadangnya dengan menyebutkan kelebihan masing-masing di dalam masa 1 jam tiap-tiap seorang.

Saya sendiri berasa sangat bimbang atas kelayakan saya menjadi Yang Dipertua pertubuhan siasah yang paling besar dalam negeri ini, tetapi alhamdulillah ketua-ketua UMNO dan ahli-ahli UMNO serta rakyat jelata ada menaruh kasihan kepada saya dan kasih kepada UMNO lalu masing-masing berpakat, menolong menjaga dan mengasuh saya. Mula-mula saya belajar merangkak kemudian berjalan dan akhirnya baharu belajar berlari. Demikianlah hal saya sehinggalah hari ini dalam masa kita telah menubuhkan kerajaan sendiri.

Seperkara yang sangat-sangat luar biasa yang berlaku masa dalam perjuangan kita ialah sikap kerajaan British yang telah bersetuju menentu dan mengisytiharkan hari dan tarikh kemerdekaan bagaimana kehendak dan keputusan UMNO dan Perikatan iaitu 31 Ogos tahun 1957. Ini tidak pernah dibuat oleh kerajaan British di dalam penjajahannya.

Kejayaan kita setakat yang ada ini ialah dengan kerana taat setia ahli-ahli UMNO. Semasa saya mula-mula pegang jawatan Yang Dipertua UMNO ada di antara ahli-ahli jawatan kuasa agong UMNO yang tidak mahu patuh kepada saya dan sentiasa mengganggu pekerjaan-pekerjaan kita dalam jawatan kuasa itu. Begitu juga dalam bahagian-bahagian ada juga orang-orang yang seumpama ini.

Pada hari raya haji tahun 1951, Tuan Haji Abdul Wahab seorang alim yang bersemangat dan menjadi imam masjid pudu telah meminta saya bersyarah lepas sembahyang raya. Saya pun berseru kepada orang Melayu menyokong saya dan bertaat setia kepada saya. Lepas bersyarah saya balik ke rumah dan orang-orang surat khabar datang bertanya kepada saya apa hendak buat kepada orang-orang yang tidak setia ini. Saya jawab hendak pecat daripada UMNO. Apabila kenyataan saya itu keluar dalam surat khabar, maka terbitlah heboh dan riuh rendah di sana sini. Tetapi kesudahannya orang-orang itu habis kena pecat atau menarik diri sendiri. Dengan ini maka yang keruh menjadi jernih dan UMNO pun mara terus kehadapan dengan mendapat beberapa kejayaan. Satu tanda kejayaan UMNO ialah rumah-rumah UMNO yang telah didirikan di merata-rata negeri dan jajahan. Ini bermaknalah UMNO akan berdiri kekal.

Orang-orang Melayu yang bukan ahli UMNO telah menyokong juga perjuangan UMNO bagaimana yang telah kita saksikan dalam keputusan pilihanraya. UMNO telah pun berikhtiar membalas budi orang-orang yang menyokongnya itu dengan memberi pertolongan atas apa-apa sahaja yang mereka kehendaki dan terdaya pula oleh UMNO membuatnya.

Dengan perpaduan orang Melayu ini di bawah panji-panji UMNO, saya yakin bangsa kita boleh selamat dan maju.

Dengan kekuatan UMNO disertai pandangan yang luas daripada ahli-ahlinya kita telah terima masuk bersama dengan kita dalam perjuangan, pertubuhan orang Cina iaitu MCA.

Bersama-sama dengan MCA inilah kita telah masuk dan mengambil bahagian yang penting dalam pilihanraya dengan mendapat kejayaan penuh memenangi kesemua kerusi-kerusi yang dipertandingkan dalam semua peringkat dan Town Council hingga ke Federal.

Sebelum pilihanraya federal MIC pula untuk masuk dalam Perikatan dan kita terima.

Pada 9 Ogos 1955 kita telah menubuhkan kerajaan persekutuan dengan membentuk satu jemaah menteri yang terkandung di dalamnya Melayu, Cina dan Indian. Ini menunjukkan bahawa orang-orang Melayu kita ada luas dan jauh pandangannya dalam perkara politik kerana tidak ada suatu suara pun yang membangkang di atas suasana jemaah menteri itu. Dan hingga hari ini kami menjalankan kerja dengan pakatan dan kerjasama yang baik.

Kerajaan perikatan sekarang ini sedang berikhtiar bersungguh-sungguh hendak menyempurnakan janji-janjinya dalam manifesto dan banyak telah dijalankan. Dan lagi banyak yang hendak dijalankan. Perkara-perkara baik yang kita tidak janjikan pun kita akan jalankan juga dengan tujuan hendak memperelokkan keadaan dan kehidupan orang-orang kita.

Ada banyak orang-orang kita yang menentang susunan dasar pelajaran yang baru kerana mereka berpendapat pelajaran Melayu menurut dasar itu tidak memadai tetapi orang-orang yang menentang itu agak lupa bahawa dalam janji kita maka kita telah mengaku hendak menjadikan bahasa Melayu bahasa resmi dalam tempuh 10 tahun. Orang-orang ini nampaknya berkehendak esok juga bahasa Melayu itu menjadi bahasa resmi dengan sepenuhnya. Saya percaya bahawa tidak ada orang Melayu yang tidak mahu macam ini. Tetapi orang-orang yang bertanggungjawab terpaksa menimbangkan sesuatu perkara itu boleh dibuat atau tidak.

Keadaan negeri kita ini berlainan sangat dengan keadaan lain-lain negeri. Saya ini boleh dikatakan seorang saja Ketua Menteri dalam dunia ini yang menerima negerinya dengan keadaan yang ganjil itu. Di dalam negeri ini bilangan bumi putra yang jati sama banyak dengan bangsa-bangsa dagang. Manakah ada sebuah negeri yang sama dengan negeri kita ini tentang soal penduduk-penduduknya yang berbagai-bagai dan berlainan bangsa dan bahasa serta adat dan ugama.

Indonesia lebih kurang 90% rakyatnya dari bangsa Indonesia sendiri, begitu juga Siam, Ceylon dan Burma. Dengan sebab inilah segala apa yang kita hendak buat dan susun, hendaklah dilakukan dengan cermat dan sabar. Saya percaya asalkan bangsa-bangsa asing itu dapat belajar bahasa kita, barulah mereka sedarkan keelokan dan keindahannya. Dan dengan ini akhirnya dengan suka hati mereka sendiri, mereka akan gunakan bahasa Melayu sebagai bahasa basahan dan resmi dalam tempuh yang lebih singkat daripada kita tetapkan.

Dengan dasar pelajaran yang baharu itu bahasa Melayu akan diajarkan dalam semua sekolah-sekolah hingga ke Radio Melaya sekali.

Ada juga orang-orang kita yang tidak bersetuju kita membenarkan British mempunyai pengkalan-pengkalan tentera disini untuk menempatkan askar-askarnya dan askar-askar komenwel. Orang-orang ini tidak setuju kita buat teriti tolong menolong dan pertahanan dengan British kerana mereka

berpendapat iaitu sekiranya British ada pengkalan-pengkalan tentera di sini boleh jadi negeri kita akan diserang oleh kuasa luar. Tetapi mereka tidak sedar akan kelemahan kita sekiranya kita tidak membuat treaty pertahanan dengan British nescaya musuh dengan senangnya akan masuk menyerang kita dengan tidak menemui perlawanan. Bagaimana dan apakah rupanya kita ini boleh mengadakan askar-askar yang lengkap untuk menahan sebarang serangan dari luar dengan keadaan perolehan negeri kita yang penuh dengan rakyat-rakyat daripada bangsa asing. Dan juga adakah sebuah negeri dalam dunia ini yang tidak membuat persahabatan dengan negeri-negeri lain.

Kalau kita sendiri hendak membina angkatan udara, laut dan darat yang kuat, maka kita perlukan sekurang-kurangnya 2,000 juta ringgit setahun padahal perolehan kita hanya 735 juta ringgit sahaja yang demikian itu terpaksa kita membuat teriti persahabatan dengan Britain dan lain-lain juga.

Seperkara lagi yang berbangkit dengan hebatnya ialah soal Jus Solly. Perbahasan atas soal ini telah pun reda sedikit sebab kita telah menubuhkan sebuah jawatan kuasa yang terkandung di dalamnya ahli-ahli UMNO, MCA, MIC bagi memeriksa dan menimbang hal itu.

Bagi pihak diri saya dan rakan-rakan saya ada perasaan curiga dan bimbang melihatkan perkara-perkara yang sedang berlaku yang boleh mengacau perjalanan kita kearah kemerdekaan. Ada sebilangan orang daripada bangsa asing yang menuntut itu dan ini, dan juga ada di antara kita yang menjawab segala tuntutan itu dengan tidak mengambil nasihat dan fikiran daripada ibupejabat UMNO. Dengan keadaan yang sedemikian ini saya bimbang akan berlaku perkara-perkara yang kita tidak ingin di antara bangsa kita dengan bangsa lain.

Saya suka menasihatkan saudara-saudara saya sekalian, jalankanlah parti disiplin dengan sempurna kerana dengan demikian saya percaya segala-galanya akan menjadi betul dan bagus.

Dan hendaklah kita ingat bahawa kekuatan kita daripada dahulu lagi hingga hari ini adalah bergantung kepada perpaduan dan patuh kepada disiplin.

Sepuluh tahun yang lepas Allah Subhanawataala telah mengurniakan belas rahimnya kepada hambanya yang daif ini dan untuk masa hadapan marilah kita berdoa kepada Allah barang menunjukkan jalan kepada kita iaitu jalan yang lurus dan benar.

Merdeka

Tunku Abdul Rahman Putra
Yang DiPertua UMNO Malaya
Kuala Lumpur 30hb.6. 1956.

*Saya percaya walaupun Tunku sudah lanjut usia namun ingatan Tunku masih baik. Sebab itu untuk renungan Tunku dan orang yang mudah lupa, saya terbitkan semula ucapan Tunku yang saya ambil dari buku *10 tahun UMNO* tahun 1946-1956. Buku yang disusun oleh Allahyarham Tun Sri Syed Jaffar Albar. Saya juga abdikan perisytiharan kemerdekaan untuk tatapan anak cucu kita.

فراشمارت تاریخ کردبیکان ملایا

چو اددالم فرجلان سجاره مانسی بندق اد سوات بغسافون بیج بولله پلا منکن دبریت
 بخلو بغسایت بر دیم دبیری مخلوق توپه سللمات .

سده سستین بغسایت هاروس مبلیه سوات انتارا دو ارده - ماجوانو موندوز - ابن نرسره
 کفد کسکوفن دان کسدارن بغسایت مغمدا فی فرا ویا هن . دان فرکیا فن .

مکل رمیه ابیت ددالکادان بر فواسه فاب دشن تارف دان کدود قش بغاد مک سنیا سلده . بریک مراس
 بیج انس سبارغ فرکارا بیج هاروس مبا و فرا ویا هن . بریک اکن مراس چوریکان تر حادف سبارغ لغلکه انوس سورغ بنمبارا
 فکیران . دان فدافنه بارو .


تتافی کران سجاره مانسی اداله سجاره فرا یا هن . دان کما جوان اتوق بیچنکن سوات بغلیه بابک دان
 سفرون . بغسایغ مراس کفواسن نادبی اکن بیغکل سما کین جا و کبلا کغ دان اخرن بیج لیب دان حاش اکن دینبو تکب
 کبابی اوله اصل ساره بیج اگدانغ .

کینت اداله امه برانوغ کران بغسایت تله دکر نیکن نو هن بیچها کو اس دشن کنایم دان کورانی .
 کیت اداله سوات بغسایغ مرده منجماف کسار انزدان ممنویافی فساک کبغسان بیج کبلغ کبلغ .
 سگوهفون فرجلان سجاره تله سوکر کن نسب کیت درقد سوات بغسایغ مردبک دان کویغ کفد بغسایغ حیا
 دان تر حاده نامور کیت ماسیه تنف دافنه مفرنا هنر آنکره . نو هن بغیروف کسارن جیوا مراس کلبان . کعاد بلس
 دان سما فانه بیج بندق دافنه دفا نچکن . سمستارا کیت تر نعلوف دبا و قجما جهن لیه درگی امفذر انوس نامور لمان
 کفویله چوا کیت رمیه ملایا اداله برسانو فادود دالم منسود کیت منجافی کردبیکان سچارا فرمکان دان فد هاری
 بر منسود کیت ابیت تله کیت جافیک .

درب ابیت دشن نام الله بیچها مورده لایب منجی مافی . سای . انسن نام رمیه ملایا منجانی ارکر چوا
 ککردبیکان فوه وسکنوان نا جملا بو (ددالم کومبولت) سورده فرجهین بغلله دجایی
 ددر آر دلفن آر فد 30 هاریبون او کسره نامور 1957
 نو هن الله ادینکن .


 ملاک
 20 هاریبون فبرواری 1956


 ملاک


 (عبدالرحمن فیرا)
 President of the
 Modakki

PERISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN MALAYA

Bahawa di dalam perjalanan sejarah manusia tidak ada suatu bangsa pun yang boleh menyelamatkan dirinya jikalau bangsa itu berdiam diri memeluk tubuh selama-lamanya.

Sudah semestinya bangsa itu harus memilih suatu antara dua arah — maju atau mundur. Ini terserah kepada kesanggupan dan kesedaran bangsa itu menghadapi perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan.

Manakala rakyat itu di dalam keadaan berpuas hati dengan taraf dan kedudukan yang ada, maka sentiasalah mereka merasa bimbang atas sebarang perkara yang harus membawa perubahan. Mereka akan merasa curiga terhadap sebarang langkah atau seseorang yang membawa fikiran dan pendapat-pendapat baru.

Tetapi kerana sejarah manusia adalah sejarah perubahan-perubahan dan kemajuan untuk menciptakan sesuatu yang lebih baik dan sempurna, bangsa yang merasa kepuasan tadi akan tinggal semakin jauh kebelakang dan akhirnya hilang lenyap dan hanya akan ditimbulkan kembali oleh ahli-ahli sejarah yang akan datang.

Kita adalah amat beruntung kerana bangsa kita telah dikurniakan Tuhan yang maha kuasa dengan ketabahan dan keberanian. Kita adalah suatu bangsa yang pernah menikmati kebesaran dan mempunyai pusaka kebangsaan yang gilang gemilang. Sungguhpun perjalanan sejarah telah menukarkan nasib kita daripada suatu bangsa yang merdeka dan agung kepada bangsa yang hina dan terjajah, namun kita masih tetap dapat mempertahankan anugerah-anugerah Tuhan yang berupa kebesaran jiwa, rasa kemuliaan, keadilan dan semangat yang tidak dapat dipatahkan, sementara kita tertakluk di bawah penjajahan lebih dari empat ratus tahun lamanya.

Ketahuilah bahawa kita rakyat Malaya adalah bersatu padu di dalam maksud kita mencapai kemerdekaan secara perlembagaan dan pada hari ini maksud kita itu telah kita capaikan.

Dari itu dengan nama Allah yang maha murah lagi maha mengasihani, saya, atas nama rakyat Malaya mengisytiharkan bahawa kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Malaya (di dalam Komenwel) menurut perjanjian yang telah dicapai di London akan dilaksanakan pada 31hb. Ogos tahun 1957. Pohon Allah izinkan.



Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Presiden UMNO yang pertama berkempen ke sana ke mari dengan basikal. Orang Melayu pun ketika itu kena berbasikal atau berjalan kaki untuk mendengar ceramah politik daripada Pemimpin mereka.

DEMOKRASI ALA KU LI

Sekiranya sebuah masyarakat itu dikuasai oleh kelas atau parti atau kabilah atau puak jadilah sistem yang berjalan itu satu sistem diktator.

Muammar Qadaffi, *Buku Hijau*

Negara kita negara demokrasi. Sesuai dengan sebuah negara demokrasi maka rakyat biasa pun boleh menghadiri Sidang Parlimen, hanya dengan mendapatkan satu surat kebenaran sahaja.

Menghadiri Sidang Parlimen ini bagi saya adalah satu tugas. Ini semua penting bagi saya kerana dengan berbuat begitulah saya dapat mengenali dari dekat watak-watak Ahli-ahli Parlimen kita yang telah diberikan mandat oleh rakyat supaya memperjuangkan hak-hak dan nasib mereka.

Ada berbagai-bagailah hal yang saya lihat di sana. Satu perkara yang sangat menyedihkan bagi saya ialah lagak dan gaya setengah-setengah Ahli Parlimen kita. Ramai daripada mereka yang tidak hadir sepenuhnya Sidang Parlimen. Memang ada setengah Ahli Parlimen itu sama ada berada di luar negeri atau ada sebab-sebab yang menyebabkan dia tidak dapat hadir. Yang macam itu dapatlah kita memaafkannya.

Tetapi yang kita tidak dapat memaafkannya ialah yang memberi tahu keluarga dan anak isterinya untuk hadir pada Sidang Parlimen tetapi mereka tidak hadir.

Manakala ada yang hadir pula ramai yang duduk di kantin, walaupun di kantin itu mereka boleh mendengar segala perbincangan yang dibuat di dalam dewan tetapi mereka yang sepatutnya ikut sama berbincang, tentulah tidak dapat melakukan kerja itu.

Pendeknya dua tempat mereka berkumpul di Parlimen itu ialah di kantin dan di lobby. Di situlah mereka membincangkan politik dan masa depan mereka, bukannya ikut membincangkan hal-hal yang dibincangkan di dalam dewan, amanah yang diberikan oleh rakyat kepada mereka.

Seperti saya katakan kehadiran ke Parlimen ini sudah saya jadikan semacam tugas saya. Ertinya kalau saya berada di dalam negeri, sihat dan tidak sakit atau demam, dan tidak ada sesuatu perkara lain yang tersangat-sangat mustahak, saya mesti hadir. Jadi selalulah saya berada di dalam dewan mendengar perbincangan di kantin atau di lobby saya bertemu dengan macam-macam menteri dan bekas-bekas menteri.

Di situ saya perhatikan ada kalangan orang-orang kita ini sewaktu menjadi menteri bukan main hebatnya. Pakaian hebat, berjalan hebat, segak, bercakap pun gagah dan berani, tapi bila dah tak jadi menteri, bila dah kalah perang, telah berubah segala-galanya.

Semasa jadi menteri adalah dengan pengiring-pengiringnya. Orang-orang suratkhobar pun bukan main lagi serbu, tetapi bila dah tak jadi menteri lagi, bila dah kalah perang, bukan sahaja pengiring-pengiringnya hilang, orang-orang suratkhobar pun sudah tak hurung dia lagi. Nampak benarlah bahawa orang hormat dan ingin menanyakan sesuatu kepadanya bukan kerana kehebatannya, tetapi kerana kedudukannya. Jadi rupa-rupanya apabila sudah tidak jadi menteri sudah tidak hebat lagi.

Begitulah nasib manusia kalau hanya berpegang kepada kuasa sahaja. Apabila kuasa yang dipinjamkan oleh Allah SWT sudah lucut daripadanya, tidak siapa pun lagi yang mempedulikannya. Sudahlah orang suratkhobar tidak peduli, kawan-kawan orang politik juga menjauhkan diri kerana maklumlah nanti dikatakan oleh orang lain memberi simpati kepada orang yang kalah. Begitulah budaya mereka.

Orang yang sudah kalah tetapi tidak membawa diri seperti itu hanyalah beberapa orang sahaja. Tengku Razaleigh Hamzah misalnya, walaupun telah kalah perang tetapi tidak seperti yang saya ceritakan tadi. Walaupun dia sudah tiga kali kalah, sudah tidak lagi memegang jawatan Menteri Kewangan atau Menteri Perdagangan, tetapi cara pembawaan dirinya masih sama. Sungguh luar biasa dan penuh karismatik orangnya. Jiwa dan pembawaan anak raja itu ada padanya. Seperti kata orang puteh *every inch a prince*.

Dia masih macam waktu dia memegang jawatan menteri dahulu. Dia masih segak macam dulu, masih kacak, senyumnya masih lebar dan gayanya masih seperti seorang menteri. Ini satu kualiti yang tak banyak terdapat kepada kebanyakan orang lain yang dah kalah perang. Apabila sudah kalah jalan pun sudah tidak bermaya. Kadang-kadang rebeh sahaja. Muka pun sudah pucat tawar. Ketawa pun macam kereta yang starternya telah rosak atau bateri dah hampir nak kondem. Dulu masa jadi menteri, akulah orangnya. Kalau ketawa satu dewan bergema, ketawa pula ketawa raja.

Kebanyakan yang dah kalah perang kelihatan wajah dan air mukanya muram dan pucat sahaja. Berjalan pun seorang diri. Ahli-ahli Parlimen lain yang hendak pergi jumpa mereka pun dah macam nak tak hendak sahaja. Kalau senyum pun senyum yang tawar. Kadang-kadang sudah puas senyum, baru ada menteri nak balas senyum. Orang takut nak pergi bermesra, takut dicap termasuk dalam team B.

Penulis-penulis pun ada juga yang dulunya bukan main mesra lagi, tetapi apabila seseorang menteri itu sudah tidak memegang jawatan menteri lagi, dia tegur pun mahu tak mahu

sahaja. Ini satu sifat yang sangat jelek. Tidak ada keikhlasan, hormat dan mesra dengan seseorang. Dia hormat kepada seseorang kerana pangkat orang itu sahaja.

Bagi saya manusia itu sama sahaja. Saya tidak memandangkan seseorang itu menterikah atau tidak. Yang penting adalah pemikirannya. Seorang yang cerdik, yang pandai atau seorang intelektual itu tetap intelektual walaupun dia kalah perang, dia manusia. Manusia mana yang tidak membuat silap. Dia kalah perang itu nasib dia. Kalau dia menang dulu macam mana?

Begitu juga bagi saya seorang kawan, seorang sahabat atau seorang kenalan itu tetap seperti biasa. Hidup manusia ini macam roda. Hari ini di bawah, besok di atas, lusa mungkin jatuh semula. Saya tidak kira sama ada orang itu sudah kalah perang atau baru menang. Melainkan apabila orang itu tidak menunjukkan sikap yang baik kepada saya seperti misalnya Datuk Shahrir Samad. Dia ada sedikit luar biasa nampaknya. Dia kata orang, buat orang, mainkan orang, tak apa, tapi bila orang tegur dia sikit dalam buku pun dia marah. Masa saya puji dia dalam buku saya dulu bukan main lagi dia suka.

Orang yang seperti itu kita biarkan sajalah dia. Biarkanlah Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Orang yang macam itu nak jadi pemimpin ummah?

Saya masih minum semeja dengan Datuk Zainal Abidin Zain. Saya masih bergurau mesra, masih boleh berbual dengannya. Dan saya masih memanggil dia dengan nama jolokan Abah. Nama jolokan itu hanya orang-orang tertentu sahaja panggil. Dan saya masih mesra dan berkawan baik dengan Datuk Radzi Sheikh Ahmad. Saya masih panggil dia Pak Sheikh.

Begitu juga dengan Datuk Abdullah Ahmad, yang sewaktu berbual kita panggil Pak Lah. Rahmah Othman, Sharifah Dora, Kadir Sheikh Fadhil pun begitu juga. Hubungan kami baik dan mesra. Tidak adalah macam Shahrir, tidak mahu tegur tak mahu salam. Kalau tak suka kena kritik, tak suka

kena tegur, janganlah jadi *public figure*. Jadi taukeh kedai dobi saja cukuplah. Kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai. Bila dah jadi pemimpin, buat kerja yang baik-baik, orang tulislah yang baik-baik. Awak buat kerja-kerja yang mengarut, tapi suruh tulis yang baik, macam mana?

Bagi saya, berjuang tetap berjuang, berkawan tetap berkawan. Pendapat yang berlainan tentang sesuatu isu tidak menjadi soal, tetapi hubungan silaturrahim tidak boleh diputuskan. Kita tidak boleh memandang orang yang kalah itu seperti anjing buruk telinga. Lagi pun perbuatan memutuskan hubungan silaturrahim itu satu perbuatan yang dikeji oleh Allah.

Hubungan saya dengan Ku Li, apabila berjumpa kami cukup mesra. Saya masih menghormati dia seperti sewaktu dia menjadi menteri dahulu. Adat berlawan memang ada kalah menang. Saya tak bergaduh dengan pribadi Ku Li. Saya tentang dia kerana saya tidak bersetuju dengan cara hidupnya, ideologinya, kerana kalau dia menang bukan sahaja dia akan jadi pemimpin untuk umat Islam di Malaysia, tetapi sekaligus jadi pemimpin saya.

Kalau Tengku Razaleigh Hamzah cuma anak raja yang sekadar nak jadi raja, saya tidaklah menulis menentang dia. Kerana memang hak anak raja menjadi raja, yang sudah ditentukan oleh adat bila raja mati maka raja muda jadi raja. Tetapi bukan hak anak raja nak jadi Perdana Menteri.

Kepintaran Ku Li dan orang-orangnya bermain politik patut dipuji. Ada orang kata Musa Hitam pandai, bijak dan licik, tetapi dengan *move* yang dibuat oleh Ku Li, rupa-rupanya Ku Li lebih pintar, cerdik, bijak dan licik lagi. Musa Hitam melakukan tindakan politik sewaktu kemampuannya masih belum cukup. Sedangkan Ku Li tidak.

Sebelum melancarkan gerakannya, Ku Li terlebih dahulu mempersiapkan dirinya, menyediakan landasan untuk tempat mendarat sebelum menjatuhkan bom ke atas landasannya yang lama. Ku Li sediakan dahulu kubu untuk tempatnya bersem-

bunyi sebelum melakukan apa-apa. Jadi selepas melemparkan bom, atau selepas melepaskan tembakan yang bertalu-talu, dia boleh masuk bersembunyi di dalam kubunya.

Apakah yang dimaksudkan dengan kubu Ku Li itu? Kubu Ku Li itu tidak lain tidak bukan adalah istana. Istana adalah yang menjadi tempat Ku Li melindungi dirinya apabila sudah terdesak.

Beberapa perwakilan dari Kelantan ada menceritakan bahawa sebelum Perhimpunan 24 April 1987 yang lalu, ada semacam persis arahan daripada istana Kelantan agar para perwakilan Kelantan memastikan supaya Ku Li menang dalam pertandingan 24 April 1987 itu. Ada pula yang mengatakan bahawa itu sebenarnya sengaja diada-adakan oleh beberapa orang di istana Kelantan dengan tidak diketahui sendiri oleh Sultan Kelantan.

Mana satu yang benar daripada dua cerita tersebut tidaklah dapat dibuktikan sehinggalah ada kalangan daripada perwakilan Kelantan, yang tentulah tidak menyokong Ku Li, mahu tampil ke depan untuk membuat kenyataan yang ikhlas. Bagaimana pun berdasarkan kepada perkembangan yang berlaku di Kelantan akhir-akhir ini, perkara yang seperti itu bukan satu perkara yang mustahil. Lagipun permaisuri Kelantan adalah anak saudara Ku Li.

Ku Li bukan sahaja berlindung dan berkubu di balik pagar istana yang kukuh dan kuat, tetapi dia juga mempunyai penasihat-penasihat yang mempunyai pengalaman yang tua, iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn. Kedua-duanya bekas Perdana Menteri. Mereka menjadi *Godfather* kepada Tunku Li.

Seperti buku dengan ruas, seperti hujan turun ke atas tasik, kedua-dua orang yang menjadi penasihat Ku Li ini adalah orang yang mempunyai sejarah hubungan yang rapat dengan istana. Tunku Abdul Rahman memang seorang putera raja. Tun Hussein Onn pula mempunyai hubungan yang rapat dengan istana. Kedua-duanya juga sangat rapat dengan orang-orang kaya dan para jutawan.

Sebelum UMNO dijatuhkan hukuman sebagai pertubuhan yang tidak sah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur oleh Hakim Harun Hashim, akibat daripada angkara Geng 11, Ku Li sebenarnya sudah membuat persiapan. Sebab itu empat hari selepas mahkamah menjatuhkan hukuman, Tunku dan orang-orangnya sudah sedia dengan penubuhan parti baru.

Ku Li menggunakan Tunku Abdul Rahman sebagai Panglima pasukan depannya. Pada perhitungannya rakyat tidak tahu. Tapi perhitungan dan rancangannya meleset. Rakyat hari ini bukan lagi seperti rakyat zaman Tunku menjadi Perdana Menteri. Rakyat hari ini sudah pandai menganalisa, sudah tahu mentafsir. Mereka mentafsir bahawa kalangan raja-raja ini sudah hendak menipu rakyat dengan menubuhkan satu parti baru pada tanggal 8 Februari 1988, dengan cara dan proses serta *timing* yang dirancang sebegitu rupa.

Yang menjadi perisai-perisai dan orang kuat Ku Li adalah bekas-bekas Menteri, bekas Menteri Besar, bekas Wakil Rakyat, bekas Ketua Bahagian, bekas Ketua Pemuda di peringkat Negeri dan Bahagian yang kebanyakannya tergolong dari mereka yang sudah kalah perang. Ada yang sudah hampir nak tenggelam. Kalau ikut istilah Musa Hitam, orang desperado. Maka pada zahirnya nampaklah Ku Li kuat, kerana mereka ini tak ada jalan lain lagi yang boleh diikuti, perang terus dengan Mahathir atau jadi tawanan perang.

Orang yang ada *pride*, yang egonya tinggi mana mahu mengalah. Mereka sama mereka pun bukan betul sangat. Ramai yang membenci, iri hati, khianat sesama mereka sendiri. Tapi nak buat macam mana? Terpaksa semuanya bersatu untuk menghadapi musuh yang satu. Macam Ku Li-Musa dulu katanya perpaduan, sekarang pecah juga akhirnya. Tapi Ku Li bijak, ada istana sebagai *last resort*, dan ramailah yang terpedaya.

Begitulah hebatnya Ku Li menggunakan golongan istana, menggunakan Tunku Abdul Rahman, secara yang tidak disedari oleh Tunku Abdul Rahman sendiri dan kemudian

menggunakan pula Tun Hussein Onn, juga secara yang tidak disedari oleh Tun Hussein Onn. Semua golongan yang menjadi alat Ku Li tidak sedar mereka dijadikan alat. Dan jika pun ada yang sedar kerana nasihat-nasihat daripada pihak-pihak yang jujur, mereka sudah jadi malu dan serba-salah. Di Kelantan pula banyak yang takut dengan bermacam-macam jenis takut. Maklumlah, apabila istana pun dikatakan turut terlibat. Maka jadilah orang-orang ini apa yang dipanggil korban.

Tapi yang banyaknya sekali ialah jenis orang-orang yang dikatakan sudah taksub, macam orang-orang PAS yang taksub dengan Haji Hadi Awang. Apa pun orang cakap tidak akan didengar lagi, malah orang yang memberi nasihat pula akan dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan. Kejujuran dan keikhlasan pun tidak jadi guna lagi kepada puak-puak itu. Jadi orang-orang yang hendak memberi nasihat ini pun berkatalah di dalam hatinya: Ah, kalau begitu baiklah aku diam! Maka diamlah mereka. Dan nasihat menasihati di kalangan sesama Islam pun sudah tidak ada lagilah. Yang ada hanya nasihat dalam puak sendiri saja.

Ku Li itu sebenarnya berjuang untuk kepentingan orang-orang kaya-kaya dan kepentingan golongan istana, dan terutamanya untuk kepentingan politiknya sendiri, tetapi dia katalah untuk kepentingan rakyat ramai. Kenapa baru sekarang Ku Li mahu berjuang kerana rakyat? Kenapa tidak masa dia jadi Menteri Kewangan dulu? Kenapa tidak masa dia jadi Menteri Perdagangan dulu? Dulu masa jadi menteri Ku Li perjuangkan nasib siapa? Siapa yang jadi kaya raya, yang hidup senang lenang? Adakah rakyat, terutamanya rakyat Kelantan? Ataupun bukannya kuncu-kuncu Ku Li yang sudah kaya raya itu?

Alam kehidupan dan orang-orang yang ada di sekelilingnya memberikan dia pengaruh yang cukup besar untuk menjadikannya seorang yang menegakkan demokrasi ala Ku Li. Bercakap dengan dia mesti duduk lebih rendah daripada dia. Kalau dia duduk di kerusi maka rakyat yang datang berjumpa hendaklah duduk di atas tikar. Itu biasa bagi dia. Dan orang-

orang yang biasa ke rumah dia semua tahu itu. Sama ada atas kehendak Ku Li sendiri atau kehendak geng-gengnya yang hendak mengampu, siapa yang tahu? Tapi kalau Ku Li sendiri tak suka tentulah orang-orang dia tak berani buat.

Bayangkanlah kalau dia duduk di atas tikar, di manalah pula rakyat hendak duduk? Di mana lagi kalau bukan meniarap di atas lantai? Macam cara-cara adat berjumpa raja-raja di zaman purba yang lebih diktator daripada diktator. Kalau sebelum menjadi Perdana Menteri pun bila Ku Li duduk di kerusi maka segala geng-gengnya kena duduk di bawah, maka cubalah bayangkan sekiranya Ku Li menang nanti!

Ku Li itu anak raja. Sebagai anak raja dia mempunyai tabiat fe'el anak raja. Walaupun orang-orang yang nak mengampu dia kata dia itu Anak Raja Berjiwa Rakyatkah, Bunga Raya di Tasik Terataikah, anak raja tetap anak raja. Siapa yang sudah bercampur dengan anak raja tahu sangatlah perangai anak raja. Bercakap dengan dia mesti kena berpatik-patik (Dalam bahasa Jawa, patik itu bererti anak anjing) dan terpaksa merendah-rendahkan diri juga. Sedangkan sifat yang begitu bukannya sifat satu bangsa yang merdeka. Tetapi bagi penyokong-penyokong dan pengikut-pengikut Ku Li, itulah demokrasi mereka.

Inikah namanya bangsa yang sudah merdeka? Di manakah letaknya harga diri? Di manakah letaknya kedaulatan rakyat di bumi merdeka? Bacalah apa erti merdeka dan apa erti bangsa Melayu merdeka bagi Tunku Abdul Rahman di dalam Bab "**Bapak Kucing**". Tengku Razaleigh ini anak emas Tunku. Tunku mahu bangsa Melayu jadi macam kucing. Dr Mahathir tak mahu bangsa Melayu jadi macam kucing. Sebab itu Tunku suka sangat Tengku Razaleigh berlawan dengan Dr Mahathir, supaya kalau Tengku Razaleigh menang, cita-cita Tunku nak tengok bangsa Melayu jadi kucing itu bolehlah tercapai.

Cita-cita Ku Li dengan cita-cita Tunku sama saja, sebab itu Tunku sayang Ku Li dan Ku Li pun sayang sama Tunku. Tun Hussein yang ada hubungan rapat dengan istana pun tumpang sayang sama. Mereka mahu bangsa Melayu jadi

macam kucing sebab apa? Sebabnya ialah supaya mereka senang nak buat apa yang mereka suka. Bangsa yang macam kucing akan menjilat kaki tuannya, walaupun tuannya cuma beri dia makan tulang saja. Kalau tidak begitu akan rosaklah segala impian Tunku nak jadi *The Happiest Ex-Prime Minister in the World*.

Dah tua-tua dan uzur begitu pun, Tunku sanggup lagi bersusah-susah menubuhkan parti UMNO Malaysia. Tun Hussein Onn pun bantu. Tengku Razaleigh bersembunyi di belakang. Mereka kononnya hendak menyelamatkan UMNO kerana UMNO itu parti bangsa Melayu. Mereka tuduh Dr Mahathir tidak buat apa-apa untuk menyelamatkan bangsa Melayu. Aneh bin ajaib.

Mari kita dengar cerita dari Datuk Megat Joned, Timbalan Menteri Dalam Negeri, mengenai pendaftaran UMNO. Kata Megat, pada 8 Februari 1988 UMNO Malaysia dan UMNO '88 didaftarkan, kemudian kedua-dua pendaftaran itu ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan, kerana UMNO lama masih belum digazetkan sebagai pertubuhan yang tidak sah. Cuma mahkamah sahaja yang kata tidak sah. Pada 12 Februari 1988 barulah Pendaftar Pertubuhan membatalkan UMNO (lama). Bangsa Melayu hilang kuasa selama tiga minit sebelum UMNO baru dihidupkan. Siapakah yang telah menghidupkan kesinambungan politik Melayu? Tunku? Hussein Onn? Ku Li? Tidak. Dr. Mahathir mendaftarkan semula UMNO 88 disebabkan tidak ada lain-lain pihak yang cuba mendaftarkan Parti menggunakan nama UMNO maka parti yang didaftarkan oleh Dr. Mahathir pun diterima.

Tengku Li menggunakan Tunku Abdul Rahman untuk menubuhkan UMNO Malaysia. Mesyuarat penubuhannya tidak pun menjemput Dr Mahathir Mohamad. Kita orang yang berfikir secara rasional mestilah bertanya kenapa dibuat macam itu? Buruk macam mana pun Dr Mahathir itu dia Perdana Menteri dan Presiden UMNO sebelum UMNO diharamkan. Macam mana dengan Ghafar dan Sanusi Junid? Timbalan dan Setiausaha itu kenapa tak jemput sama? Bagi mengelakkan tuduhan yang seperti itu golongan itu meng-

hantar surat kepada Dr Mahathir bertarikh 12 Februari 1988, dan tiba ke tangan Perdana Menteri pada 14 Februari 1988. Itu pun mempelawa Dr. Mahathir sebagai ahli jawatan kuasa saja.

Tetapi semuanya sudah terlambat. Dan bila terlambat maka tembelang Ku Li pun pecah. Apabila tembelangnya pecah apakah yang sebaiknya dilakukan olehnya? Maka dia pun berusaha hendak menghidupkan UMNO (lama) pula. Konon saja tu!

Hendak hidupkan apa lagi? Kalau UMNO itu diibaratkan gelas, awak menjatuhkan gelas itu, sesudah gelas itu pecah dan berkecai, awak nak kumpulkan balik supaya dia jadi gelas semula. Kan macam kerja orang gila tu? Kita semua bukanlah orang-orang gila. Jadi kenapa nak buat kerja macam itu? Tanya sidang pengarang gila-gila, ada mereka buat kerja gila macam itu.

Sehingga hari ini belum ada dalam sejarah manusia yang mati boleh hidup balik. Kalau ini memang terjadi ia dengan segera bukan sahaja akan dimasukkan ke dalam buku rekod *Guinness* tetapi dengan segera juga akan dimasukkan ke dalam *Ensiklopedia Britanica* dan *Americana*. Tapi sebenarnya itu tidak penting. Yang lebih penting kepada mereka ialah dengan begitu mereka dapat menunjukkan kepada rakyat yang memegang undi bahawa mereka telah berjuang bermati-matian kerana sayangkan UMNO (lama).

UMNO sudah selamat. Dr Mahathir telahpun berjaya menyelamatkan semula UMNO dengan begitu teliti mengikut segala syarat-syarat undang-undang, supaya UMNO tidak lagi boleh dibunuh oleh sesiapa pun dengan menggunakan cara undang-undang. Tapi orang-orang Ku Li tak kira, dia bawa juga lagi UMNO yang telah diselamatkan itu ke mahkamah, supaya tok hakim tahan jangan benarkan UMNO baru itu hidup. Tidakkah lagi sekali pelik?

Nampak sangatlah yang mereka itu bukannya hendakkan UMNO. UMNO lama pun bawa ke mahkamah. UMNO baru pun bawa ke mahkamah. Apa yang sebenarnya mereka mahu ni? Mereka mahukan Ku Li jadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia, itu kita tahu. Tapi itu rakyat ramai tak mahu, nak buat macam mana? Kita sudah buat pemilihan cara demokrasi. Ku Li juga yang menjerit di sana menjerit di sini supaya kita menjaga demokrasi. Demokrasi macam mana lagi yang Ku Li mahu? Demokrasi ala Ku Li ini yang saya tak faham.

Kalau Ku Li dan pengikutnya, penasihatnya, hulubalang-nya, rakyatnya, ikhlas sayangkan UMNO, betul-betul nak berjuang untuk umat Melayu, mahu menyelamatkan bangsa, kenapa di Perhimpunan Agung itu Ku Li tidak bangun bercakap minta tangguhkan mesyuarat?

Ku Li bukan tidak tahu ada 30 cawangan yang tidak sah. Ku Li pun tahu di mana letaknya cawangan yang tidak sah itu. Kalau orang Team B minta supaya mesyuarat dan pemilihan ditangguhkan, pasti boleh. Ku Li dan Musa Hitam ketika itu menguasai kira-kira 50% dari perwakilan yang datang, tetapi kerana Ku Li dan Musa masing-masing konfiden akan menang, mereka mendiamkan sahaja perkara itu, kerana kalau kalah perkara ini boleh dijadikan kes dan boleh timbulkan keadaan kacau bilau dan huru-hara seperti hari ini, kan? Inikah cara orang yang sayangkan UMNO dan bangsa?

Di sinilah ramai orang-orang kita yang tidak faham atau yang tidak mahu faham akan duduknya perkara yang sebenar. Kalau yang Ku Li pentingkan ialah rakyat atau bangsanya, kenapa tidak dia bersetuju sahaja dengan penubuhan parti UMNO oleh Dr Mahathir itu? Kita tahu di India ada kongres satu dan kongres dua. Kita bukan di India. India lain orang, India ramai satu bangsa atau warna kulit saja. Negeri kita orang Melayu bukan ramai sangat.

The final analysisnya ialah Ku Li sedang mencari pengaruh untuk persediaan menghadapi pilihanraya umum yang akan datang yang katanya sendiri akan diadakan pada pertengahan

tahun ini atau pada bulan April tahun depan. Di sini kita dapat baca niat Ku Li. Dia nak jadi Presiden dan Perdana Menteri juga. Apa jadi pun dia tak kira. Itu juga dia mahu. Itulah perangai anak-anak raja. Dia bukan kira orang suka atau tak suka. Orang tak suka pun dia boleh juga kata "Beta pun suka." Dia kira kerana beta suka semua orang pun mesti suka sama.

Kalau Ku Li memang ikhlas berjuang untuk bangsa dan agama, jalan yang sebaik-baiknya bagi dia adalah menyokong Dr. Mahathir. Dalam perkara begini eloklah kita perhatikan satu kisah dalam sejarah Islam yang berlaku antara Sayidina Khalid dengan Sayidina Umar. Kisah ini diceritakan semula oleh Ustaz Hj Ashaari Muhammad dalam bukunya *Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya*, terbitan Al Arqam. Saya petik untuk bacaan anda:

Dalam sejarah Islam kita boleh tengok bagaimana umat Islam di zaman Rasulullah dan Khulafaur Rasyidin selamat dari krisis walaupun sebab-sebab lahir sangat membolehkan mereka berbuat begitu. Sayidina Khalid Ibnu Walid misalnya pernah dijatuhkan pangkat sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Islam, sewaktu beliau sedang lincah di medan perang menjadi tentera biasa.

Sayidina Umar Ibnu Khattab melakukan begitu dengan tujuan-tujuan pentadbiran yang tertentu, bukanlah dengan tujuan untuk menjatuhkan Sayidina Khalid Ibnu Walid. Sekalipun tindakan itu berat bagi seorang manusia, tapi Sayidina Khalid tenang sahaja. Dia menerima perintah itu dengan taat, tanpa menunjukkan sebarang reaksi yang negatif. Beliau terus berperang dengan berani dan gagah.

Melihatkan sikapnya yang tidak berubah apa-apa, seorang sahabat bertanya pada Sayidina Khalid, "Tidakkah tindakan Sayidina Umar itu mencacatkan hatimu?"

Jawab Sayidina Khalid, "Aku berjuang bukannya untuk Umar, tapi untuk Allah."

Lihatlah saudara, betapa hati yang ikhlas menyelamatkan Sayidina Khalid dari menyerang balas dan liar terhadap Sayidina Umar. Bukannya Sayidina Khalid tidak pandai buat helah untuk cabar Sayidina Umar. Bukan tidak ada kelemahan-kelemahan Sayidina Umar dalam pandangan Sayidina Khalid, sebab seorang yang bukan Nabi memang tidak maasum, yakni tidak lepas dari kesalahan dan kesilapan.

Tapi hati yang suci menghalang beliau dari kurang ajar dengan ketua. Sayidina Umar adalah ketuanya dan dia wajib taat, sekalipun perintah itu menyakitinya. Kalau Sayidina Umar tersilap maka dia maafkan sebab hanya dengan cara itu saja manusia boleh damai.

Kita mesti ingat kita orang Islam. Tuhan kita satu, Allah. Nabi kita satu, Muhammad. Kitab kita satu, al-Quran. Saudara kita juga satu, semua orang-orang Islam. Janganlah dengan orang kafir kita baik dengan orang Islam kita bermusuhan. Negeri kita juga satu. Dan kita tidak boleh punya lebih dari satu pemimpin. Pemimpin Malaysia ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Takkan dah tak kenal pemimpin sendiri?

Dan pendapat serta kepercayaan orang Cina pula, di atas satu bukit tidak boleh ada dua harimau, yang satu pasti kalah dan menerima luka yang menyedihkan.

Mahathir dan Ku Li telah bertanding. Mahathir yang dipilih dan dialah yang menang. Kita berikan peluang kepada dia untuk memimpin rakyat Malaysia. Bukankah begitu maknanya demokrasi? Barangkali bagi Ku Li itu bukan demokrasi, tak tahulah saya. Agaknya demokrasi raja-raja ni lain caranya. Rakyat yang mesti dengar cakap dia. Dia tak boleh terima pilihan rakyat.

Pilihanraya tak lama lagi akan diadakan, kata Ku Li, untuk menanamkan rasa bimbang di kalangan rakyat. Ini akan

menyebabkan adanya *tension* dalam diri penyokong-penyokongnya. Dia mahu pelihara *tension* ini supaya rakyat terus memuja dia. Sedangkan Mahathir pula berusaha untuk mengendurkan *tension*, dengan segera dan tanpa heboh-heboh mendaftarkan UMNO (baru), supaya keadaan rakyat kembali tenang.

Di Kelantan gurkha-gurkha dan panglima-panglima Ku Li cuba menghalang UMNO (baru) dari didaftarkan di sana. Situasi bimbang, takut dan *tension* amat ketara sekali di kalangan rakyat di Kelantan. Menakut-nakutkan rakyat ini memang cara raja-raja sejak dulukala lagi. Kita selalu tengok itu semua dalam filem-filem Melayu. Rakyat tidak sedar bahawa Ku Li sedang memaksa secara halus agar mereka menerima pendapat serta ideologinya. Ku Li dan orang-orangnya serta Tunku dan Hussein Onn tahu yang orang Melayu masih takut dengan raja. Itulah tangkal azimat Ku Li.

Mereka juga tahu yang orang Melayu ingatannya singkat dan orang Melayu mudah dipengaruhi. Lebih-lebih lagi mereka yang bersikap kebendaan. Hulur sana, hulur sini, mereka yang patut bercakap pun tutup mulutlah. Inilah yang dinamakan teori hukurisma. Teori ini ada persamaan dengan teori ampulisma, yang satu hulur sana hulur sini, yang satu lagi ampu sana, ampu sini. Ini teori-teori yang tidak ikhlas.

Bukan kita semua tak tahu bagaimana Ku Li terlibat dengan kes BMF. Ini semua telah saya ceritakan dalam buku saya "*Challenger*" *Siapa lawan Siapa*. Tapi orang mudah lupa. Saya ingatkan, sampai hari ini Ku Li masih lagi tidak menjawab menyatakan bahawa dia tidak terlibat. Saya petik semula apa yang saya tulis dalam buku itu seperti berikut:

"Ku Li telah menerima cek pengembaraan bernilai HK\$86,850.00. Dalam Kertas Putih Ku Li mengaku bahawa jumlah tersebut "semuanya selesai dibayar". Kata Ku Li "semuanya selesai dibayar". Apakah makna ayat "semuanya selesai dibayar" ini? Ini bermakna memang Ku Li mengambil wang itu, sebab itu dia kata "semuanya selesai dibayar". Kalau dia tidak ambil, buat apa dia bayar? Soalnya bukan soal bayar atau tak bayar. Soalnya ini bukti dan dalil yang Ku Li terlibat."

Pendeknya kes BMF ini Ku Li tidak boleh cakap dia tak tahu. Dia waktu itu menjadi Menteri Kewangan. Kalau Ku Li kata dia tak tahu, itu semua adalah cerita dongeng. Cerita nak menipu rakyat sahaja.

Tentang keterlibatan Ku Li dalam skandal BMF ini saya nak sebut satu lagi petikan dari buku saya juga. Bekas Pengerusi Bank Bumiputra Dr Nawawi Mat Awin pernah membuat kenyataan seperti berikut:

“Semuanya bermula dengan cadangan Menteri Kewangan (Ku Li) untuk membeli Gammon House untuk dijadikan pusat bagi semua agensi kita di Hong Kong. Ha! Takkan Ku Li nak kata dia tak terlibat lagi?

Matlamat Ku Li ialah untuk memegang kuasa. Ini jelas dengan gerakan yang dilakukannya hari ini. Dia menggunakan perkataan “demokrasi” dengan makna yang dia sendiri berikan, iaitu demokrasi ala Ku Li, untuk mencapai cita-citanya. Demokrasi ala Ku Li ialah demokrasi ala raja. Nak tahu apa dia demokrasi ala raja ni bukanlah susah sangat nak faham. Mudah saja. Tengoklah demokrasi ala Brunei Darussalam.

Brunei bila Merdeka pun Sultan dengan kaum kerabat dia juga yang jadi menteri-menteri kabinet. Ada kawan saya Abdul Latiff Cucu tubuh parti politik dan berkempen nak buat pilihanraya di negeri itu, dia ditangkap, sebab Latiff Cucu mengganggu ketenteraman pemerintah yang telah bertahun-tahun mengumpul kekayaan hingga Sultan Brunei boleh jadi orang yang terkaya di dunia.

Ku Li yang dikatakan menjadi Penasihat Kewangan Brunei itu tentulah ada juga menyimpan cita-cita nak jadi macam Sultan Brunei. Siapa tahu? Mereka tak ada raja. Tak boleh jadi raja jadi orang nombor dua terkaya dalam dunia cukuplah. Nak jadi orang terkaya didunia tak boleh lawan taukeh. Chandra Swamiji di India tempat Ku Li meminta tolong itu pun kawan baik Sultan Brunei juga. Apa susah? Tak susah. Yang susahnya Latiff Cucu dan teman-teman seperjuangan dengannya yang berjuang hendak menegakkan

demokrasi di Brunei. Mereka itulah yang susah. Parti kena bubar, mereka masuk penjara. Jangan susah Latiff, Ghandi berapa kali masuk penjara. Empayar British boleh tergugat, inikan pula Sultan di bumi yang tanah jajahannya seluas sekangkang kera.

Latiff Cucu berjuang bersama dengan rakyat Brunei yang miskin, yang sepatutnya tak boleh miskin, sebab negeri mereka kaya tapi siapa sebenarnya yang kaya.

Mahukah kita biarkan demokrasi di negara kita menjadi demokrasi macam di Brunei? Tengoklah adik Sultan Brunei kahwin dengan Mazuin, buat kenduri secara sederhana saja habis berpuluh-puluh juta. Itu yang dia kata. Yang dia tak kata berapa banyak dia membazir kita mana tahu. Dia pun Islam juga. Dan kalau anda nak tahu, itulah demokrasi ala Ku Li, yang Ku Li berceramah di sana sini bercakap demokrasi dan perpaduan. Itulah maksudnya, mengikut fahaman saya.

Dan mengikut cerita-cerita yang boleh dipercayai dan ramai pengikut Ku Li yang percaya sebabnya mereka mahu ikut Ku Li kononnya bila Ku Li jadi Perdana Menteri nanti Sultan Brunei akan pinjamkan Malaysia 5 billion tanpa bunga tapi kalau Ku Li, kalau Dr. Mahathir sorrylah. Kononnya Daim pergi jumpa Sultan, Sultan Brunei tak mahu beri Daim pertolongan melainkan Ku Li yang jadi Perdana Menteri. Ini bahaya ni. Sultan Brunei patut nafikan berita ini.

Bila sebut demokrasi, kita mesti juga sebut diktator. Orang-orang Ku Li selalu tuduh Mahathir nak jadi diktator. Apa dia makna diktator? Muammar Qaddafi di dalam *Buku Hijaunya* mengatakan:

PARTI ialah diktator moden, satu alat pemerintahan diktator yang baharu, kerana ianya merupakan pemerintahan segelintir ke atas ramai.

Itu kata pemimpin Islam di Timur Tengah yang terkenal, Muammar Qaddafi. Maka siapa saja yang mahu memerintah dengan cara menggunakan parti seperti yang kita amalkan di

negeri ini adalah menuju kepada matlamat yang sama, iaitu diktator moden. Ada orang percaya segala tuduhan Ku Li dan orang-orangnya bahawa Mahathir adalah diktator, dan mereka adalah orang yang baik-baik, yang sayangkan UMNO. Mereka lupa bahawa mereka juga sedang merancang untuk menuju ke arah itu.

Kalau Ku Li dan orang-orangnya sayangkan UMNO lama, kalau Tunku dan Hussein Onn cintakan UMNO lama, kenapa mereka restui pembunuhan UMNO yang dilakukan oleh Geng 11? Kenapa belumpun lima hari UMNO mati, mereka sudah tubuhkan UMNO Malaysia? Dan bila pihak Pendaftar menolak pendaftaran mereka kerana kematian UMNO belum digazetkan lagi, mereka marah. Kenapa? Dan kenapa tidak daftarkan semula pada 12hb bersama-sama UMNO. Kalau ikhlas nak lawan 12hb itulah. Siapa yang lebih berhak, bukan lepas orang dah daftar baru nak berebut.

Kalau mereka benar-benar percaya dan yakin pada diri dan perjuangan mereka, kenapa tak tubuhkan saja parti baru, macam Datuk Onn buat dulu, secara gentleman. Macam PAS buat, macam Hamim, macam Berjaya buat. Mereka semua hati macam kucing mana boleh mengaum, mengiau bolehlah.

Tubuh parti baru lepas itu kalau nak lawan Mahathir dan Anwar, lawanlah puas-puas. Itu baru demokrasi. Tapi Ku Li takut dengan bayang-bayang sendiri. Ku Li tahu, tanpa nama UMNO Ku Li tidak boleh hidup sendiri. Orang yang tak percaya pada diri sendiri macam mana nak jadi pemimpin negara?

Oleh sebab kita sedang bincangkan topik demokrasi dan diktator, saya petik satu lagi kata-kata Qaddafi:

Parti adalah alat pemerintahan diktator yang membolehkan orang-orang yang mempunyai pandangan yang sama atau kepentingan bersama memerintah rakyat seluruhnya.

Itu pendapat Qaddafi. Saya bawa pendapat itu ke dalam perbincangan kita untuk menjadi bahan fikiran kita bersama, sama ada kita bersetuju ataupun tidak. Tujuan saya hendak menunjukkan kepada mereka yang suka bermain-main dengan perkataan dan istilah demokrasi dan diktator, sama ada Ku Li ataupun Musa, bahawa kalau kita nak bermain-main atau nak main putar-putar dan belit dengan perkataan itu, kita boleh belajar dari Qaddafi.

Pendapat Qaddafi itu akhirnya mengatakan bahawa "demokrasi" dan "diktator" itu sama sahaja maknanya. Tak ada beza. Itu kalau kita suka nak main dengan perkataan. Ingatlah sikit main-main ini pun ada hadnya hidup tak boleh nak main aje.

Tunku, Tun Razak dan Hussein Onn itu pun bekas diktator juga, kalau nak kira macam itu. Yang pentingnya bukan perkataan atau kata-kata yang boleh dimainkan dan diputar-belitkan. Yang pentingnya ialah siapakah dia dan apakah yang telah dibuat oleh pemimpin itu. Kalau Marcos itu seorang diktator yang jahat dan zalim, Mahathir bukan macam diktator Marcos. Siapakah Marcos? **Marcos hari ini ialah orang yang sudah hilang kuasa tetapi mahu merebutnya semula kuasa yang sudah hilang. Tidak peduli negara jadi huru hara, tidak peduli rakyat menderita.** Filipina cuma ada satu Marcos saja tetapi negeri kita nampaknya ada ramai yang mahu jadi macam Marcos.

Itulah sebabnya semasa menulis buku ini dua kali saya ke Filipina. Tengok apa jadi dengan istana Marcos dan keluarganya. Patut Tan Sri Othman Saat, Datuk Rais Yatim, Datuk Manan Osman, Datuk Harun Idris, Tunku, Ku Li dan Tun Hussein Onn buat satu rombongan pergi tengok apa yang rakyat Filipina sudah buat pada Marcos dan keluarganya. Apa jadi pada rumah-rumah dan hartabenda keluarga Marcos?

Cukuplah apa yang awak semua sudah ambil dari rakyat. Kucing-kucing tahu bagaimana tuan-tuannya hidup asal jangan tulang-tulang dan nasi-nasi sisa pun tuan nak sapu sama, nanti kucing keluar kuku baru tahu.

Rakyat tak marah tidak memberontak sudah sangat baik. Nanti kalau awak-awak semua sudah melampau, rakyat Malaysia akan jadi liar macam rakyat Filipina, macam mana?

Baru-baru ini orang marahkan Dr Mahathir kerana dia membuat beberapa tangkapan di bawah ISA. Apakah kita semua sudah lupa siapakah sebenarnya yang mula-mula mengadakan ISA, kalau bukan Tunku Abdul Rahman. Zaman Tunku 1,600 orang ditahan di bawah ISA. Zaman Tun Razak 1,800 tahanan. Zaman Tun Hussein Onn bertambah jadi 2,000 lebih. Zaman Mahathir ramailah yang dibebaskan. Tapi orang kata Mahathir diktator juga. Sekadar nak kata macam mana pun senang. Bukan kena bayar apa-apa cukai, katalah. Lama kelamaan rakyat tak akan percaya lagi, rakyat tahu ini semua jual ubat. Sekarang orang jual ubat susah nak cari makan.

Tahanan ISA di zaman Mahathir hanya tinggal lebih kurang 300 orang sahaja. Yang tinggal itu ialah yang *hardcore*-nya, iaitu orang-orang yang tidak percaya kepada demokrasi. Kalau lepas, mereka itu akan menyusahkan orang ramai, kerana mereka akan menentang kerajaan dengan menggunakan senjata.

Sekarang siapa yang lebih diktator? Tunku, Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn atau Dr. Mahathir? Zaman Tunku berapa ramai menteri yang diberhentikan? Berapa ramai orang yang Tunku pecat dari UMNO? Allahyarham Tun Razak juga dalam perancangan untuk membuang beberapa orang menteri kabinet tapi beliau meninggal sebelum sempat melakukannya. Hussein Onn membuang enam orang menteri.

Tapi sebab itu semua geng depa, depa kata demokrasi juga. Itu semua cakap tak serupa bikin. Tapi kata-kata yang seperti itu dihalakan kepada Dr Mahathir. Mereka ingat orang Melayu ini mudah lupa, jadi mereka gunakanlah kelemahan itu untuk faedah mereka. Macamlah masa dia perintah dulu demokrasi sangat. Maka menjelajahlah Ku Li ke sana ke mari menjual kueh demokrasi dia macam budak-budak jual nombor ekor dekat lampu jalanraya. Cari makan macam ini cari makan yang berbahaya, untungnya nanti tak macam mana.

Di mana-mana mereka menjelajah mereka jaja bahawa kueh yang Mahathir bawa itu kueh diktator. Dekat Kelantan sana Pak Mat Pak Lah pun ternganga mulut-mulut mendengar apa itu diktator apa itu demokrasi, tapi kerana Ku Li raja, mereka tak kira, mereka ikut juga. Mereka ikut bukan sebab rasa kueh Ku Li lebih sedap daripada kueh Mahathir, tetapi kerana dia syok dengan penjualnya anak raja.

Mereka yang terpengaruh oleh dakyah yang menuduh Mahathir itu diktator akan menganggap matlamat Ku Li sebagai satu perjuangan untuk mencapai matlamat rakyat. Jadi apa saja yang dibuat oleh Mahathir pasti mendapat cacian dan kebencian orang ramai. Apakah Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak dan Hussein Onn masa memerintah dulu bukan diktator? Malahan jauh lebih diktator dari Mahathir, tetapi diktator yang dihalalkan oleh sistem demokrasi yang kita amalkan.

Ku Li seperti yang telah saya tegaskan, cuma mahu berkuasa. Satu tangannya di istana, yang satu lagi memegang tengkok rakyat. Dr Mahathir pula, terpaksa sebelah tangan mentadbir negara, sebelah tangan lagi menghadapi orang-orang yang tamakkan kuasa yang sedang merancang untuk menjatuhkannya.

Niat Ku Li dan gengnya ialah hendak menghancurkan kemajuan yang sedang dirancangkan oleh kerajaan. Mereka kata mahu membawa perubahan. Cerita perubahan ini telah banyak saya ceritakan dalam buku saya yang lalu. Tak payahlah saya mengulanginya sekali lagi. Itu semua alasan yang sengaja mereka ada-adakan sahaja.

Segalanya berada di tangan rakyat. Rakyatlah yang memilih pemimpin. Kita memilih pemimpin untuk membangunkan negara dan bangsa kita, tetapi kalau kita membenarkan ada golongan yang kerana tamakkan kuasa dan terus menggugat kestabilan negara dan politik kita, bagaimana kita hendak membangun bangsa kita? Akhir-akhirnya kita asyik bermain politiklah sahaja.

Cuba kita tengok di Filipina, Marcos yang sudah kalah masih lagi mahu berkuasa semula. Tentu ada orang muda di belakangnya, macam adanya orang-orang muda di belakang Tunku Abdul Rahaman, dan di belakang mereka juga tentu ada orang lain. Siapa orang-orang yang tidak mahu muncul ke depan itu?

Golongan Ku Li tidak menggunakan senjata seperti yang berlaku di Filipina, tetapi cara peperangannya hampir sama sebagaimana Puan Aquino menerima tekanan, begitulah Mahathir menerima tekanannya. Tengku Razaleigh dan orang-orangnya sedang mengatur strategi perang saraf bagi menidakkan dan memperkecil-kecilkan usaha-usaha Dr Mahathir. Mereka menghasut rakyat supaya membenci Mahathir. Apabila telah timbul kebencian yang memuncak, yang akan menjadi korban nanti siapa? Tidak lain tidak bukan adalah rakyat miskin. Ku Li macam mana pun tidak ada kesan padanya, kerana dia kaya.

Tektik yang digunakan oleh Ku Li tidak ada bezanya dengan tektik parti pembangkang yang menentang kerajaan, sedang sepatutnya mereka menjadi *watch-dog*, tetapi mereka tidak menjalankan fungsi itu kerana mereka menjaga kepentingan kerusi mereka, bukannya kepentingan rakyat.

Ku Li mengguna dan akan terus memperalatkan apa sahaja cara dan peluang untuk sampai kepada matlamatnya, iaitu kekuasaan. Ku Li akan terus berusaha untuk menjatuhkan Dr Mahathir dan kerajaan yang sedang berkuasa. Keadaan yang ada sekarang adalah Ku Li memiliki semua kemampuan seorang raja, kecuali dia tidak memiliki kerajaan. Oleh itu sekarang Ku Li sedang mendapatkan dukungan para bangsawan untuk mengembalikan zaman pemerintahan bangsawan. Nampaknya para bangsawan ini semua pun bermimpi naik bot jugalah.

Sekiranya rakyat membenarkan dirinya dinina-bobokan, didondang-sayangkan dan dimakyungkan oleh Ku Li, maka memang Ku Li mempunyai harapan untuk menang. Tetapi rakyat sekarang bukan lagi rakyat di zaman bangsawan, rakyat

sekarang sudah sedar itu semua. Rakyat sebenarnya tidaklah seabodoh yang disangka oleh Ku Li dan Tunku serta para bangsawan yang bermimpi naik bot itu.

Dan dalam hal ini Dr Mahathir tidak perlu bimbang, tetapi dia mesti awas, kerana rakyat sebenarnya tidaklah menuntut yang bukan-bukan, kecuali agar mereka tidak ditindas dan ditipu. Maka jalinkanlah persahabatan dengan rakyat, yang boleh dilakukan dengan pelbagai cara mengikut keperluan masa dan tempat.

Memang di samping tindakan-tindakan undang-undang yang dilakukan dan akan dilakukan oleh orang-orang Ku Li, usaha lain mereka untuk memenangi hati rakyat adalah dengan modalnya yang utama dan semula jadi, iaitu Ku Li berketurunan raja yang berjiwa rakyat. Itu pun sekiranya rakyat bersedia untuk ditipu seperti peristiwa penubuhan UMNO Malaysia dan hendak menghidupkan UMNO (lama). Ku Li tahu masih banyak orang yang mempunyai nostalgia, mempunyai satu rasa kasih kepada UMNO (lama), mempunyai mitos terhadap nama itu, maka dengan segeralah ia menggunakan modal itu untuk mencapai kepentingannya.

Antara cara yang dipergunakannya secara ampuh sekarang ialah membangkitkan rasa kenegerian yang amat luar biasa. Kelantanlah antara negeri yang mudah sekali untuk dipergunakan semangat itu. Memang Ku Li amat kenal benar dengan watak orang Kelantan. Sifat kenegerian mereka yang menebal itu dipergunakannya habis-habisan.

Banyak peristiwa boleh disebutkan sifat orang Kelantan yang sangat kuat dengan semangat kenegerian ini. Ada perwakilan Kelantan dalam perhimpunan 24 April 1987 yang lalu mengatakan dia menyokong Ku Li tidak ada sebab lain kecuali kerana dia orang Kelantan. Bayangkanlah orang yang menjadi perwakilan dalam satu pemilihan politik masih memikirkan seolah-olah Kelantan itu satu negeri yang lain daripada Malaysia.

Masa juga beredar dan berubah. Orang-orang Kelantan

sekarang bukan lagi macam orang-orang Kelantan dahulu. Mereka terutama golongan muda yang mendapat pendidikan hasil daripada DEB telah dapat berfikir dan mengenalpasti tindakan politik apakah yang membawa keuntungan jangka pendek, kerugian jangka panjang dan tindakan politik manakah yang membawa keuntungan jangka panjang. Mereka ini yang telah melalui era politik yang berbeza dengan orang lain mempunyai pengalaman sejarah politik yang luar biasa hebatnya. Inilah harapan, api yang sedang menyala dari Kelantan.

Cara dan strategi yang sedang dilakukan oleh Ku Li sekarang ini juga bukan saja akan memusnahkan kehidupan masyarakat dari segi politik, sosial dan ekonomi, tapi yang terpenting ialah agama. Orang Islam sama Islam akan bermusuh-musuhan sesama sendiri seperti PAS dengan UMNO satu ketika dulu.

Ku Li tahu ramai dari pengikutnya yang boleh dibeli atau dirasuahkan, dan wang juga akan didapati dari dalam dan luar negeri, kerana politik hari ini sudah dijadikan satu macam komoditi dalam perniagaan. Relakah kita membiarkan agama, bangsa dan tanah air kita dijadikan bahan perniagaan untuk dijadikan satu perjudian oleh mereka yang gilakan kuasa?

Begitulah demokrasi ala Ku Li. Apabila Dr Mahathir menang dengan majoriti yang kecil dan dia telah kalah, maka kuncu-kuncunya pun disuruhnya menuntut supaya Dr Mahathir letak jawatan, dengan alasan Ku Li telah menang moral. Sekali lagi mereka cuba memutar-belitkan makna demokrasi dan moral. Dalam dunia moden hari ini manakah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang mendapat majoriti yang besar? Di Kelantan sendiri tempat Ku Li, Barisan Nasional tidak pernah mendapat majoriti yang besar. Kenapa negeri itu tidak diserahkan pada PAS saja?


Inilah yang terjadi kepada beberapa buah negara hari ini hanya mengamalkan sistem satu parti supaya kerajaan dapat menjalankan kerja-kerjanya lebih cekap kerana tidak banyak tinju politik yang mesti dimainkan setiap waktu.

Agaknya sebab itulah Muammar Qaddafi mengatakan demokrasi dan diktator tak ada beza maknanya. Demokrasi telah menjadi alat diktator dalam bentuk moden. Siapa saja yang duduk disitu, sistem membuatnya jadi begitu.

Dari itu kenapa kita mesti tebang pohon yang sudah mengeluarkan buah, dan hendak menanam pohon yang baru sedang benihnya kita belum pasti boleh tumbuh dengan subur dan mengeluarkan buah atau hanya daun sahaja yang merimbun, sedang berbuah haram tidak berbuah. Guruh di langit yang berdentum-dentum belum tentu lagi mengeluarkan hujan.



“Percayalah cakap saya Encik Ghafar. Dr Mahathir tu saya boleh jengkal. You tinggalkan dia, you ikut saya. Nanti saya jadikan En. Ghaffar Timbalan Perdana Menteri saya.” Begitulah cerita Ku Li pada Ghaffar agaknya. “Sorrylah Ku saya tak hendak mimpi naik *boat*”. Kata Encik Ghafar.



“Saya bersumpah dengan nama Tuhan, saya akan berlawan dengan siapa saja yang cuba hendak menderhaka pada boss saya dan UMNO baru.” Gambar menunjukkan Datuk Mohamad Rahmat menjulang keris yang diterima dari Datuk Redzuan (orang kuat Datuk Musa) dan YB Bakar Dewa (dulu orang Musa juga) sedang berfikir sesuatu.




Ku Li kalau mahu seronok-seronok macam ini kena jadi macam saya, jadi pelakon filem. Pelakon filem buat apa pun orang tak marah, cuma banyak digossip oleh wartawan hiburan saja. Orang ramai tonton juga filem kita. Orang politik kalau selalu kena gossip boleh merosot dan rosak imej, boleh terjejas undi akhirnya sendiri juga yang rugi.



“Alangkah enak si mangga udang, pohonnya tinggi, pohonnya tinggi, buahnya jarang. Alangkah enak jadi orang bujang, sayang. Ke mana-mana, ke mana-mana tiada yang larang.” Itu serangkap pantun untuk Ku Li. Tapi Ku Li kena ingat nak jadi Perdana Menteri dalam sebuah negara Islam tak boleh macam itu. Malaysia belum boleh terima Perdana Menternya seorang yang bujang.



“Kerja buka-buka mesjid ini bagi dekat saya. Saya seronok kerja buka-buka tirai ini.” Hussin Ahmad pun suka juga tengok orang buka-buka kain macam itu. Saya pun suka juga. Kerja-kerja jadi imam ada kuliah Subuh, baca doa bagi kat Anwar Ibrahim.



Anwar minta doa jangan banyak-banyak sangat. Minta yang patut-patut sudahlah. Habis lepas baca doa tolong tengok sikit anak buah awak tu. Depan Tok Imam sungguh baik. Belakang Tok Imam, macam-macam kerja karut anak buah dok buat. Dah ramai pemimpin yang jatuh kerana anak buah.



Musa Hitam, isterinya Zulaikha dan Ku Li sedang bergembira. Ku Li dengan Musa Hitam dulu suka betul ketawa. Kat sana ketawa, kat sini ketawa. Terlupa ke pesan orang tua-tua. Jangan banyak sangat ketawa, jangan terlampau suka sangat akhirnya duka. Sekarang ini kalau jumpa ketawa lagi ke?

GENG 11

Pada mulanya saya bercadang hendak tulis sebuah buku mengenai Geng 11, kerana saya mempunyai sejarah yang tersendiri dengan Geng 11 ini. Tambahan pula sekarang ada di antara orang yang terlibat dengan Geng 11 yang kebetulan adalah kawan baik saya. Sampai hari ini pun saya masih baik dan ada hubungan dengan beliau.

Suatu hari saya berjumpa Zahrin Mohd Yasin, kawan baik saya. Zahrin bukan Wakil Rakyat, bukan Ahli Parlimen, bukan seorang Senator, belum pernah jadi menteri lagi. Tapi Zahrin adalah seorang ahli politik yang lebih terkenal dan popular daripada seorang Wakil Rakyat, Ahli Parlimen ataupun menteri.

Zahrin bukan orang suratkhobar, bukan juga seorang penulis buku. Zahrin cuma seorang penulis surat yang kontroversial. Tanyalah Dr Mahathir, tanya Encik Ghafar Baba, tanya Daim Zainuddin, Sanusi Junid, Mohamad Rahmat dan lain-lain menteri besar atau kabinet, mereka semua kenal Zahrin.

Zahrin ini sungguh hebat orangnya, lebih kurang sama hebat dengan Datuk Musa Hitam. Bezanya dengan Musa

Hitam, Zahrin orang kuat Ku Li yang paling setia pada Ku Li. Zahrin bolehlah dianggap sebagai *Campaign Manager* Ku Li selain daripada Ibrahim Ali. Ku Li tidak akan berjumpa satu lagi manusia di dunia ini yang mempunyai kesetiaan dan sanggup bermati-matian dengan Ku Li macam Zahrin. Bekerja keras untuk Ku Li siang malam pagi petang tanpa gaji, tidak kesahkan anak isteri di rumah. Yang penting ku Li mesti menang. Ku Li macam Nabi kepada Zahrin.

Hari itu Zahrin minta saya ramalkan mengenai angka 11, kerana Zahrin tahu saya adalah seorang Numerologist. Zahrin bukan orang Geng 11, tapi dia ada hubungan rapat dengan Geng 11. Sebelum saya buat ramalan saya ingatkan Zahrin jangan mempercayai ramalan, kerana mempercayai ramalan ini hukumnya syirik, dan ia adalah di antara amalan syaitan.

Orang-orang yang tidak beriman akan merasa takut dan gentar kerana selalunya ramalan yang berupa Numerologi ini boleh terjadi dengan tepatnya, padahal ianya cuma satu ramalan. Kalaupun ia terjadi kejadian itu hanyalah satu kebetulan saja. Memang benda tu dah nak terjadi pun. Memang begitulah suratan Taqdir yang sudah ditetapkan oleh Allah SWT.

Kebetulan pada hari itu ada buku "*Challenger*" dalam beg yang saya bawa. Saya pun tunjukkan kepada Zahrin benda-benda yang saya sudah ramalkan di dalam buku itu, dan kebetulan ada juga saya sebut tentang angka 11.

Saya pun ceritakan kepada Zahrin: Tidak ada salahnya nombor 11 ni. Kita tidak perlu takut kepada nombor 11. Kebetulan saja kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ialah pada tahun 1511. Di situ ada angka 11. Kemudian Kerajaan negeri Melaka pimpinan Datuk Setia Ghani Ali digugat oleh Geng 11 juga, pada tahun 1978. Sekarang pun yang membawa UMNO ke mahkamah hingga UMNO diisytiharkan sebagai pertubuhan yang tidak sah pun kerja Geng 11 juga. UMNO lahirpun 11 haribulan May 1946.

Kita tak tahu sama ada rancangan untuk menjatuhkan UMNO sekarang ini ada kaitan dengan orang yang menjadi

dalang semasa menjatuhkan Datuk Setia Ghani Ali Ketua Menteri Melaka dulu itu atau tidak. Mengikut cerita Datuk Setia Ghani Ali, dalang-dalang di belakang Geng 11 itu masih hidup, dan secara tak langsung ada hubungan dengan Geng 11, kalau tidak pun secara terus terang, mereka adalah orang-orang Team B.

11 ini satu nombor yang kalau kita perhatikan betul-betul bila satu orang mati tiang nesan dia serupa macam nombor 11. Tiang gol pun berbentuk macam nombor 11. Kedua-dua kaki kita pun macam angka 11 juga. Zahrin mendengar sahaja cerita saya.

“Sekarang ni adakah orang-orang dari Geng 11 kau tu yang berani mengatakan idea nak membawa UMNO ke mahkamah ini memang idea dia? Kalau betul idea tu idea dia sorang, dan kalau dia ingat apa yang dia buat tu betul, dan dia benar-benar ikhlas, dia akan pergi sorang diri ke mahkamah. Bila dia berdua atau bertiga, Allah ialah yang keempat. Allah tahu apa yang mereka buat. Mereka tidak boleh bersembunyi akhirnya semua orang akan tahu rahsia mereka.

“Aku minta kau buat ramalan pasal angka 11 saja Syed, yang kau pergi bersyarah pula dekat aku, pasal apa?” Kata Zahrin.

“Ah sajalah. Kau pun bukan senang nak dengar aku bersyarah, Zahrin. Geng-geng kau pun bukan suka sangat pergi dengar syarahan agama. Jadi apalah salahnya sesekali aku bersyarah. Sekurang-kurangnya syarahan aku boleh juga jadi ingatan kepada kau. Maklum sajalah, kita ini kan manusia. Bila tengah sibuk sangat mengejar dunia, kita terlupa akhirat, kita terlupa Tuhan. Jadi kerja aku ni sekadar mengingatkan kaulah. Dengar bagus, Alhamdulillah. Kalau tak dengar pun Alhamdulillah juga. Nasihat aku ini sebagai menunjukkan kasih sayang aku kepada kau. Aku ni sayangkan kau Zahrin.”

Dalam buku saya "*Challenger*" *Siapa Lawan Siapa?*, saya ada membuat analisa secara perangkaan ataupun numerologi, Eloklah saya salin semula bahagian itu untuk tatapan para pembaca.

Datuk Musa yang mendapat sokongan dari Dr Mahathir dan rakan-rakan lain pada tahun 1981 muncul sebagai pemenang. Beliau mendapat 722 undi berbanding dengan Ku Li 517 undi.

Bagi mereka yang mengkaji Numerologi akan menemui no 7 dalam kedua-dua angka yang dipunyai oleh Musa — Ku Li. Bererti mereka akan berlawan selama tujuh tahun lamanya, dari 1981 hingga 1987.

Kemenangan Musa kalau dicampurkan $7 + 2 + 2$ jadi no 11 dan dicampur lagi $1 + 1$ jadi dua. Datuk Musa Hitam kekal di kerusi nombor dua saja, tidak akan sampai menjadi orang pertama. Itu mengikut ramalan perangkaan, Numerologi.

Angka sebelas itu sama ada jalan kaki tolak abuk, atau tiang nesan. Baca buku saya *Perang di Kuala Linggi Melaka 1978* untuk mengetahui apa yang berlaku pada Geng 11 yang cuba menjatuhkan Datuk Setia Ghani Ali, bekas Ketua Menteri Melaka. Kejadian ini berlaku dalam tahun 1978.

Ini analisa perangkaan, jangan percaya, nanti syirik.

Ku Li pula mendapat nombor 517. Dicampurkan $5 + 1 + 7$ jadi 13. Dicampurkan $1 + 3$ jadi 4. Orang Cina berpendapat nombor empat ini ertinya mati, 'Si'. Sebab itu Cina tidak suka dengan nombor 4. Jarang sekali kita terjumpa orang Cina yang mahu pakai nombor 4 di

keretanya. Orang Cina takut nombor mati, kerana kematian bukan satu nikmat bagi mereka. Tetapi orang Cina Islam yang beriman pada Allah tidak takut mati di jalan Allah.

Tahun 1984 Tengku Li cuba lawan Musa buat kali kedua. Musa menang dengan angka 744, manakala Tengku Razaleigh mendapat 501. Kemenangannya cuma bertambah 22 undi saja, sedangkan Musa 3 tahun jadi Timbalan Presiden UMNO, 3 tahun jadi Timbalan Perdana Menteri, 3 tahun jadi Menteri Dalam Negeri, disokong oleh Perdana Menteri dan macam-macam lagi. Mari kita campur 22 undi itu. $2 + 2$ jadi 4, mati juga. Ini kemenangan yang membawa kepada kematian kepada Tok Musa. Contohnya, dua kali menang pun kalah juga. Itu bukti Tuah ada Nasib tidak ada. Kemenangan yang membawa kepada kehampaan.

Ramalan Numerologi ini untuk orang bukan Islam yang mahu berjudi. Kita semua tahu perlawanan Mahathir, Musa dan Ku Li ini akan menjadi satu temasya perjudian yang besar. Ini sekadar buang 'cai'.

Kita ambil angka yang diperolehi oleh Musa, 744. Pertama, nombor ini di belakangnya dua kali mati. Kedua, dikumpul semua $7 + 4 + 4 = 15$. $1 + 5 = 6$. Ini nombor jadi ulat. Enam ialah nombor yang boleh tonggang terbalik. Rukun iman pun enam juga. Orang yang tidak beriman hidupnya mudah tonggang terbalik.

Angka 501 dikumpulkan semua jadi ulat juga, 6. Sebab itu lepas kalah tahun 1984 Ku Li turun pangkat. Lagipun tarikh 24-5-1984 ada dua nombor mati. Apakah peluang pada kedua-dua mereka yang ada ulat ini, tepuk dada tanya selera.

Tarikh 6-6-1976 ada tiga angka enam di situ. Itulah hari kematian kepada Tun Fuad dan 6 pemimpin Sabah sesudah memenangi pilihanraya mengalahkan USNO. Seniman Agung P. Ramlee pun ada buat filen Enam Jahanam. Siapa yang hendak jahanam, siapa yang hendak terjunam, buatlah kerja yang tonggang terbalik, akibatnya tanggunglah sendiri.

Analisa Numerologi saya dalam buku itu diakhiri sebagai berikut:

Tahun 1987 ini sekali lagi Ku Li berjumpa nombor mati: 24-4-87. Datuk Musa pun bertemu nombor mati juga. Dan tahun ini tahun cangkul pula. Nombor tujuh menyerupai cangkul. Tengoklah nasib macam mana, siapa yang akan dicangkul dan kena cangkul.

Begitulah lebih kurang ramalannya tentang ruginya orang yang terlibat dengan Geng 11. Saya dah tengok kejadian-kejadian yang mengenai mereka yang terlibat dalam Geng 11 di Melaka dulu. Kebanyakan mereka mengakhiri hidup dengan penuh kekecewaan. Allahyarham Ghani Ishak merengkok dalam penjara, kemudian mati dalam keadaan yang tidak dipedulikan, sedangkan dia bekas Timbalan Ketua Menteri Melaka. Begitu juga yang lain-lainnya, ada yang lumpuh, mati separuh badan sebelum mati, yang jatuh bengkrap, yang dah sasau pun ada, dan macam-macam hal lagi.

Jadi pemimpin ni bukan mudah. Kita memegang amanah dari Allah, kita mendapat kepercayaan daripada rakyat. Sekiranya kita gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin mengikut ajaran Islam, kerana kita seorang Islam dan para pengikut kita juga orang-orang Islam, kita akan menerima hukuman yang berat. Hukuman itu tidak tunggu sesudah kita mati. Di dunia lagi Tuhan dah tunjukkan.

Mengikut kata Rasulullah SAW kepada Saiyidina Ali bin Abi Talib: **Hendak mengenal seseorang munafik itu mudah. orang munafik bila bercakap dia bohong, bila berjanji dia**

mungkar dan bila diberi amanah dia mengkhianati amanah yang diletakkan kepadanya. Hukum orang-orang munafik mereka terlebih dahulu akan dihumbankan ke dalam neraka sebelum orang-orang kafir dimasukkan. Amatlah tersiksa dan sengsaranya hidup orang-orang munafik ini di dalam neraka jahanam.

Setelah mendengar cerita ini semua, terloponglah mulut Zahrin. Maka dia pun berkata: "Kalau macam ini siallah nombor 11 ni, Syed. Tak adalah harapan Geng 11 dan Tengku Razaleigh boleh memerintah negara."

"Kau pun tak adalah harapan nak jadi Menteri Penerangan. Sorrylah Zahrin. Kalau kau hendakkan juga, jawabnya kau mimpi baik botlah."

Kemudian saya menjelaskan sedikit lagi kepada dia: 'Aku tak kata nombor 11 sial, tapi kau sendiri boleh tengok, sejarah telah menunjukkan hari-hari yang malang dan kejadian-kejadian yang malang kepada umat Melayu ada kaitannya dengan nombor 11.'

Dan untuk mengetahui sejarah tersendiri antara saya dengan Geng 11, saya salinkan semula sebuah tulisan yang telah disiarkan dalam majalah *Dewan Budaya* keluaran bulan April 1987, iaitu yang merupakan cerita saya kepada Editor majalah *Dewan Budaya*, mengenai perangai orang-orang UMNO dan serba ringkas sejarah minat saya di dalam menulis mengenai politik Malaysia. Berikut adalah salinan tulisan tersebut:

SAYA mula perhatikan perangai pemimpin-pemimpin UMNO ini secara serius sejak saya menulis buku saya *Perang di Kuala Linggi Melaka 1978*. Buku itu saya tulis kerana saya perhatikan politik UMNO sudah mula hendak bercelaru. Orang-orang UMNO mula berkomplot, tiga belas orang wakil rakyat di Melaka menubuhkan Geng 13, beroperasi di sebuah hotel antarabangsa di Kuala Lumpur. Geng 13 itu kemudian berpecah menjadi Geng 11. Mereka cuba hendak menjatuhkan Ghani Ali, Ketua Menteri Melaka pada waktu itu.

Saya mula kenal dengan Ghani Ali dalam satu pertemuan sastera di Melaka sebelum kejadian itu. Apabila pemimpin-pemimpin berkomplot hendak menggulingkannya, saya cuba mencari sebab. Bagi saya Melaka merupakan tempat atau daerah yang penting di negara ini. Kita kenal sejarah kita, sejarah bangsa kita melalui peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di Melaka. Kebesaran bangsa Melayu pun dikenal melalui sejarahnya di Melaka. Kesultanan Melayu bermula di situ, di situ jugalah kita kenal Hang Tuah, Hang Jebat, Bendahara Melaka dan sebagainya. Dalam sejarah Melaka jugalah kita mengenali bagaimana bangsa Melayu menemui kejatuhannya, dan kemudiannya di Melaka jugalah kemerdekaan kita diisytiharkan.

Jadi bagi saya Melaka penting. Dalam pengetahuan saya waktu itu komplot Geng 11 itu merupakan satu ancaman terhadap politik UMNO. Saya tidak tahu kalau ada peristiwa lain sebelum itu yang boleh dianggap sebagai ancaman juga terhadap politik UMNO. Saya bukan ahli sejarah. Waktu itu saya menganggap diri saya sebagai seorang ahli nujum. Tetapi sebelum ini pun saya telah menulis buku *Temanku Pemimpin-pemimpin Sabah* dan buku *Kenapa Rosly Dhoby dan Tiga Hero Sarawak Dihukum Bunuh*.

Saya mula meminati politik semasa berkawan dengan Tun Datu Mustaffa. Mulai waktu itu pengetahuan saya di bidang firasat dan kegemaran saya meramal orang mulai bercampur aduk dengan minat saya di bidang politik. Saya mungkin tidak berminat dengan politik, tetapi saya berminat dengan orang-orang politik, khususnya dengan gelagat dan perangai pemimpin-pemimpin politik.

Saya perhatikan cara Geng 11 itu, kepada saya, saya tidak menganggap mereka sebagai pemimpin. Saya anggap mereka hanya sebagai boneka, sebab mereka bergerak mengikut arahan pemimpin lain yang lebih tinggi di peringkat pusat. Mereka tidak mempunyai ciri-ciri dan keperibadian yang sepatutnya dimiliki oleh seorang pemimpin Melayu yang menganuti agama Islam dan menjadikan Islam itu sebagai *addin* (cara hidup).

Bagi saya Melayu itu Islam dan kebudayaan Melayu itu mestilah kebudayaan Islam. Orang yang hendak menjadi pemimpin Melayu mestilah berperangai seperti seorang Islam kerana pemimpin Melayu adalah pemimpin Islam. Bolehkah seorang boneka menjadi pemimpin? Setahu saya Islam tidak mengajar penganutnya supaya menjadi boneka.

Saya melihat ada di antara Geng 11 ini yang tidak amanah, tidak mempunyai perasaan setiakawan, tidak mengenang budi, sanggup membunuh kawan baik sendiri, menggigit tangan orang yang menyuap ke mulutnya, hasad dengki, khianat, kufur nikmat, tamak, haloba, mahu merebut kerusi Ketua Menteri semata-mata kerana mahukan kerusi itu, bukan kerana perjuangan untuk agama, bangsa dan tanahair, dan bukan kerana Ghani Ali telah melakukan sesuatu yang menyebabkan beliau patut dijatuhkan. Sejarah telah membuktikan orang yang menggantikan Datuk Setia Ghani Ali contohnya Adib Adam, hidupnya merana dan menderita.

Bercakap tentang perangai pemimpin-pemimpin UMNO mengikut apa yang telah saya perhatikan, nak dikatakan perangai orang Melayu adakalanya tidak macam orang Melayu. Nak dikatakan macam pemimpin Islam pun susah juga kerana ada di antara mereka yang cara hidupnya terkeluar daripada aqidah Islam. Ini yang dikatakan cakap salah, tidak cakap pun salah.

Ramai di antara mereka yang berperangai terlalu emosional dan sensitif. Susah menerima teguran dan kritik. Lebih banyak mengikut hawa nafsu daripada mengikut akal. Mereka tidak mahu ada orang lain meletakkan cermin di depan muka mereka. Biar pun ada tertampal arang hitam berlumuran di muka mereka, tetapi mereka kata muka mereka bersih, kerana pengikut-pengikut mereka kata muka mereka bersih. Oleh itu mereka tidak perlukan cermin.

Saya berani berkata begini sebab saya telah banyak bercampur dengan pemimpin-pemimpin UMNO daripada peringkat cawangan hinggalah ke peringkat pusat. Hampir setiap hari saya bergaul dengan mereka, kerana menyelidik

tentang perangai mereka menjadi satu kerja saya. Kalau tidak macam mana saya hendak menulis buku. Menulis buku tentang orang-orang yang sensitif bukan senang. Kalau saya tidak mempunyai fakta-fakta yang cukup tentu saya sudah lama diseret ke mahkamah kerana menulis sesuatu yang defamatif.

Sebenarnya saya mula mengenali pemimpin-pemimpin UMNO sejak tahun 50-an lagi. Waktu itu saya tinggal di kampung saya, Wadi Hana, Johor Bahru. Saya banyak berjumpa dengan pemimpin-pemimpin UMNO kerana waktu itu UMNO beribu pejabat di Johor Bahru. Saya kenal rapat dengan keluarga Datuk Onn dan keluarga Tunku Abdul Rahman. Saya kenal rapat dengan keluarga Tan Sri Syed Jaafar Albar. Perangai orang-orang UMNO waktu itu dengan sekarang tidak serupa dari segi budi pekerti dan budi bicara mereka.

Dulu orangnya baik-baik, ada perjuangan, ada etika, berbudi pekerti tinggi. Ada sifat hormat-menghormati antara satu sama lain. Muhibah dan kasih sayang antara satu sama lain. Tidak ada sifat pentingkan diri sendiri. Tidak berpuak-puak dan berkomplot-komplot. Orang Johor tidak pernah memikirkan Tunku Abdul Rahman, Khir Johari, Datuk Senu Abdul Rahman sebagai orang Kedah. Mereka menerima tokoh-tokoh ini sebagai pemimpin mereka. Semua pemimpin UMNO ketika itu adalah pemimpin Melayu, tidak mengira negeri dan asal keturunan mereka.

Hari ini bukan sahaja di seluruh Malaysia sebagai sebuah negara, di negeri Johor sahaja pun, antara pemimpin-pemimpinnya bercakaran sesama sendiri, bermusuhan sesama sendiri. Jatuh-menjatuhkan sudah menjadi semacam satu *game*, ada yang seronok pula. Cerita politik UMNO hari ini sudah jadi macam cerita koboi. Sebab itu orang ramai suka tengok. Dan sebab itu juga saya namakan buku saya pada tahun ini *Siapa Lawan Siapa?*

Saya perhatikan kebanyakan ahli UMNO hari ini suka sangat bercakap tentang siapa hendak lawan dengan siapa. Mereka tidak mengira lagi siapa yang layak menjadi pemimpin

dan siapa yang tidak layak menjadi pemimpin. Yang penting orang pilihan mereka mesti menang. Soal fiil dan perangai pemimpin tidak penting lagi, kerana ahli-ahli UMNO pun kebanyakannya lebih kurang sama sahaja.

Inilah yang menjadi tugas dan tanggungjawab besar saya pada tahun ini, sekurang-kurangnya pada anggapan saya sendiri, iaitu saya cuba memperjuangkan melalui buku saya supaya hanya pemimpin yang layak menjadi pemimpin sahaja yang mesti menjadi pilihan. Saya tidak mahu orang-orang seperti Dr Mahathir, Ghafar Baba dan Anwar Ibrahim menjadi mangsa.

Alhamdulillah syukur saya kehadiran Allah S.W.T. telah memakbulkan doa saya, ketiga-tiga orang yang saya minta diselamatkan dari menjadi mangsa telah Allah berikan kemenangan kepada mereka. Walaupun dengan kemenangan yang kecil Dr. Mahathir, Encik Ghafar Baba dan Anwar Ibrahim menang dalam perhimpunan agung tahun 1987 dan mereka yang saya katakan kalah dan menemui kerugian dan kekesalan juga menjadi satu kenyataan. Tengoklah apa yang terjadi pada Musa Hitam, Ku Li dan Geng 11.



“我的生活已充滿了愛，只要有愛，就可以滿足，不必理會這個愛是從那裡來。……”

Benda apa yang panjang sangat tu Marina? Belum pernah ke terjumpa benda macam itu? Kata Marina pada akhbar Cina, Marina sudah tiga penggal merasakan keseronokan berumah tangga tetapi masih bersedia untuk bercinta sekali lagi, tidak kira siapa saja yang sanggup memberikan kebahagiaannya padanya.

TAU MAKAN TAU SIMPAN

Hubaya! Hubaya! Ya! Ya! Ya!

Bab-bab dalam buku-buku saya semuanya saya jadikan bab-bab yang istimewa. Kerana saya tahu kalau tidak istimewa, buat apa saya membuang masa para pembaca saya yang istimewa-istimewa.

Bab ini istimewanya cara lain sedikit. Tak seperti yang sudah-sudah. Biar bagaimanapun maafkan saya kerana terpaksa bagi *warning* dulu kepada pembaca semua. *Warning* ini penting, kerana takut saudara terkejut, sebab kalau tak kena *warning* saudara akan berasa pelik, kenapa pula Pak Habeb ini tiba-tiba tukar cara penulisannya. Lagi pun macam-macam benda yang berlaku dalam dunia ini ada dengan *warning*nya. Tak *warning* kalo boleh jadi gila.

Warning atau amaran ini penting. Hari nak malam pun tidak terus-terus gelap. Tidak terus-terus gelap pekat. Ada waktu petangnya dahulu, kemudian diikuti pula oleh waktu senja. Lepas senja pun tidak terus-terus gelap pekat. Sang matahari memberikan kita cukup masa untuk menghadapi kegelapan malam. Sebab itu ada dikatakan orang malam masih muda dan akhir sekali larut malam.

Siang pun begitu juga. Apabila hari nak siang dia tak terus-terus menjadi terang. Matahari tak terus-terus berdiri tegak atas kepala. Dia ada dia punya *signal* juga. Dia ada waktu dinihari. Dia ada wakatu fajarnya. Itu semua hikmah kejadian Allah semuanya. Apabila kita dapat menyedari segala *warning* yang sungguh lembut dan adil dari Allah, marilah kita mengucap syukur kepada Allah.

Warning yang saya maksudkan ini jauh berbeza dengan amaran dan ingatan Allah. Ia merupakan satu ingatan supaya para pembaca membetulkan lidah masing-masing terlebih dahulu. Apabila saudara sudah bersedia, selepas membetulkannya, barulah boleh meneruskan membaca bab yang istimewa dan yang diistimewakan ini. Bab yang lain daripada yang lain ini. Saya sendiri pun tidak pernah tulis macam ini. Kerana tak pernah tulis macam inilah kali ini saya rasa nak tulis.

Suasana dan perkembangan yang berlaku hari ini menyebabkan saya rasa munasabah dan wajar saya menulis gaya ini. Bak kata orang tua-tua, masuk kandang kambing mengembek, dan bercakap dengan iblis kenalah ikut cara Tamar Jalis.

Saya harap pembaca sudah bersedia!.

Sudah sedia kalu, ini bab boleh terus baca punya. Ada orang sudah tulis satu buku saya punya nama juga dia ada pakai. Itu S.H. Alattas juga. Buku dia bikin pun serupa saya punya macam lain-lain buku punya. Itu orang mana mari pun saya tarak tau. Itu buku dia punya nama, serupa macam ini bab juga punya nama. **Tau Makan Tau Simpan.**

Itu buku sudah lama juga ada keluar sana sini. Orang punya dekat dia free kasi. Kasi orang ramai juga baca. Tapi ini punya kerja serupa hantu. Sendiri punya geng juga dia. Itu jahat punya orang, dia ingat dia banyak pandai simpan. Cit! Dia bodoh punya orang. Sudah sedap punya barang makan dia mana boleh simpan? Perut punya dalam sudah masuk kuntut banyak busuk. Dia sana sini sudah berak lagi busuk. Itu pasallah saya ada tahu.

Saya punya nama punya dekat dia mahu kasi banyak busuk. Serupa itu tandas kampung juga. Tak dak jaga. Ada ertikah? Tapi itu Tuhan Allah, saya punya dekat ada sayang. Itu pasal juga Allah Tuhan ada jaga sama saya.

Saya tahu, itu orang banyak busuk. Mana-mana dia pergi pun orang banyak benci sama dia. Dia pun cari makan buku tulis juga. Tapi dia busuk punya pasal, dia apa buku tulis pun, orang tak mahu percaya. Itu bodoh-bodoh punya boss saja ada beli dia punya buku banyak-banyak kasi orang free. Ini punya hal sapa-sapa pun tahu. Tanya itu mamak teh tarik Bangsar sana pun dia ada tahu.

Saya sudah baca itu punya buku. Itu pasal ini macam juga saya ada tulis. Dia pun tarak guna itu bahasa baku punya. Dia bahasa baku tarak pakai. Dia bakul punya bahasa juga ada pakai. Itu sampah punya bakul juga. Dia ingat saya tarak tahukah? Dia tulis India punya macam punya cakap, dia mahu bikin itu jual buku punya orang marah sama saya. Ayo yo, Tuhan Allah tolong tengok apa ini macam punya orang sudah bikin sama saya. Itu mamak tarak mahu jual dia punya buku, pasal dia punya buku tarak laku. Dia bikin satu buku saya punya nama pakai. India punya macam tulis. Dia sudah lupa orang India sekarang pun sudah pandai cakap bahasa baku.

Ini orang dia apa buku tulispun semua orang sudah tahu dalam apa ada isi. Saya kawan ada cakap dia buku punya dalam serupa perut punya dalam ada batu lesong punya anak. Apa macam batu lesong punya anak perut punya dalam boleh hadam? Serupalah dia punya buku. Sapa pun tak boleh faham.

Ini tulis buku punya orang, dunia punya dalam dia ada kasi tahu dia banyak pandai juga. Sekolah banyak tinggi baca. Luar negeri pun ada pergi baca. Dia punya pandai sana sini pigi kalu ada cakap itu Mahathir juga busuk. Itu Ghafar juga banyak jahat punya orang. Itu Daim juga tarak guna. Itu saja dia pandai cakap. Tapi dia pruf tarak kasi.

Ini orang cakap dalam dia punya buku, itu Megat Joned, Negeri Dalam punya Menteri ini macam: "*Orang hormat sama*

Megat bukan kerana dia pandai tapi orang mahu bodek sama dia. Megat suka orang angkat sama dia sebab dia tarak pandai punya orang. Kalau kuat bodek sama Megat, wah, dia semua pun mahu kasi."

Ini pun dia tulis punya. Sekejap macam Melayu, lagi sekejap macam India. *"Dia sama Ramli Ngah Talib tarak baik. Megat mahu jadi MB tapi Ramli mau kekal itu jawatan. Kalau Megat jadi MB Perak nanti dia jual semua tanah lombong sebab dia suka judi. Ramli Ngah Talib takut sama Megat sebab Megat orang Mahathir. Itu pasal Ramli bodek sama Megat kerana mahu hidup di Perak.*

Tapi kalau Tengku Razaleigh dan Datuk Musa menang Ramli dan Megat pun habis. Ramli sudah takut sekarang sebab dia sokong Datuk Musa sekarang dia jilat Mahathir dan Anwar."

Itu macam ini orang ada tulis dalam dia punya buku. Dia tarak tahu itu Datuk tarak bodoh serupa dia. Dia mahu Megat tangkap sama saya. Dia mahu rakyat benci sama Megat. Itu Megat juga ada tau ini buku dia sudah tulis. Sikit hari nanti taulah dia apa dia mahu jadi. Dia ke mahu kena tangkap atau saya.

Lain buku pun dia ini macam juga tulis. Itu Datuk Megat sama Ramli Ng Talib kasi gaduh. Saya mana ada bikin ini macam punya busuk punya kerja. Saya mahu lawan sama menteri kalu, saya betul-betul lawan, tarak pakai lain orang punya nama. Dunia punya dalam semua orang ada tahu ini dua-dua punya Datuk saya kawan banyak baik. Dia punya dekat saja ini dua-dua menteri tarak baik. Saya ingat dia sendiri mahu jadi menterilah, bila ini dua orang sudah gaduh.

Dia apa ingat, dia satu orang juga baik ka? Tarak percaya kalu, itu saya punya kawan punya dekat, dia punya nama Noor Azam, itu Mahathir punya *office* sana juga kerja, dia banyak busar punya orang. Dia punya dekat pegi tanyalah. Pegilah. Sekarang pun boleh pegi. Pegi! Pegi! Pegi!

Saya punya cakap tarak percaya kalu, tanya sama itu Noor Azam. Ini tulis buku punya orang, dulu ada marikah jumpa sama dia? Noor Azam mesti cakap ini orang ada mari. Dia macam-macam mintak, itu Noor Azam tarak kasi. Itu Noor Azam PM punya Political Secretary saja. Dia apa macam kasi orang macam-macam mintak.

Dr Mahathir dulu ada cakap, ada satu orang mintak \$50,000 Mahathir punya dekat. Ini orang mahu satu buku tulis bikin Mahathir *number one Prime Minister*. Mahathir tarak kasi dia wang. Mahathir mana mahu kasi ini gila orang duit tulis dia punya buku. Itu pasallah dia marah-marah sama Mahathir. Ini cerita dulu lagi. Orang sudah tahu tapi sudah lupa. Banyak lama. Tarak percaya kalu cari itu *paper* kasi baca. Itu *Tamil Nesan* pun ada.

Ini macam punya orang, dia ini kerja bikin tentu tarak makan sirih punya orang. Ini makan sirih kalu, ada sembahyang kalu, dia ini kerja dia tarak bikin. Ini punya orang kapur juga makan. Habis kapur makan sapa dapat dia kasi kapurlah. Dia sendiri pun banyak kerja-kerja buruk ada bikin. Itu pasal dia besar punya orang punya busuk dia ada tulis. Tarak busuk pun dia bikin busuk. Ini macam punya orang, saya tengok dia punya dekat serupa itu todi minum punya orang. Cit! Ini apa punya Melayu? Dia betul-betul Melayu kalu, dia malu mau bikin ini kerja. Ini kerja orang tau kalu, banyak besar punya malu. Serupa sendiri punya anak kasi rogol.

Dia selalu orang punya dekat kasi malu, satu hari dia punya kemaluan saya mahu semua orang kasi tengok, dia baru tahu. Dia ingat dia banyak besarkah?

Dia nama saja banyak besar. Dia kawan juga besar punya orang, tapi dia hati punya dalam ada banyak kecik. Serupa itu ayam punya hati. Itu ISA dia banyak takut. Buku sudah tulis, rumah punya dalam sembunyi. Berani kalu, pergilah jumpa itu orang lu ada hantam buku punya dalam.

Rumah dalam dia ada sembunyi, dia sudah jadi itu kelawar punya macam. Sudah gelap-gelap kalu, dia baru keluar. Ada

taukah itu apa pasal dia banyak malu? Itu kelawar dia kaki atas ada taruk, kepala bawah juga taruk. Orang pandai punya tarak ini macam bikin. Kepala mesti mau taruk atas, kaki mesti mau taruk bawah. Itu baru betul punya orang.

Ini orang pun sudah banyak buku dia tulis. Dia punya buku punya dalam, sapa pun ada baca mesti boleh tahu punya. Dia punya cakap mana-mana pun itu macam juga. Saya punya dekat tadak percaya kalu, awak sendiri boleh baca. Ini juga dia punya pruf. Ada tau ka?

Mana-mana pun dia punya buku punya dalam, dia ini juga cakap dia ada pakai. Ini cakap OKB, Orang Kaya Baru, serupa macam saya punya kawan, itu dulu dia PWD kerja. Saya tanya dia punya dekat, dia apa kerja. Dia bilang, shekar. Saya tanya dia punya dekat, itu shekar apa dia punya arti. Dia marah saya punya dekat. Itu shekar, itu pendek cakaplah JKR. Tapi ini Melayu punya cakap.

Ini orang, dia Indonesia juga ada belajar. Dia apa-apa pun, dia mesti mau tunjuk kasi tau orang dia pandai bahasa Indonsia. Indonesia dia ada sikit saja cakap. Orang puteh pun dia ada sikit cakap. Arab punya macam pun ada sikit cakap. India punya stail pun dia ada punya sikit cakap. Tapi banyak aksen.

Apa pasal dia ada India sikit. Dulu dia Pinang punya dekat ada duduk. Dia punya kawan-kawan semua itu mamak tongkang juga. Sekarang saya kasi tunjuk ini dia punya bahasa. Tak dak percaya kalu, semua dia punya buku angkat, awak punya tangan kasi baca. Dia hari-hari pun, awak punya dekat jumpa, itu macam stail juga ada cakap.

Dia ada tulis itu *connection*. Apa pasal dia itu macam tulis? Taukah mana dia ini *connection* punya cakap dia dapat? Itu *French Connection*lah. Jadi dia itu punya cakap dia ada pinjam, dia bilang *Mahathir Connection*, *Daim Connection*, *Hasmah Connection*, *Fathers Connection*.

Dia sendiri punya *connection*, dia apa pasal tarak cakap? *Razaleigh connection*, *Tunku connection*, *Istana connection*.

Ini semua dia punya connectionlah. Kalu orang tulis ini macam punya hal, dia ada senang ka?

Dulu dia ada tau, Tunku punya jam semua orang mesti jadi *rubber stamp*. Tunku Li semua orang mesti panggil boss. Semua itu ikut-ikut Ku Li punya, itu Ku Li ada panggil *my boys-my boys*. Apa macam tua pun, dia jadi serupa budak pejabatlah. Anak sudah ada. Cucu sudah ada pun, budak pejabatlah. Engku Li punya boys. Kenapa ini hubaya hubaya punya orang ini tarak tulis dalam dia punya buku?

Sekarang saya mahu taruk itu dia banyak suka cakap punya, dia buku punya dalam. Cuba diam-diam duduk ada ingat. Mana pegi pun ini juga dia ada cakap. Ini juga dia ada tulis. Ini racun juga dia kasi orang makan. Inilah punya orang. Dia ingat dia mahu kasi sama Mahathir dengan dia punya racun. Itu orang baca dia punya buku, ada makan dia punya racun. Jadi orang ingat apa dia tulis punya, betul. Sudah racun orang politik, tulis buku punya orang pun lu mahu kasi racun juga ka?

Sekarang saya mahu cakap itu kompromi. Ini kompromi dia suka cakap punya. Ini cakap saya tarak pakai punya. Dia tulis punya jam, dia taukah apa dia cakap itu kompromi? Dia punya orang, bolehkah kompromi sama lain orang? Dia punya tua punya Boss, dia punya salah kalu dia bilang, tak pa, tak pa. Orang tarak salah kenapa dia tak mahu bilang tak pa, tak pa? Suruhlah kompromi. Kenapa tak mahu bilang itu macam? Sekarang cakaplah.

Dia punya orang punya salah bikin, dia mata tutup, dia telinga tutup, dia mulut tutup, serupa itu beruk punya filosofi cakap. *Speak no evil, see no evil, hear no evil*. Tapi jahat punya dia ada dengar. Busuk punya dia ada tengok. Busuk-busuk punya cakap punya, dia punya mulut juga ada keluar.

Dia orang punya *sex life* dia ada cakap. Dia sendiri punya *sex life* dia ada tau ka? Dia punya boss-boss punya *sex life*, tarak ka? Kenapa tarak cakap? Ini cakap tarak serupa bikin. Itu Melayu cakap, kuman seberang laut nampak, gajah depan

mata tarak nampak punya. Ada buta ka? Kita mahu tulis dia punya boss *sex life* kalu, serupa itu filem *X-rated* punya.

Ini, dia cakap dalam dia punya buku, semua dia sendiri punya *lifelah*. Serupa dia itu cermin tengoklah. Dia punya muka juga ada nampaklah.

Dia itu macam cakap semua orang pun mau tahu. Dia besar punya Boss, kecil punya Boss, dia besar punya tuhan, kecil-kecil punya tuhan, apa bikin?. Semua orang mahu tahu. Itu tuhan bukan Allah. Tapi itu tuhan serupa macam dia juga. Kenapa dia mahu sembah? Dia bukan Islamkah mahu kasi sembah-sembah sama orang?

Itu buku dalam juga, dia ada tulis macam juga dia ada cakap. Mana-mana pun sama juga cakap. Dia ada tulis: *People want to know what their leaders like to do*. Dia pun ada tulis itu hipokrit punya hal. Dia ingat orang tarak boleh baca dia punya hipokritlah. Sekarang UMNO punya orang bukan macam serupa dulu punya UMNO orang lagi. Dulu tarak tinggi sekolah punya orang.

Ini orang ingat itu rakyat semua banyak bodoh. Mahu ikut sama pemimpin. Dia tarak ikut sama pemimpin, dia cerdiklah. Ini wayang semua orang tau. Sama dinding juga cakap itu macam bolehlah. Sama orang, itu macam punya cakap, tarak baca punya orang bolehlah kasi tipu. Lain orang punya nama pakai hantam menteri, sendiri punya nama kasi simpan baik-baik.

Semua orang pun nanti boleh tahu itu macam punya stail. Hubaya hubaya ada tulis. Dia curi mana-mana nama pun, dunia punya orang dalam mesti ada tau.

Dia mana pergi ada cakap itu cakap serupa itu buku ada tulis juga. Itu Mahathir Perdana Menteri terkaya di dunia. Itu Mahathir ada banglo dekat Genting sana. Itu Mahathir banyak bisnis punya famili juga. Itu Mahathir ada duit Swiss punya bank simpan juga. Itu Mahathir juga ada main wayang.

Dia cakap itu Swiss sana Mahathir ada simpan wang, itu mana orang boleh tau? Dia sendiri pun mana tau? Itu Swiss bank punya banyak sulit. Mana orang boleh tau. Jangan chong sama rakyat. Orang tahu itu ada bohong punya cakap. Dia sendiri pun tarak tahu, mana boleh kasi orang tau? Tarak baca ka? Mahu tulis kalu, mesti ada pruf. Pergi *court* punya dalam tarak takut. Cakap hati marah benci punya itu tarak betul punya cakap.

Ini macam punya cakap dekat Kota Bharu sana, lama dulu kaki lima juga selalu ada jalan. Ku Li juga ada kenal ini orang. Dia punya nama Tuk Awang juga. Dia punya cakap itu macam juga. "Merdeka, Merdeka, kopi secawan kena bayar! Merdeka, Merdeka, siapa merdeka?" Satu ringgit juga kasi sama dia kalu, itu jam dia kempen UMNO juga. Satu ringgit lagi kasi sama dia, itu jam kempen itu PAS juga. Tapi itu orang sekarang sudah mati. Apa boleh buat sebab dia pun sudah lama hidup. Sudah tua juga. Tidak kalu dia boleh jadi kawan sama dia.

Ini macam punya orang ada macam saya punya kawan. Hari-hari dia ada cakap, "Duit-pitis, pitis-duit, duit-pitis, pitis-duit" juga. Tarak kira punya. Itu kubur juga dia ada gali.

Saya ingat satu hari Megat Joned tentu tangkap sama dia. Tarak kalu itu gila punya hospital punya orang mesti tangkap dia sana simpan, baru ini Malaysia boleh aman.

Itu semua sapa tarak tahu. Semua orang sudah tahu. Itu Perhimpunan Agung punya jam ada macam-macam orang ada tulis. Tapi itu macam pun Mahathir ada menang juga. Mahathir ada menang sebab orang ramai tarak percaya sama ini gila punya orang.

Last sekali saya mahu tanya sama dia: Dei! Dei Tambi! Lu apa pasal mau curi saya punya nama? Lu sendiri punya nama tarak ka? Lu Amma tarak ka? Bapak tarak ka? Lu mau curi kalu, lain barang lu curilah. Saya tarak marah ini macam. Saya punya nama lu curi, ini banyak busuk punya kerja.

Ini saya habis punya cakap. Last juga. Lu ini macam punya kerja, bikin saya lain kali jumpa kalu, saya mesti lu punya dekat saya kasi hantam! Lu berani kalu, saya punya dekat lu punya buku punya dalam pukul. Tarak kalu, lu punya baju, lu punya seluar, saya kasi buka. Saya kasi semua orang tengok. Lu ada arti ka? Busuk punya kaki! Kade wallek.

Lagi banyak lagi cakap ini orang punya hal lagi panjang kasi buang saya punya masa. Lagi sekejap saya mahu stop. Saya mahu cakap lain punya hal pula. Ini masa tarak banyak. Kerja mahu bikin ada banyak.

Sekarang lagi satu *warning* ada. Ini *warning* ada penting. Tarak *warning* punya kalu susah mahu stesen tukar juga. Tarak tukar stesen punya, nanti cakap ini macam kalu, banyak susah jadi. Orang banyak heran, apa sudah jadi sama saya.

Hubaya! Hubaya! Brader!

Hubaya! Hubaya! Ya! Ya! Ya!

Brader!

Sekarang kita sudah tukar stesen. Daripada negeri yang haru biru, kalang kabut, kita duduk pada diri dan negeri kita yang biasa. Alam yang kita hidupi bukan alam yang kita bayangkan dalam fikiran kita. Kita pun melihat pelbagai peragai dan gelagat serta telatah manusia. Semuanya kerana mencari tempat dan nak meletakkan tikar. Nak membetulkan kerusi tempat duduk. Semuanya nak duduk senang, kalau boleh dengan tidak payah kerja, duduk senang lenang. Kalau boleh semuanya kerajaan tanggung. Dalam pada itu bila ada waktu lapang maka kritik kerajaan dengan segala macam fitnah. Begitulah sementara nyawa masih ada.

Yang aneh dan peleknya, dalam pada melaung-laung mengkritik kerajaan dan pemimpin-pemimpin Melayu itu, dikatakan pula di sini tidak ada demokrasi. Di sini tidak ada kebebasan bercakap. Kerajaan sekarang kerajaan yang zalim! Demokrasi dah mati. Malaysia sudah jadi *Police State*. Saya

kira kalau mereka faham apa yang mereka cakap itu, mereka mesti malu dengan diri sendiri.


Begitulah manusia apabila keimanannya kepada Allah SWT tidak teguh. Dia langsung tidak bersyukur kepada Allah atas segala nikmat dan hikmah yang dilimpahkan oleh Allah ke atasnya. Segala kahendaknya dia hendak penuhi, dia hendak puaskan. Dia tidak kira lagi jalan yang benar dan jalan yang salah, jalan yang Allah murkai dan jalan yang Allah redhai. Mudah-mudahan mereka dapat bertaubat sebelum terlambat.



“Awak semua jangan dengar cakap Dr Mahathir. Saya yang jadikan dia Perdana Menteri. Sekarang, saya dan Tunku, bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia mahu turunkan dia. Kami ada istana di belakang kami, dia ada apa?” Itulah kata Hussein Onn agaknya. Hussein Onn nampaknya macam menyesal berhenti jadi Perdana Menteri dan beri kerusi itu pada Dr Mahathir. Barang yang lepas jangan di kenang. Kalau dikenang merosak hati.



Datuk Seri Sanusi Junid yang sering menimbulkan kontroversi demi kontroversi untuk menjaga kedudukan bossnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sekarang tempatnya sudah diambilalih oleh Datuk Mohamad Rahmat. Ada orang kata dia tak kesal. Dia masih baik dengan Dr Mahathir. Sumbangannya pada parti masih lagi diperlukan oleh bossnya. Betul ke?



Abd. Razak Ahmad, Naib Pengerusi PSRM.

TEORI BERKAT

Nampaknya kekayaan negara yang mahu dijadikan milik diri sendiri akhirnya terpaksa digunakan untuk rakyat juga. Itu buktinya wang ringgit itu satu amanah. Tuhan telah menentukan agar wang yang banyak itu terpaksa dicurahkan kembali kepada rakyat. Kalau selama ini ramai tokoh-tokoh UMNO hidup dengan kemewahan, boleh berulang-alik ke London bila-bila masa saja suka, jarang sekali pergi menemui rakyat, hari ini para pemimpin terpaksa mendampingi rakyat. Hari ini mereka terpaksa korbankan masa dan wang ringgit untuk rakyat kerana cuba hendak menghidupkan UMNO lama.

Ini saya panggil "Teori Berkat". Teori ini saya temui sewaktu saya sedang membuat penyelidikan di Manila. Sambil makan angin, melihat keadaan di Manila, saya sempat mencari bahan untuk buku ini. Bila saya melawat kawasan lapang tempat kereta bekas Presiden Marcos dipamerkan, saya teringat nasib seorang Presiden apabila sudah jatuh. Tidak ada belas kasihan lagi dari rakyat.

Marcos yang kaya raya dulu hidup dalam istana, sekarang hidupnya di dalam buangan di Hawaii penuh dengan penderitaan. Tidak cukupkah nasib buruk Marcos dan keluarganya itu untuk dijadikan contoh teladan?

Saya segera teringatkan Tengku Razaleigh Hamzah serta rakan-rakannya yang lain. Ini termasuklah Tan Sri Othman Saat, bekas Menteri Besar Johor. Beliau juga mempunyai berpuluh-puluh buah kereta. Apakah tidak mungkin suatu hari nanti rakyat menuntut supaya kereta-kereta itu dipamerkan?

Datuk Manan Osman, bekas Menteri Pertanian dan rakan baik Tun Hussein, Datuk Rais Yatim, bagaimanakah kehidupan mereka? Tengok rumah tempat tinggalnya macam istana. Duit datang dari mana? Apa nak jawab kalau rakyat yang bertanya, kerana sebelum awak jadi pemimpin mereka, mereka sudah kenal siapa awak.

Saya terkenang Tan Sri Othman ataupun panggilan mesranya Pak Seman. Beliau jatuh dari takhta kerusi Menteri Besar bukan kerana tidak disenangi oleh Dr Mahathir. Sultan Johor waktu itu tidak mahukan Pak Seman bila baginda menjadi Sultan menggantikan ayahandanya Sultan Ismail. Tuanku tidak mahu Pak Seman kerana Pak Seman terlalu banyak rasuah dan menyalah-gunakan kuasa. Tuanku saja yang dapat menurunkan Pak Seman dari kerusi Menteri Besarnya.

Dulu Pak Seman adalah seorang diktator macam Marcos juga. Razak Ahmad dari PSRM ditangkap dan disimpan di bawah ISA. Tengok fail-fail Pak Seman masih ada pada Razak.

Sewaktu dia menjadi Menteri Besar, rumah Pak Seman dipenuhi berbagai jenis kereta. Macam rumah Marcos jugalah. Tak tahulah dari mana Pak Seman perolehi wang begitu banyak untuk membeli berpuluh-puluh buah kereta jenis mahal-mahal itu. Ikutkan gaji Menteri Besar berapalah sangat.

Pak Seman kata belum dia jadi Menteri Besar pun dia sudah kaya. Zaman dulu ada satu Morris Minor sudah jadi orang yang kaya. Itu zaman sebelum merdeka. Tapi Pak Seman mampu hidup macam *the rich and famous* di zaman selepas merdeka. Saya tak boleh tuduh Pak Seman rasuah. Cuma saya berani katakan Pak Seman tentu mempunyai wang yang banyak, jika tidak masakan beliau boleh hidup di dalam keadaan sedemikian.

Bila Pak Seman jatuh, dia tidak senang dengan Dr Mahathir dan Musa. Pak Seman menyokong Tengku Razaleigh di dalam pemilihan 1981. Pak Seman adalah anak Johor yang pertama menyokong Tengku Razaleigh anak raja Kelantan itu. Orang-orang Johor marahkan beliau, tapi mereka tidak berbuat apa-apa. BSN pun tidak bertindak, membiarkan saja Pak Seman hidup bermewahan.

Sultan Johor sekadar mengunci pintu pejabat Pak Seman sahaja sewaktu dia masih lagi Menteri Besar. Pak Seman tidak dihalau dari Johor. Pak Seman masih boleh main politik. Malah Pak Seman adalah penyokong kuat Tengku Razaleigh di Johor hingga ke hari ini. Tidak lama dulu Pak Seman menjadikan rumahnya sebagai tempat Tengku Razaleigh mengadakan majlis ceramah yang dihadiri oleh 200 orang. Hadir sama ialah Datuk Rais Yatim, Marina Yusoff dan Manan Osman.

Datuk Musa tidak lagi bersama Tengku Razaleigh, tapi Pak Seman masih sanggup, masih mahu mengeluarkan perbelanjaan untuk membantu karier politik Tengku Razaleigh.

Mengapa Pak Seman sanggup berbuat demikian tidaklah dipastikan, tidak juga diketahui samada Pak Seman berhajat untuk menjadi Menteri Besar sekali lagi jika Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri. Tapi impian Pak Seman akan jadi mimpi naik bot sajalah jika Sultan Iskandar terus jadi Sultan Johor. Berilah peluang kepada orang yang lain pula untuk jadi Menteri Besar.

Nampaknya di waktu Pak Seman patut bersara dari aktif politik dan menghabiskan masa dengan anak-anak dan cucu-cucu, Pak Seman tidak berbuat demikian. Dia rela menghabiskan masanya dengan Tengku Razaleigh untuk terus membunuh UMNO. Cukuplah penglibatan Pak Seman dengan terbunuhnya UMNO lama. Janganlah tunjuk lagak Pak Seman orang yang sayangkan UMNO 1946. Nawaitu Pak Seman tak sama dengan apa yang Pak Seman buat.

Di waktu menjadi Menteri Besar dia menjadi tokoh yang kaya raya di Johor. Dia membelanjakan wang itu untuk

kemewahan hidupnya sendiri. Wang rakyat yang tidak berkat akhirnya kembali semula kepada rakyat. Wang yang tidak berkat akhirnya akan merosakkan nama sendiri. Pak Seman lupa nasib Arwah Datuk Haji Hassan Yunus, bekas Menteri Besar Johor, bagaimana akhir hidupnya dan apa jadi pada rumah di tepi laut sesudah beliau mati?

Apa jadi pada rumah Jaafar Hamzah di Larkin, Johor Bahru? Kita kalau jadi kaya raya dengan duit rakyat, janganlah tunjuk-tunjuk sangat. Wakil Rakyat dan menteri-menteri kena beringat sikit, jangan ria' dan takbur sangat. Pembalasan Tuhan hari ini tidak tunggu sampai ke anak cucu. Kalau hari ini banyak makanan '*instant*', makanan segera, terima pembalasan dosa-dosa pun dengan segera juga. Ini yang duduk buat ribut hendak hidupkan UMNO lama yang sendiri bunuh, inilah satu bala bencana dari Allah.

Hukum '*instant*' macam 'mee segera' juga. Semalam buat hari ini kena. Tak lama lagi Team B akan lebih melalut lagi, kerana bahang duit yang tidak berkat yang diambil dari rakyat. Tujuan mereka supaya rakyat bencikan orang Team A, akhirnya mereka yang bertelanjangan sendiri. Allah tidak suka kita buka pekung orang dengan niat untuk sengaja memburuk-burukkan orang tersebut supaya kelihatan kitalah yang baik.

Pak Seman sudah tidak ada taring lagi di Johor, sudah dianggap koran buruk, macam Tunku juga. Rakyat Johor sentiasa ingat akan kisah gergasi tua yang mengamok di Johor yang saya ceritakan dalam buku "*Challenger*". Janganlah Pak Seman mimpi boleh berkuasa semula di Johor. Perbuatan Pak Seman sekarang adalah kerja-kerja yang membuka pekung di dada sendiri.

Pak Seman tidak senang dengan Datuk Musa, tapi bila berlaku pertandingan 24 April 1987, Pak Seman dan Datuk Musa boleh duduk satu meja. Sebabnya, musuh utama mereka ketika itu ialah Dr Mahathir. Sekarang bagai seluang pulang ke lubuk, Datuk Musa ingin pulang semula ke pangkuan Dr Mahathir. Kali ini apa pula muslihatnya? Tinggallah Pak Seman untuk meneruskan saki baki perjuangan. Perjuangan

apa? Perjuangan untuk jadi kaya semula atau kerana dendam kesumat?

Jika kita lihat sejarah politik Tengku Razaleigh, macam telah dicatat bahawa beliau tidak akan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Sewaktu jadi Menteri Kewangan, bintang politik beliau terserlah menunggu masa untuk naik. Cuma apabila saatnya datang, Tengku Razaleigh kecewa, Tun Hussein lebih percaya kepada Dr Mahathir dari Tengku Razaleigh. Dr Mahathir dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976, walaupun Tengku Razaleigh sangat-sangat disayang oleh Tun Razak.

Tengku Razaleigh pernah diletakkan sebagai salah seorang dari 10 orang yang terkaya di Malaysia. Masa itu dia menjadi Menteri Kewangan. Tak banyak orang tahu dari mana dia perolehi kekayaan. Hubungan baik dengan Datuk Hashim Shamsuddin, bekas Pengarah Eksekutif Bank Bumiputra, membuatkan namanya dikaitkan di dalam skandal BMF. Tapi kerana tidak ada bukti kononnya, saya tak tahu bukti yang macam mana, Tengku Razaleigh terselamat.

Soal sama ada Tengku Razaleigh terlibat sama di dalam skandal BMF hanya Allah saja yang maha mengetahui dan Allah akan tunjukkan kebenarannya kepada rakyat. Kiranya nawaitunya hendak menghidupkan UMNO lama itu untuk melepaskan diri dari BMF, sebabnya jelas bahawa BMF adalah satu penipuan bangsa asing yang tinggal di Hong Kong kepada bangsa Melayu. Satu malapetaka yang tidak akan kita lupakan seumur hidup kita.

Walaupun bukti-bukti nyata tidak ada, Tengku Razaleigh telah menggunakan kekayaannya untuk kepentingan politiknya dan sebaliknya menggunakan kuasa politiknya untuk mengumpul kekayaan untuk dirinya. Datuk Musa sendiri menyedari Tengku Razaleigh lebih banyak wang dan boleh menggunakan politik wang untuk menjatuhkannya semasa beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO, sebab itu beliau mahukan Dr Mahathir singkirkan Tengku Razaleigh dari kabinet.

Tetapi atas hukum karma, kekayaan yang Tengku Razaleigh perolehi itu terpaksa beliau belanjakan kepada rakyat. Sewaktu kemuncak kempen 24 April, terlalu banyak wang dibelanjakan. Ada orang berkata termasuk angka jutaan ringgit. Dari video yang diedarkan percuma, kepada bil-bil hotel serta tiket untuk melancung ke luar negeri.

Orang-orang yang berkawan dengan Tengku Razaleigh waktu itu begitu mewah sekali. Bertambah mewahlah apabila dari laporan tertentu Tengku Razaleigh merasakan dia boleh menang. Semakin yakin pada dirinya. Rupa-rupanya khabar itu tak ubah seperti bunyi guruh di langit, hujan tak turun jua. Tapi kerana Ku Li kaya, bujang pula tu, apa dia nak heran dengan duit? Yang penting hatinya puas, seperti kata pepatah Melayu, **'Biar Putih tulang asal jangan putih mata'**.

Tapi dari curahan jutaan ringgit itu nyatalah Tengku Razaleigh mampu membelanjakan wang yang begitu banyak. Soalnya dari mana dia dapat wang itu? Kaya Ku Li sebelum jadi menteri samakah kaya sesudah jadi menteri? Ini kaya macam Pak Seman jugakah?

Tepuk dada, tanyalah diri sendiri. Peluang untuk bikin duit memang mudah jika orang itu duduk di Kementerian Kewangan. Sebab itu semasa menjadi Menteri Kewangan, kedudukan Tengku Razaleigh semakin kukuh. Ramai para sahabat menjadi juta kerana peluang bisnes dan pinjaman bank. Justeru jika Daim ada menolong sahabatnya maka ini bukanlah perkara baru. Orang politik yang jadi menteri kewangan sama seperti tikus jatuh dalam tempayan beras. Tak hairanlah kita kalau mereka boleh jadi qaron.

Ada seorang kawan saya yang hanya ditolong oleh Tengku Razaleigh sebanyak \$30,000 sahaja melalui pinjaman dari Bank Bumiputra. Tapi dia masih mengenang jasa Tengku Razaleigh. Dan kerana budi yang ditanam itu, beliau merasa malulah untuk menegur sikap anak raja itu.

Nampaknya Tengku Razaleigh akan terus mencurahkan wang ringgit untuk karier politiknya. Dan para pengikutnya

yang pernah menikmati wang ringgit akan terus menyokong. Di mana ada gula, di situlah ada semut. Soalnya sampai bila Tengku Razaleigh mampu mencurahkan wang ringgit? Gunung pun kalau dikorek dan dikikis akan habis juga.

Apa jadi apabila Tengku Razaleigh sudah habis punca kewangan? Apa akan jadi pada bangsa dan negara kiranya Ku Li terus membelanjakan wang ringgitnya untuk terus menimbulkan huru-hara seperti yang dilakukan sekarang?

Dari berita tertentu rasanya Tengku Razaleigh masih punya banyak wang, masih boleh gunakan pengaruh wang untuk politiknya. Contohnya ialah hubungan baiknya dengan Sultan Brunei.

Orang-orang di Kuala Lumpur sudah dengar berita Tengku Razaleigh dilantik sebagai Penasihat Kewangan kepada Sultan Brunei. Semua orang dah tahu. Tapi Tengku Razaleigh yang ditanya enggan menafi ataupun mengesahkan. Dengan tidak menafikan maka Tengku Razaleigh semacam mengesahkan. Jadi semakin manislah dia, semakin ramailah semut yang akan mengerumun. Maklumlah Sultan Hasanal Bolkiah adalah orang yang terkaya di dunia dengan nilai \$US25 billion.

Tapi saya tak fikir Sultan Brunei berani campur tangan dalam politik Malaysia. Silap haribulan dia akan jatuh macam kejatuhan Marcos ataupun Shah Iran. Janganlah kerana wang yang banyak maka dia boleh buat apa saja, kelak wang yang banyak itu tidak boleh digunakan lagi sama seperti Shah Iran yang mati di dalam buangan.

Melihat kepada sejarah yang telah menimpa orang-orang seperti Marcos, Tun Mustapha, Othman Saat hinggalah ke Tengku Razaleigh, maka saya kira 'Teori Berkat', maksudnya wang yang tidak berkat yang diperoleh kerana salahgunakan kuasa, bukanlah teori yang dicipta untuk menakutkan mana-mana ahli politik. Ia adalah sesuatu yang hakiki.

Lambat laun orang yang mengambil dan menyimpan wang yang tidak berkat, maksudnya wang haram yang didapat bukan dari titik peluh pencarian yang halal, akan merasai juga balasan akibat wang yang diambil sewaktu memegang jawatan di dalam kerajaan. Kalau orang itu tidak menjadi papa kerana politik, dia akan hidup merana sama ada dalam buangan ataupun di dalam negeri sendiri.

Pengalaman melihat Marcos jatuh di dalam kehinaan sudah cukup untuk mengajar sesiapa saja supaya tidak menjadi Marcos. Malah jika Dr Mahathir tidak berhati-hati, dia juga akan menjadi Marcos dan akan merana macam Marcos. Tetapi hingga kini saya belum nampak tanda-tanda Dr Mahathir akan menjadi seorang Marcos, cuma orang saja membuat fitnah. Jika Dr Mahathir macam Marcos saya percaya orang-orang seperti Tengku Razaleigh, Datuk Musa, Pak Seman, Marina Yusof, Datuk Rais akan ditangkap di bawah ISA kerana telah menimbulkan kekacauan dalam negara.

Selama ini Mr Lee Kuan Yew Perdana Menteri Singapura pun tidak endahkan kata-kata dan pandangan dunia, akhirnya pandangan dunia yang negatif terhadap Lee Kuan Yew bertukar jadi pandangan yang positif. Dunia percaya kepada Mr Lee, sebab itu ekonomi Singapura kukuh, kerana sikap Mr Lee yang diktator. Dr Mahathir juga tidak menghiraukan apa kata dunia, dan kerana kedegilannyalah maka Malaysia terus dihormati.

Dunia kagum dengan kepimpinan Dr Mahathir. Hanya segelintar saja rakyat Malaysia yang tidak nampak akan kemuliaan ini, kerana mereka asyik-asyik nak cari kesalahan saja, tapi tidak mahu mencari kesalahan para pembunuh UMNO yang mahu terus-terusan membunuh kerana takut ketahuan yang mereka itu pembunuh.

Tunku dan Tun Hussein mungkin boleh berkata di masa mereka memimpin, UMNO tidak kecoh, tidak timbul masalah besar. Benar. Tetapi sedarkah Tunku dan Tun Hussein bahawa sewaktu mereka menjadi pemimpin, pengikut mereka adalah orang macam Dr Mahathir dan Ghafar Baba? Dua tokoh ini

menjadi pengikut yang setia walaupun tidak diberi sebarang ganjaran.

Dr Mahathir dipecat, Ghafar pula tidak dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tetapi dua wira ini tidak merajuk, tidak cuba melawan Tunku ataupun Tun Hussein. Mereka akur kepada kehendak demokrasi.

Tetapi bila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, pengikut-pengikutnya macam Tengku Razaleigh dan Datuk Musa. Malah Tunku dan Tun Hussein sendiri terlibat di dalam membuat serangan mulut, menghasut rakyat dan mengkritik dasar kerajaan, seolah-olah dasar Dr Mahathir merugikan bangsa dan agama. Jika pengikut-pengikut Dr Mahathir macam di zaman Tunku dan Tun Hussein, tentulah tidak berlaku peperangan besar pada 24 April 1987 dan UMNO tidak jadi parti haram. UMNO tidak akan mati terbunuh.



Sapu Datuk sapu, segala sampah-sarap, segala kekotoran bersihkan.
"Kebersihan itu sebahagian dari iman."

BULAN DIKELILINGI AWAN HITAM

Pada 14 Mac 1987 saya dan Suhaimi singgah di sebuah hotel antarabangsa di Kuala Lumpur untuk menyaksikan satu pameran senilukis. Kita nak jadi penulis politik ni bukan mesti pergi ke Parlimen saja jumpa dengan orang-orang politik. Majlis-majlis kesenian dan kebudayaan pun kita kena pergi juga. Dengan pelukis dan seniman-seniman lain pun kita kena berkawan juga. Itu barulah tulisan kita tak kering dan hambar cerita pasal politik semata-mata.

Di majlis-majlis serupa ini ada banyak perkara yang menarik, yang tak boleh kita jumpa di tempat lain. Saya ada seorang kawan. Dia ni pelukis, tapi saya tak pernah tengok dia melukis. Yang saya tengok dia buat kerja-kerja lain. Baru-baru ini saya dengar cerita dia tulis cerpen pula, tapi dia kata dia bukan tulis cerpen. Dia kata dia tulis cermin. Dia memang macam tu, cakap dia suka mengarut. Tapi saya tahu dia bukan karut punya orang. Dia serius punya orang. Ada gila-gila sikit, tapi cukup cerdik mengena orang. Kadang-kadang saya kenakan dia. Dia pakai VW. Ada enjin *spare*.

Nama dia Datuk Yusof. Jangan main-main, dia ini Datuk. Saya cari-cari dia di tempat pameran itu, saya tak nampak. Kata kawan lain di situ, dia sedang buat filem. Dia pun ada

ajak saya berlakon filem. Yang saya suka dia ni sebab dia suka jual buku-buku saya. Kalau boleh dia mahu paksa orang semua beli dan baca.

Pameran petang itu bukanlah pameran Datuk Yusof, tapi pameran Ismail Zain, pelukis yang pernah menjadi Pengarah Balai Seni Lukis Negara, kemudian jadi Ketua Pengarah Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, kemudian jadi Pengarah Finas. Setelah pencen dia bergumul dengan komputer, akhirnya dia telah berjaya melahirkan satu pameran lukisan yang menggunakan komputer.

Pada masa yang sama juga di hotel itu kebetulan ada pameran lukisan oleh seorang pelukis dari Perancis. Pada hari yang sama dua pameran berlangsung di sebuah hotel bertaraf 5 star. Pada waktu itu juga di hotel lain yang setaraf dan berhampiran dengannya ada satu pameran fotografi oleh Eric Peris, jurufoto tempatan yang terkenal. Kalau itulah satu gambaran tentang kegiatan kesenian di negara kita, gambaran itu amatlah cantik. Tapi kata kawan-kawan di pameran itu, itu bukanlah gambaran yang sebenar. Gambarnya yang sebenar kata mereka tidaklah secantik itu.

Pameran lukisan Ismail Zain itu diberi nama "*Digital Collage*" yang penuh sensasi itu dirasmikan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz. Ruangan yang sempit di tempat yang mahal itu sesak dipenuhi oleh para peminat senilukis tanahair.

Di pameran lukisan itu saya tidak keseorangan. Ramai kawan-kawan dan peminat senilukis yang datang terdiri dari pelbagai peringkat. Kelihatan juga isteri Pak Ungku Aziz, iaitu Kak Azah, Tan Sri Kamarul Ariffin dan isteri, Dr. Shanmughalingam dan isterinya seorang pelukis juga, Nirmala, serta ramai lagi orang-orang kenamaan dan isteri masing-masing pada petang itu.

Cuma yang agak hairan sedikit saya tidak nampak wajah Syed Ahmad Jamal. Dia Pengarah Balai Seni Lukis Negara. Patutnya dia mesti hadir dalam majlis yang penting seperti itu. Tambahan pula yang merasmikan pameran petang itu boss

dia dulu. Barangkali dia ada hal penting, tidak tahulah saya. Kalau memang ada hal penting apa boleh buat, sebab kita ini manusia biasa, kita tidak boleh hadir pada satu masa dalam dua acara. Tapi kalau ada sebab-sebab lain seperti sebab-sebab dalam acara-acara politik maka dia tidak hadir, tentulah ini satu perkara yang menyedihkan, yang merugikan. Seharusnya dunia kesenimanan tidak diserang oleh penyakit seperti dalam dunia politik. Kalau ada juga nanti Datuk Yusof boleh tulis cermin.

Sutung Umar RS dan Dinsman ada. Ini memang perkara biasa. Ada Dinsman, ada Sutung. Ada Sutung, ada Dinsman. Dari dulu sampai hari ini macam itulah. Mereka nampaknya tak macam orang politik, hari ini satu geng, besok tukar lain geng, lepas itu jumpa lagi, main ronggeng, akhir-akhirnya dua-dua tertonggeng.

Datuk Shahrir Samad bekas Menteri Kebajikan Masyarakat yang turut naik kapal "Challenger" bersama Ku Li dan Musa Hitam pada 24 April 1987, yang kapal itu telah pecah, pun ada petang itu. Saya berselisih dengan dia, nampak dia tak pedulikan saya, saya pun tak tegur dia. Bimbang juga saya nak tegur dia di depan khalayak ramai begitu. Dulu saya dah kena sekali dengan dia punya geng yang sama-sama naik "Challenger", Marina Yusof. Saya jumpa dia di coffee-house Pan Pacific dua hari selepas "Challenger" meletup pecah. Saya tegur dia dari jauh, dia jawab dengan suara lantang: "Saya bukan bercakap dengan awak". Dan dia terus pergi.

Dengan Shahrir pun saya dah pernah kena juga. Pada suatu hari di Parlimen, sedang saya duduk berbual-bual dengan Zahid Setiausaha politik Datuk Najib Tun Razak, tiba-tiba Datuk Shahrir datang. Dia bersalaman dengan Zahid. Saya hulurkan tangan saya hendak bersalam dengan dia. Dia tak mahu bersalam dengan saya dan dia tak tegur saya. Semenjak hari itu apabila kami berjumpa di Parlimen, dia tak tegur saya. Jadi saya anggap dia macam dah tak ada lagi. Apa lagi saya nak buat. Dia jenis manusia kalah perang. Nak menyombong lagi. Buat apa saya nak tegur dia. Saya pun bukan nak hantar baju dekat kedai dobi dia. Dalam Kuala Lumpur ini banyak

kedai dobi orang lain. Baru ada satu kedai dobi, dah berlagak macam ada *chain of* kedai dobi di seluruh Malaysia.

Cerita saya dengan orang-orang politik Challenger ni macam-macam. Salah seorang dari hulubalang Ku Li yang berjumpa saya di Pusat Dagangan Dunia Putra, sehari selepas "Challenger" bossnya pecah, dia kata pada saya: "Nasib baik aku jumpa kau hari ini. Kalau aku jumpa kau tiga empat hari dulu aku dah pukul kau. Bukan aku sorang, ramai-ramai, sebelum perhimpunan, kami cari kau dari satu hotel ke satu hotel."

Di tempat pameran itu, walaupun sudah lama saya tidak bertemu dengan beberapa orang kawan dan sahabat lama, kami tidak dapat banyak berbual sambil menikmati hasil karya Ismail Zain. Antara kawan lama saya yang nampaknya hendak sangat berbual dengan saya petang itu ialah seorang Pegawai Tinggi Kedutaan jiran kita, yang memang sudah lebih satu tahun saya tidak menemuinya.

"Wah! Sudah jadi bintang filem la sekarang?"

"Begitulah."

"Saya mengikuti cerita awak jadi orang filem dalam suratkhbar mingguan dan akhbar harian, tapi masih belum dapat tonton gambar lagi. Dia bercakap dalam bahasa Melayu dengan begitu fasih."

"Tunggulah sedikit hari lagi."

"Mana lama tidak nampak?"

"Saya ke Hollywood, belajar sedikit mengenai filem . Kemudian saya ke Timur Tengah, jalan-jalan dan buat Umrah".

"Tidak tulis buku lagi?"

"Kisah buku lama pun belum selesai, macam mana nak tulis buku baru?"

Orang dari kedutaan ini nampaknya hendak berbual benar dengan saya. Dia memang suka hendak tahu tentang politik, ekonomi dan keadaan sosial dalam negeri kita. Tempat pameran itu agak sempit, orang ramai pula. Minuman dan makanan ringan memang ada disediakan, tetapi kerana tempat agak sesak sedikit saya mengajak dia minum di coffee house. Dia mengikut saja. Saya pun mengajak Sutung dan Dinsman minum sama.

Saya memperkenalkan Sutung kepadanya.

“Saya kenal, saya selalu baca dia punya editorial. Dinsman pun saya kenal juga. Untung saya hari ini dapat kenal dengan editor *Dewan Budaya*.”

Sambil kami minum dia bertanya tentang kedudukan Mahathir dan politik Malaysia. Ada kalanya kami bercakap Inggeris dan ada kalanya kami bercakap Melayu.

Kita namakan dia Mr Lee. Ini bukan nama sebenar dia. Ada sebab-sebab mengapa saya tak mahu sebut nama dia yang sebenar. Cukuplah kita panggil dia Mr Lee dan kita tahu dia asalnya orang Malaysia.

“Macam mana Dr Mahathir sekarang?” Mr Lee bertanya.

“Mahathir sekarang bertambah indah dan bercahaya macam bulan purnama di langit biru yang dikelilingi oleh awan hitam.” Kata saya sambil berjenaka.

“Nampaknya awak ini bersastera.”

“Sikit-sikit bersastera apa salahnya. Masa saya gambarkan Datuk Musa dulu pun saya gambarkan dia macam bulan juga. Tapi dia bulan kesiangan. Petang ini pun ada orang sastera bersama-sama kita. Jadi patutlah juga kita menggunakan bahasa sastera.”

Dalam hati kecil saya, saya berasa bangga ada diplomat asing yang baca *Dewan Budaya*. Saya tidak tahu sama ada

pegawai-pegawai tinggi dan ahli politik kita serta para diplomat kita di luar negeri membaca *Dewan Budaya*. Yang saya tahu kawan saya Datuk Abdul Latiff, Dubes kita yang sedang bertugas di Indonesia, memang ada membaca majalah ini. Ini dia sendiri yang ceritakan kepada saya sewaktu saya ke Jakarta menghadiri Sumpah Pemuda Indonesia pada bulan Oktober 1987. Dia datang ke hotel tempat saya menginap dan kami berbual-bual masalah negara dan hubungan dengan Indonesia hingga pukul dua pagi.

Sebut pasal majalah *Dewan Budaya* yang kawan saya Sutung Umar Rs jadi editornya, baru-baru ini Datuk Haji Abdul Aziz Rahman, Adun Kawasan Bera, Timbalan Menteri Besar Pahang, berlanggan beberapa buah majalah dan suratkhobar, termasuk majalah *Dewan Budaya*, selama satu tahun untuk dibekalkan kepada sekolah-sekolah di kawasan pilihanrayanya. Saya fikir ahli-ahli politik lain pun patut juga buat macam itu. Jangan hanya berlanggan suratkhobar sahaja kerana mengharapkan gambar sendiri akan disiarkan dalam suratkhobar. Belajar-belajarlah ikhlas berbakti dengan rakyat tanpa mengharapkan publisiti murah. Bukan berapa ringgit sangat belanjanya dibandingkan dengan faedahnya yang besar untuk membangun jiwa bangsa dan negara.

“Kalau tidak ada orang jahat atau *the bad guys* di sekeliling seorang hero, orang tak seronok tonton filem. Betul tak?” Saya menjelaskan lagi maksud bulan dikelilingi awan hitam kepada Mr Lee, walaupun saya percaya dia sudah faham tanpa penjelasan saya.

Mr Lee mengangguk tanda bersetuju. Ikhlas atau tidak itu hak dia.

“Kau ni sejak berlakon filem, bercakap politik pun mesti ada bahasa filem juga,” kata Sutung.

“Tapi filem selalu tidak sama dengan kehidupan sehari-hari.” Mr Lee mencelah.

“Mr Lee, bukankah Shakespeare pun ada kata dunia ini pentas sandiwara, dan kita semua pelakon-pelakonna?”

“Jadi you fikir Dr Mahathir cukup kuat untuk mengatasi semua lawan-lawannya sekarang? Saya nampak makin lama makin ramai orang yang mahu lawan dengan Dr Mahathir”.

Saya diam sahaja, mahu lihat dulu ke mana dia hendak bawa. Bercakap dengan pegawai-pegawai tinggi kedutaan-kedutaan luar ini mesti hati-hati sikit. Macam-macam boleh jadi. Boleh jadi dia mahu cari rahsia atau dia mahu indoktrinnet sesuatu ke dalam kepala kita. Bila dia lihat saya diam sahaja, dia pun mengubah soalnya.

“Awak baca *Utusan Malaysia* hari ini?” Mr Lee bertanya.

“Saya pelanggan tetap akhbar itu.”

“Rencana Pengarangnya mengatakan masalah Mahathir lebih berat.”

“Itu tajuknya saja. Tajuk rencana mestilah menarik, Mr Lee. Kalau tidak siapa nak baca? Lagipun berat itu relatif. Benda yang ringan pun bagi seorang yang kurang tenaganya sudah berat. Tetapi benda berat pula bagi seorang yang banyak tenaga dan akal fikiran, dia boleh menghadapinya dengan baik dan ringan. Kita kena lihat banyak aspek. Kalau tidak kita akan membandingkan dua perkara yang tidak patut. Itu sebab orang Melayu ada cakap, sebisa-bisa racun boleh jadi penawar dan sebisa-bisa penawar boleh jadi racun.”

Saya berhenti sekejap kerana minuman yang kami pesan tiba dibawa oleh pelayan. Kemudian saya menyambung.

“Mr Lee, cerita pasal Mahathir ini macamlah cerita orang buta dengan seekor gajah. Mengikut Pak Ungku Aziz, kalau tidak silap saya dengar sewaktu sedang menyaksikan pameran lukisan Ismail Zain tadi, dia sedang bercerita dengan seorang kawannya, saya sempat mendengar. Cerita itu, kalau tidak silap saya ceritanya, berasal dari seorang yang bernama Nuruddin. Ceritanya, apabila orang-orang buta menceritakan tentang gajah, ada bermacam-macam versi. Yang memegang ekor gajah mengatakan gajah itu macam ular lidi. Yang dapat

pegang kaki gajah mengatakan gajah itu macam tiang. Yang dapat pegang badan gajah mengatakan gajah itu macam dinding batu. Yang dapat pegang telinga mengatakan gajah itu macam kipas angin. Orang tua-tua Melayu pun ada cerita itu. Macam itulah orang yang tidak tahu gambaran sebenar seekor gajah secara menyeluruh.”

Mr Lee mendengar cerita saya dengan penuh minat. Apabila dia tidak menyampuk apa-apa, saya meneruskan lagi percakapan saya dengan bertanya: Mr Lee, apakah orang ramai mahu Dr Mahathir jadi macam kondaktor perempuan bas mini?”

“Saya tidak faham maksud awak.”

“Mr Lee kena naik Bas Mini baru boleh faham cerita ini. Bila bas berhenti, perempuan yang jadi kondaktor itu cepat-cepat suruh orang naik. Naik!...naik!. Masuk!... Masuk!.... Dalam! Lagi dalam! Masuk! Dalam, dalam! Di dalam tak ada tempat nak masuk, dia suruh naik, suruh masuk. Orang yang cepat hendak balik memang suka naik, cepat-cepat masuk dan terus masuk ke dalam. Berhimpit-himpit di tempat sempit.”

Dinsman dan Sutung ketawa, kerana kami seronok dengan selingan macam itu. Saya menyambung lagi: “Jadi Perdana Menteri mesti jadi macam trafik perempuan. Jangan jadi macam kondaktor bas mini perempuan. Dia mesti jadi macam polis trafik perempuan. Bila nampak lampu merah dia angkat tangan tak bagi jalan. Dia tidak kira berapa ratus kereta ada di belakang. Merah tak boleh masuk. Nak marah, marahlah. Tak kira kereta taukeh atau kereta orang besar dan pegawai tinggi kerajaan. Lampu merah tak boleh bagi jalan. Tapi polis trafik macam ini tidak popular, orang ramai tidak suka.”

Sekali lagi kami semua yang tahu humour dalam cerita ini melepaskan ketawa besar. Bila saya, Sutung dan Dinsman bertemu memang selalu begitu. Kadang-kadang perkara kecil yang orang tak ketawa pun kami ketawa.

Tapi Mr Lee nampaknya tidak ketawa. Dia seorang yang tidak suka bergurau cara begini. Dia orang dewasa yang lurus

dan bersih dari cerita-cerita selingan lucu seperti ini. Tapi kalau Ungku Aziz ada sama di meja kami petang itu dia mesti ketawa, sebab dia sendiri pernah kata intelektual itu mesti ada *sense of humour*.

“Yang saya maksudkan lain. Saya bertanya apakah serpihan dari perpecahan UMNO ini tidak berbahaya?”

Sebagai seorang jiran memang patut dia berasa bimbang, kerana kalau rumah kita terbakar mungkin berjangkit ke rumah dia. Ataupun dia boleh jadi bimbang cara lain. Macam Singapura dan Malaysia saling bimbang.

Keadaan Singapura dengan Malaysia boleh diibaratkan seperti keadaan negeri Arab dengan Israel. Arab sama Arab berperang, berbunuhan sesama sendiri, Israel selamat. Macam kita sekarang ini, Melayu sama Melayu bergaduh, Singapura yang mendapat latihan dari Israel itu tentu tambah kuat. Ini saya pun bimbang, takut kalau kita tidak sedar kita akan jadi macam Arab-Arab yang bergaduh tak habis-habis itu. Kebetulan datuk nenek saya pun berasal dari Arab juga.

Baru-baru ini saya pergi ke Yaman Selatan, salah sebuah negara Arab di Timur Tengah, untuk menziarahi makam datuk nenek saya. Di sana saya dapati antara qabilah dengan qabilah yang lain berperang habis-habisan, berbunuh-bunuhan hingga berpuluh ribu yang mati terkorban. Sebuah negara Islam yang terdiri dari satu bangsa, satu bahasa, satu keturunan, pun boleh jadi sampai begitu.

Hari ini Yaman dikuasai oleh Russia. Ini semua akibat perebutan kuasa. Itulah yang saya bimbangkan. Kalau orang yang seratus peratus satu bangsa, satu bahasa, satu agama, dan di Hadzramaut itu pula termasyhur sebuah negeri tempat orang beribadat dan bumi yang telah melahirkan ratusan para Aulia Allah, tempat terkebuminya Nabi Allah Salleh AS, itupun boleh dipengaruhi oleh puak-puak Komunis Marxis, apalagi negara kita yang sama-sama kita tahu keadaannya ini?

Orang luar dan jiran-jiran kita sangat berminat nak tahu keadaan politik negara kita, sebab apa? Mereka tentu ada

strategi mereka sendiri. Mereka nak tahu setakat mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad boleh bertahan. Kenapa mereka nak tahu? Tentulah untuk tujuan kekuatan negara mereka. Sedangkan kita asyik lagi bergaduh sesama sendiri. Apakah kita suka nak jadi senasib dengan negara-negara Arab yang dipermainkan dan diperbudak-budakkan oleh Amerika, Israel dan Russia itu?

Sedar dan insaflah segera wahai bangsaku! Kekuatan kita terletak kepada agama Islam. Arab pun Islam, tetapi mereka lemah kerana mereka tidak bersatu. Yang kaya asyik berjoli dan bergelumang dengan maksiat, dibeli oleh Amerika dan Israel. Relakah kita memilih orang-orang yang dapat dibeli oleh kuasa-kuasa luar untuk jadi pemimpin kita?

Sambil Mr Lee, Sutung dan Dinsman makan, saya teringat-kan serpihan yang dimaksudkan oleh Mr Lee itu. Serpihan tidak akan jadi besar, kalau kita sedar akan bahayanya dan kita mengambil langkah-langkah memperbaikinya dan memperkuatkan semula perpaduan dan ketahanan kita melalui keimanan. Kita pernah alami ini semua di masa-masa lampau, dan kita telah berjaya mengatasinya.

Datuk Onn tinggalkan UMNO tubuh Parti Negara. Akhirnya parti Negara terkubur. Datuk Onn seorang saja yang dapat satu kerusi, itupun di Terengganu, bukan di Johor.

Tengok apa jadi pada Berjaya, parti yang pernah disokong oleh kerajaan Barisan Nasional. Akhirnya Berjaya tidak berjaya lagi dan Harris hanyut dalam arus politik. Walaupun sesekali dia timbul kerana dia mempunyai duit, tetapi mahu berkuasa seperti dulu tak semudah yang difikirkannya.

Begitu juga dengan PAS yang sekarang cuma tinggal satu kerusi sahaja lagi dalam Parlimen. Apa jadi pada mereka yang tubuhkan Berjasa dan Hamim? Semuanya hanyut.

Begitulah percakapan dengan Mr Lee. Keinginannya hendak mengetahui tentang negara kita hebat sekali. Itu adalah gambaran keinginan negaranya yang menjadi negara jiran kita,

yang sangat-sangat ingin tahu mengenai masa depan negara kita. Sama ada percakapannya dengan saya itu jujur atau tidak, itu hak dia.

Mari kita ambil cerita gigi. Bercerita tentang gigi ini, jarang orang yang tidak kena sakit gigi. Gigi kalau sudah sakit, satu macam punya teruk. Kepala naik bengang. Apa pun tak boleh buat.

Mahathir adalah seorang Doktor. Mustahil dia hendak dengar cakap orang yang tidak benarkan dia menampalkan giginya yang berlubang. Dia doktor, dia tahu giginya yang mana yang berlubang. Bahayakah atau tidak, dia tahu, sebab dia doktor. Berapa luas lubangnya dan berapa dalam lubangnya juga dia tahu.

Sewaktu hendak menyelamatkan ketenteraman dalam negeri gigi, apakah patut Mahathir memikirkan apa ulat dalam gigi hendak makan bila gigi berlubang sudah ditutup? Bukan saja gigi berlubang perlu ditutup, tetapi kalau perlu dicabut dia mesti cabut. Mana lebih baik hidup menderita sakit gigi sepanjang hari dengan membiarkan ulat gigi melombong di dalam gigi sampai ke dalam akar-akarnya dan kita menanggung siksa, ataupun kita menutup lubang lombongnya, atau kita terus cabut sampai kepada akar-akarnya dan kita tanamkan gigi lain?

Tapi ada juga orang yang kesiankan kepada ulat gigi. Ini yang susah saya nak faham. Ulat gigi itu nampak saja kecil, tapi boleh menghancurkan gigi yang keras macam batu. Ia berjaya melombong ke dalam akar-akar gigi.

Apa bezanya ulat gigi dan gigi yang sakit dengan orang-orang politik yang percayakan demokrasi dan menggunakan demokrasi untuk merebut kuasa hingga merosakkan parti?

Alasan kalau tukang gigi tampal gigi yang berlubang dan sakit, ulat gigi hendak hidup macam mana, itu tak timbul. Selepas ular sawa sebesar batang kelapa menelan tiga ekor kambing kita, kemudian kita kesian nak bunuh ular sawa, itu

pun tidak timbul. Kalau memang ular sawa itu nak mati kena bunuh, apa boleh buat. Rakyat akan menghapuskan ulat gigi mereka kalau mereka sayangkan negeri tempat tumpah darah mereka. Rakyat mesti ingat, cintakan negara itu separuh dari iman. Rakyat tidak ada negara lain yang mereka boleh pergi.

Empat lima kerat pemimpin politik dari team B ini orang kaya-kaya belaka, orang bisnes dan para peguam. Termasuklah juga bisnes kedai dobi. Jadi yang akan melarat dan kerugian adalah para pengikut yang menjadi lalatnya.

“Mr Lee, saya fikir bila cakap pasal politik kita cakap sikit pasal Taipan boleh?” Saya menyambung semula percakapan saya setelah lama diam.

“Boleh.” Jawab Mr. Lee.

“Taipan mana boleh kalah. Taipan itu boss. Seorang yang sanggup jadi Taipan mesti berani menghadapi cabaran yang hebat dan berat. Kalau tidak mana boleh jadi boss?”

“Jadi you samakan you punya Dr Mahathir macam Taipan? Tetapi ada orang kata Mahathir sedang bermain dengan api, dia nanti terbakar.”

“Mahathir sendiri itu api. Mana boleh api nak bakar api? Api juga tak boleh dipadam dengan api. Api mesti dipadam dengan air.”

Saya jawab dengan bangga. Rakyat yang baik mesti bangga dengan Perdana Menteri mereka. Melainkan mereka yang tidak ada perasaan patriotik, mereka bangga dengan pemimpin orang lain. Dan anda jangan terperanjat, di kalangan kita hingga mereka yang *the so-called* intelektual pun ramai yang berbangga dengan pemimpin orang lain. Benda yang jauh semuanya nampak cantik, tapi bila kita pergi dekat belum tahu lagi macam mana buruknya.

Di Singapura pun bukan semua rakyat Singapura sukakan Lee Kuan Yew, tetapi mereka tetap bangga dan pertahankan

Mr Lee mereka, terutama mereka yang keturunan Cina. Ada yang suka kalau kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu hancur supaya mereka dapat buktikan kelemahan bangsa Melayu. Kenapa Lee Kuan Yew boleh berjaya di Singapura? Saya yakin Dr Mahathir Perdana Menteri kita lebih bijak dan berani daripada pemimpin Singapura. Kalau Lee Kuan Yew yang jadi Mahathir, belum tahu dia boleh bertahan begini lama.

Sewaktu sedang menulis buku ini saya sebanyak dua kali berulang-alik ke Filipina. Memang mendengar cerita orang boleh, bukan tidak boleh, tetapi adalah lebih baik kalau kita dapat melihat dengan mata kepala kita sendiri. Pengalaman melihat bagaimana kuasa-kuasa luar memecah-belahkan perpaduan rakyat Filipina sangat membimbangkan saya.

Dalam satu parti kita bergaduh sampai begitu punya dahsyat amat membimbangkan saya. Dan jangan lupa, dalam buku saya "*Challenger*" *Siapa Lawan Siapa* saya telah menulis tentang bagaimana kuasa-kuasa luar ini masuk campur supaya kita sesama kita berkelahi dari dalam. Dulu datuk nenek kita kata kita ini Melayu sama Melayu macam air dicincang tidak akan putus. Tapi kita harus ingat, air sekarang sudah masuk freeze, sudah jadi keras, jadi air batu. Sebab itu dia boleh putus. Inilah tanggungjawab dan tugas saya: Mencairkan semula air batu ini.

Ini bukan pertama kali saya bercakap dengan orang kedutaan. Saya mempunyai ramai kawan-kawan di kedutaan, dalam dan luar negeri. Menteri Luar dan Timbalannya juga kawan saya. Saya telah berkawan semenjak lama dulu lagi.

Memang semenjak dulu lagi kawan saya macam-macam orang. Para raja dan kerabat mereka. Ada pemimpin seperti dalam buku saya *Temanku Pemimpin-pemimpin*. Ada peguam, ada diplomat, hakim, pegawai-pegawai tinggi tentera laut, darat dan udara, polis, doktor, sarjana, intelektual, bintang filem, usahawan, penulis, peniaga, jutawan, editor, novelis, cerpenis, pelukis, dramatis, wartawan, ulama,

wali Allah, macam-macamlah, di samping malaun, sukadiun bekas-bekas banduan, penyeludup, penjenayah, peminta sedekah, budak-budak dadah, rakyat biasa dan haiwan yang melata. Hobby saya ialah mengumpul kawan-kawan. Saya tak dapat terkira banyaknya kawan-kawan saya di seluruh dunia.

Saya bukan macam setengah-setengah penulis, orang politik dan bintang-bintang filem kita. Dia bercampur dan bergaul dengan geng-geng dia sahaja. Sebab itu ada Geng 11. Dia bercampur dengan kumpulan dia sahaja. Yang makan budu dengan yang makan budu, yang makan cinaluk dengan yang makan cinaluk, yang makan tempoyak dengan yang makan tempoyak, yang makan pekasam dengan yang makan pekasam, yang makang ikang dengan yang makang ikang, yang suka makang kerang dengan yang suka makang kerang.

Kita mesti berkawan dengan macam-macam orang. Bila berkawan dengana macam-macam orang kita pun bolehlah makan macam-macam makanan. Tetapi ingat, kalau berkawan dengan yang makan babi, kita janganlah makan babi sama. Berkawan dengan orang minum arak, janganlah minum arak sama. Kita orang Islam. Boleh bercampur dengan orang main judi, tetapi kita jangan main judi sama. Minyak dengan air jangan biarkan dia bercampur. Kalau bercampur, dua-dua tak boleh pakai. Jangan pakai falsafah Tunku Abdul Rahman. Dia campur semua. Semuanya tak pa, tak pa. Bagi negeri kat orang pun tak pa.

Kita ajak orang-orang besar minum, kita yang belanja. Kita tidak menempel dia. Dia kaya, dia besar, dia punya pasallah. Kita campur dia kita beri pendapat kita yang baik dan kita terima pula pendapat dia yang baik. Kita bukan *yesman* sahaja.

Kita nak tulis buku kita kena belajar dengan semua peringkat manusia, sebab itu semua manusia baca buku saya. Kalau jin pun tahu baca buku, saya akan tulis buku untuk jin juga dan jin pun akan baca buku-buku saya.

PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI

Bila Tunku Abdul Rahman Putra mengumumkan penubuhan parti UMNO Malaysia di majlis hari jadinya di Pulau Pinang pada 8 Februari 1988, saya teringat kepada Menteri-menteri Besar. Mereka ini penting, sebab mereka yang menjaga negeri. Sedikit sebanyak mereka boleh menentukan pendirian dan kesetiaan ahli-ahli UMNO di negeri masing-masing. Parti yang baru ditubuhkan akan mencari ahli. Dalam konteks UMNO, parti baru yang Tunku, Hussein Onn bersama pengikut-pengikut Ku Li tubuhkan ini tentu akan mencuri ahli-ahli daripada bekas ahli UMNO lama. Apa yang Inggeris kata *daylight robbery* atau rompakan di siang hari akan berlaku.

Ibaratkan perompak sudah memberitahu dia nak merompak, Menteri-menteri Besar sebagai penjaga negeri masing-masing apakah mereka sudah bersedia untuk menentang, atau mereka pun akan membuka pintu kepada perompak-perompak ini? Saya tahu sebelum Perhimpunan Agung 24 April 1987 ada beberapa orang Menteri Besar yang telah membuka pintu negeri mereka kepada Team B. Ini semua dilakukan bukan kerana parti, tapi kerana kepentingan kerusi sendiri.

Pada tahun 1987 antara Menteri Besar yang memberi sokongan tak berbelah bagi berani membuat kenyataan akhbar

mengecam Team B dan menyokong Dr Mahathir ialah Datuk Isa Samad Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Osman Aroff Menteri Besar Kedah, Datuk Abdul Hamid Pakwanteh Menteri Besar Perlis dan Datuk Muhammad Mohd Taib Menteri Besar Selangor.

Pada hari ini pun yang berdiri teguh secara terbuka mereka juga. Paling lantang dan berani ialah Datuk Isa, padahal orangnya tidak sebesar mana. Cakapnya pedas macam cili padi. Padahal dalam negerinya ada kubu desperado, yang diketuai oleh Rais Yatim, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan yang sudah bakar jambatan. Di negeri itu juga ada Ismail Kamat, orang kuat Datuk Harun yang pernah bawa peninju terkenal Muhammad Ali ke Kuala Lumpur. Antara sebab Datuk Harun jatuh dulu ialah kerana Pertandingan Tinju Dunia yang mana Ismail Kamat menjadi Pengerusi syarikat yang menganjurkan pertandingan itu.

Datuk Rais Yatim adalah bekas MB Negeri Sembilan yang mempunyai banyak kisah dan sejarah yang tidak begitu sedap didengar kalau ditulis dalam buku. Cerita Rais akan jadi tambah tidak sedap kiranya Datuk Mokhtar Hashim, bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, ditaqdirkan keluar dari penjara tidak lama lagi.

Inilah bekas MB yang nak tunjuk handal nak menentang Kerajaan. Dia sama sendiri dalam Team B pun banyak masalah. Dengan orang-orang Negeri Sembilan memanglah banyak masalah. Kalau tidak percaya boleh tanya Datuk Haji Khalid Yunus, Timbalan Menteri Kemajuan Tanah. Semua benda dalam kocek seluar Rais pun Haji Khalid tahu. Rais nak balik jadi MB Negeri Sembilan ganti Datuk Isa bila Datuk Isa ke Pusat, kalau dia tak boleh jadi Timbalan Perdana Menteri. Boleh mimpi naik boatlah!

Saya sekarang tinggal di negeri Selangor Darul-Ihsan. YAB Datuk Muhammad bin Haji Muhammad Taib menjadi Menteri Besar saya. Dialah Menteri Besar yang paling dekat dan cepat boleh saya hubungi. Lagi pun saya dah kenal biasa dengannya. Saya tahu Menteri Besar Selangor ini orang yang mudah

dihubungi. Para pemberita boleh berjumpa dan bercakap dengannya di mana-mana pun. Dalam lif boleh, sambil berjalan nak pergi ke kereta pun boleh. Dia selalu senyum, lemah lembut dan berbudi bahasa bila bercakap dengan orang. Dia pun orang yang sedia mendengar pendapat orang lain.

Ada Menteri Besar yang tidak mahu dengar cakap orang lain. Mentang-mentang dia jadi Menteri Besar, dia fikir dia banyak besar dan dia serba tahu. Dia terlupa bahawa ini hari dia jadi Menteri Besar, dah pencen Menteri Besar ke mana dia. Ke mana? Untuk pengetahuan mereka yang angkuh, yang kekal besar, tapi kecil saja bendanya, di mana-mana juga orang cari benda tu, orang mesti sebut besar di hujung nama adalah bawang besar. Menteri Besar janganlah nak jadi bawang besar. Bawang besar adalah sejenis sayur. Bila sudah rosak baunya terlampau busuk. Allah hu akhbar. Allah saja yang Maha Besar.

Tak beberapa hari selepas Tunku buat pengumuman itu, saya pun telefon Azman, Setiausaha Sulit MB Selangor, untuk membuat temu janji. Azman beritahu saya MB tidak ada di pejabat, dia sedang sibuk di luar. Bila MB masuk nanti saya akan hubungi Tuan Syed, kata Azman kepada saya.

Esoknya saya menerima panggilan telefon dari pejabat MB Selangor. Saya bercakap dengan Datuk Muhammad. Dia memberitahu saya hari itu dia sibuk. Program sudah penuh. Maklumlah keadaan politik UMNO sedang bercelaru dan kelam kabut. Walau bagaimanapun dia memberitahu saya kalau nak berbual panjang sikit besok pagi datanglah ke rumah dia.

Berbual dan berbincang dengan Menteri Besar mengenai hal-hal politik ini sudah menjadi satu amalan saya. Waktu saya di Johor dulu selalu juga saya berhubung dengan Tan Sri Othman Saat, waktu itu dia MB Johor. Saya biasa minum kopi pagi-pagi di rumah dia, bercerita tentang politik, tentang masa depan. Saya pun pernah beritahu dia pada awal tahun 1980-an dulu iaitu ada orang-orang dari pusat yang begitu ghairah hendak mengambil kerusinya di Johor.

Pada pagi saya bercerita dengan Tan Sri Othman Saat yang saya panggil Pak Seman itu, turut sama hadir Datuk Jaafar Hamzah dan Datuk Rahman Sabri, kedua-duanya Exco kerajaan negeri. Masa itu datuk-datuk ketiga mereka ini belum kena rampas lagi. Saya beritahu mereka tentang kejadian buruk yang akan berlaku di negeri Johor akibat permainan orang-orang dari Kuala Lumpur.

Pak Seman, Jaafar Hamzah dan Rahman Sabri mendengar cerita saya itu seperti dengar tak dengar saja. Jaafar Hamzah cakap: "Kita kuat Beb di Johor ni. Kita dah pasang kubu di setiap penjuru. Orang KL tak boleh tembus punya."

Othman Saat dengan bangganya menambah: "Negeri lain dia bolehlah buat. Johor tak boleh Beb."

Sebelum itu kejadian menjatuhkan Menteri Besar atau Ketua Menteri ini, yang saya tahu dan melihat secara langsung ialah di Melaka. Saya dah tahu permainan politik orang Kuala Lumpur dan gaya-gaya macam mana mereka nak jatuhkan pemimpin-pemimpin politik di negeri. Mangsa pertama yang saya tahu ialah Datuk Setia Ghani Ali, kawan baik saya di Melaka.

Kejadian itu berlaku pada tahun 1978. Kisahnya telahpun saya bukukan dalam buku saya *Perang di Kuala Linggi 1978*. Begitu kuat penyokong-penyokong Ghani Ali, ribuan orang berpiket menunjukkan sokongan kepadanya, pergi ke Kuala Lumpur dan sebagainya, supaya Ghani Ali tidak dijatuhkan, akhirnya Ghani Ali dijatuhkan juga oleh Geng 11.

Selang tidak berapa lama setelah saya menceritakan ramalan saya dengan Pak Seman dan kuncu-kuncunya yang sama-sama minum kopi di rumahnya pagi itu, bintang-bintang mereka semuanya ditarik balik oleh Sultan Johor. Akhirnya mereka cuma jadi orang politik dan bukan lagi Yang Berhormat. Selepas itu barulah Pak Seman percaya cakap saya.

Jadi pada pagi yang dijanjikan saya pun pergilah ke Shah Alam. Saya tiba di kediaman MB Selangor lebih kurang jam

7.30 pagi. Datuk Muhammad Muhammad Taib sambut saya dan kami berdua duduk di bilik tamu. Kami berbual-bual sambil minum kopi.

Walaupun tujuan sebenar saya ialah nak tahu pendapat dan pendirian MB Selangor mengenai penubuhan parti UMNO Malaysia oleh Tunku, tetapi kita tak bolehlah terus-terus bertanya dengan soalan yang macam itu bila bercakap dengan pemimpin besar. Sudah menjadi kebiasaan saya sebelum saya jumpa seseorang MB atau seseorang pemimpin, saya buat *homework* dahulu. Saya baca keratan-keratan akhbar mengenainya untuk mendapatkan latarbelakangnya.

Menyentuh tentang MB Selangor biarlah saya cerita sedikit tentang hubungan saya dengan MB-MB Selangor sebelum ini. Menteri Besar Selangor yang paling rapat dengan saya ialah Datuk Haji Harun Idris, bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Hubungan kami sangat rapat sekali. Boleh dikatakan macam anak dengan ayah atau adik dengan abang. Saya bukan sahaja baik dengan Datuk Harun semasa dia menjadi MB dan memegang jawatan Ketua Pemuda sewaktu dia di kemuncak, tetapi juga semasa dia merengkok dalam penjara, saya masih tetap bersama-samanya.

Setiap buku saya dari tahun 1981 saya menjadi penyokong kuat Datuk Harun. Saya menyokong Datuk Harun kerana perjuangannya untuk menegakkan kedaulatan bangsa Melayu dan kesinambungan ketuanan bangsa di tanahair sendiri. Saya menganggap Datuk Harun sebagai hero Melayu. Jasa-jasanya kepada orang Melayu terutama orang Melayu Selangor tidak akan dapat dilupakan. Tetapi apabila Datuk Harun sudah lari daripada perjuangannya yang asal dan memihak kepada Team B, yang perjuangan mereka tidak tentu ke mana hendak membawa bangsa Melayu, saya tidak ada jalan lain melainkan meninggalkan Datuk Harun.

Saya harap Datuk Harun akan sedar dan insaf bahawa masa sudah sampai baginya untuk menjadi seorang orang tua yang tidak lagi terlibat dalam kancah politik hari ini, kerana sekiranya beliau meneruskan juga terlibat dalam politik beliau

akan menemui nasib yang sama dengan Tunku Abdul Rahman, bukan sahaja orang akan hilang hormat kepadanya tetapi dia akan dianggap sebagai orang tua nyanyok. Nanti budak-budak nakal letak dia atas upeh pinang dan heret keliling negeri. Maka waktu itu hilanglah gelaran Godfather yang disandang olehnya, yang tidak terdapat pada pemimpin-pemimpin lain di Malaysia.

Sambil itu saya nak peringat juga kepada anak Datuk Harun, Yang Berhormat Mazlan Harun, semuga dia tidak menjadi seperti Syed Hamid Albar, yang pernah melawan Anwar merebut kerusi Ketua Pemuda. Syed Hamid ini anak yang dah buang baka. Janganlah Mazlan pun jadi anak yang buang baka juga. Mereka ini duduk dalam politik kerana jasa-jasa dan perjuangan orang tua-tua mereka. Kalau nak tunjuk terror, buat jasa dulu pada bangsa, agama dan tanahair. Pakai nama sendiri. Jangan gunakan nama orang tua-tua.

Selepas Datuk Harun, ada dua Menteri Besar Selangor sebelum Datuk Muhammad Muhammad Taib. Pertama Datuk Hormat Rafei, yang sudah jadi Yang Tak Berhormat lagi dan telah pun dilupakan begitu sahaja, seolah-olah dia tak pernah jadi pemimpin UMNO dan juga MB Selangor. Yang kedua ialah Datuk Ahmad Razali, ipar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir.

Semasa mereka berdua ini menjadi Menteri Besar, jangan kata saya nak ke rumah mereka, ke pejabat mereka sekali pun saya tak pernah memijakkan kaki. Sebabnya bukan kerana saya tak sukakan mereka, tetapi saya rasa tidak sealiran pemikiran dengan saya dan tidak mempunyai visi dan pandangan yang sama. Tidak ada perkara-perkara yang dikatakan *in common* antara saya dengan mereka.

Berbeza dengan Hormat Rafei dan Datuk Ahmad Razali, Datuk Mohammad Muhammad Taib seorang pemimpin yang ada visi. Tanda-tanda dan sifat-sifat nasionalis ada pada dia. Dia bukan sahaja seorang ahli politik seperti yang banyak terdapat pada hari ini, tetapi dia adalah seorang nasionalis yang sukar didapati di kalangan ahli-ahli politik hari ini.

Dia boleh ke tepi dan ke tengah. Sanggup naik ke pentas bersama-sama dengan Pemuda pada 24 Oktober di Padang TPCA. Berani mengambil risiko dan menunjukkan pendirian. Tidak jenis pemimpin yang berdiri atas pagar. Team B datang sambut, Team A datang pun sambut. Asal selamat kerusi, sudah.

Inilah yang saya nak tanyakan kepada Datuk Muhammad. Macam mana pendirian dia sekarang bila Tunku, Hussein Onn dan beberapa penyokong Tengku Razaleigh telah menubuhkan parti baru Umno Malaysia. Apakah dia mahu menyokong mereka ini secara senyap-senyap atau beranikah dia megecam perbuatan jelek yang dilakukan oleh Ku Li dan geng-gengnya?

“Saya rasa Tunku tidak tahu apa yang dia buat. Mungkin dia disalah-nasihatkan. Ada orang yang pergi kepada dia, kata: Tunku, UMNO sudah berpecah-belah. Kami semua nak balik semula kepada Tunku. Tunku saja yang boleh menghidupkan semula UMNO.”

“Kalau begitu Tunku telah diperalatkan?”

“Ya, nampaknya begitulah. Orang yang kecewa mereka boleh buat apa saja.”

“Siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini, Datuk?”

“Siapa lagi? Siapa yang bertanggungjawab membawa UMNO ke mahkamah? Ini semua lahir dari nafsu haloba pihak-pihak yang ingin berkuasa dan ingin kembali berkuasa. Habeb tahulah ini semua. Mereka tidak puashati dengan kekalahan yang mereka terima dalam pemilihan pada 24 April tahun lalu. Mereka nak gunakan cara mahkamah pula untuk mencapai matlamat mereka.”

“Tengku Razaleigh terlibat sama, Datuk?” Saya sengaja nak tengok sejauh mana pendirian MB Selangor ini.

“Saya nampak Tengku Razaleigh yang bertanggungjawab. Dia dan kuncu-kuncunya tidak mahu terima keputusan para

perwakilan. Mana boleh? Perwakilan telah membuat keputusan. Kita mesti akur kepada keputusan itu. Walaupun sekiranya Dr Mahathir menang dengan satu undi pun, semua pihak harus menerima kenyataan bahawa beliau telah dipilih untuk terus memimpin.”

“Ada orang bawa logik Tengku Razaleigh menang moral dan Dr Mahathir mesti letak jawatan Presiden beri kepada Tengku Razaleigh.”

“Menang moral apa maknanya? Saya tak faham. Undi Dr Mahathir lebih banyak daripada undi Tengku Razaleigh. Apakah para perwakilan yang telah mengundi untuk Dr Mahathir itu tidak memberi kemenangan moral kepada Dr Mahathir? Ini semua alasan orang yang telah kalah. Sebelum pemilihan mereka kata mereka menjunjung prinsip demokrasi, selepas pemilihan mereka tak terima demokrasi, mereka cuba cara undang-undang pula. Macam orang main bolasepak bawa kayu hoki. Selepas kalah mereka nak gunakan undang-undang hoki supaya mereka boleh menang juga. Kalau dah kalah tu terima sajalah kekalahan.”

Datuk Muhammad juga menyatakan rasa kesalnya atas sikap tamak golongan Tengku Razaleigh yang telah mengheret Tunku Abdul Rahman supaya turut mencampuri politik mereka. Tindakan mereka itu disifatkannya sebagai satu tindakan yang zalim.

“Nama Tunku begitu cemerlang. Buat apa dikotorkan namanya? Tunku sudah tua dan telah banyak berjasa kepada bangsa dan negara. Berilah peluang dia berehat di hari tuanya.

Kemudian beliau menambah: “Orang-orang yang menimbulkan angkara jahat ini tidak akan dimaafkan oleh bangsa Melayu. Saya percaya ahli-ahli UMNO yang tua-tua begitu kecewa sekali dengan tindak-tanduk segelintir orang yang jahat ini. Inilah akibatnya terlalu ramai orang yang cerdik tetapi tak boleh ditumpang. Cerdik saja tidak memadai, kejujuran berjuang dan kesetiaan kepada parti yang harus menjadi syarat utama.”


“Setia pun jangan setia di mulut saja, Datuk,” saya menambah. “Hari ini mereka kata mereka setia kepada parti tetapi tidak setia kepada pemimpin. Mereka cakap mereka setia, tetapi yang sebenarnya mereka cuma setia dengan diri mereka sendiri saja. Ini semua politik cari makanlah Datuk, politik untuk kepentingan diri sendiri saja.”

Mengenai sokongan dan kesetiaan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Muhammad berkata semua anggota Barisan Nasional memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir.

“Dengan adanya pengajaran yang pahit ini UMNO akan muncul lebih kuat lagi,” kata Datuk Muhammad dengan penuh azam.

Inilah dia *a leader in the making*, kata hati saya dalam perjalanan pulang dari kediaman MB Selangor pagi itu. Dengan diam-diam saya berdo'a agar Datuk Muhammad Muhammad Taib boleh mengisi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh Datuk Harun.

Patah tubuh hilang berganti.



Sama segak sama bergaya seorang menteri mengiringi raja. Itulah dia Datuk Muhammad Taib mengiringi manusia terkaya di dunia.
V. A. D. Datuk Muhammad Taib mengiringi Y. T. M. Tuanku Hassanul Bolkiah Sultan Brunei



“Apa ni Mahyuddin? Orang sibuk berperang hendak menghidupkan UMNO baru, awak sibuk buat rumah batu.” “ Bangunan yang tinggi seperti Daya Bumi bermula dengan susunan satu batu saja. Lebih baik banyak bekerja dari banyak becakap”. Itulah yang dibuat oleh Y.A.B Mahyuddin Mohd Yasin, Menteri Besar Johor. Dia tak ada masa nak cakap politik, dia mesti bangunkan ekonomi negeri Johor kerana masa dia ambil alih dari Datuk Ajib Ahmad ekonomi negeri Johor hampir lumpuh.



Kolonel Muammar Gadafi Presiden Libya.

JAMBATAN MALAYSIA — LIBYA

Sebut Malaysia sama macam sebut Mahathir. Begitu juga sebut Libya, sama macam sebut Muaamar Ghadafi. Mendengar saja nama Kol. Muaamar Ghadafi, ramai orang yang tidak tahu dengan jelas terus orang akan teringatkan kepada keganasan yang Muaamar Ghadafi lakukan. Rampasan kapal terbang terbang ke Libya. Itu sahaja yang orang ingat. Ini semuanya tidaklah pelek kerana memang itulah yang barat umumnya dan Amerika khasnya sedang lakukan.

Ada pelbagai cara yang dilakukan oleh Amerika dan barat amnya melalui media massa untuk menjahanamkan Ghadafi. Macam juga pelbagai macam tohmahan dan fitnah yang dilakukan oleh akhbar-akhbar barat terhadap Mahathir. Dan orang-orang yang menggunakan akhbar luar untuk memburukkan Mahathir itu samalah juga dengan Amerika yang menggunakan akhbar-akhbar barat untuk menjahanamkan Muaamar Ghadafi.

Seperti ramai memikirkan Muaamar Ghadafi itu pegganas dan kaki kacau begitulah juga fikiran orang terhadap Mahathir. Orang tidak memikirkan bahawa yang kaki kacau itu dia sendiri. Seperti Amerika yang tidak memikirkan bahawa dialah kaki kacau dan bukannya Ghadafi.

Punyalah hebatnya peranan media massa sehingga orang seperti mempunyai fikiran bahawa manusia-manusia di Libya itu macam Ghadafi semuanya. Kaki kacau semuanya.

Pendeknya apabila seseorang itu mempunyai pendapat bahawa Libya dan Ghadafi adalah negara dan pemimpin yang kacau, itu sebenarnya pendapat yang sudah menjadi klise. Pendapat yang sudah tidak laku lagi. Pendapat yang pelek ialah apabila pendapat tentang Muaamar Ghadafi sebagai seorang yang cuba menegakkan Islam dan cuba menyatukan Dunia Arab tetapi menghadapi pelbagai rintangan dan halangan daripada Barat dan Amerika adalah pendapat baru. Pendapat yang boleh memeranjatkan orang.

Orang yang mempunyai pendapat yang klise terhadap Libya dan Ghadafi itu, jika ditanyakan kepada mereka daripada manakah mereka mendapat maklumat itu semua maka semuanya mengatakan daripada surat khabar. Jarang benar yang mengeluarkan pendapat yang begitu daripada orang-orang yang memang sudah pergi ke Libya. Yang sudah mendarat dan bermalam di Tripoli dan Libya mempunyai pendapat yang sebaliknya.

Kenapakah maka terjadi keadaan yang demikian itu? Soalan yang demikian orang tidak pernah tanya kerana kepercayaannya yang terlalu kuat kepada berita surat khabar dan TV. Mereka ini tidak tahu bagaimana berita-berita itu semua telah diputarbelitkan oleh barat dan Amerika. Mereka tidak tahu bagaimana Amerika telah menjungkirbalikkan berita-berita itu dan mereka pula tidak bertanya kerana kepercayaannya kepada berita-berita yang datangnya dari Amerika itu.

Begitulah dahsyatnya penjajahan kebudayaan (*cultural imperialisme*) yang dijalankan oleh Amerika melalui pelbagai media di seluruh dunia dalam pelbagai bentuk iklan, wayang gambar, video, komik-komik, buku-buku dan majalah serta barangannya yang lain termasuk makanannya seperti *Kentucky Fried Chicken*. Orang ramai seolah-olah seperti tidak mempunyai taste lain lagi kecuali taste Amerika.

Fikiran manusia telah diasuh oleh media Amerika sedemikian rupa sehingga tidak ada satu pun perkara dalam dunia ini yang baik kecuali yang datangnya daripada Amerika. Fikiran yang merbahaya seperti ini juga meresap kepada ramai orang di Malaysia. Ia terpancar dalam pelbagai bentuk pernyataan dan tindakan. Yang paling mudah sekali ialah semacam ada dalam kepala manusia di Malaysia apabila seseorang yang balik daripada Amerika itu, sama ada kerana belajar di sana atau kerana berbuat apa-apa di sana maka dengan sendirinya menjadi hebat. Yang di sini, di negeri sendiri seolah-olah tidak hebat.

Di sini jelas dan nyatalah bahawa agensi-agensi berita asing yang dikuasai oleh bukan Islam atau barat itu mempunyai suatu strategi yang tak nampak untuk menghancurkan Islam dan manusia yang bukan barat. Maka dengan begitu ia memperkuatkan barat untuk menjadikan negara-negara yang bukan Barat sebagai pengguna kepada barangan dan perkhidmatannya.

Begitulah barat telah berjaya menimbulkan perasangka dan kekaburan kepada seluruh dunia terhadap negara-negara Islam atau negara-negara yang bukan barat. Hal ini tidak terkecualilah Malaysia. Begitu juga Libya.

Bila-bila pun apabila kita membaca akhbar maka dengan mudah akan kita dapati bahawa berita mengenai Ghadafi dan Libya sering mendapat tempat utama. Bagaimanapun berita itu hanya menonjolkan tentang aspek-aspek negatif tentang pemimpin Islam Libya itu. Berita yang dituliskan secara yang seimbang kalau pun tidak secara positif hampir tidak ditemui sama sekali.

Serangan jet-jet pejuang Amerika Syarikat arahan cowboy Amerika Syarikat Ronald Reagan ke atas kediaman Ghadafi dengan tujuan untuk menghapuskan 'orang yang paling merbahaya kepada Amerika di dunia hari ini' tidak diberikan laporan yang lengkap. Malah mereka memberi justifikasi kepada apa yang mereka lakukan itu sebagai hukuman kepada sebuah negara penjenayah.

Dalam hal ini siapakah yang lebih penjenayah? Amerika atau Libya? Hanya orang-orang yang buta mata dan beku fikirannya sahaja yang mengatakan bahawa Amerika bukan penjenayahnya!

Demikianlah gambaran serba ringkas yang dialami oleh rakyat Libya. Tak ada satupun yang baik dilaporkan oleh agensi-agensi berita asing. Semua laporan tentang Libya adalah negatif.

Berhubung dengan ini izinkan saya menurunkan sedikit petikan dari Edward W. Said, dari dalam bukunya yang berjudul *Penjungkibalikan Dunia Islam*, yang diterbitkan oleh Penerbit Pustaka, pada tahun 1986 di Bandung.

Dalam bukunya itu Edward W. Said menganalisa apa yang telah dilakukan oleh Amerika dalam rangka untuk memerangi dunia Islam. Katanya "Ketika membahas sumber-sumber energi alternatif bagi orang-orang Amerika, Consolidated Edison of New York (Con Ed) menyajikan siaran iklan televisi yang menarik pada musim panas 1980. Siaran iklan tersebut mensejajarkan berbagai tokoh OPEC yang baru — Yamani, Qaddafi, tokoh-tokoh Arab — kemudian berganti dengan jajaran tokoh-tokoh Arab lainnya yang dikaitkan dengan minyak dan Islam: Khomeini, Arafat, Hafez Assad. Tokoh-tokoh terakhir ini tidak disebutkan namanya, hanya dijelaskan bahawa "orang-orang ini" mengendalikan sumber minyak Amerika. Gema suara dilatarbelakang sama sekali tidak menyebutkan siapa sebenarnya "orang-orang ini" dan dari mana mereka datang, tetapi sudah cukup membuka peluang bagi pemirsa untuk merasakan bahawa gerombolan jantan ini telah menempatkan orang-orang Amerika dalam kepungan sadisme yang tak terbendung. Memang pantas bagi orang-orang ini untuk dimunculkan, sebagaimana kemunculan mereka dalam surat-surat khabar dan siaran televisi yang membuat para pengamat Amerika merasa geram, marah, dan takut. Gabungan perasaan inilah yang dibangkitkan dan dipergunakan oleh Con Ed untuk alasan-alasan perdagangan dalam negeri Amerika Syarikat. Persis seperti setahun sebelumnya, ketika Stuart Eizenstat, penasehat Carter mendesak

Presiden agar dengan langkah-langkah keras kita 'harus' memobilisasikan bangsa ke seputar krisis nyata dan dengan suatu musuh yang jelas — OPEC".

Begitulah gambaran usaha Amerika untuk memburukkan dunia Islam khususnya di Barat dan Amerika. Tetapi gambaran inilah juga yang sampai kepada negara kita dan dilihat dan dibaca oleh rakyat di negara kita melalui siaran media massa kita yang banyak bergantung kepada bahan-bahan berita dari luar negeri seperti Reuter dan AP.

Keadaan media massa yang demikian terjadi begitu hebatnya sebagaimana yang dikatakan oleh Edward W. Said bahwa mereka itu menggunakan pemikiran orientalisme sebagaimana gambaran V.S. Naipul dalam bukunya *A Bend in the River* dan gambaran John Updike dalam *The Coup*.

Ini juga pernah saya sebutkan bagaimana V.S. Naipul, yang berlagak secara tidak sadar diri sebagai jurucakap kebudayaan barat masa kini. Dalam bukunya seperti disebutkan di atas itu juga Edward W. Said mengecam V.S. Naipul sebagai orang yang tidak tahu tentang Islam tetapi cuba menjadi jurucakap Islam kepada dunia barat.

Sesungguhnya kejahatan barat itu terpancar di mana-mana sahaja dan dalam macam-macam bentuk. Pada tahun 1980 misalnya terbitlah sebuah filem yang dinamakan *Death of a Princess*, yang telah meyebabkan Arab Saudi memanggil balik Duta Besarnya di London. Filem ini juga telah menimbulkan heboh yang tidak sedikit di Amerika, yang melibatkan pelbagai pihak politik, ekonomi dan menggugah para intelektual barat.

Ini semua adalah satu usaha yang sangat global sifatnya untuk memburuk-burukkan Islam. Dan jangan lupa membaca mingguan yang dikuasai oleh Barat seperti *Times* dan *Newsweek* terhadap apa yang berlaku di Teluk Sidra, di Tripoli. Kejahatan Amerika di Teluk Sidra itu jelas menunjukkan akan kebiadapan budaya Amerika terhadap Libya.

Pendeknya imej Libya dan Muaamar Ghaddafi yang ada dalam fikiran dan perasaan rakyat Malaysia adalah imej yang

telah dibina oleh agensi-agensi berita luar negeri yang bukan sahaja jelas condong ke barat malahan yang bermusuhan dengan yang tidak barat apatah lagi Islam. Manakala di Malaysia pula ramai orang-orang yang masih lagi tidak sedar akan pembohongan Amerika itu dan sekaligus tidak sedar akan kebangkitan Islam diseluruh dunia, sehingga mereka pun menerima laporan yang dibuat secara jahat itu.

Edward W. Said mengatakan, "Kita berbicara mengenai Kaum Muslimin anti komunis di Saudi Arabia, Pemberontak-pemberontak Muslimin yang gagah berani di Afghanistan, Muslim-muslim moderat seperti Sadat, keluarga kerajaan Saudi Arabia dan Zia ul Haq. Meski pun demikian kita juga menyebut militan-militan Islamnya Khomeini, "Jalan Ketiga" Islamnya Ghadafi dan ketakjuban kita atas "Hukuman Islam" (Sebagaimana yang dilakukan oleh Khalkali). Di Mesir ada Ikhwanul Muslimin, di Saudi Arabia ada militan Islam yang mengambil alih mesjid Madinah, di Syria ada Ikhwanul Muslimin dan Vanguard yang menentang rejim Partai Bats, di Iran ada Mujahidin Islam, Fedayeen dan kaum liberal. Kesemuanya ini merupakan arus perlawanan yang tengah bergolak di negara-negara ini, akan tetapi sedikit sekali yang kita ketahui tentang mereka. Sebagai tambahan, berbagai nasionalis Muslim telah memperlihatkan tanda-tanda untuk merencanakan garis besar di negara poskolonial untuk mendirikan Islam mereka. Dan di bawah permukaannya — di madrasah, masjid kampung, dan pusat-pusat permukiman di seluruh dunia Islam — masih banyak variasi kebangkitan Islam, yang kesemuanya mendaulat diri sebagai penuntun anggota-anggotanya agar kembali ke Islam sejati."

Bagi rakyat Malaysia yang pernah mengunjungi Tripoli dan menemui tokoh-tokoh penting di Libya tentulah mempunyai pendapat yang agak berlainan dari pendapat yang cuba digambarkan oleh media asing.

Kerajaan Malaysia tentu lebih arif tentang Libya. Tentulah kerajaan Malaysia tidak berpendapat bahawa Libya adalah sebuah negara penjenayah. Malaysia tentulah tidak menjadi mangsa laporan berat sebelah oleh wartawan-wartawan barat

ini. Seperkara lagi yang susah hendak dinafikan ialah sama ada wartawan asing itu tidak diupah oleh CIA untuk mencari maklumat dan juga memainkan peranan spy. Malah mereka juga diberi maklumat yang boleh memburuk-burukan nama Ghadafi. Hal ini tentunya sukar untuk dibuktikan tetapi ada beberapa buah buku ditulis mendedahkan perkara ini.

Bagi rakyat Malaysia hubungan Malaysia dan Libya telah lama terjalin. Tapi persahabatan itu tidaklah kelihatan begitu akrab barangkali ada sebab-sebab yang tertentu, yang barangkali ada hubungan dengan kemahuan pucuk pimpinan.

Jalan untuk merapatkan hubungan antara Malaysia dan Libya telah cuba diusahakan oleh Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar ataupun lebih dikenali sebagai Singa UMNO. Waktu itu Singa UMNO itu baru saja menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Tan Sri Syed Jaafar Albar telah menerima undangan Muaamar Ghadafi untuk melawat Libya. Sedang beliau merancang lawatan itu, beliau telah kembali ke rahmatullah. Tan Sri Syed Jaafar mati sebelum dia sempat menjejakkan kaki ke Tripoli dan menemui Ghadafi.

Justeru itu undangan Libya kepada Pergerakan Pemuda UMNO itu terus tidak terlaksana untuk beberapa ketika. Bila Anwar Ibrahim menjadi Ketua Pemuda, dia ada membuat kunjungan ke Libya. Tapi lawatan itu bukan atas nama Pergerakan Pemuda UMNO. Beliau membawa Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersama. Disana Dr. Mahathir menemui Ghadafi. Masing-masing bertukar-tukar fikiran tentang suasana politik antarabangsa yang melibatkan Libya.

Undangan yang tidak terpenuhi itu rupa-rupanya tidak dilupakan begitu saja. Sewaktu Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, beliau telah mengetuai sebuah delegasi Pemuda UMNO ke Tripoli. Pada mulanya rancangan itu dibuat oleh Biro Antarabangsa yang di Ketuai oleh Nazri Aziz Yeop. Tapi rancangan itu telah menarik minat Datuk Seri Najib.

Sebaik saja pulang dari Jakarta kerana menghadiri Sumpah Pemuda, Datuk Seri Najib berangkat ke Tripoli. Ibunya Toh Puan Hajjah Raha dan isterinya turut dibawa bersama di dalam rombongan Pemuda itu. Pemergian atas undangan Libya ini kemudiannya telah menimbulkan pelbagai kontroversi yang sebenarnya dengan mudah dapat diatasi oleh Datuk Najib.

Atas nama Biro Antarabangsa Nazri telah menganjurkan satu majlis makan malam tetapi kerana UMNO telah diisytiharkan tidak sah maka majlis atas nama Pemuda UMNO itu terpaksa di tukarkan. Masjlis tetap berjalan walaupun nama Pemuda UMNO tidak boleh digunakan.

Dengan itu satu majlis makan malam atas nama Minggu Perpaduan dan Kebudayaan Malaysia-Libya dibuat pada 6 April, 1988. Majlis bermula jam 8.00 malam. Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat telahpun diundang untuk turut hadir di majlis berkenaan. Datuk Seri Najib dan isteri serta Toh Puan Raha juga ikut memeriahkan majlis itu.

Majlis yang sangat berjaya itu bukan sahaja dihadiri oleh orang-orang kenamaan tetapi ramai juga orang-orang Team B yang turut hadir sama.

Malam yang sangat istimewa itu buat pertama kalinya memperkenalkan Libya kepada Malaysia dalam satu majlis istimewa yang memberi peluang kepada rakyat Malaysia menyaksikan dari dekat kebudayaan Libya dengan lagu-lagu patriotik Libya serta menikmati jamuan istimewa yang dibawa terus dari Tripoli.

Para tetamu yang datang menjadi terpesona melihat semangat yang ditunjukkan oleh rakyat Libya yang ada pada malam itu. Bila lagu-lagu patriotik mereka dimainkan, mereka bangun sambil bertepuk tangan, melambangkan bahawa mereka adalah bangsa yang menghormati tanahair dan pemimpinnya. Barangkali itulah gambaran sebenar jiwa pemimpinnya Muammar Ghadafi.

Lagu-lagu itu bukan sahaja disambut oleh orang-orang dewasa tetapi juga oleh kanak-kanak yang baru berusia lima tahun yang ikut hadir pada malam itu. Pendeknya Muammar Ghadafi telah berjaya menanam semangat cintakan tanahair bukan sahaja kepada orang-orang dewasa tetapi juga kepada kanak-kanak kerana kanak-kanak ini adalah benih yang akan tumbuh, yang akan menyambung perjuangan yang telah diasaskan oleh orang tua dan para pemimpinnya.

Suasana penuh semangat dengan tepukan yang yakin dari rakyat Libya yang hadir pada malam itu tidak bersendirian apabila para pemimpin dari Malaysia seperti Datuk Muhammad Rahmat dan Datuk Seri Najib juga ikut sama merasakan akan kegembiraan dan semangat perjuangan rakyat Libya sehingga tidak dapat berdiam diri melainkan ikut sama bertepuk.

Saya juga tidak dapat duduk diam melainkan ikut sama bertepuk tangan. Dalam hati kecil saya berkata sendirian : Manusia yang mempunyai semangat yang begini yakin kepada perjuangannya siapakah yang dapat mengalahkannya?

“Kalau mendengar lagupun mereka sudah begitu bersemangat, sudah begitu kelihatan patriotiknya, apatah lagi sewatu berada di medan tempur. Tentu lebih lagi bersemangat” kata seorang wartawan yang hadir dan duduk bersama di meja saya, malam itu. Saya memang bersetuju dengan pandangan itu.

Begitu rupanya mereka diasuh semenjak daripada kecil lagi. Lain benar dengan rakyat kita. Di sekolah-sekolah sewaktu berhimpun dan menyanyikan lagu “Negaraku” ramai antara pelajar-pelajar yang mengambil endah tak endah sahaja. Mereka seperti tidak memberi makna kepada negara tempat tumpat darah dan kelahiran mereka. Rakyat Malaysia hendaklah mengambil contoh daripada malam perpaduan Malaysia-Libya. Lagu “Setia” yang dinyanyikan di TV dan radio tidak seharusnya dipandang sepi. Pada masa ini mungkin ia kurang berkesan tetapi pada masa depan, ia setelah ia meresap ke dalam jiwa anak-anak bangsa kita, ia memberikan kesan psikologi yang agak hebat dan sangat penting.

Sesungguhnya setia itu lawannya khianat. Jadi ia sangat penting kepada rakyat kita. Bukan sahaja rakyat kepada negara tetapi dalam keluarga kecil kita sendiri pun setia itu penting. Bayangkanlah kalau isteri atau suami kita tidak setia? Tetapi ini tidak boleh dibayangkan oleh orang-orang yang tidak mempunyai isteri atau suami. Macam mana dia hendak membayangkan kalau dia sendiri tidak pernah mempunyai pengalaman itu.

Menyedari lagu-lagu padang pasir itu amat mengasyikkan membuatkan Datuk Mohamad Rahmat mahukan lagu-lagu irama padang pasir dimainkan kalau boleh sehingga pagi.

“Sekurang-kurangnya irama yang sungguh bersemangat itu dapat melupakan rakyat Malaysia sebentar mengenai masalah yang membuat kita pening kepala, namun sayang tidak semua rakyat Malaysia dapat menyaksikan persembahan itu” ujar menteri itu lagi.

Ucapan Datuk Mohamad Rahmat malam itu mencuit hatoi para hadirin. Datuk Muhammad Rahmat menyebut “dinda Nazri” sewaktu memulakan ucapan. Dia berkata begitu kerana sewaktu Encik Nazri memberikan ucapan, beliau telah memanggil “Kekanda Datuk Mohamad Rahmat”.

Dalam ucapannya Datuk Mohamad Rahmat menyentuh tentang Pemuda UMNO dan bekas Ketuanya iatu Datuk Seri Najib Tun Razak. Kata Datuk Mohamad Rahmat, beliau tidak datang ke majlis malam itu sebagai Setiausaha Agong UMNO (baru), beliau datang hanya sebagai seorang pegawai kerajaan. Tentang kedudukan Datuk Seri Najib, Menteri Penerangan itu berkata: “saya kira nasib Najib masih baik dan peluangnya masih ada, di samping ketokohan pada diri dan gambaran wajahnya belum pudar lagi. Kata-kata Datuk Mohamad itu telah mendapat tepukan gemuruh dari pada hadirin. Di celah-celah tepukan itu kedengaran juga tempikan dan laungan “Hidup Najib”. Datuk Seri Najib tersenyum.

Mengenai hubungan Malaysia-Libya, beliau berkata hubungan kedua-dua buah negara cukup baik dan ini terbukti

dari lawatan para pemimpin negara ini seperti Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Encik Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Najib sendiri ke Libya.

“Hasil dari hubungan rapat itu, Malaysia dan Libya kini telah dapat mengadakan kerjasama dua hala dalam bidang-bidang tertentu seperti kebudayaan, teknikal dan perdagangan,” ujarnya.

Dalam usaha untuk merapatkan hubungan dua hala ini Datuk Mohamad berkata kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Pusat Kebudayaan Libya di Kuala Lumpur. Pusat itu katanya nanti akan menjadi tempat rakyat negara ini akan dapat maklumat dan gambaran yang tepat mengenai Libya.

Sebelum dari itu Setiausaha Jawatankuasa Biro Jamahiriya Libya di Kuala Lumpur, Encik Ahmed Mohamed Al Bahlul memberitahu orang ramai bahawa Libya tidak akan melutut dengan rumah putih di Washington walaupun mereka sering menerima tekanan dan paksaan yang berterusan.

“Kami akan terus berjuang untuk menegakkan kebenaran dan Islam sekalipun pihak barat menganggap perjuangan kami itu adalah satu bentuk jenayah kerana bagi kami Allah tetap bersama orang-orang yang benar”. Beliau juga menceritakan kembali detik-detik jet-jet pejuang Amerika digunakan untuk menyerang Libya dan mahu membunuh Ghadafi.

Katanya walaupun Amerika mempunyai keistimewaan dari segi ketenteraan, namun rakyat Libya tidak pernah takut. Malah mereka akan terus berjuang untuk menegakkan keadilan dan kebenaran.

Ahmed Muhammad al-Bahlul juga menafikan tuduhan terhadap Ghadafi sebagai seorang yang suka menimbulkan ketegangan di dunia. Itu semua adalah alasan Amerika untuk menyerang Libya. Katanya lagi, Muammar Ghadafi sangat-sangat dikehendaki oleh pentadbiran Reagen bukan kerana sikap penjenayah seperti yang didakwa tapi kerana tindakan

beliau yang cuba menyatukan dunia Arab supaya dunia Arab menjadi lebih kuat, tanpa perlu bergantung kepada barat.

“Pihak barat terutama Amerika Syarikat bimbang, jika negara Arab menjadi kuat, lambat laun mereka akan bersatu dan menentang segala ideologi yang dibawa oleh barat dan ini tentu menggugat kekuatan Amerika di Timur Tengah.”

Beliau berkata sebagai manusia yang beragama dan sentiasa taatkan agama, apa saja bentuk serangan yang dibuat oleh Amerika, itu hanya perkara biasa dan rakyat Libya tidak akan tunduk dan menyembah barat kerana yang wajib disembah hanyalah Allah.

Katanya lagi: “Kami akan terus memperjuangkan revolusi dan menyatupadukan Dunia Arab supaya menentang segala kezaliman barat walaupun pihak barat menganggap tindakan kami itu jenayah namun untuk tunduk kepada mereka adalah mustahil sekalipun dipaksa.

Majlis malam itu tamat dengan meninggalkan kesan yang sangat mendalam dalam jiwa dan perasaan saya terutama mengingatkan kepada selama ini kita menerima maklumat yang tidak benar mengenai Libya. Perasaan yang begitu sebenarnya tidak sahaja dirasakan oleh saya. Ada ramai lagi orang-orang yang datang pada malam tersebut yang merasakan keadaan yang sama. Semoga usaha yang baik itu diberkati Allah dan hubungan Malaysia-Libya menjadi lebih jernih dan erat hasil daripada perkenalan yang seharusnya disambung dan dipereratkan lagi dari semasa ke semasa.



"Berani kalu... pukul... tak ada kalu saya pukul. Saya... sapa pun saya tarak takut. Saya ketua pemuda sudah jadi". Lain macam pulak Najib ini bercakap sejak pulang dari Libya. Ini mesti sudah terikut semangat Gadafi. Kalau Datuk Najib boleh kalahkan bekas Godfather UMNO, pasti nanti Najib akan jadi hero.

SALAM BENUA

I

*Mereka memisahkan kita
pasport visa wilayah segala tembok nama
mereka merompak kita dengan undang-undangnya
peluru dikirimkan dalam bungkusan dollarnya
kita dipaksa memilih salah satu
dan kita mesti memilihnya
tiada jalan lain*

II

*telah saudara pilih senapang dan peluru
banyak pemimpin memilih dollarnya
untuk ini saudara membasahi baju
rumput-merah sungai-merah
tangis anak-anak
darah rakyat tertindas*

III

*saudara memerah kaktus melumat batu
menjadikannya minuman makanan
gadis-gadis bekerja debu pasir dandannya
anak-anak kecil menyandang senapang
saudara menghitamkan langit menyelubungi
saluran minyak
setengahnya menyanyi di penjara
untuk pembebasan Palestin*

IV

*Kami bertatih di sawah semakin kering
petani-berani mulai menebang hutan dara
permulaan kecil pada ketenangan segumpal awan
ketenangan yang dibelakangnya memangkas kami
yang sedikit ini sedang belajar
dari tiap pengalaman saudara
dan pengalaman sendiri
kami memampatkan gerhana bulan mei
pada tujuan tempat
nusantara ini*

V

*Salam tanpa visa
passport
golf
warna
kemanusiaan rakyat
seluruh benua.*

Dalam perjalanan di udara, Mei 1970

Usman Awang

Sajak "Salam Benua" ini dipetik dari buku puisi Usman Awang berjudul *Salam Benua — Greetings to the Continent*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.



Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar
Dalam lebih sejuta ahli UMNO, dari mula ditubuhkan hingga terbunuh, hanya Pak Habib Jaafar seorang saja yang dapat gelaran Singa UMNO. Jasa-jasanya kepada UMNO dan bangsa Melayu amat besar. Semoga keikhlasannya dan keberaniannya menjadi ikut-ikutan umat Melayu seluruhnya. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. Amin. Al-Fatehah.

PEMBUNUH GERGASI

'SELURUH MANUSIA MERUGI KECUALI ORANG-ORANG YANG ALIM. SEMUA ORANG ALIM MERUGI KECUALI ORANG-ORANG BERAMAL. SEMUA ORANG YANG BERAMAL MERUGI KALAU TIDAK DIIRINGI DENGAN KEIKHLASAN, DAN ORANG-ORANG YANG IKHLAS SENTIASA DALAM BAHAYA YANG BESAR. WALAUPUN, KEIKHLASAN ITU AKAN MENEMPUH BAHAYA YANG BESAR, TETAPI JANGAN LUPA BAHAWA SETIAP KEIKHLASAN ITU AKAN Diredhai OLEH ALLAH. JADI, WALAUPUN BAHAYA, JIKA ALLAH MEREDHAKAN, KITA AKAN SELAMAT. INSYALLAH.'

Berpandu kepada ajaran guru saya seperti diatas saya dan Suhaimi meninggalkan Kuala Lumpur menaiki kereta Proton Saga menuju ke Melaka. Kami singgah di pejabat Datuk Setia Ghani Ali, bekas Ketua Menteri. Beliau tak ada.

Cadangan kami hendak tidur di Melaka malam itu tak jadi, pertama kerana Ghani Ali tak ada di pejabat, kedua bila saya telefon Syed Omar, Setiausaha Akhbar Menteri Besar Johor, dia kata Menteri Besar besuknya ada masa lapang. Ini satu kesempatan yang baik bagi saya untuk bertanyakan sesuatu mengenai politik semasa dari Muhyiddin Mohd Yassin 'Pembunuh Gergasi' dari Muar yang tak banyak cakap itu.

Dulu masa Ghani Ali jadi Ketua Menteri saya selalu berulang alik dengan teksi, Kuala Lumpur — Melaka — Johor. Johor — Melaka — Kuala Lumpur, ada masanya saya berhenti di Muar tukar teksi.

Teksi stand Pudu Raya, teksi stand Melaka dan teksi stand Johor Bahru jadi tempat singgahan saya. Pengalaman saya dengan driver-driver teksi ini menambahkan pengetahuan saya mengenai politik driver teksi.

Kami berhenti sekejap di Muar dengan tujuan untuk berjumpa beberapa orang kawan. Tempat singgah pertama ialah di kedai buku untuk mengambil kutipan. Ada beberapa buah kedai buku di Muar yang menjadi pelanggan tetap saya.

Saya sungguh terkejut apabila mendapati semua buku saya tidak berani dijual oleh pekedai yang pertama saya singgah, pada hal yang tidak boleh dijual cuma buku 'Challenger' "Siapa Lawan Siapa".

Mengikut cerita pekedai tersebut ada pegawai kerajaan termasuk juga polis yang datang mengganggu perniagaanya selagi dia tidak berhenti menjual buku-buku saya. Dia orang berniaga, bila dua tiga kali kedainya kena ganggu, dia terpaksa mengalah. Buku-buku saya tersembunyi dalam stor untuk sajian para lipas.

Kepada pegawai yang berlaku zalim itu saya berseru supaya tidak berbuat demikian. Perbuatan menyalahgunakan kuasa bukan sahaja tidak baik tetapi adalah satu kezaliman yang terang. Dan perbuatan yang demikian bukan sahaja dilaknat Allah di dunia, diakhirat nanti azab sedang menanti. Dan ini berita benar dari Allah. Perbuatan menzalimi orang yang lemah kerana mendewa-dewakan dan hendak memuja seseorang pemimpin adalah seperti membubuh pasir dalam periuk nasi orang lain yang tidak berdosa. Satu hari nanti, tidak di dunia diakhirat akan menerima balasan. Saya berdoa memohon petunjuk daripada Allaah SWT. Itulah yang dapat saya lakukan sebagai hamba Allah.

Kami mengikut jalan Yong Peng menuju ke Johor Bahru. Apabila melintasi jalan menuju ke tempat kediaman Tan Sri Othman Saat, bekas Menteri Besar Johor saya teringatkan Muhyiddin. Muhyiddin juga anak Muar. Dia mendapat gelaran *Giant Killer*'' sesudah mengalahkan Tan Sri Othman merebut kerusi Ketua Bahagian Paguh, Muar. Selain dari Ajib Ahmad, politik Johor dikuasai oleh orang Muar. Arwah Datuk Haji Hassan Yunus Menteri Besar Johor sebelum Pak Seman juga orang Muar.

Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat keatas roh Allahyarham Che gu Mohd Yassin ayah Muhyiddin kerana telah memilih nama yang baik untuk anaknya. Mudah-mudahan doa Mohd Yassin kepada puteranya Muhyiddin agar menjadi seorang anak yang solleh dimakbulkan Tuhan. Insyallah.

Muhyiddin membawa erti yang menghidupkan agama Allah. Nama ini nama panggilan yang diberikan kepada Sheikh Abdul Kadir Jailani Gauzal Azam Sultannul Ambia raja segala wali yang wafat di Baghdad. Muhyiuddin Sheikh Abdul Kadir mempunyai 49 orang anak dari empat isteri, semuanya menjadi wali Allah.

Muhyiuddin Ibnul Arabi adalah seorang ulamak besar juga seorang wali Allah. Beliau mendapat nama ini dari Sheikh Abdul Kadir Jailani. Sewaktu ayahnya pergi meminta doa dari Gauzal Azam Sheikh Abdul Kadir agar mendoakan dia supaya mendapat seorang anak. Sheikh Abdul Kadir pun pohon doa pada Allah agar bapa Ibnul Arabi ini dapat anak sambil berpesan bila dapat anak nanti namakan Muhyiuddin.

Inilah asal usul dan makna nama Menteri Besar Johor hari ini. Kebanyakan orang Melayu fikir nama Muhyiddin itu nama orang India Muslim kerana ramai mamak-mamak yang menggunakan nama Muhyiddin. Namun bagi mereka yang tahu mengenai wali Allah tahulah mereka akan keberkatan nama ini.

Saya menceritakan kisah para wali Allah ini semua kerana

kemuliaan yang ada pada mereka, rapatnya hubungan mereka dengan Allah SWT dan dengan selalu mengingati mereka mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah. Semoga negeri Johor tempat saya dilahirkan ini, dan negara kita akan sentiasa mendapat bantuan dari Allah agar kembali aman dan umat Islam akan bersatu kejalan Allah, dan hiduplah agama Islam semula seperti dizaman Rasullullah. Amin ya rabbil Alamin.

Allah berkuasa menghidupkan yang mati dan mematikan yang hidup.

Al Quran.

Bukan mudah untuk mendapat gelaran *The Giant Killer*' lebih-lebih lagi di Johor. Penganalisa politik kena faham perangai orang Johor. Mereka kalau sudah taat dengan pemimpin mereka tak ingat apa, contohnya masa Datuk Musa letak jawatan, iaitu 28hb, Februari 1986 hampir semua orang Johor tergamam. Bagi orang Johor hebatnya hampir sama dengan Peristiwa 4hb. Februari 1988 apabila UMNO diisytiharkan tidak sah.

Ketika itu orang UMNO Johor di peringkat cawangan sibuk mengadakan mesyuarat tergempar di sana-sini dan rata-rata berikrar sehidup semati dengan Datuk Musa walaupun kebanyakan daripada mereka tidak tahu menahu hujung pangkal ceritanya.

Kalau ada yang tanya kenapa sokong tak tentu arah, yang bertanya akan kena marah. "Hai... tak faham ke... kita ni kan orang Johor, orang Johor mestilah sokong orang Johor. Siapa lagi? Tak kira pemimpin itu betul atau salah. Orang Johor mesti sokong pemimpin dari Johor. Macam orang Kelantan yang sokong Ku Li. Orang UMNO, orang PAS pakat sokong belaka. Inilah yang dilarang oleh Islam, sifat kenegerian.

Sekarang kita cerita sikit pasal Gergasi tua dari Muar. Begitu punya lama Pak Seman membena karier politiknya. Selama 14 tahun menjadi Menteri Besar Johor suatu jangka masa yang tidak pendek. Dan dia sudah menguasai UMNO

Muar sejak sebelum merdeka lagi. Dengan segala kekayaan dan pengaruhnya yang sampai kepada akar umbi masyarakat, dengan para pengampu, para penjilat Pak Seman yang taat setia dan membuta tuli kerana pandainya Pak Seman menabur tetapi Muhyiuddin boleh mengalahkan Pak Seman dengan mudah dan mendapat kerusi Ketua Bahagian Paguh Muar, dan akhirnya menjadi Menteri Besar Johor. Inilah hikmah Allah S.W.T.

Bagaimana Pak Seman boleh dapat nama 'Gergasi' dalam politik? Tidak lain kerana pengaruhnya dapat menguasai para pemimpin besar dari Tunku, Tun Razak hingga Hussein Onn. Semua tunduk kepada cara Pak Seman mentadbir negeri Johor. Tidak kira pegawai tinggi macam mana bila sampai bertugas saja di negeri Johor pasti tunduk pada kehendak gergasi pendek ini. Pak Seman akan melibatkan hampir semua orang yang menghampirinya untuk sama-sama makan harta rakyat yang dikuasainya. Rakyat tak senang dengan Pak Seman namun tak berdaya nak buat apa-apa kerana korupsi di zaman Pak Seman menjadi Menteri Besar berleluasa.

Kalau tidak kerana D.Y.M.M Sultan Mahmud Iskandar membuka pejabatnya di Bangunan Kerajaan Johor, mungkin sampai hari ini Pak Seman masih Menteri Besar Johor lagi. Jasa Almutawakil Sultan tercatat dalam sejarah kerana berani berjuang dan mengusir gergasi yang sewenang-wenang dari singahsananya.

Pak Seman sekarang bukan lagi Menteri Besar, sudah hilang kerusi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor. Namun Pak Seman adalah seorang yang berani. Beliau adalah pemimpin UMNO Johor yang berani bawa Ku Li pada 23 May 1984 ke rumahnya dan berterus terang menentang Musa dan menyokong Ku Li. Pada hal ketika itu kuasa Datuk Musa tidak boleh dipertikaikan. Lepas itu Pak Seman bergabung dengan Musa dan Ku Li menentang Mahathir. Sekarang, Musa terkeluar.

Pak Seman kekal dengan Ku Li. Akhir nanti Pak Seman jadi Datuk Onn, terbang ke Trengganu. Siapa tahu Pak

Seman akan mengakhiri karier politiknya di Kelantan. Mengikut teory berkat saya bila habis saja wang korupsi yang dimilikinya akan berkuburlah politik kotornya. Beginilah perangai pemimpin UMNO yang terpaksa dihadapi oleh Muhyiddin. Johor tempat lahirnya UMNO. Kematian UMNO juga disebabkan oleh orang Johor juga, bermula dari Datuk Onn dan anaknya Hussein Onn, Pak Seman, Musa Hitam, Shahrir Samad, Ajib Ahmad. Dan mereka mengaku mereka mahu memperjuangkan bangsa, agama dan tanahair. Mereka ingat semua rakyat Johor macam mereka?

Muhyiddin ada mempunyai watak seperti Tun Dr. Ismail. Orangnya lemah lembut, tak banyak cakap, air mukanya garang bengis, seolah-olah ada penggerun. kalau bercakap pun cakap yang serius saja. Sekali pandang dan sekali berjumpa tak mudah hendak mesra dengannya. Kita sukar untuk membaca sama ada dia suka dengan kita atau tidak. Dia bukan jenis yang pandai ambil hati. P.R.nya kurang, dia lebih kurang macam Dr. Mahathir. Jenis manusia yang suka bekerja tetapi tidak suka melayan dan ambil hati orang ramai. Sebab itulah beliau tidak begitu popular, ramai yang mempunyai anggapan yang negatif terhadapnya tetapi bila mereka memahami betapa kroniknya politik Johor mereka akan memahaminya.

Sementara menunggu masa hendak berjumpa Menteri Besar Johor saya pergi ke pejabat Ali Haji Siraj, seorang kawan lama saya. Beliau ialah penerbit majalah *Tras*, satu-satunya penerbitan bulanan yang diterbitkan di Johor Bahru. Sementara itu saya juga berjumpa dengan Omar, juga kawan lama dari Endau. Kali terakhir saya bertemu dengan Omar ialah dalam pilihanraya 1981. Hari itu saya ke Endau untuk memberi sokongan moral pada Ajib Ahmad, ketika itu Setiausaha politik Datuk Musa yang sedang bertanding di kawasan tersebut. Sesudah itu kami tidak berjumpa hingga ke hari ini.

Saya mengajak dia minum disebuah kedai kopi Melayu di bangunan Mara. Sambil kami minum kami berbual cerita zaman kami muda-muda dulu sewaktu dia tinggal di Kampung Wadi Hana. Sedang kami seronok berbual-bual datang seorang pemandu teksi. Orangnya berbadan tegap, tinggi lebih kurang 5' 8", kulitnya kehitaman lebih kurang macam orang keturunan

India. Wajah serius, namun sedikit kelakar, gigi depan sebelah atas banyak yang sudah hilang, dia meluru ke arah meja kami yang kebetulan ada sebuah kerusi yang kosong lalu terus duduk.

Perangai pembawa teksi ini dengan lain-lain pemandu teksi yang pernah saya jumpa dan bergaul rapat hampir sama. Kalau tak sama pun ada persamaannya, macam perangai pemandu bas mini. Antara satu dengan lain ada persamaan, ramai anggota masyarakat yang tidak senang kepada mereka, cara dan pembawa mereka semasa dalam tugas. Masyarakat tak faham dengan kerja dan cara pergaulan mereka terbatas kepada lingkungan mereka saja. Keadaan waktu dan suasana membuatkan mereka berkelakuan begitu, buat sesuatu ikut kepala dia saja. Macamlah driver teksi yang di meja saya ini.

Mereka terpaksa jadi begitu kerana cara mereka mencari nafkah membuat mereka jadi begitu, lagi pun kerja yang dibuat itu disebabkan tidak ada kerja lain sebagai pilihan. Kita kena faham bukan mudah cari makan atas jalanraya, sentiasa berlumba-lumba, berebut-rebut, siapa cepat dia dapat, sentiasa terpaksa mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan orang lain. Perkara macam ini yang masyarakat tidak mengerti kenapa pemandu teksi berperangai begini. Mereka tidak faham bahawa pemandu teksi tidak menjadikan kerja bawa teksi itu sebagai satu *profession* yang membanggakan, pada hal pendapatan pembawa teksi ada kalanya jauh lebih baik dari kerani. Tetapi perangai pembawa teksi jauh berbeza dengan perangai kerani. Maka mereka yang tidak bersalah dan berdosa pun tidak disenangi oleh orang ramai.

Sambil dia duduk matanya liar melihatkan kami bertiga. Saya dengan cepat berfikir. Saya sekarang sedang berhadapan dengan seorang manusia yang amalan hidupnya, setiap penumpang yang naik keretanya adalah rezekinya. Perasaan belas ikhsan tentang nasib penumpang yang jadi mangsanya Allah saja yang tahu. Diatas jalan raya dialah raja. Tengok sajalah bumbung keretanya kuning. Pada hal warna kuning adalah warna kebesaran raja-raja di Malaysia.

Sudah jadi kebiasaannya kerana dia ada permit cari makan atas jalan, dia boleh berhenti dekat mana dia suka, tanpa memikirkan kereta dibelakangnya terpaksa berhenti dengan tiba-tiba, sama ada akan disondol atau dilanggar oleh kereta-kereta yang dibelakang lagi. Dia tak peduli.

Sekiranya dia berada dibelakang kereta orang dia akan membunyikan hon kalau orang itu pada perasaannya membawa kereta tidak cukup laju. Itu adalah cara hidupnya.

Bagaimana perasaan pembaca sekiranya orang macam ini yang datang ke meja saudara? Mahukah saudara berbincang politik negara dengannya? Ini bukan kali pertama saya jumpa dia di tempat ini. Saya pernah jumpa dia di sini dan di bilik Setiausaha Politik Menteri Besar. Apa anggapan saudara terhadap orang bukan politik yang sibuk nak terlibat dengan politik? Driver teksi pulak tu, patutlah Menteri Besar tak banyak cakap politik.

Saudara tentu akan berfikir pemandu teksi ini sepatutnya buat kerja dia pergi bawa teksi, tapi bila perlu duit baru pergi cari rezeki. Kalau tidak dia pun banyak menghabiskan masanya di kedai kopi juga. Sepatutnya dia cari rezeki yang halal pada masa yang sudah ditentukan. Kalau kerajaan tak beri lesen dia salahkan kerajaan. Bila dapat lesen teksi, dapat pinjaman untuk beli teksi tak bayar. Ada duit main judi sama member, enjoy. Macam mana negara kita nak membangun, tetapi kalau suruh cakap politik Sulaiman Palestin pun boleh kalah dengan orang teksi yang macam ini. Tahu-tahu sajalah orang Johor punya angin. Dia selalu rasa dia mesti lebih pandai, lebih tahu, lebih segala-galanya pada orang lain. Cakap tak mahu kalah. Tengok sajalah Musa Hitam, Shahrir Samad punya lagak dan angkuh. Shahrir tu cuma taukeh kedai dobi saja, punya eksen bukan main lagi.

Driver teksi ini bercakap dari satu kedai kopi kesatu kedai kopi yang lain. Bercakap politik. Cakap saja. Macam burung tiong. Kalau dia seorang ahli politik tak kan dia masih hidup cari makan bawa teksi. Paling tidak busuk-busuk pun tentulah dia sudah jadi seorang wakil rakyat, kerana kalau Ahli Parlimen itu jauh sikit. Nak jadi pemimpin politik macam mana? Sikap-

nya kasar. Budi bahasanya pun lebih kurang juga. Ini semua ditambah dengan watak semula jadinya yang agresif membuatkan kita kurang senang terhadapnya. Tentu dia tak tahu kelemahan yang ada pada dirinya. Mudah-mudahan dia rajin bercermin. Entah dia faham ke tidak cermin yang saya maksudkan? Orang tak berani tegur dia kerana egonya yang tinggi dan dia ada hubungan dengan pemimpin dan kuncu-kuncu pemimpin membuat dia begitu angkuh dan merasakan dirinya penting. Kasihan dia. Syaitan dilaknat oleh Tuhan kerana rasa diri penting dan takbur.

Kita tidak boleh nafikan bahawa peranan driver teksi ini penting. Hampir sama pentingnya dengan media masa yang lain. Mereka boleh memainkan peranan menaik dan menjatuhkan pemimpin. Sekiranya mereka semuanya bersatu mereka juga boleh bunuh gergasi tetapi sayangnya mereka tak bersatu. Ada pun yang terlibat dalam politik suka meninggikan diri, bersikap sombong dan politik dijadikan matlamat untuk mendapatkan kuasa. Mereka terlibat dengan golongan yang menggunakan politik kotor.

Kita tahu ada pemimpin yang menggunakan pemandu teksi untuk memburuk-burukkan pucuk pimpinan dan kerajaan. Bayangkanlah sekurang-kurangnya 30 orang yang turun naik satu teksi setiap hari. Kalau mereka menabur fitnah macam lalang kering dicucur apilah.

Ramai ahli politik yang tak tahu Politik Taxi Driver. Perangai taxi driver antara satu negeri dengan yang lain tersendiri. Taxi driver Johor ini saya cukup faham. Saya bersedia berhadapan dengannya. Saya tahu dia kurang senang dengan saya dan sedang menunggu kesempatan untuk mencabar saya dan inilah masanya saya berdepan dengannya serta berserah diri kepada Allah. Allah sebaik-baik penjaga.

“Ha awak dah datang. Awak penulis buku tentu awak boleh beritahu kita macam mana politik hari ini.” Pertanyaannya seolah-olah memaksa saya supaya menjawab, ‘sekilas ikan di air; sudah saya kenal jantan betinanya.’ Orang ini kalau salah cara kita melayan tak pasal-pasal kita bergaduh dengan-

nya. Bagi dia berkasar dan bergaduh perkara biasa. Ini jelas terbayang dari wajah dan wataknya.

Dia hendak cakap politik dengan kita, bukan dengan tujuan yang ikhlas. Niatnya semata-mata hendak cari pasal. Cari salah dan silap kita. Ini jenis orang tak makan saman. Kalau tak hati-hati buat sakit hati sendiri saja. Kata orang sakit boleh, malupun boleh. Kita tahu ilmu politik yang ada padanya tak sampai kemana. Dia hanya mendengar cerita politik yang diperturunkan dari mulut ke mulut. Dia bukan seorang yang mengkaji politik. Lebih-lebih dia baca satu akhbar Melayu sehari. Pasal itulah agaknya sejak jadi Menteri Besar, Muhyiddin tak mahu cakap politik kerana dia tahu buang masa saja lawan politik dengan bukan ahli politik. Di Johor ini macam-macam orang nak cakap politik. Sebab itu agaknya Saidina Ali Bin Abu Talib pernah berkata. Beliau tidak takut menghadapi ribuan orang yang berilmu tetapi takut dengan dua tiga orang yang tidak berilmu.

Kita tahu banyak cerita politik yang didapatinya dari penumpang yang turun naik dari keretanya. Namun kalau umpama kain perca dikumpul dan dijahit bolehlah dibuat lembek. Politik orang ini sekadar hendak digunakan sebagai bahan berbual-bual politik kedai kopi itu bolehlah, tapi untuk bercakap tentang politik banyak lagi yang dia mesti baca. Tak mustahil taxi driver jadi menteri.

Saya tak mahu bertengkar dengannya kerana saya tahu mengikut firasat saya dia ini jenis yang suka bertengkar. Dia bercakap pun dengan suara yang tinggi dan kasar. Orangnya suka ambil kesempatan kalau dia rasa dia lebih kuat. Kalau dia rasa dia boleh menang dia akan bertengkar.

Kemudian saya pun berfikir apakah gunanya ilmu firasat dijadikan amalan kalau pengetahuan boleh membaca perwatakan manusia ini tidak kita gunakan.

“UMNO baru atau lama yang mesti kita ikut.” Dia tanya saya.

“Awak nak yang mana satu?” Saya tanya kepadanya semula.

“Kita kalau boleh Musa dan Mahathir mesti berbaik semula.” Dia pun cerdik dia tak jawab cakap saya.

“Awak nak pendapat saya untuk diikuti atau saja nak tahu?” Saya minta penentuan darinya.

“Saya tanya awak yang mana yang betul, ramai yang bingung sekarang ini?”

Saya tahu dia tidak senang dengan Mahathir, dia mahu Mahathir dan Musa mesti berbaik semula, dia kata Mahathir dan Musa sama. Kalau kedua-dua dicampakkan dalam laut, pasti tenggelam.

Bukan Mahathir Musa saja. Semua pemimpin politik hari ini tak kira di mana saja kalau dicampakkan ke dalam laut pasti tenggelam. Apakah awak tidak akan tenggelam kalau awak yang dibuang ke dalam Selat Tebrau?

Dia tidak menjawab, dari air mukanya nampak dia tersinggung. Saya tidak peduli kerana mengikut rasa saya di saat ini tuah dan nasib saya lebih baik darinya. Dia bertengkar macam mana sekali pun dengan saya dia susah nak menang. Dan dia nampaknya pun tahu, yang dia telah keluar dari rumah dengan langkah kiri. Saya meneruskan lagi.

“Awak kalau nak cakap politik dengan saya kita berbincang cara gentleman. Kalau nak cakap cara politik kedai kopi saya tak setuju.” Saya terpaksa beri dia amaran terlebih dahulu, saya tak mahu dia main kasar lepas bercakap politik, akan hentak meja dan keluar bahasa kesat dan ajak saya berlengan. Kalau tak beri amaran lebih dahulu, malulah saya, kalau terpaksa bertengkar atau mungkin terpaksa bertumbuk dengan seorang pembawa teksi. Saya sudah tengok dengan mata kepala saya sendiri bagaimana dia merendah dan berlaku kasar bahasa terhadap seorang kawan saya di kedai kopi ini juga lebih kurang satu bulan dulu, teruk kawan saya itu dihina

olehnya. Kawan saya itu seorang pegawai kerajaan, orang Johor juga.

Dia mempunyai sentimen politik kenegerian yang tinggi dan suka menghina asal usul kaum mendatang, terutama orang Arab, Mamak dan Jawa. Saya sudah jumpa ramai yang macam ini di Johor ini. Bukan pemandu teksi ini saja, ada pegawai kerajaan pun sama macam itu juga, suka betul menghina dan mengungkit-ungkit keturunan orang. Seolah-olah dia seorang saja Melayu. Pemimpin dari keturunan Arab dan mamak bahan sasarannya. Perbualan yang tak berguna dan sensitif ini tidak saya masukkan kedalam buku ini. Cuma cukuplah dengan satu soalan: Apakah dia Melayu? Dia tak berani kata dia Melayu. Dia diam kerana dia pun bukan Melayu, dia ada darah Bugis tetapi merasakan dirinya Melayu.

“Siapa yang Melayu dalam negeri Johor ini? Saya tanya lagi. Dia tak dapat jawab.

Apa istilah Melayu? Awak tahu tak di Malaysia ini negeri Johor adalah satu-satunya negeri yang mengamalkan pecah belah antara Melayu sama Melayu. Orang keturunan Arab dan India Islam diharamkan duduk di kampung Melayu, sedangkan mereka terdiri dari pengasas UMNO. Sampai hari ini masih ramai pemimpin UMNO asal usul keturunan mereka dari Arab ke India. Sebab itu awak tak suka mereka. Betul tak?”

Kerana dia tak dapat jawab pertanyaan saya tentang istilah Melayu dan sistem kerajaan Johor, saya meneruskan cerita saya tentang bagaimana lekanya orang Melayu berpolitik.

Saya beri contoh tentang kaum nelayan yang leka berbual politik. Keluar dari rumah subuh-subuh lagi entah sembahyang entah tidak, singgah dulu di warung kopi berbual-bual politik sesama kaum nelayan dan orang di warung kopi ditepi pantai. Baru-baru sampai air tinggi, bual punya bual, cakap punya cakap politik kosong hingga air laut surut. Perahu yang hendak ke laut tersadai di pantai. Apa nak buat pun tak boleh, balik ke rumah anak bini yang menunggu kepulangan suami men-

yambut suami dengan perasaan penuh hampa, balik kosong, ikan tak dapat apa pun tak dapat. Yang dapat dosa memburukkan pemimpin dan kerajaan, tidak bersyukur pada Tuhan. Rezeki awak di laut perahu ada, dayung di tangan, jalankanlah tugas pergi menangkap ikan! Awak tak pergi mencari rezeki dan bila balik ke rumah kena marah dengan isteri lepas itu siapa yang jadi sasaran?

Begitu juga dengan penoreh getah, malam hari duduk cakap politik sesama penoreh getah hingga larut malam kadangkala seronok sangat bercakap hingga hampir pagi. Bila letak saja kepala dibantal tertidur hingga tengah hari baru bangun, nak toreh getah sudah terlambat, sembahyang Subuh tertinggal. Orang macam ini dunia terlepas akhirat rugi. Macam mana negara nak jadi betul. Nelayan, penoreh getah, pembawa teksi semua nak berpolitik bukan nak buat kerja masing-masing dengan betul. Kata Islam sangat, kalau Islam mesti ingat dan amalkan ajaran Tuhan yang menyuruh kita mengubah nasib kita.

Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri.

Al Quran

Habis cerita tentang penoreh getah, petani dan nelayan saya cerita pula tentang guru sekolah dan para pegawai kerajaan yang hidupnya jauh lebih baik dari nelayan dan penoreh getah. Tiap-tiap bulan ada gaji. Kalau dikira betul-betul entah berapa jam saja dalam satu hari yang mereka betul-betul berkerja. Makan duit yang lebih itu tak berdosa kah? Bukankah darah rakyat yang mengalir yang mereka beri makan anak isteri mereka?

Cari salah pemimpin dan kerajaan memang mudah. Sesekali carilah salah sendiri. Itu tidak termasuk kakitangan kerajaan yang hidupnya korupsi dari peringkat budak pejabat sampai ke peringkat Pengarah. Ini bukan satu rahsia lagi. Orang kampung pun tahu.

Para guru pula, mereka leka dengan politik, tengoklah apa jadi pada para pelajar diseluruh negara dimana guru-guru ber-

main politik lupa tugas yang mulia sebagai seorang pendidik, menjadikan diri sendiri hina terpengaruh oleh politik kotor.

Inilah bala dan bencana yang menyebabkan UMNO lama susah nak hidup semula. Sikap tidak bertanggungjawab pada kerja yang diamanahkan tidak dikerjakan dengan sempurna. Berkumpul bersatu nak jahanamkan kerajaan sendiri.

“Kenapa Habib tak masuk UMNO, patut orang yang pandai tulis buku macam Habib mesti jadi ahli UMNO.”

Saya cakap awak jangan marah, pertama saya tak masuk UMNO kerana saya ini seorang penulis. Penulis kerjanya menulis. Seorang penulis mesti jadikan dirinya seorang penulis yang baik. Negara kita masih lagi belum bangga dengan saya. Saya mesti tinggikan taraf saya hingga saya boleh mewakili negara saya ketaraf antarabangsa. Itu satu kerja yang susah, satu kerja yang susah belum saya jadikan senang. Kenapa saya dalam waktu yang sama mahu buat satu lagi kerja yang lebih susah, nanti akhirnya saya akan hidup di dalam kesusahan. Betul tak? Lagi pun saya fikir saya belum layak nak jadi pemimpin politik, cukuplah dengan kerja memimpin fikiran orang ramai.

“Apa maksud Habib tiba-tiba cakap macam itu”, dia bertanya seperti orang yang tersinggung. Maklum sajalah raja atas jalan bila tersinggung.

“Saya sudah tengok penulis dan orang-orang surat khabar yang masuk politik untuk jadi Wakil Rakyat, jadi Ahli Parlimen, ada yang nasib baik jadi Timbalan Menteri dan Menteri, yang jadi Menteri Besar pun ada. Tetapi apa yang terjadi sesudah mereka tidak lagi jadi Yang Berhormat. Kalau pencen sudah tua o.k lah. Kalau muda-muda lagi sudah kena pencen kena K.O macam mana? Yang dikejar tak dapat yang dikendong keciciran. Dan bagaimana pula mereka yang akhirnya apa pun tak dapat? Baru tak dapat masuk ahli UMNO baru sudah buat bising satu dunia. Cukuplah penulis politik yang sudah buat karut. Kalau masuk saya sorang lagi boleh rosak negara. Oleh kerana mereka masih lagi mendengarnya, saya meneruskannya lagi.

“Bukan tak ada wartawan yang desperado bila tak dapat jadi Wakil Rakyat atau Setiausaha Akhbar Menteri. Bila tak dapat mulalah buat karut marut macam harimau sakit gigi. Hendak menulis sudah jadi wartawan tanpa akhbar, akhirnya pemimpin juga yang pening kepala. Kalau awak tak percaya tanya Menteri Besar, punya banyak problem politik di Johor ini masing-masing tak mahu buat kerja, yang ada nak buat kerja, nak buat kerja orang lain. Ukurlah baju di badan sendiri. Mana tak teruk kalau pelayan pejabat pun nak buat kerja pegawai.?”

Saya sambung lagi. Kalau saya masuk UMNO, sekurang-kurangnya saya mahu jadi Pegawai Penerangan. Hussien Ahmad nak buat apa kalau saya dah rebut kerusi dia? Takkan dia nak dinaikkan pangkat jadi Menteri Penerangan? Tok Mat nak dipindahkan ke mana pula? Saya menulis pun belum pandai sangat, lagi pun awak tahu bukan mudah nak jadi ahli politik di Malaysia hari ini. Sekarang bukan tahun 1946 dulu ada lidah dengan gigi saja boleh jadi ahli politik.” Saya mengakhiri khutbah saya.

“Betul Beb betul, dulu orang miskin masuk politik boleh jadi kaya.” Dia sibuk nak bercakap, saya tenung muka dia, dia senyap semula. Bila dia senyap, saya sambung lagi.

“Sekarang kalau tak cukup kaya, jangan cuba nak jadi ahli politik. Ini perkara ramai orang tak tahu. Awak kena sedar ini zaman politik yang sofiticated, bukan boleh main-main lagi. Teksi driver, nelayan, penoreh getah, cikgu sekolah nak jadi menteri macam dulu lagi sorrylah, boleh mimpi naik bot.”

“Awak ini menyindir Beb. Dia melenting dengan tiba-tiba.”

“Awak nak dengar pendapat saya tak?”

“Nak...nak Beb, teruskan.”

“Guru sekolah yang tersangkut sampai ke atas cuma tinggal Cikgu Ghafar seorang saja. Itu pun nasib. Sekarang ini, cuba tanya Che Ghafar hendak ke depan susah, hendak ber-

undur ke belakang tak munasabah, tersepit ditengah-tengah. Dari segi kesihatan Ghafar Baba jauh lebih sehat dari dulu, sesudah menjalani pembedahan. Apakah kesihatan tubuh badan saja cukup untuk melayakkan seorang pemimpin UMNO untuk jadi seorang Perdana Menteri? Kita manusia ini ada macam-macam penyakit. Betul tak?"

Taksi driver itu tak bercakap. Kawan-kawan yang lain pun diam. Saya bertanya dia sama ada saya boleh teruskan atau tidak. Dia dan kawan-kawan lain setuju. Saya pun teruskan.

"Saya kalau nak masuk UMNO dulu lagi saya sudah jadi ahli UMNO. Kebanyakan pemimpin UMNO kawan-kawan saya belaka. Saya sayangkan umat Melayu maka saya tak masuk UMNO. Kalau saya sudah masuk UMNO, saya juga adalah seorang manusia biasa. Mustahil orang yang terjun kedalam air badannya tak basah. Saya juga mungkin akan berebut kerusi macam mereka atau saya akan berpeluk tubuh merajuk membawa diri kerana kecewa dengan telatah mereka yang jadi political opturnist. Saya boleh berbakti dari luar dan terus menjaga kepentingan orang Melayu dalam UMNO tanpa jadi ahli. Perlu apa saya berada didalam? Bukan nawaitu saya nak jadi pemimpin politik. Nawaitu saya nak menjaga dan mengingatkan mereka supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada.

Itulah tugas dan tanggungjawab saya. Saya selalu mengingatkan orang ramai melalui buku-buku saya supaya kenal diri mereka, janganlah saya pulak cakap tak serupa bikin. Saya penulis, menulis sajalah. Penulis nak jadi ahli UMNO, nak jawatan dan bila tak dapat, masuk PAS bila gagal dalam pilihan raya marahkan kerajaan. Awak nak jadi orang PAS jadilah, sokong orang Team B, kerana sentimen. Belasah dan perang dengan UMNO kerana dendam. **Saidina Omar dalam perang semasa hendak memancung musuhnya, musuh itu meludahnya, dia tak jadi bunuh musuh itu kerana takut membunuh musuh itu disebabkan marah kepada musuh yang meludahnya.** Saya tahu ada penulis yang marahkan UMNO kerana dendam, bukan perjuang PAS, tapi untuk nafsu dan perutisma. Kita ini semua cuma ada satu mulut. Perut kita

pun tak sebesar segala najis yang ada dalam perut bukan boleh bawa menjadi bekal akhirat masuk ke kubur. Kalau terbawa sekali pun buat apa? Bagi kenyang ulat dan cacing dalam tanah saja. Betul tak? Penulis yang agamanya Islam mesti berfikir cara Islam. Politik Islam tidak perlu berparti.”

Pemandu teksi itu terdiam. Saya tahu ada yang duduk semeja dengan saya itu yang ada asas agama. Walaupun pemandu teksi itu ada masanya terbawa-bawa dengan watak pembawa teksinya tetapi dengan adanya orang yang ada asas agama lain sikit kesannya. Orang yang demikian apabila kita bercakap tentang ketuhanan maka akan timbullah rasa insafnya.

Itulah untungnya rakyat Johor ini, mereka biar macam mana sekali pun terbawa-bawa oleh ideologi politiknya tetapi bila timbul pasal agama mereka akan berfikir. Namun begitu ramai juga yang apabila sudah jadi orang besar, mereka berubah. Agama entah ke mana, bangsa entah ke mana dan negara tidak perduli. Nawaitunya yang asal berjuang untuk rakyat, untuk kesejahteraan manusia dan negara dengan cepat bertukar menjadi nawaitu fulus dan kuasa. Lupa kitab, lupa Nabi. Lupa Tuhan, lupa saudara sesama Islam. Akhirnya hidup di dalam kehinaan dihari tua tetapi fulus tidak lupa juga. Dan bila mati meninggalkan nama yang tidak baik dan hina. Anak-anak cucu makan rezeki yang menjadi pusaka tak betul. Mudah-mudahan dengan datangnya Mahyuddin Mohamad Yassin ke Johor ini, ia dapat menghidupkan semangat keislaman yang sudah hampir mati di Johor, juga dilain-lain tempat di Malaysia. Semangat keislaman yang hampir mati perlu dihidupkan semula.

Begitulah cerita saya dengan teksi driver nampaknya. Cerita saya dengan dia lebih banyak dari cerita saya dengan Menteri Besar. Itulah keadaan di Johor, teksi driver, nelayan, penoreh di rancangan Felda, kakitangan kerajaan dan rakyat jelata lebih banyak bercakap politik dari pemimpin kerajaannya sendiri sebab itu kita tak dengar atau jarang terdengar Muhyiddin membuat komen-komen politik. Biar bagaimana pun marilah kita ke pejabat Menteri Besar.

Sebelum masuk ke bilik Y.A.B Muhyiddin Mohd Yassin, Menteri Besar Johor terlebih dahulu saya singgah ke bilik Setiausaha Akhbar, Syed Omar. Habib Omar ini se-kampung dengan saya, dia budak Wadi Hana. Sebelum dipilih menjadi Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Syed Omar bertugas dengan Kumpulan The New Straits Times.

Sebelum Syed Omar membawa saya ke bilik Encik Latif, Setiausaha Sulit Menteri Besar Dia sempat pula bercerita kepada saya betapa penting sifat ikhlas pada seseorang pemimpin. Apabila adanya sifat ikhlas itu bukan saja negara akan selamat tetapi rakyat akan menjadi aman dan makmur dibawah panji-panji keadilan. Kata Syed Omar sifat-sifat ikhlas itu ada dalam diri bossnya.

Apabila sampai giliran saya, saya pun dijemput masuk ke bilik YAB Muhyidin Mohd Yassin. Pertama yang terkesan kepada saya ialah hiasan bilik. Hiasan bilik Y.A.B Muhyiddin ini agak ganjil sedikit dari Menteri Besar yang sudah-sudah, yang pernah menjadi Menteri Besar Johor. Muhyiddin menyusun biliknya yang menimbulkan suasana seperti keadaan di rumah, jadi apabila kita berada di dalam biliknya kita merasakan seolah-olah berada di rumahnya dan bukan di pejabat Menteri Besar.

Mejanya juga agak pelik, selalunya meja Menteri Besar tak ada laci disebelah tetamu duduk menghadapnya. Saya tak tahu apa muslihat Muhyiddin berbuat demikian.

“Assalamualaikum Datuk” Saya memberi salam. “Walaikumus salam.” Dia sudah bangun dari kerusinya menjawab salam saya. Saya berjabat salam dengannya. Dia lalu mempersilakan saya duduk. Saya pun duduk.

“Bila sampai Beb?” Tanyanya.

“Semalam Din. You macam mana?” Saya terus bertanya.

“Alhamdulillah, Ok.” Singkat jawabnya.

“Politik Johor macam mana?”

“Biasalah, dengan izin Allah, semuanya berjalan dengan baik Beb”.

Itulah politik Johor. Pemandu teksi, nelayan, penoreh getahnya lebih banyak bercakap politik daripada pemimpin politik yang memang tahu politik. Pemimpin politiknya lebih banyak bekerja untuk menjaga negeri daripada bercakap tentang politik. Muhyidin tidak banyak cakap tapi banyak membuat kerja. Pembangunan Johor yang terbengkalai selama ini kerana Ketua Pentadbirnya asyik bermain politik harus dengan segera diperbaiki dan diperbetulkan. Dan itulah yang dilakukan oleh Muhyidin, yang diberi kepercayaan menjadi Ketua Pentadbir kerajaan negeri Johor.

Muhyiddin tak banyak main politik, mungkin kerana dia sudah belajar sejarah politik UMNO sebab itu dia tidak banyak cakap pasal politik. Jarang kita jumpa dia buat kenyataan akhbar mengenai politik, hingga orang bertanya-tanya, Menteri Besar Johor ini orang team A atau Team B? Muhyiddin baik dengan kedua-duanya. Muhyiddin taat pada bossnya Dr. Mahathir dan mendapat kepercayaan dari Perdana Menteri untuk mentadbir Johor mengikut kebijaksanaannya sendiri. Sama macam Datuk Isa, Menteri Besar Negeri Sembilan. Dia sudah masak dengan orang-orang politik di negerinya. Yang Amat Berhormat Muhyiddin bukan budak suruhan Perdana Menteri. Dia masih baik dengan Musa, Shahrir, Ajib dan Pak Seman. Baik-baik orang politik.

Hubungan dengan Istana pun baik. Tuanku tak ada masalah dengannya, dia tak ada masalah dengan Tuanku dan istana. Masing-masing tahu tugas masing-masing. Masing-masing melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Masalahnya ialah macammana nak menyatu padukan rakyat Johor yang sudah rosak tingkahlaku politiknya disebabkan sekian lama diajar dengan segala macam penipuan dan penyelewengan tanpa menggunakan korupsi seperti yang pernah dilakukan oleh Ketua-ketua Pentadbir sebelum ini.

Walaupun umurnya agak muda tetapi Muhyidin bukan orang baru dalam politik. Pengalaman pahit maung dalam

politik banyak mengisi dadanya. Buktinya amat jelas, dia dapat menenangkan situasi politik Johor sewaktu diberikan kepercayaan kepadanya sedangkan waktu itu politik Johor dalam keadaan yang sanagat bercelaru. Macam mana tak bercelaru, Musa sepasal, Pak Seman sepasal, Shahril pula satu pasal yang lain lagi. Ini belum lagi kira pasal-pasal yang lain-lain lagi.

Kewibawaan ini ditambah lagi dengan sikap Muhyidin itu sendiri yang sabar, tenang dan sentiasa berwaspada dalam segala tindak tanduknya. Keadaan yang ada pada dirinya itu menyebabkan dia seorang yang mempunyai visi yang jelas dan terang dan oleh itu dia tidak mudah diperalatkan atau diperkuda-kudakan oleh sesiapa pun.

Sebelum kita bercerita panjang mengenai politik **Pembunuh Gergasi** ini elok kita singkap sedikit tawarikh tiga Menteri Besar Johor sebelum Muhyiddin Mohd Yassin.

Muhyiddin bukan Menteri Besar Johor yang pertama yang tidak mempunyai kelulusan agama. Ajib juga bukan dari golongan yang keluar dari sekolah Agama. Hanya Menteri Besar Johor yang pertama yang dipilih oleh rakyat, seorang yang mempunyai kelulusan dari Al Azhar iaitu Haji Hassan Yunus. Orang yang ada ijazah dari Al Azhar dipandang tinggi dan dihormati ramai kerana ketika itu tidak ramai anak Melayu yang mempunyai ijazah dari Al Azhar.

Haji Hassan Yunus adalah Menteri Besar yang telah mencipta sejarah dalam politik UMNO. Beliau adalah pemimpin UMNO yang pertama yang terpaksa meletakkan jawatan Menteri Besar kerana rasuah. Bukan itu saja tetapi telah menimbulkan kemarahan orang Melayu Johor kerana merobohkan rumah orang Melayu yang didirikan di kawasan kampung Melayu dengan alasan rumah-rumah itu adalah rumah haram.

Haji Hassan Yunuslah pemimpin Melayu yang memulakan era rumah haram. Antara isu kejatuhan beliau ialah kerana mengharamkan tempat kediaman orang Melayu di buminya sendiri.

Di saat inilah muncul Pak Seman sebagai hero. Pak Seman menghalalkan semula rumah-rumah yang diharamkan oleh Haji Hassan Yunus dan memberikan mereka tanah untuk kediaman.

Biar bagaimanapun Pak Seman dijatuhkan atas isu tanah juga. Isu yang dibawa oleh Razak Ahmad, orang kuat PSRM dan masih terus bertenaga hingga ke hari ini. Pak Seman berjaya menangkap dan menahan Razak dengan menggunakan ISA tetapi Pak Seman gagal menutup pekong didadanya yang telah didedahkan oleh Razak yang menjadi hero rakyat.

Pak Seman juga adalah seorang yang mempunyai kelulusan agama. Beliau adalah bekas murid al-Attas. (Sekolah Tinggi Arab Alattas) Kuliahtul. Ramai diantara kawan-kawannya yang jadi Mufti, Kadi, Imam, Kiai dan Lebai tetapi Pak Seman memilih untuk jadi Menteri. Kuliahtul Attas dulu sama taraf dengan Kolej Islam. Saudara Ikhwan Nasir dan Sharifah Dora adalah murid tua dari Maktab Alattas ini.

Antara sebab-sebab PAS susah hendak bertapak di Johor ialah kerana kesilapan besar yang telah dilakukan oleh Haji Hassan Yunus yang terpaksa meletakkan jawatan kerana korupsi. Pak Seman pula terbukti sebagai pemimpin UMNO yang menjadi kaya raya selepas menjadi Menteri Besar. Di Indonesia pun macam itu juga, Dua menteri agama di zaman Sukarno dibuang kerana buat kerja-kerja karut. Seorang pujangga Islam yang terkenal Muhammad Abduh, pernah berkata: **'QURAN ITU HANCUR SEBAB DIKOYAK-KOYAK TANGAN ORANG ISLAM SENDIRI DAN ISLAM ITU MUNDUR JUGA DISEBABKAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM'**.

Begitulah yang pernah berlaku dalam kabinet Soekarno dahulu di mana dua orang menteri agamanya dipecat, kerana yang seorang bermain asmara dengan gadis Cina disalah sebuah night club di Singapura dan yang seorang lagi rasuah kain putih, yaitu kain kapan yang sepatutnya diberikan kepada orang-orang miskin manakala meninggal dunia, sebab di zaman itu kain putih sangat mahal dan susah pula dicari.

Hal ini merupakan suatu pukulan berat terhadap orang-orang Islam dan memberikan peluang terhadap Parti Komunis Indonesia (PKI) yang dipimpin oleh D.N. Aidit. Aidit kesana kemari mencemuhkan Islam dan sekali gus membuat propaganda menarik sebanyak mungkin orang-orang Islam menyertai Parti Komunis Indonesia.

Tiba-tiba saya teringat pula akan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, selepas bersara daripada Perdana Menteri, tak tentu punya pasal dilantik memegang jabatan sekretariat Islam seluruh dunia. Tentu sahaja Israil geli hati diatas pelantikan itu, kerana bukan sahaja Israil bahkan orang-orang di seluruh dunia mengetahui bahawa Tunku punya hobi di antaranya meminum minuman keras dan berjudi. Inikah yang dikatakan pemimpin Islam?

Berbalik kepada cerita D.N. Aidit yang pada waktu itu terus menerus memburuk-burukkan Islam kesana-kemari dan pada suatu hari bertemulah beliau dengan salah seorang guru yang mempunyai murid berjuta-juta banyaknya bahkan ramai juga anak-anak muridnya terdapat di Malaysia.

Pak guru yang saya maksudkan itu ialah Prof. Dr. H. Kadirun Yahya. Allayarham Sokarno sendiri pernah satu waktu menyatakan kagumnya terhadap profesor ini. Sukarno menyifatkan guru ini laksana gajah dan beliau Sokarno menganggap dirinya seperti semut dari segi ilmu ke Tuhanan.

Satu masa D.N. Aidit bersemuka dengan Prof. Dr. H. Kadirun Yahya. Dipendekkan cerita, D.N. Aidit membuka hujjah: Apalah maknanya Islam itu. Lihat perbuatan dua orang Menteri Agama yang bergelar kiyai ini. Di manakah letaknya keagungan Islam itu?

Prof. Yang bijaksana itu mendengar hujah-hujah D.N. Aidit itu dengan tenang. Selepas Aidit berhujjah memburuk-burukkan Islam, kemudian guru tersebut membawa sebuah cerita lucu bagi menyakinkan Aidit perihal kehebatan dan keagungan Islam itu.

Katanya: Begini Aidit. Dahulu kala pernah terjadi dialog di antara seekor Kancil dan seekor babi hutan yang mempunyai taring yang panjang. Sang Kancil bercerita bahawa manusia itu sungguh hebat dan babi hutan merendah-rendahkan serta mencemuh manusia. Tunjukkan kepadaku yang mana satu manusia itu wahai Sang Kancil? Jangan bergurau babi, awas sikit kepada kehebatan manusia. Sedang asyik Sang Kancil dan sibabi berdialog tiba-tiba lalu seorang manusia tua yang hampir bongkok menuju ke ladangnya.

“Itukah yang dikatakan manusia Kancil?”

“Bukan yang ini babi. Dia itu sudah lewat sebagai manusia.”

Tak berapa lama kemudian lalu seorang budak yang hendak pergi ke sekolah.

“Jika demikian yang inilah manusia yang kau katakan itu kancil?”

“Ini juga bukan. Yang ini belum lagi menjadi manusia.”

Dari jauh sang kancil melihat seorang pemburu membawa senapang. Sang Kancil lalu berkata.

“Yang itulah manusia yang sebenarnya. Sebelum engkau berlawan dengan manusia itu ada baiknya aku menjauhkan diri terlebih dahulu kerana manusia itu luar biasa hebatnya.”

Begitu babi melihat pemburu itu dengan serta merta dikejar serta diterkamnya, sehingga pemburu itu tak sempat menggunakan senapangnya, akan tetapi dicabutnya parang dan dicencangkannya kearah si babi sehingga telinga babi itu putus sebelah. Kemudian sibabi menerkam lagi akan tetapi sipemburu sudah sedia dengan senapangnya serta menembaknya dan mengenai kaki sibabi. Si babi mundur dan lari terpincang-pincang mendapatkan sang kancil.

“Memang benar apa yang kau sebutkan itu kancil.

Sebenarnya manusia itu hebat. Pertama-tama ku dorong ia, lalu dicabutnya tulang kakinya membuat putus sebelah telingaku dan kemudian ku dorong sekali lagi dia cabut tulang belakangnya lalu membuat patah kakiku sebelah. Hebat manusia itu kancil. Hebat.....”

Bapak Guru menepuk dadanya sambil mengatakan kepada Aidit bahawa Islam itu memang hebat daripada segala agama yang ada di dalam dunia ini. Akulah Islam itu Aidit sambung bapak guru. Bapak guru mengatakan kepada Aidit, hanya terdapat di antara orang-orang Islam itu sendiri yang merosakkan serta menodai kesucian agama Islam itu. Dan seterusnya bapak guru membentangkan secara ilmiah kehebatan dan keagungan agama Islam itu. Antara terjadinya korupsi ialah kerana tidak adanya sifat yang ikhlas. Seluruh manusia merugi melainkan mereka yang berilmu. Ada ijazah berjela-jela pun rugi juga. Kelulusan saja tanpa amalan. Buat kebaikan tanpa keikhlasan juga rugi. Bukti jelas di hadapan mata kita tentang manusia yang berilmu dan sentiasa berada di dalam kerugian.

Kita juga lihat kehidupan pemimpin PAS yang memperjuangkan Islam, cara hidup mereka tidak banyak beza dengan ahli UMNO. Berapa ramai dari mereka yang ikhlas dalam perjuangan sedangkan mereka tahu setiap orang Islam itu mesti ikhlas.

“Hendaklah kamu ikhlas kepada Allah
Ikhlas kepada Rasul
Ikhlas kepada Pemimpin
Ikhlas kepada setiap orang.”

Sabda Rasul.

Sebab itu bila Ajib Ahmad ambil alih dari Pak Seman, orang Johor sudah dapat menerima hakikat bahawa kalau orang yang tinggi ilmu dalam agama sanggup menipu rakyat inikan pula orang yang jahil dalam agama. Asal UMNO sudah. Inilah nampaknya sikap dan tabiat orang Johor dulu. Generasi hari ini bagaimana pula?

Sejak Hassan Yunus hingga Ajib Ahmad jadi Menteri Besar Johor tidak banyak perubahan berlaku dari segi moralnya. Semua orang tahu penduduk Islam makin bertambah di bandar Johor Bahru, tetapi hingga hari ini belum ada satu buah masjid baru yang didirikan di tengah-tengah bandar Johor Bahru.

Dalam masa Othman Saat jadi Menteri Besar dia cuma merobohkan surau yang ada di pasar makan kononnya hendak buat bangunan hingga hari ini cuma jadi tempat letak kereta. Apakah orang Islam di pusat bandar Johor Bharu setiap kali tiba waktu sembahyang terpaksa pergi ke Masjid Abu Bakar? Masjid itu zaman almarhum Sultan Abu Bakar. Zaman kerajaan UMNO ini di pintu masuk ke Malaysia adakah rumah-rumah Allah yang baru?

UDA yang kononnya nak buat bangunan itu senyap sepi hingga hari ini. Selain dari itu Pak Seman cuba merobohkan masjid Habib Hassan Alattas yang letaknya berhampiran dengan Hotel Tropical Inn dan Bangunan Azizah. Dulu ada Okid Hotel di bangunan itu kerana tidak senang dengan azan dan acara maulud yang selalu diadakan di rumah Allah itu mereka cari jalan supaya masjid itu dirobohkan. Alhamdulillah mereka gagal. Sebab-sebab yang diberi untuk merobohkan masjid itu langsung tidak boleh diterima oleh akal yang sihat. Lee Kuan Yew di Singapura seorang pemimpin kafir tidak merobohkan masjid, tapi seorang Islam yang mendapat ilmu dan pelajaran percuma dari sekolah Arab Habib Hassan Alattas sanggup mahu merobohkan rumah Allah yang diwakafkan oleh Habib Hassan dari hartanya tanpa satu sen bantuan dari kerajaan Negeri Johor. Mari kita sama-sama saksikan apa akan jadi manusia Islam yang telah dan cuba merobohkan rumah-rumah Allah. Dan kita berharap Muhyiddin Mohd Yassin akan membina sebuah masjid walaupun kecil di bandar Johor Bahru ini dalam masa dia jadi Menteri Besar. Kalau tidak, tak ada bezanya menteri UMNO baru ini dengan UMNO lama. Macam ular tukar kulitnya saja. Kita tak harapkan seperti masjid yang berada di Shah Alam. Sekadar rumah ibadat untuk mukmin dan mukminat sujud kepada Allah pencipta semesta alam tanda kesyukuran atas

nikmat dan segala pemberiannya kepada kita semua, cukup. Syukur Alhamdulillah.


Kata YAB Mahyuddin Mohamad Yassin, Menteri Besar Johor:

“NASIB SESEBUAH NEGARA ITU DITENTUKAN OLEH RAKYATNYA SENDIRI. WALAUPUN NEGARA ITU MEMPUNYAI PEMIMPIN DAN PEMERINTAH, TETAPI MEREKA ITU, YAKNI PEMIMPIN DAN PEMERINTAH ITU MERUPAKAN WAKIL KEPADA RAKYAT YANG BOLEH BERTUKAR GANTI — DATANG DAN PERGI. TETAPI NEGARA ATAU NEGERI TEMPAT KITA BERPIJAK, TETAP SETIA MENYERAHKAN NASIBNYA KEPADA RAKYAT. KALAU IBU-BAPA MENCORAKKAN HITAM ATAU PUTIHNYA SI ANAK, MAKA HITAM ATAU PUTIHNYA NEGARA BERADA DI TANGAN RAKYAT. BUKAN INDIVIDU TERTENTU. BUKAN GOLONGAN YANG TERTENTU, BUKAN HANYA DIBEBANKAN KEPADA PEMIMPIN TETAPI ANDA SEMUA, SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN-NYA.”



Harimau mati meninggalkan belang. Gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama dan jasa. Nama dan jasanya sentiasa diingat dan dikenang. Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Pejuang Politik dan Pejuang Bahasa Melayu yang tak ada bandingannya. Seorang yang ikhlas, berani, jujur dan sentiasa berdedikasi terhadap tugas dan tanggungjawabnya. Semoga Allah memberi rahmat di atas rohnya dan menempatkan Pak Habib Nasir bersama-sama orang yang soleh.

Mari kita bacakan Al-fatehah untuknya. Al-fatehah.



Makam-makam Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tun Sardun Jubir, tiga orang pahlawan UMNO di perkarangan Masjid Negara.

TALQIN

“Bersiaplah untuk duniamu sekadar singkatnya masa kamu berada di atasnya. Dan bersiap-sedialah untuk akhiratmu sekadar kekalnya masa hidupmu di sana.”

Kata-kata hikmat di atas itu saya petik dari majalah Al Munir terbitan Al Arqam keluaran bulan Ramadan 1408.

UMNO telah dijatuhkan hukuman “mati” oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988. Seperti yang telah saya terangkan dalam bab-bab yang lepas, yang mati ialah UMNO yang telah dirosakkan oleh ahli-ahlinya yang gilakan kuasa dan kerusi, tetapi UMNO yang dibina dan dipupuk dengan roh dan semangat keislaman oleh pahlawan-pahlawan Melayu dan Islam itu tetap hidup terus untuk memelihara kepentingan umat Melayu dan Islam di negara ini.

Turut “mati” bersama kematian UMNO yang rosak itu ialah masa depan politik orang-orang UMNO yang cuba hendak membunuh UMNO itu sendiri, sebahagian daripadanya ialah yang menaiki kapal Challenger pada 24 April 1987 dan sebahagian lagi ialah yang berada di belakang tabir dan di depan tabir Geng 11 yang memetik trigger menembak UMNO di mahkamah.

Sebelum kita kebumikan UMNO yang dikatakan sudah mati itu, marilah kita bacakan kepada rakyat Malaysia jasa-jasa yang telah UMNO buat kepada negara ini. Kita ambil yang rengkas-rengkas saja. Kalau nak ceritakan semuanya nanti satu buku inipun tidak cukup.

Kerana jasa-jasa UMNOlah kaum pendatang sudah menerima hak yang sama dengan pribumi Melayu sebagai warganegara di negara ini. Berjuta-juta rakyat yang berketurunan dari negeri Cina dan India sudah menjadi warganegara Malaysia. Kalau dulu ibu atau bapa mereka cuma seorang peniaga atau buruh kasar, sekarang mereka sudah jadi pembesar-pembesar, duduk dalam jemaah menteri, pegawai tinggi dalam tentera laut, darat dan udara, hakim, doktor, jurutera, peguam. Jangan ceritalah yang sudah hidup senang lenang kaya raya jadi jutawan. Tidak bolehkah mereka bertafakur sebentar atas kematian UMNO?

Sembilan raja yang masih kekal jadi raja hidup dalam kemewahan dan kaya raya adalah atas usaha yang diperjuangkan oleh UMNO. Kalau tidak kerana UMNO yang berjuang mempertahankan kedaulatan mereka yang cuba dihapuskan oleh British melalui Malayan Union pada tahun 1946 dulu, jangan haraplah mereka boleh menikmati lagi segala kemewahan sebagai sultan pada hari ini.

Jasa-jasa UMNO kepada orang Melayu pula, orang Melayu sekarang sudah jadi Gabenor atau T.Y.T. Jawatan itu dulu dipegang oleh British kerana tarafnya sama macam raja. UMNO sudah letak rakyat ke taraf yang hampir sama dengan raja. O.C.P.D, Kapten, Pegawai Daerah, pegawai di bank, semua dipegang oleh British. Sekarang orang Melayu menjawatnya.

Ladang getah yang besar-besar dulunya hak milik British sekarang sudah jadi kepunyaan Bumiputra. Apa lagi yang orang Melayu tak dapat dari UMNO? Melalui ASN orang Melayu dapat beli saham. Dulu orang Melayu mendiami pondok-pondok robek, duduk dalam rumah atap yang bocor bila hujan, sekarang tengok rumah menteri-menteri UMNO, macam istana.

Dulu orang Melayu nak pergi mana-mana naik bas yang berdebu sajalah. Sekarang dengan jasa UMNO orang Melayu sudah ada BMW, Jaguar, Mercedes, Rolls Roys. Melayu yang ada helikopter pun ada. Ada rumah di London, San Francisco, Paris, jasa siapa ini semua kalau bukan UMNO? Hari ini budak pejabat, tukang kebun pun ada kereta. Kalau tak ada pun ada motosikal.

Kini segala-galanya mewah dalam negeri ini. Jalanraya, lebuhraya, sekolah, universiti, bangunan mencakar langit, segala macam industri ringan dan berat, dari tak pandai buat jarum sudah jadi pengeluar kereta. Dulu jambatan sempit, hari ini jambatan terpanjang, masjid terbesar dan tercantik, bangunan tinggi yang terkemuka di Asia, jasa siapa? Bukankah UMNO?

Tetapi hari ini ahli-ahli UMNO hanya berapa kerat sahaja yang tahu dan mengingati kisah suatu mesyuarat kecil antara tokoh-tokoh politik Melayu negeri Johor di rumah seorang magistret di Batu Pahat yang bernama Mohd Nor bin Omar pada awal bulan November 1945? Tokoh-tokoh yang hadir dalam mesyuarat itu, selain dari Mohd Nor ialah Datuk Onn Jaafar, Hj Anwar Hj Abdul Malik, Syed Abdul Rahman bin Ahmad bin Abu Bakar, Syed Alwi Al-Hadi dan Syed Ahmad bin Alwi bin Shahab. Mesyuarat malam itu disambung lagi malam esoknya di rumah Datuk Onn pula, iaitu di kaki gunung Saga.

Mohd Nor ketika mengemukakan fikirannya telah menekankan pentingnya semangat perpaduan yang berteraskan keislaman supaya ditanam ke dalam jiwa orang Melayu, khususnya para belia. Dalam mesyuarat itu telah lahir idea untuk mengadakan satu perjumpaan seluruh badan-badan dan persatuan-persatuan Melayu seluruh negara, bagi menyatukan tenaga dan fikiran untuk bergerak serentak menentang Malayan Union.

Gabungan badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Melayu itu pada mulanya dicadangkan dengan nama United Malay Organisation ataupun UMO. Tetapi dalam Kongres

Kebangsaan Melayu yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 1hb hingga 4hb Mac 1946, atas cadangan Za'ba dan diper-setujui ramai, nama itu telah dipinda menjadi United Malay National Organisation, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, rengkasnya PEKEMBAR atau UMNO.

Hari ini tidak ramai orang yang masih mengingati mesyuarat kecil yang amat bersejarah itu serta tokoh-tokoh yang terlibat di dalamnya kecuali Datuk Onn. Saya sengaja mengisahkan semula sejarah itu supaya ia dapat dikenang oleh orang-orang Melayu hari ini dan supaya mereka mengurangkan sedikit keghairahan untuk bertanding, berlawan dan bergaduh sama sendiri. Bangsa yang bermaruah dan berjaya ialah bangsa yang pandai mengenang dan menghormati jasa-jasa orang yang terdahulu daripadanya, walaupun jasa itu nampaknya kecil sahaja tetapi hakikat maknanya adalah besar.

Sekarang mari kita ke kubur Makam Pahlawan di Masjid Negara Kuala Lumpur. Mari kita ziarahi kubur para pahlawan UMNO yang telah meninggalkan kita semua dengan jasa-jasa yang tak terbilang. Arwah Tun Razak Perdana Menteri, Arwah Tun Dr Ismail Timbalan Perdana Menteri, Arwah Tun Sardon Jubir Gabenor, Arwah Tan Sri Jaafar Albar Singa UMNO, Arwah Tan Sri Syed Nasir Ismail Pejuang Bahasa.

Sekarang marilah kita kenangkan jasa-jasa para pengasas UMNO yang mereka sendiri tidak sempat menikmati segala kemewahan yang telah lahir dari UMNO. Mereka berjuang untuk menebus maruah Melayu, untuk menegakkan syi'ar Islam. Kita hari ini berjuang untuk apa?

Zaman telah berubah, suasana telah berubah, tetapi jiwa Melayu dan roh Islam tidak berubah. Islam hari ini adalah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lebih 1400 tahun dulu itulah juga. Jiwa Melayu adalah jiwa yang berisi dengan roh keislaman itulah juga. Yang membawa segala macam kemajuan kepada orang Melayu dan negara ini hari ini adalah UMNO yang dirasmikan penubuhannya di Istana Besar Johor Bahru pada 11 Mei 1946 itulah juga. Kalau dulu kedaulatan Melayu pernah terancam, hari ini pun kedaulatan Melayu sedang terancam juga.

Hari ini ada orang Melayu dalam UMNO sendiri yang sanggup membunuh UMNO.

Sebelum kita bacakan talkin untuk mengingatkan kita semua bahawa kita juga akan mati dan akan mengikuti perjalanan di alam Barzah ke alam yang kekal abadi, mari kita bacakan Fatihah untuk mereka yang telah pergi mendahului kita dan kita pohon kepada Allah semuga Allah mengampuni dosa-dosa mereka dan tempatkan mereka bersama roh-roh para Shuhada, Awlia dan Ulama yang Allah meredzai hidup mereka.

Beginilah isi kandungan talqin yang dibacakan di atas perkuburan setiap orang Islam di Malaysia sebelum orang yang menziarahi atau menemani mereka berpisah dengan mereka buat kali terakhir di dunia yang fana ini.

“Tiap yang bernyawa akan mati dan akan disempurnakan balasan-balasan pahala dan dosanya pada hari akhirat kelak. Barangsiapa yang dielakkan daripada tercebur ke dalam neraka dan sebaliknya dimasukkan ke dalam syurga maka dialah orang yang benar-benar beruntung dan berjaya. Hidup di dunia ini adalah hidup yang suka-suka buat sementara, yang penuh dengan tipu daya.

“Daripada tanah kamu telah Kami jadikan, iaitu untuk mencari ganjaran dan pahala, ke dalam tanah kamu kami kembalikan, iaitu untuk habuan ulat dan tanah jua.

“Dengan nama Allah dan dengan keagungan Allah, berpunca daripada Allah dan atas nama agama Muhammad Rasulullah, inilah dia kiamat, iaitu sesuatu yang telah dijanjikan oleh Allah, dan benar sesungguhnya Rasul-rasul itu, bahawa tiadalah kiamat itu melainkan tempikan yang sekali sahaja dan tiba-tiba manusia itu semua mati.

“Wahai hamba Allah anak daripada hamba Allah, semuga kamu dikurniakan rahmat Allah. Dunia ini telah pergi meninggalkan kamu dan kamu pula telah meninggalkan segala perhiasan dunia. Sekarang kamu berada di alam barzakh, iaitu

satu alam yang kamu bakal tempuh untuk menunggu datangnya hari akhirat.

“Oleh yang demikian janganlah kamu lupa ikatan janji taat setiamu yang ada semasa kamu meninggalkan kami waktu menuju ke alam akhirat, iaitu pengakuan tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah.

“Wahai anak Adam, apabila dua malaikat yang keduanya sebagai wakil dari Allah menyoal kamu maka janganlah kamu terkejut, takut dan merasa gerun, kerana kedua-dua malaikat itu sama seperti kamu juga sebagai makhluk Allah.

“Wahai polan binti polan, bila kedua-dua malaikat itu menyoal kamu:

“Siapa Tuhan kamu?
Siapa Nabi kamu?
Apa agama kamu?
Apa aqidah kamu?
Siapa saudara kamu?
Apa keyakinan semasa kamu mati?

“Wahai polan binti polan, jawablah:

“Allah Tuhanku,
Muhammad Nabiku,
Islam agamaku,
Al-Quran ikutanku,
Orang-orang Islam seluruhnya adalah saudaraku.”

“Aku telah hidup dan aku telah mati, tetapi aku tetap dengan pengakuan bahawa tiada Tuhan yang disembah sebenarnya melainkan Allah dan Muhammad itu sebenar-benarnya pesuruh Allah.

“Peganglah wahai hamba Allah dengan keterangan ini, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya kamu akan tetap tinggal

di alam barzakh ini hingga ke satu masa apabila sekalian penghuni kubur dibangkitkan kerana hendak dibicarakan dan diadilkan di depan Allah.

“Ketahuilah wahai hamba Allah, bahawa sesungguhnya mati itu benar, masuk ke liang kubur itu benar, soalan-soalan Munkar Nakir itu benar, bangkit semula dari kubur adalah benar, pembicaraan kerana menghisab buruk baik amalan yang telah dilakukan adalah benar, timbangan menentukan mana yang lebih banyak di antara kerja-kerja yang baik daripada kerja-kerja yang buruk adalah juga benar, meniti Siratul-Mustaqim menentukan sama ada ke syurga atau ke neraka adalah benar, syurga benar dan neraka juga benar, dan bahawa sesungguhnya Allah akan menghidupkan semula sekalian penghuni-penghuni kubur adalah benar.”

“Firman Allah S.W.T bermaksud: **“Wahai jiwa yang tenang dan tenteram, kembalilah kamu kepada Tuhanmu dalam keadaan meredhai dan diredhai. Masuklah kamu ke dalam golongan hamba-hambaKu yang soleh, dan masuklah kamu ke dalam syurgaKu”** (Al-Fajr: 27 - 30)

Setelah selesai pembacaan talqin dan diakhiri dengan tahlil, kita dan ribuan manusia yang berada di ruangan Masjid Negara di ibu kota pun berangkat pulang, seorang demi seorang melangkah kaki meninggalkan perkampungan perkuburan, dan hamba Allah yang bersemadi di bawah tiang nisan tinggallah keseorangan.

Sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim menjelaskan bahawa ketika mayat diberangkatkan dan diusung ke tanah perkuburan, maka mayat itu diiringi oleh tiga golongan: keluarganya, harta bendanya dan perbekalan amalannya. Tetapi siapakah yang tinggal menemani si mayat di dalam kubur? Keluarganya pulang, harta bendanya tinggal di dunia, yang tinggal menemani mayat di dalam kubur adalah amalannya.

Apa dan siapakah pula yang berdiri di hadapan si mayat di dalam kubur sekarang? Firman Allah Taala (surah Al-

Mukminun ayat 100) bermaksud: **“Dan di hadapan mereka terdapat barzakh hinggalah ke hari mereka dibangkitkan.”**

Mereka yang tidak tahu akan bertanya: Siapakah yang meninggal? Maka jawapan yang diberikan pula mungkin Y.A.B Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Tun Dr Ismail Timbalan Perdana Menteri, T.Y.T Tun Sardon Jubir Gabenor Pulau Pinang, Tan Sri Syed Nasir Ismail, Tan Sri Syed Jaffar Albar.

Itulah jawapan manusia di dunia. Tetapi bila orang-orang yang menghantar mayat ke kubur itu menapak tujuh tapak meninggalkan hamba Allah yang tidur di samping bangunan Masjid Negara yang besar dan indah itu, datanglah dua orang malaikat Munkar dan Nakir menyoal si mayat.

Apakah malaikat Munkar menyoal begini: **“Wahai Y.A.B Tun polan, wahai Y.B Tan Sri polan?”**

Tidak. Malaikat Munkar hanya memanggil, **“Wahai hamba Allah”**. Malaikat tak peduli siapa kamu semasa di dunia, Tunku, Tunku Puteri, Tun, Perdana Menteri, Tan Sri atau Puan Sri, Datuk atau Datin. Malaikat tetap panggil kamu wahai hamba Allah”, kerana darjat kamu semua adalah hamba kepada Allah pencipta.

Bersabda Rasulullah SAW: **“Kubur itu merupakan suatu taman dari taman-taman syurga ataupun suatu lubang dari lubang-lubang neraka.”**

Apakah kubur itu taman syurga sebagai hadiah untuk si mayat? Apakah lubang kubur itu sebagai lubang neraka?

Kita melihat perkampungan warganegara perkuburan, apakah yang harus kita tafakurkan? Apakah yang harus kita renungkan?

Rasulullah SAW bersabda: **“Tiada suatu pemandangan yang pernah kulihat melainkan kuburlah yang paling dahsyat sekali.”**

Satu perkara yang kita semua mesti ingat bahawa tidak kira di mana juga mayat kita bersemadi, sama ada di dalam perkarangan istana, di Masjid Negara, atau kita bersemadi di bawah kayu nisan di bawah rimbunan pohon kemboja, yang perlu kita tahu ialah tempat itu merupakan sebuah daerah yang selamat atau tidak bagi kita?

Sayidina Usman bin Affan r.a ketika berada di perkuburan sentiasa menangis hingga membasahi janggutnya. Lalu dia ditanya orang, "Apakah ketika engkau mengingati syurga dan neraka engkau menangis seperti ini? Apakah sebabnya?" Usman menjawab, "Aku pernah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

"Kubur itu merupakan tempat pertama dari penempatan-penempatan akhirat. Siapa yang terselamat di situ, maka sesudah itu semuanya akan menjadi mudah dan ringan. Tetapi siapa yang terkulai, maka sesudah itu akan menjadi lebih berat dan dahsyat." (Diriwayatkan oleh Imam-imam Tarmizi, Ibnu Majah dan AlHakim)

Saya bawa anda semua ke tanah perkuburan Makam Pahlawan, saya bacakan talqin, kenapa? Saya fikir belum ada orang yang menyiarkan talqin dalam buku politik seperti yang saya buat ini. Saya lihat cara orang UMNO bergaduh seolah-olah mereka tidak akan mati, itulah sebabnya saya nak ajak mereka menziarahi kubur. Menziarahi kubur dan mengingati akan mati memang disuruh oleh Islam, agar manusia tidak melupakan dirinya yang akan mati juga lambat laun.

Bukankah hidup ini cuma tiga saat saja? Sesaat kita tarik nafas, sesaat lagi kita turunkan nafas, sesudah itu nafas itu kita tarik semula, dan selepas itu dia tak turun-turun lagi, maka yang turun ialah jasad kita ke dalam kubur.

Mari kita ingatkan kawan-kawan kita yang sudah mati. Akan berakhir di manakah mereka? Syurga atau neraka? Kita besok pun macam itulah juga. Sudahkah kita buat persiapan? Hendak tahu sama ada kita dan hamba Allah yang sudah mati itu ke syurga atau neraka, ikutilah sabda Rasulullah SAW (diriwayatkan oleh Muslim):

“Apabila seseorang itu sudah mati, maka diperlihatkan kepadanya akan tempatnya setiap pagi dan petang. Jika ia termasuk ahli syurga maka ia melihat syurga, dan apabila ia termasuk ahli neraka maka iapun melihat neraka.”

Demikian itu talqin yang telah dibacakan kepada pahlawan-pahlawan yang kini telah bersemadi di dalam kubur. Bagaimana pula talqin untuk pembunuh-pembunuh UMNO yang telah mati masa depan politik mereka tetapi mereka masih lagi berkeliaran macam hantu kubur menghasut orang ramai ke jalan politik yang sesat?

Itulah yang telah saya kata dalam bab sebelum ini, mereka itu telah menggali kubur, mereka ingat mereka gali untuk orang lain sedangkan yang sebenarnya mereka gali untuk diri mereka sendiri. Mereka dah gali kubur mereka masih nak berpolitik lagi, mana boleh? Yang kesiannya tu Tunku dan Tun Hussein yang telah pernah jadi Perdana Menteri kita pun ikut sama dengan mereka itu.

Sebelum mereka itu benar-benar terlambat, saya ingin memberi nasihat terakhir sebagai seorang Islam kepada seorang Islam yang lain. Nasihat saya ialah: Segeralah bertaubat. Nak kira terlambat memang dah terlambat. Tetapi Allah SWT maha penyayang. Dia masih memberikan waktu untuk hambaNya bertaubat.

Saya telah mulakan bab ini dengan satu petikan kata-kata hikmat dari majalah Al Munir keluaran Al Arqam. Saya seorang pembaca yang suka membaca majalah-majalah dan buku-buku keluaran Al Arqam, terutamanya tulisan Syeikhul-Arqam Ustaz Hj Ashaari Muhammad. Nak tunggu Pusat Islam keluarkan majalah dan buku-buku seperti Al Arqam tak tahu bila masanya mereka nak buat begitu. Nasib baiklah ada Al Arqam. Syukur Alhamdulillah.

Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, kalau bimbang bila mati nanti pejam mata tak rapat, eloklah cuba-cuba baca majalah-majalah Al Arqam. Tengku Razaleigh pun kalau nak ikut sama, Alhamdulillah-lah. Kalau tergerak hati nak pergi


ziarah tengok macam mana kehidupan yang aman tenteram di perkampungan Al Arqam, saya boleh tolong bawakan ke sana. Kerja baik macam ini saya memang suka.

Wahai hamba Allah anak kepada hamba Allah, ketahuilah bahawa mati dan hari akhirat itu benar, dan bahawa permainan politik di dunia ini semuanya sekejap sahaja, apabila tiba masanya mahu tak mahu mesti ditinggalkan, maka ke kubur jugalah perjalanan yang pasti tak dapat tidak.

Wahai hamba Allah anak kepada hamba Allah yang menjadi ahli UMNO, apakah aqidah kamu dan siapakah saudara kamu? Jawablah dengan ikhlas kepada diri kamu sendiri, supaya perjuangan kamu dan hidup kamu tidak akan menuju ke neraka jahanam, dan supaya hidup kamu tidak berkeliaran di dunia seolah-olah hantu kubur yang takut kepada kubur.



Makam Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, di dalam Makam Pahlawan. Gambar kulit ialah makam Allahyarham Tun Dr Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



Semoga Allah tempatkan roh mereka yang terkorban bersama para Syuhada. Al Fatchah.



Almarhum Alsyahid Ibrahim Mahmud (Ibrahim Libya)

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمُوتَ ۗ بَلْ أَحْيَاءٌ ۗ وَلَٰكِن
لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

"Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah, (bahawa mereka itu) mati; bahkan (sebenarnya) mereka itu hidup, tetapi kamu tidak menyedarinya"

(S. Al-Baqarah: 154)

IMEJ SEORANG HERO

Selepas berlakon dalam filem berjudul Perempuan saya ditawarkan pula berlakon dalam cerekarama untuk tv berjudul Dua Insan. Sewaktu penggambaran dijalankan di rumah saya, beberapa orang wartawan hiburan juga datang. Perkara yang semacam ini memang selalu berlaku dalam dunia filem sebab itulah publisiti untuk orang filem banyak. Para wartawan membuntuti mereka ke mana sahaja mereka pergi. Apa saja berlaku penting atau tidak di tulis di surat khabar. Sebab itu ada macam-macam gosip tentang orang filem.

Saya berlakon di samping Azean Irdawaty, pelakon yang pernah memenangi beberapa *award* suatu waktu dulu. Yang memegang watak utamanya adalah Pak Amri.

Salah seorang wartawan itu bertanyakan kepada saya: Apakah watak yang saya pegang itu watak seorang hero?. Saya tidak terus menjawab soalan itu semudah saya menjawab soalan-soalan orang politik.

Apakah watak yang saya pegang itu watak seorang hero? Soalan itu bergema dalam benak saya. Kemudian timbul lagi pertanyaan-pertanyaan yang lain pula. Apakah seorang hero itu seorang pahlawan?

Dalam filem Melayu imej seorang hero dapat dibawa dengan berkesan oleh Noordin Ahmad dalam filem-filem seperti *Seri Mersing dan Sultan Mahmud Mangkat Di Julang*. Dalam filem-filem itu Noordin Ahmad membawa watak-watak yang berani, cekal, tabah, dan yakin mempertahankan hak-haknya apabila haknya dicabuli oleh yang bukan haknya.

Pada zaman dulu makna hero tidak seperti hari ini. Pada masa itu seseorang yang berjuang mempertahankan haknya dengan pedangnya adalah hero. Tetapi makna hero sebenarnya lebih daripada itu. Seorang yang berjuang dengan pena, sesuai dengan pepatah mata pena itu lebih tajam dari mata pedang, juga dikatakan hero.

Begitulah maka Jose Rizal adalah seorang hero Melayu di Phillipina. Ia hero kerana keberaniannya menghadapi hukuman mati ditembak oleh pasukan penembak. Dia hero kerana keberaniannya menentang musuh-musuhnya dengan mata penanya yang lebih tajam dari pedang. Dia menulis bagi kesedaran rakyat untuk menjadi manusia merdeka, bebas daripada segala macam jenis dan bentuk perhambaan oleh sesiapaapun. Ia disanjung dan dipuja oleh rakyat Phillipina setelah dia sudah tidak ada lagi.

Jose Rizal di Phillipina sudah mati. Rosle Dhoby, di Sarawak telah meninggal. Di Perak Datuk Maharaja Lela, Mat Salleh, di Sabah, Datuk Bahaman dan Datuk Peramu di Pahang, Tuk Janggut di Kelantan, semuanya sudah mati. Mereka adalah hero.

Berkat perjuangan hero-hero kita itu semualah maka hari ini kita menjadi bangsa yang merdeka dan bebas daripada segala macam bentuk perhambaan, perbudakan dan penjajahan.

Penjajah sudah mati. Yang hidup telah pulang ke negeri mereka. Mereka sudah tidak ada lagi. Tetapi walaupun mereka itu sudah tidak ada, wajah-wajahnya telah lama hilang, apakah segala fikirannya, segala sikapnya juga telah hilang daripada fikiran dan sikap kita sebagai satu bangsa yang merdeka dan

bermaruah? Inilah soalan yang sebenarnya memerlukan jawapan.

Apabila kita memeriksa hati kita yang tidak diselubungi dengan segala macam bentuk riak maka jawapannya ialah masih lagi ramai yang masih belum merdeka. Masih ramai lagi kucing yang mengharapkan makanan lebihan.

Dalam buku *Challenger, Siapa Lawan Siapa* saya telah menulis tentang perkara pemikiran yang belum merdeka ini dengan panjang lebar. Kalau dalam buku itu saya menekankan tentang para intelektual yang masih belum merdeka pemikirannya, rupa-rupanya pemikiran orang politik pun lebih kurang juga. Malah ada yang lebih dahsyat lagi keadaannya.

Tunku Abdul Rahman Putra yang melaungkan kata: MERDEKA! pada 31 Ogos 1957, yang diberi gelar Bapa Kemerdekaan Malaysia rupanya masih lagi belum merdeka jiwanya. Ini jelas terbukti daripada surat yang dihantarkan kepada saya.

Pemikiran yang belum merdeka ini, yang ditinggalkan oleh British sempat menyelinap masuk ke dalam rumah, kelambu, tilam dan ke dalam kepala para elit, intelegensia dan pentadbir kita. Inilah hampas-hampas penjajah, menjadi kuman Aids yang tidak ada ubatnya merosakkan jiwa bangsa Melayu.

Saya bertanyakan diri sendiri: Apakah kita memerlukan pengorbanan lebih ramai lagi para pejuang kita untuk menghapuskan segala saki baki hampas-hampas penjajah ini? Apakah pengorbanan yang seperti itu diperlukan lagi untuk memerdekakan dan membebaskan pemikiran dan sikap setengah-setengah orang kita yang belum merdeka itu? Penat rasanya berfikir begitu, tetapi itulah hakikatnya.

Saya kembali semula kepada pertanyaan wartawan hiburan tadi: Apakah saya memegang watak hero? Ramai pelakon-pelakon filem Melayu bila ditawarkan untuk berlakon dia mahu memegang watak hero sahaja. Dia tidak kira kemampuan dan tenaga yang ada padanya. Yang dia mahu adalah

hero. Ramai orang yang hendak menjadi hero tetapi tidak ramai yang dapat menjadi hero. Dalam politik pun begitu juga. Ramai yang hendak menjadi hero tetapi tidak semua dapat jadi hero. Sekarang ini yang tua-tua, yang dah pencen pun masih lagi nak jadi hero. Tak akan jadinya mereka itu.

Bagi menjawab soalan wartawan itu saya lalu bertanyakan kepadanya. Sudahkah dia membaca sebuah buku yang ditulis oleh Shaharuddin Maaruf yang berjudul *Concept of A Hero in Malay Society?* Apabila wartawan itu tidak menjawab soalan saya, saya lalu mencadangkan supaya dia membaca buku tersebut yang membincangkan secara yang terperinci tentang konsep hero.

Kata pengantar buku tersebut ditulis oleh Prof Dr. Syed Hussein Alatas. Antara lain katanya, "*The readers would benefit greatly from this book. They would attain a better understanding of Malay politics and cultural life. This is the first attempt made to study the conception of the hero in Malay society. Mengikut Dr. Syed Hussein lagi, Reaction from the public may differ. It is hoped that such reactions be channelled into fruitful rational discourses rather than mere emotional outbursts.*"

Hero itu dinilai mengikut sikap dan pandangan hidup individu. Oleh itu pendapat tentang hero ini memanglah berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Orang Team A anggap Dr. Mahathir hero. Orang Team B kata Ku Li hero. Orang PAS kata Ustaz Hadi hero. Orang ABIM kata Anwar Ibrahim hero. Orang Arqam kata Ustaz Ashaari hero mereka. Itu belum lagi kira orang MCA, MIC dan lain-lain. Mereka ada hero mereka masing-masing.

Dan hero Islam yang sebenarnya ialah Nabi Muhammad SAW, diikuti oleh para sahabatnya, wali-wali Allah dan ulamak-ulamak yang *amilin*. Maka siapa saja umat Islam yang boleh ikut jejak langkah mereka itu maka dia adalah hero Islam zamannya. Tapi berapa orangkah umat Islam hari ini yang mahu jadi hero Islam dan yang boleh jadi hero Islam?

Hero orang-orang tasauf mengikut guru saya ialah Abu Mansur al-Halajj yang telah dipancung oleh Khalifah al-Muqtadir dalam tahun 309H bersamaan dengan 922 masihi. Adakah dia dipancung kerana dia mengatakan Ana Al Hak kerana beliau boleh menghidupkan orang yang mati? Mengetahui perkara-perkara yang ghaib yang tidak diketahui umum? Boleh berada di beberapa tempat pada satu waktu atau kerana beliau dianggap merbahaya kepada pemerintah ketika itu? Yang jelas beliau boleh mengugat khalifah yang memerintah.

Begitulah nasib yang diterima oleh Hassan Albana dan Syed Qutub. Kedua-dua mereka dibunuh sampai mati kerana memperjuangkan yang hak. Ramai pengikut Hassan Albana dan Syed Qutub. Adakah diantara mereka yang sanggup berkorban untuk memperjuangan kebenaran.

Hari ini yang ramainya ialah yang nak jadi hero duit. Nak jadi hero pangkat. Sebab itu mereka sanggup ampu sana ampu sini. Ku sana Ku sini. Dah lah begitu, kalau ada yang ingin berjuang nak ikut macam perjuangan nabi, yang bersih dan diridhai oleh Allah, mereka himpit, mereka sondoi!. sondoi!

Dalam dunia filem kita sudah ramai yang telah memegang watak hero tetapi apakah sebenarnya mereka hero? Apakah mereka melakonkan watak-watak hero? Memang Noordin Ahmad, P.Ramlee, Jins Shamsuddin, Rahim Razali ada melakonkan watak-watak hero, apakah kesan yang ditinggalkan keatas masyarakat.

Orang ramai selalu memberi makna hero itu ialah yang popular. Inilah maka perlunya orang-orang filem kita membuat filem-filem yang besar seperti *Omar Mokhtar*, *The Lion of The Dessert* supaya orang-orang kita tahu dengan pasti apakah makna hero sesuatu bangsa itu dan apakah makna hero bagi sebuah filem. Maka filem-filem tentang Tuk Janggut, Mat Kilau, Datuk Bahaman, Datuk Maharaja Lela dan ramai lagi hendaklah dibuat dengan segera. Kita memerlukan filem-filem yang kuat seperti filem *Jamaluddin al-Afgani* yang ditayangkan oleh TV3 baru-baru ini untuk membangunkan bangsa kita.

Kita memerlukan tokoh-tokoh ulamak yang seperti itu, yang tetap dalam keadaan yang bagaimana pun sanggup menyatakan kebenaran al-Quran dan al-Hadis.

Inilah peranan Finas. Zain Haji Hamzah hendaklah memikirkan perkara ini semua. Itulah tugasnya untuk membantu Mahathir dalam mengembalikan jiwa bangsa Melayu yang sudah lemah supaya kembali semula menjadi jiwa harimau dan bukan jiwa kucing. Itulah baru dikatakan adanya satu matalamat yang sama daripada segala aspek dalam kehidupan iaitu apabila segala sesuatu itu dibuat untuk mencapai satu maksud yang sesuai dengan falsafah negara.

Takkan cukup mengenang hero dan pahlawan tanahair kita ini dengan hanya mengekalkan nama mereka sebagai nama sekolah dan nama-nama jalan sahaja. Ini cara tidak boleh menimbulkan semangat dan membangunkan jiwa bangsa dengan segera.

Kadangkala saya merasa hairan kenapa kerajaan selama ini seperti takut untuk mengiktiraf para pahlawan dan pejuangnya sebagai hero. Cuma sekarang barulah saya faham hal ini terjadi kerana sikap para pemimpin kita sendiri yang macam Tunku. Macam mana mereka nak iktiraf para pejuang ini kerana mereka berjiwa kucing. Jiwa mereka masih terjajah.

Malah sangat memalukan pula apabila ada setengah orang yang masih hendak mengekalkan nama-nama penjajah sebagai hero. Mereka masih hendak mengekalkan misalnya Pulau Pinang di buka oleh St Francis Light. Mereka masih hendak mengekalkan nama Raja Brooke. Mereka ini sudah lupa atau sengaja lupa atau tidak mahu mencari siapakah yang sebenarnya membuka Pulau Pinang? Kalau Singapura di buka oleh Parameswara seorang Raja Melayu. Tidakkah Pulau Pinang juga di buka oleh raja orang Melayu seperti juga Melaka di buka oleh orang Melayu. Jiwa kucing menyebabkan seolah-olah orang Melayu seperti tidak pernah ada sejarahnya sebelum kedatangan Inggeris.

Lebihlah memalukan lagi bangsa Melayu, negara Malaysia apabila seketul batu timbul di Melaka dikekalkan sebagai

bahan sejarah yang dipelihara kerana konon pada batu itulah St Francis Xavier telah mengibas-ngibaskan debu-debu yang melekat pada kasutnya. Di sebaliknya mengharamkan orang Islam menziarahi keramat.

Wahai orang-orang Melaka yang gagah berani, yang telah mempertahankan negeri daripada serangan Belanda, Portugis dan Inggeris. Sekarang kita telah merdeka! Kepada siapakah lagi kamu semua takut untuk membuang bekas sejarah yang tidak berguna kepada bangsa Melayu itu? Ketua Menteri Melaka, Datuk Rahim Thamby Chik mestilah ingat bahawa kita telah merdeka! Tidak ada siapapun yang boleh melarang kita untuk mencipta sejarah kita. Dan apabila Datuk Rahim membuang benda-benda karut yang tidak berguna dan yang tidak memberikan keuntungan apa-apa pun kepada bangsa kita, itu adalah sejarah. Anak cucu kita akan berkata Rahim Thamby Chik seorang hero.

Sewaktu di England beberapa tahun dahulu saya masih mendengar lagi pendapat masyarakat barat yang mengatakan bahawa merekalah, orang-orang baratlah yang memberi petunjuk tamadun kepada manusia di rantau ini. Pendapat yang seperti ini sebenarnya telah ditolak seluruhnya oleh kajian yang teliti yang dibuat oleh Prof. Syed Mohd Naguib al-Attas.

Tapi masih ada orang yang mempunyai pandangan seperti pandangan orang barat. Orang-orang inilah apabila Dr. Mahathir mengatakan *Buy British good last* menjadi sangat kecewa dan putus asa. Mereka lalu menyebarkan fitnah yang mengatakan dasar ini boleh merosakkan ekonomi negara Malaysia. Inilah yang dikatakan hampas-hampas peninggalan penjajah. Mereka inilah yang menjadi agen pemikiran barat.

Begitulah akibatnya apabila pemimpin kita masih jiwanya dijajah oleh barat. Di Sarawak misalnya, pusara Roslee Dhobi, hero yang bangun menentang penjajah membunuh Duncan Steward masih lagi di dalam penjara. Apakah yang Taib Mahmud buat selama menjadi Ketua Menteri Sarawak kalau hal yang kecil tetapi penting ini pun dia tak boleh selesaikan

dengan segera. Tapi nak salahkan Taib Mahmud macam mana kerana dia seorang Freemason. Tapi orang-orang ini memuji-muji apa yang dibuat oleh Lee Kuan Yew di Singapura. Menafikan sejarah sebelum kedatangan Raffles. Satu masa nanti Lee Kuan Yew akan jadi hero Singapura. Kepada Lee Kuan Yew mereka tak pula beri gekaran diktator walaupun Lee telah menghapuskan sejarah kesultanan Melayu Singapura. Inilah kata pepatah, kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak kelihatan!.

Tahukah anda bahawa ada persamaan di antara para pahlawan Melayu di negara ini dengan Jose Rizal. Mereka akhirnya mati keseorangan. Begitulah sekiranya Mahathir hidup zaman British memerintah dulu tidak mustahil dia menerima nasib yang sama seperti Jose Rizal di Fillipina.

Malay Dilemma dan Dr. Mahathir sendiri pernah menjadi mangsa permainan agen-agen imperialis barat, malahan dia diburu sehingga ke hari ini oleh agen-agen dan saki baki mereka yang belum lagi merdeka pemikirannya. Mereka yang berjiwa kucing sentiasa cemburu terhadap harimau.

Bukan mudah menentang arus. Bukan mudah terbang menyongsong angin. Tetapi inilah yang Dr. Mahathir telah dan sedang lakukan. Mahathir menghadapi barat dengan secara jantan. Ini terjadi kerana hanya Dr. Mahathir sahaja Perdana Menteri yang datangnya dari kalangan rakyat. Yang lain semuanya datang daripada kalangan istana yang ada hubungan dengan British. Samada secara langsung atau pertalian sejarah sebab itulah golongan ini masih lagi tidak jemu-jemu menjadi orang suruhan barat untuk terus menindas rakyat.

Hero adalah seorang pemimpin, seorang pahlawan tetapi bukan semua pemimpin itu seorang hero atau seorang pahlawan. Tidak mudah mempengaruhi orang ramai kepada yang benar dan hak. Kebanyakan manusia menjadi buta dan tuli kepada kebenaran. Sebab itulah pejuang kebenaran dan yang hak akhirnya keseorangan.

Tidak siapa yang menghargai perjuangan Hang Jebat. Tetapi melalui satu penyelidikan yang teliti Kassim Ahmad

telah berjaya mengubah pandangan orang Melayu terhadap watak dan tokoh utama ini. Tetapi Kassim Ahmad akhirnya menjadi manusia yang keseorangan apabila dia menolak hadis. Banyak orang Melayu terus menolak pandangan-pandangan Kassim Ahmad kerana pendapatnya menolak hadis sama seperti menolak Rasulullah s.a.w.

Selalunya para pemimpin yang mempunyai watak seorang pahlawan atau hero tidak menghadapi masalah mencari kebenaran dalam diri sendiri. Mereka tidak ragu tentang kebenaran yang diperjuangkannya kerana mereka selalu mendekatkan diri kepada Allah. Dia dapat mengukur dan menimbang dirinya sendiri. Kalau diri sendiri pun tidak terkawal, tidak terpimpin bagaimana mahu memimpin dan mengawal orang lain. Ketam takkan boleh mengajar anaknya berjalan betul. Ukuran yang pertama adalah keikhlasan. Apakah perjuangan mereka itu ikhlas? Itulah soalan yang kita tanyakan kepada beberapa orang yang mahu menghidupkan UMNO yang sudah mati. Mereka semuanya memang mahu menjadi hero tetapi apakah mereka ikhlas? Mungkin mereka ikhlas kepada diri mereka dan kawan-kawan mereka tetapi kepada bangsa mereka, macam mana?

Seorang pemimpin adalah seorang yang berani mengambil dan menghadapi risiko. Bersedia untuk mencuba idea-idea baru. Berani mengubah sejarah ikut zamannya, tidak terus menyimpan idea-idea lapok yang tidak berguna. Contohnya dia tidak bangga dengan seketul batu tempat St Francis mengibaskan debu-debu yang melekat di kasutnya. Biar dia ditentang secara habis-habisan, dari luar dan dalam, dia jangan putus asa. Dia mesti percayakan diri dan Allah bersamanya serta disiplin yang keras yang bersedia menghadapi apa pun jua suasana. Pemimpin yang seperti itulah yang kita harapkan untuk memimpin negara. Bukan pemimpin yang mudah merajuk. Sikit-sikit nak letak jawatan. Sikit-sikit nak letak jawatan. Lepas tu jadi macam orang gila talak. Hero tak buat kerja-kerja karut marut.

Memang orang akan mengatakan bahawa Mahathir adalah krok besar. Itu adalah pandangan orang-orang UMNO yang

ada keinginan hendak menjadi Perdana Menteri. Jadi selama Mahathir berada pada kerusi Perdana Menteri maka selama itulah mereka akan memusuhi Mahathir. Mereka akan menghasut, menfitnah supaya rakyat percaya Mahathir krook. Tapi Mahathir tidak bimbang kerana masih ramai orang yang percaya kepada perjuangan dan visinya yang jauh. Rakyat Malaysia yang mempunyai jiwa yang merdeka bangga dengan pimpinan Dr. Mahathir.

Semasa Tunku menjadi Perdana Menteri dulu pun bukan semua orang sokong dia, ramai orang yang menentangnya. Para rasul dan nabi pun dimusuhi dan ditentang. Ini tidak boleh jadi sebab mengapa Dr. Mahathir mesti merajuk atau membiarkan orang merampas kerusinya.

Buatlah jalanraya, buatlah jambatan, perkuatkan industri berat, perkemaskan pengswastaaan, dan macam-macam lagi. Untuk rakyat Malaysia masa depan kita tanam pohon durian. Kalau kita tak dapat makan, anak cucu kita nanti tumpang makan. Kalau tidak binatang boleh tumpang makan kita dapat pahala.

Selepas melakukan semua itu. Selepas membangunkan bangsa Melayu, selepas embangunkan jiwa bangsa Melayu barulah boleh berfikir untuk berhenti. Jangan berhenti sewaktu rakyat masih perlu dibangunkan. Berikan jiwa kepada mereka.

Macam-macam yang dibuat oleh Dr. Mahathir untuk membangunkan bangsanya. A. Samad Ismail, dengan yakin, dalam *Berita Minggu* bertarikh 1 Mei, 1988 mengatakan, "Banyak sekali yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri ini... Dia hampir mau mengubah segalanya. Memang terlalu mustahil untuk mengubahnya dalam masa yang singkat, tetapi apa yang dilakukannya amat mengkagumkan. Dia telah mengubah Dasar Luar yang pernah dimulakan oleh Tun Razak. Dia juga memulakan zaman Industri, pengswastaaan, Pandang Ke timur, Membangkitkan isu Antartika, Aparteid, Penerapan Nilai Islam, mementingkan produktiviti, budaya kerja dengan perakam waktunya, menyeragamkan masa, industri luar bandar, polisi terhadap penyalahgunaan dadah,

Suruhanjaya Selatan Selatan, Semuanya.” Katanya lagi, “Ini menjadi satu kejutan. Semuanya berlaku seolah-olah dalam mimpi. Sayangnya Dr. Mahathir bermula dengan suara yang amat lembut. Dan rakyat sudah terlalu leka dengan rasa nikmat itu. Ini menyebabkan mereka kurang pasti dengan apa yang dilakukan.” Katanya lagi, “Sekarang terserah kepada generasi muda bagaimana mahu menempatkan diri dalam suasana itu. Yang pasti negara sudah rancak memasuki zaman baru. Negara Industri Baru adalah matlamat kita. Cabaran semakin besar”!

Begitulah komentar Bapa Wartawan Malaysia Dr. A. Samad Ismail, yang menjadi wartawan dan pemerhati politik sejak zaman belum merdeka, Zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussein Onn dan Dr. Mahathir.

Adakan satu kajian, apakah usaha yang dibuat oleh Dr. Mahathir untuk membangunkan bangsanya? Seperti juga macam-macam yang dibuat oleh Lee Kuan Yew untuk membangunkan Singapura. Begitu juga Suharto. Tapi orang-orang yang marahkan Dr. Mahathir ini tidak katakan Lee Kuan Yew dan Suharto diktator. Sebab kata-kata yang macam itu tidak ada makna bagi rakyat Singapura dan Indonesia. Begitu juga dengan Thailand. Dan sekarang Singapura, Indonesia serta Thailand sedang membangun ekonominya kerana pemimpinnya tidak sibuk dengan politik. Singapura sangat maju sekali kerana keadaan politiknya stabil. Tidak ada banyak perebutan nak kerusi seperti Malaysia.

Sewaktu Mahathir menutup beberapa buah akhbar di Malaysia kerana sebab-sebab yang jelas bahayanya orang mengatakan Dr. Mahathir diktator. Tapi apabila Mahathir membenarkan pula akhbar-akhbar itu diterbitkan semula orang itu tidak pula katakan Dr. Mahathir mengamalkan demokrasi. Sebaliknya mereka mengatakan penerbitan akhbar-akhbar itu dibenarkan semula kerana hendak mengambil hati rakyat. Inilah yang dikatakan perangai Yahudi. Perangai yang suka berdolak dalih seperti yang tersebut dalam Surat al-Baqarah.

Begitulah tidak ramai orang yang akan berkata baik kepada orang yang tidak disukainya. Buat baik atau jahat sama

sahaja. Untuk orang-orang yang seperti ini kalau pun Mahathir singkirkan dari UMNO saya tidak fikir akan merugikan. Malah sebaliknya akan memperkuatkan lagi UMNO (baru) dan pimpinannya. Suara-suara sumbang ini akhirnya akan menjadi seperti suara-suara anjing yang menyalak bukit sahaja. Malam-malam dia pun berbunyi tetapi tidak ada apa-apa kesan. Besoknya bukit itu berdiri juga di situ.

Bila melihat Dr. Mahathir saya teringat kepada kisah Tuah dan Jebat. Orang menganggap Hang Tuah adalah hero dan menjadikan Hang Jebat sebagai penderhaka kerana Hang Jebat tidak taat kepada raja. Tetapi hari ini orang menganggap Hang Tuah pula yang tidak rasional, yang membuta tuli, membunuh seorang sahabat yang sama-sama seperguruan, yang sama-sama berjuang semata-mata kerana setia kepada raja. Walhal Jebat melakukan itu semua kerana semata-mata hendak menuntut bela di atas kematian Tuah, yang tidak berdosa. Dan hari ini orang melihat Jebat adalah hero. Ia hero orang-orang Melayu yang tidak kenal erti takut dan gentar.

Dr. Mahathir dan Jebat nampaknya ada persamaannya. Hari ini kerana ramai sangat yang cemburu, dengki dan iri hati rakyat tidak mahu menjadikannya hero. Tetapi sejarah hari esok nanti akan menganggap Dr. Mahathir adalah seorang hero negara. Tapi waktu itu sudah jadi sejarah, Dr. Mahathir pun sudah jadi arwah. Kita pun mungkin entah ada atau tidak lagi. Hanya Allah sahaja yang tahu.

Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri yang membangunkan imej bangsa Melayu sebagai bangsa yang mempunyai maruah dan harga diri. Inilah yang jadi cita-cita dan harapan Dr. Mahathir. Sebagaimana rakyat Phillipina dapat menerima Jose Rizal sebagai heronya, kita pun satu hari nanti tentu dapat menerima Dr. Mahathir sebagai hero kita. Dr. Mahathir membangunkan bangsa yang di dalamnya masih ada yang belum merdeka dengan menggunakan kekuatan fikiran dan kerohanian iaitu melalui Islam untuk duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain. Untuk membebaskan diri daripada menjadi hamba kepada bangsa-bangsa yang pernah menjajah kita.

Sebelum itu mari kita bertanya kepada diri kita. Apakah kita di Malaysia hari ini memerlukan hero? Tanyakanlah kepada hati kecil kita. Hati kecil kita akan berkata: Ya, kita memerlukan ramai lagi hero untuk menyelamatkan bangsa kita yang sedang dilanda oleh pelbagai bidang kehidupan. Kita tanyakan lagi kepada hati kecil kita: Siapakah yang selayaknya dapat dijadikan hero? Tanyakanlah hati kecil kita. Buangkan segala emosi, tenung, renung dengan mata batin kita.

Rakyat Libya bangga dengan Ghadafi sebagai hero bangsa mereka. Amerika dan sekutu menganggap mereka sebagai penjenayah, begitu juga Ayattullah Khomeini dia adalah hero bangsanya.

Penjajah barat dulu menuduh Putra Samudra kita yang menentang mereka sebagai lanun. Pahlawan kita sebagai penjenayah. Bukankah pandangan yang sama masih ada dalam benak kepala para agen imprilist barat yang mengaku memperjuangkan bangsa Melayu?

Seorang hero adalah seorang yang sanggup berjuang, yang tidak meninggalkan rakyatnya di dalam keadaan yang haru-biru seperti ayam kehilangan ibu, seperti kucing jatuh anak. Mereka sanggup merengkok didalam penjara, tidak sekejap-kejap lari berseronok keluar negeri.

Seorang hero mempunyai visi yang kuat, mempunyai semangat yang keras dan pandangan yang jitu dan seorang yang berani kerana benarnya. Selain dari itu seorang hero adalah seorang yang hidupnya pada jalan Allah, yang tidak mengerjakan yang mungkar tetapi yang menegakkan yang makruf.

Dunia Islam hari ini sedang menemui perlawanannya dengan barat, musuh tradisionalnya. Dan dia kekurangan heronya. Ini menyebabkan orang Islam lemah. Ada pun kelemahan itu terjadi kerana adanya perebutan kuasa yang sangat berleluasa antara yang Islam dan yang sekular. Yang Islam itu sendirian dengan pertolongan Allah SWT sementara yang sekular itu pula adalah dengan penyokong-penyokongnya

yang tersangat cintakan dunia, seperti setengah raja-raja di negara pengeluar minyak.

Kecuali beberapa negara yang rakyatnya bersatu teguh di bawah pimpinan negaranya seperti Libya dengan Muaamar Ghadaffi dan Iran dengan Ayattullah Khomeini, negara ini bukan sahaja menyebabkan Amerika menjadi sangat berhati-hati tetapi juga berasa takut dan gerun.

Melahirkan para pejuang yang demikian bukan mudah. Ia memerlukan persediaan yang cukup untuk memerangi kekufuran yang telah berakar umbi dalam kehidupan ummat.

Seorang pemimpin yang mujahid mesti mempunyai kekuatan dan persediaan jiwa, akal fikiran dan ketegasan fizikal kerana yang akan dihadapinya bermacam rupa hantu dan iblis.

Kebenaran hanya akan dapat dicapai setelah pejuang-pejuang kebenaran mencintai Allah lebih daripada orang-orang kafir mencintai dunia. Mencintai syahid lebih daripada orang-orang kafir mencintai hidup. Takut kepada Allah melebihi ketakutan orang-orang kafir kepada kemiskinan dan penderitaan. Inilah yang dimaksudkan oleh utusan tentera Islam ketika berhadapan dengan Kisra dengan katanya, **“Di belakangku adalah pejuang-pejuang yang akan membebaskan manusia daripada hamba kepada Allah, pejuang yang membawa keluar manusia-manusia daripada kesempitan dunia kepada kelapangan akhirat (syurga). Pejuang-pejuang itu cinta mati lebih daripada tenteramu mencintai hidup, lebih mencintai sembahyang daripada tentera-tenteranya mencintai arak dan wanita....”**

Seorang abid yang semata-mata tenggelam dalam wirid zikirnya tanpa mengambil tahu mengenai pergolakan masyarakat, bukan watak seorang hero. Selama ini kita telah diberi gambaran dan tafsiran yang salah mengenai para mujahid. Masyarakat sangka ahli agama atau para ulamak besar yang bermisai dan berjanggut berjubah dan berserban itu mujahid. Sebenarnya di antara mereka ramai yang semata-

mata memikirkan keuntungan. Mereka adalah kapitalis yang berjubahkan agama.

Seorang pemandu taxi yang bekerja setiap hari memerah keringat mencari rezeki yang halal untuk menyara anak-anak hingga lulus dari Universiti dan masih jadi anak yang baik, taat pada ibubapa dan perintah Allah. Kasihkan negara mengikut didikan ayah yang sentiasa mengajar kebaikan pada anak tersebut. Pemandu itu juga adalah seorang hero.

Seorang hero adalah seorang yang akan menjadi penyelamat bangsanya supaya bangsanya tidak menjadi kucing. Supaya bangsanya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia hari ini. Dan ini semua tidak dapat diharapkan daripada pemimpin dari istana kerana seorang raja tidak pernah tahu tentang rakyat. Mereka seperti kata Shaharuddin Maaruf hanya mengumpul-kan harta untuk keluarga mereka sahaja.

Seorang nelayan yang tidak pernah mengenal perkataan takut, tidak tahu penat lelah mengharungi lautan dalam semasa mencari rezeki yang halal dan sentiasa bertanggungjawab tentang kewajipan terhadap anak isteri adalah hero.


Begitu juga pegawai kerajaan yang dapat menolak segala bentuk korupsi, berani menjalankan tugas dan perintah yang telah diamanahkan oleh rakyat biarpun hidup dalam serba kekurangan tetapi tetap bermoral dan mulia. Dialah hero. Apakah anda sudah bersiap sedia untuk menjadikan diri anda seorang hero? Seorang hero Islam beruntung di dunia dan mendapat ganjaran diakhirat. Bila lagi hendak duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan lain-lain hero di dunia?




Allahyarham Tun Razak. Bekas Perdana Menteri yang telah banyak membuat jasa pada orang Melayu. Jasa dan baktinya selalu dikenang. Mari kita bacakan Alfatehah untuk rohnya.




Allahyarham Tun Dr. Ismail. Pemimpin yang disegani dan dihormati oleh rakyat Malaysia kerana sikap tegasnya. Mari kita bacakan Alfatehah untuk rohnya.



Inilah pengganti saya, Najib kalau nak berjaya mesti ikut cegah kemungkar dan berbuat kebaikan.



"Brother duduklah, kerusi ini you yang punya. Kita datang dari satu negeri, mari kita berbaik-baik semula. Kita buang yang keruh ambil yang jernih." Itulah agaknya kata Datuk Abdullah Ahmad pada Anwar.



Presiden MCA terima cabaran DAP. Pilihanraya 1982.

FAKTOR CINA

Dalam buku saya *Challenger, Siapa Lawan Siapa*, Bab 23 dengan judul Wadi Hana, saya telah menyentuh tentang keadaan orang Cina dalam politik Malaysia. Hal ini telah menyebabkan Tunku Abdul Rahman Putra menjadi sensitif lalu menulis surat kepada saya. Surat Tunku itu telahpun saya muatkan dalam bab awal buku ini dengan ulasan saya sekali.

Pada mulanya saya agak hairan juga kenapa Tunku Abdul Rahman Putra sangat sensitif kepada hal-hal yang saya bicarakan dalam Bab 23 itu. Walau bagaimanapun akhirnya saya mendapat analisa yang jelas bagaimana Faktor Cina dalam politik UMNO sehingga Tunku menjadi begitu sensitif sekali.

Membicarakan politik Malaysia amnya ataupun politik UMNO khususnya kita tidak boleh melupakan akan faktor Cina. Samalah juga kalau orang membicarakan politik Amerika mereka tidak boleh melupakan akan faktor Jews ataupun faktor Yahudi. Sama ada kita suka atau kita tak suka, Cina sudah menjadi satu faktor yang penting dalam politik Malaysia ataupun politik Melayu dan juga politik UMNO.

Perkara ini mula-mula dulu tidak disedari oleh PAS. Tetapi dalam pilihanraya umum 1986, seperti kita semua tahu, PAS pun sudah mengakui akan pentingnya faktor Cina ini. Mereka telah bekerjasama dengan Cina melalui apa yang dikatakan CCC, dan akhirnya mereka telah mengalami kekalahan yang teruk.

Sebab apa PAS yang telah menyedari akan pentingnya faktor Cina dalam politik Malaysia telah mengalami kekalahan yang begitu teruk? Jawabnya secara mudah memang mudah saja sebabnya, iaitu kerana PAS tidak kenal Cina dan tidak tahu Cina. PAS ingat dia sudah cukup cerdik dia nak gunakan Cina untuk kemenangan PAS. Dia tak tahu yang Cina lebih cerdik daripada dia, sebab Cina sudah lama buat kerja macam itu. Kalau tidak takkan Cina boleh menguasai ekonomi negara ini sejak dari sebelum merdeka hingga sekarang, dan takkan Cina boleh menjadi faktor yang penting dalam politik negara ini sejak tahun 1952 lagi.

Dalam wawancara dengan Dr Mahathir oleh sebuah majalah antarabangsa Amerika yang dijual di sini, iaitu majalah Newsweek keluaran 2 Mei 1988, mengikut apa yang saya faham, Dr Mahathir telah memberikan penjelasan yang jelas mengenai faktor Cina dalam politik kita hari ini. Kata Dr Mahathir, British telah membawa masuk Cina dan India ke negeri ini tanpa membincangkan dengan kita terlebih dahulu, dan kemudian Cina dan India, terutamanya Cina, telah membentuk satu jumlah yang besar sebagai warganegara yang mempunyai hak yang sama dengan orang Melayu dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, dan kerana itu demokrasi kita tidaklah boleh disamakan dengan demokrasi negara-negara lain.

Perkara ini juga telah ditekankan oleh Dr Mahathir dalam suratnya kepada ahli-ahli Parlimen Australia sebagai membalas surat mereka yang mempersoalkan kebijaksanaan kerajaan Malaysia melakukan tahanan ISA lebih dari 100 orang berhubung dengan masalah ketegangan kaum pada bulan Oktober 1987. Dalam suratnya yang bertarikh 25 April 1988, antara lain Dr Mahathir menulis:

“Mereka mengenyepikan pandangan kaum Asli dan membawa masuk orang Cina dan India tanpa memikirkan sama ada mereka boleh hidup dalam harmoni atau tidak. Apabila kita mencapai kemerdekaan, 50 peratus daripada penduduk negara ini terdiri daripada keturunan orang yang dibawa masuk itu.”

Mereka yang dimaksudkan dalam petikan di atas itu ialah British. Dr Mahathir menambah lagi dalam suratnya itu dengan menganjurkan: *“Sekiranya anda tidak mengamalkan perkauman anda seharusnya mengamalkan apa yang dilakukan oleh British terhadap kami. Ambillah seberapa banyak orang Cina dan India untuk menjadikan Australia sebagai tempat tinggal mereka sehingga 50 peratus daripadanya menjadi penduduk Australia. Apabila sampai ke tahap itu mereka mahu bahasa Cina dan India dijadikan bahasa pengantar dan anda menerimanya, barulah kami boleh mendengar pendapat anda tentang bagaimana hendak mentadbir Malaysia.”*

Faktor Cina menjadi penting dalam politik dan ekonomi kita hari ini adalah disebabkan oleh British. Mereka yang membawa masuk Cina ke negeri ini banyak-banyak untuk kepentingan mereka semasa mereka menjajah kita, sekarang bila kita merdeka British lepaskan semua masalah kepada kita, dan kita terpaksa hidup sebagai sebahagian sahaja daripada rakyat dan warganegara kepada negara yang asalnya kitalah sahaja yang menjadi rakyatnya. Sekarang kita tak boleh fikirkan kita sahaja sebagai rakyat yang berhak ke atas negara ini. Kita juga terpaksa fikirkan Cina dan India. Kita tak ada pilihan lagi. Kita terpaksa terima keadaan ini.

Ini adalah sebahagian daripada akibat yang kita terima kerana negara kita telah dijajah. Dan ini adalah sebahagian daripada proses perkembangan sejarah dunia. Apabila kita dijajah, orang asing yang menentukan perkembangan sejarah kita. Hari ini kita telah merdeka, maka kitalah pula yang mesti menentukan setiap perkembangan yang akan menjadi sejarah bagi anak-anak kita nanti, yang akan menjadi sejarah kita dan sebahagian daripada sejarah dunia.

Mari kita balik kepada cerita kekalahan PAS. Sebelum pilihanraya 1986 mereka yakin mereka akan menang kerana mereka fikir mereka telah menemui satu formula, iaitu mereka menemui faktor Cina dalam politik Malaysia. Mereka membuat kerjasama dengan CCC. Tujuan mereka ialah mereka hendak menggunakan orang-orang Cina, iaitu supaya orang-orang Cina undi PAS. Mereka hanya berfikir bagi pihak

mereka sahaja. Mereka tidak berfikir bagaimana pula di pihak orang-orang Cina. Kenapa orang-orang Cina hendak undi PAS, itu mereka tak fikir. Mereka tengok ramai orang Cina datang dengar ceramah mereka, mereka fikir orang Cina sudah sukakan mereka.

Begitulah politik PAS. Mudah sangat. Mereka tak fikir tentang orang lain, mereka hanya fikirkan mereka saja. Penemuan faktor Cina dalam politik Malaysia oleh PAS sebelum pilihanraya 1986 itu adalah suatu kemajuan yang penting di dalam sejarah politik PAS. Tetapi sayangnya mereka hanya baru bertemu sahaja dengan faktor itu, tetapi mereka belum tahu lagi apa yang mereka mesti buat dengan faktor itu. Sedangkan UMNO sudah bertemu dengan faktor itu sejak pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 lagi.

Soalnya sekarang yang ingin saya timbulkan dalam bab ini ialah apakah faktor Cina dalam politik dan ekonomi Malaysia sama dengan faktor Yahudi dalam politik dan ekonomi Amerika? Sejauh manakah orang-orang UMNO hari ini, sama ada UMNO baru mahupun UMNO lama, sedar akan faktor Cina ini dan tahu apa yang mereka mesti buat dengannya? Sekiranya orang-orang UMNO makin hari makin ramai yang asyik memikirkan politik diri sahaja, tidak mungkinkah apa yang telah berlaku kepada PAS dalam tahun 1986 itu akan turut berlaku pula kepada UMNO?

“Jika kuasa yang ada ini hilang, kerana sengketa politik-diri, rintihan dan tangisan akan sia-sia, kerana kuasa yang hilang tak mungkin dapat lagi.” Begitulah kata-kata yang terukir dalam kad selamat hari raya M Noor Azam, Setiausaha Politik Perdana Menteri, sebagai menyambut hari raya 1408 baru-baru ini. Apakah maksud kata-kata tersebut? Maksudnya mengikut fahaman saya ialah sekiranya orang-orang UMNO terus bersengketa kerana politik diri, bukan kerana politik bangsa atau politik agama atau politik negara, kuasa politik yang ada di tangan UMNO sekarang mungkin akan hilang.

Hilang kepada siapa? Tak mungkin hilang kepada PAS, kerana untuk beberapa tahun yang akan datang ini PAS tidak

akan menang. Salah satu daripada sebabnya ialah kerana PAS belum menunjukkan apa-apa tanda yang dia boleh menguasai faktor Cina. Jadi, kalau bukan kepada PAS, kepada siapa? Mungkin kepada DAP atau mungkin kepada parti lain yang dikuasai oleh orang Cina. Pokoknya, hilang kepada orang-orang Cina. Itulah yang menjadi kebimbangan Setiausaha Politik Perdana Menteri, sehingga dia menggunakan kad hari rayanya untuk memberi amaran kepada orang-orang Melayu.

Dalam masa buku ini hampir siap, ketika membaca kembali beberapa bab yang telah siap ditulis, tiba-tiba saya berasa nostalgia dan teringat nak pergi ke New Hotel di Jalan Raja Muda, tak jauh dari Chow Kit. New Hotel ialah sebuah hotel yang menjadi tempat tumpuan orang-orang besar UMNO pada tahun-tahun 50-an dan 60-an dulu. Kebiasaan saya apabila teringat seperti itu saya akan pergi. Jadi saya pun pergi.

Hotel itu merupakan dua pintu daripada sederet bangunan kedai dua tingkat. Ada restoran di bawahnya. Bila saya masuk restoran itu, tak disangka-sangka saya berjumpa dengan seorang kawan lama, iaitu kawan sekerja di sebuah syarikat pengedaran ensiklopedia, di mana saya pernah bekerja sebagai pegawai pemasaran, sebelum saya mula menulis buku dulu. Kawan saya itu seorang Cina, Wong Kok Keong namanya.

Selepas bertanya khabar sedikit sebanyak lebih kurang, seperti biasa bila saya ditanya apa saya buat sekarang, saya jawab saya sedang menyiapkan buku baru. Langsunglah saya bercerita tentang pemikiran saya dalam buku baru, khususnya yang ada kena mengena dengan orang Cina, sebab kawan saya itu orang Cina. Bercerita punya cerita saya pun cerita dengan dia pasal surat Tunku kepada saya yang tidak bersetuju dengan pandangan saya terhadap orang-orang Cina di Malaysia.

“Saya tak hairan dengan sikap Tunku tu,” kata Wong.

“Jadi you setuju dengan Tunku?” Saya bertanya kembali.

“Macam mana saya boleh setuju dengan Tunku. Tunku itu sudah ketinggalan. Dia tidak dapat membezakan antara

orang di zaman sekarang dengan orang di zaman dia menjadi Perdana Menteri dulu. Orang Melayu pun sudah banyak berubah. Dulu orang Melayu tak suka berniaga, sekarang orang Melayu sudah ramai yang masuk bisnes. Orang Cina pun sudah banyak berubah juga. Dulu orang Cina cuma tahu berniaga saja, tak berapa mahu campur politik, sekarang orang Cina sudah ramai yang suka politik. Jadi pandangan Tunku sekarang kita tak boleh pakai lagi, sudah ketinggalan. Wong memberikan pendapatnya terhadap pendapat Tunku.

Bila dia lihat saya diam sahaja, dia meneruskan: "Orang Cina ini, kata orang di mana sahaja ada cahaya matahari atau air laut, maka di situ ada bayang orang Cina. Selain daripada negaranya China yang termasuk sama Taiwan, Hongkong dan Macao, orang Cina juga mendiami di Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura. Di Singapura mereka yang ramai sekali. Negara-negara lain yang ramai juga orang Cina ialah Canada, Australia, Amerika Syarikat, you pun tahulah."

Memang pendapat Wong itu betul. Saya pun ada kawan-kawan Cina yang dulunya warganegara Malaysia, kini sedang menunggu untuk menjadi warganegara di Australia, Canada, Amerika. Mereka telah berhijrah kerana mahu mencari kehidupan yang lebih baik dan lebih menguntungkan.

Matlamat utama perpindahan mereka sangat jelas, dari dulu sampai sekarang, tidak lain daripada matlamat ekonomi, iaitu mendapatkan kekayaan dan mengaut keuntungan. Perpindahan itu juga berlaku kerana suasana dalam negeri mereka yang mereka tidak mempunyai peluang yang baik untuk memperbaiki kehidupan mereka. Jadi jalan yang sebaiknya adalah pindah. Di Malaysia ini sangat jelas. Apabila timah dan getah ditemui dan menjadi faktor ekonomi yang penting, maka Inggeris telah membawa orang-orang Cina itu untuk membuka lombong bagi orang-orang Inggeris.

Tak lama selepas mereka pindah ke negara kita, orang-orang Cina pun menguasai ekonomi negara ini. Itulah matlamat mereka yang asal datang ke Tanah Melayu ini. Kata J. Norman Parmer dalam buku *Kerajaan dan Politik Asia*

Tenggara: "Hanya segolongan kecil sahaja orang Cina Malaya yang kelihatan berminat untuk memperolehi kuasa politik tambahan; yang lainnya nampaknya berpuashati untuk membiarkan bidang politik kepada orang Melayu dan meletakkan kepercayaan mereka kepada cara-cara yang kurang bersifat awam dan mencari cara-cara yang lebih bijaksana untuk melindungi kepentingan ekonomi mereka."

Hasil bumi yang sangat berharga iaitu timah di Kuala Lumpur misalnya dikuasai oleh orang Cina. Malah sejarah yang kita belajar di sekolah pun mengatakan bahawa Kuala Lumpur dibuka oleh orang Cina yang bernama Yap Ah Loy. Sedangkan sebelum kedatangan Cina, orang Melayu memang sudah ada. Jadi, macam mana sejarah kita boleh ditulis macam itu saya memang tak faham. Begitu juga dengan Ipoh dan Taiping.

Hari ini politik dan ekonomi tidak lagi boleh dipisahkan. Orang yang menguasai ekonomi boleh menggunakan kuasa ekonomi untuk mendapatkan kuasa politik dan kedua-duanya. Begitu juga sebaliknya orang yang menguasai politik boleh menggunakan kuasa politik untuk mendapatkan kuasa ekonomi dan kedua-duanya. Perkara ini memang sudah disedari oleh orang Melayu dan juga orang Cina. Secara psikologinya masing-masing berasa tidak selamat. Setahun demi setahun faktor Cina di dalam politik dan ekonomi di Malaysia menjadi semakin besar, semakin penting dan tak dapat dielakkan lagi.

Keadaannya sekarang ini macam hukum rimba atau *survival of the fittest*. Siapa kuat dia yang menang dan dia yang boleh terus berkuasa. Negeri ini seolah-olah bukan lagi menjadi negeri orang Melayu. Hanya orang Melayu sahaja yang masih lagi berasa begitu, dan mereka akan terus berasa begitu sehinggalah suatu hari nanti terjadi seperti apa yang telah terjadi kepada Singapura. Sama ada itu akan benar-benar terjadi atau tidak, orang-orang UMNO hari inilah yang menentukannya.

Kalau kita kaji dalam sejarah, Tunku Abdul Rahman

adalah antara orang yang bertanggungjawab menjadikan sejarah negara ini begini. Dialah yang mengajak orang Cina supaya menyertai politik kebangsaan. Pada waktu kawasan pilihanraya hampir semuanya mempunyai majoriti orang Melayu dan pada waktu orang Melayu menguasai politik negara ini, Tunku sengaja memberi peluang kepada orang-orang Cina menjadi wakil rakyat. Sekarang bukan sahaja orang-orang Cina meminta kawasan pilihanraya yang lebih banyak, tetapi orang India pun ikut sama meminta.

Apabila kita mengadakan satu dasar pelajaran kebangsaan, orang-orang Cina menentangnya. Dan penentangan itu sehingga sekarang pun masih lagi mempunyai saki bakinya, walaupun dalam bentuknya yang berbeza daripada yang dahulu. Mereka masih lagi mempertahankan sistem pelajaran sekolah Cina swasta mereka.

Mempertahankan sistem sekolah Cina ini menjadi isu politik mereka yang sangat penting dan mendapat sambutan dan sokongan rakyat yang baik walaupun ada orang-orang Cina sendiri yang telah menerima akan hakikat sebuah negara yang memerlukan satu sistem pelajaran yang selari dengan falsafah negara dan matalamat perpaduan yang sangat penting.

Lebih memalukan lagi ialah pelajar-pelajar Cina di luar negeri yang lebih banyak menentang kerajaan dengan pelbagai isu demokrasi dan sebagainya. Mereka ini jelas telah lupa sejarah asal mereka dan tidak cuba berterima kasih walaupun kepada diri sendiri.

“You dengarkah apa yang saya cakap ini?” Wong kawan saya itu mengejutkan saya daripada menungging tentang faktor Cina dalam politik Malaysia.

“Dengar, dengar, apa pulanya tidak dengar.” Jawab saya.

“Orang-orang Cina kebanyakannya tidak tahu berterima kasih langsung.”

“Eh, you orang Cina, apa pasal you cakap macam itu?” Tanya saya.

“Sebab saya orang Cina lah saya cakap macam itu. Takkan you tak tahu kes Pulau Pinang sana?”

“Itu saya tahu. Tapi bagi saya kes Singapura lagi teruk. Habis terus Singapura itu jadi negeri Cina sekarang.” Jawab saya dengan menyembunyikan rasa sedih dan luka yang maha dalam di dalam hati.

Memang seorang ahli politik di Malaysia bukan lagi seorang ahli politik kalau dia tidak dapat berfikir akan faktor Cina dalam politik UMNO. Seorang ahli politik Melayu yang berkalibar dan berwibawa, yang mempunyai masa depan dalam politiknya adalah seorang yang dapat berfikir tentang politik Malaysia dengan sekaligus memasukkan faktor Cina. Tetapi soalnya pula bagaimanakah dia memasukkan faktor Cina itu? Macam Tunku Abdul Rahmankah, macam Tengku Razaleighkah, atau macam Dr Mahathir?

Cara Tunku mengambilkira faktor Cina dalam politik Melayu kita sudah bincangkan dalam bab Bapak Kucing. Cara Tunku itu sudah lapok dan tak boleh lagi dipakai pada hari ini. Bahkan disebabkan cara pemikiran Tunku itulah kita menghadapi masalah pada hari ini dan Singapura telah menjadi negeri Cina. Tak pa tak pa, kata Tunku. Tapi Dr Mahathir tidak bersetuju dengan cara Tunku, dia menentang Tunku dan akibatnya dia dipecat dari UMNO oleh Tunku. Tetapi kerana dia berada di pihak yang benar, dia kembali semula ke dalam UMNO dan kemudian diterima menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Tengku Razaleigh adalah seorang pemimpin UMNO yang terkenal sebagai seorang yang pintar mengambilkira faktor Cina. Perkara ini telah banyak saya bincangkan dalam buku *'Challenger' Siapa Lawan Siapa*. Pada zaman Ku Li menjadi Menteri Kewangan, banyak lesen-lesen penting yang diberikannya kepada Cina. Beliau banyak berkawan baik dengan tauke-tauke Cina yang kaya, dan mereka saling bantu membantu untuk kepentingan politik dan kewangan mereka.

Cara Ku Li sebenarnya adalah lanjutan kepada cara

Tunku. Kalau Tunku dengan caranya itu telah menghadiahkan Singapura kepada Cina, negeri manakah pula yang akan dihadiahkan oleh Tunku Li kepada orang Cina? Kalau orang-orang Kelantan diajak berfikir tentang perkara ini dengan jujur, saya percaya mereka tentu boleh menjawabnya, kerana mereka telah melihat sendiri bagaimana perubahan yang berlaku ke atas bandar Kota Bharu sedikit demi sedikit.

Penghijrahan membentuk manusia menjadi orang-orang yang pintar merebut peluang. Di negara ini secara perbandingan, orang-orang Cina, disebabkan oleh sejarah mereka di sini adalah sejarah penghijrahan, ditambah pula oleh sejarah keadaan di negera asal mereka, mereka adalah orang-orang yang pintar merebut peluang.

Disebabkan oleh persekitaran baru dan asing serta serba mencabar, lama kelamaan orang-orang Cina di seberang laut telah mencipta satu cara hidup dan falsafah serta sistem yang berteraskan realisme pragmatis, yang akhirnya membentuk pola perlakuan dan norma kehidupan mereka yang berorientasikan kepentingan diri lebih daripada kepentingan yang lain-lain. Apapun yang dilakukannya adalah berteras dan bertolak daripada kepentingan diri.

Kepentingan-kepentingan masyarakat dan negara tidak menjadi satu kepentingan kepada mereka. Satu manifestasi yang jelas dalam perkara ini ialah apabila kita memerhatikan kepada tabiat orang-orang Cina. Segala sesuatu yang sebenarnya dikatakan sebagai kepentingan kelompok dan masyarakat Cina pada hakikatnya adalah kepentingan beberapa kerat orang-orang Cina yang tertentu sahaja. Ini jelas misalnya seperti yang terbukti daripada kes Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang melibatkan jutaan wang rakyat yang disalahgunakan oleh hanya beberapa kerat orang sahaja.

Inilah yang sepatutnya menjadi ingatan kepada semua ahli politik Melayu, bukannya hanya berjuang untuk kepentingan diri dan beberapa kerat yang sudah mati masa depan politiknya sahaja.

Sikap orang Cina yang berpegang kepada realisme pragmatis itu menyebabkan mereka boleh hidup dalam keadaan macam mana sekalipun. Kalau ahli-ahli politik Melayu tidak sedar dengan sesedar-sedaranya, keadaan yang tidak stabil dalam politik Melayu akan menyebabkan orang-orang Cina dengan mudah merebut apa sahaja peluang, sama ada peluang ekonomi yang memang telah dipegang di tangan mereka ataupun peluang-peluang lain dalam bidang politik dan sosial.

Tak usah ambil contoh yang jauh. Ambilkan sahaja contoh bagaimana orang Cina pergi berjumpa dengan menteri-menteri Melayu atau wakil-wakil rakyat Melayu. Mereka kalau pergi jumpa di pejabat, ataupun di rumah, mereka cukup bebas sekali. Mula-mula mereka pergi dibawa oleh orang Melayu yang memperkenalkan mereka, tak lama selepas itu semua peluang berniaga mereka yang dapat, mereka yang jadi kawan rapat, pejabat itu jadi macam pejabat mereka, rumah itu jadi macam rumah mereka, orang Melayu yang jadi tukang perkenalkan mula-mulanya tadi sudah tidak berguna lagi dan terus ditinggalkan. Itu sahajalah nasib orang Melayu.

Orang Melayu nak masuk jumpa Menteri pun ada dengan segala macam malu dan takut. Akhirnya yang dapat apa-apa peluang adalah orang Cina. Salah siapa? Ini bukan salah orang Cina, sebab itu memang sudah jadi cara mereka. Mereka cukup pandai ambil hati orang kalau mereka ada tujuan tertentu. Orang kita pula mudah sangat jadi lemah bila mendapat pertolongan orang Cina. Kata dia, tengok Cina tu, dia Cina tapi dia tolong kita, maka kita pun baik kita tolong dia. Tolong orang Melayu kita bukan dapat apa.

Itu memang kepintaran orang Cina. Akhirnya kita yang buat kerja, dia yang kaut untung. Kita yang susah, dia yang senang lenang. Kita yang berjuang mempertahankan tanahair daripada macam-macam kuasa yang hendak menjajah kita, pelbagai bentuk penjajahan dari berzaman-zaman, daripada zaman Portugis, Belanda, Inggeris sampailah kepada zaman Jepun dan kemudian memperjuangkan kemerdekaan daripada Inggeris.

Bacalah sejarah. Siapakah tokoh orang Cina yang turut berjuang bersama kita sepanjang zaman itu? Tapi sepanjang zaman itu, siapakah yang mengaut untung dan nikmatnya? Merekalah, siapa lagi? Tapi bukanlah salah mereka, kerana itu memang perangai dan kepintaran mereka. Orang kita asyik bertengkar sahaja siang dan malam.

Saya pernah membuat kajian mengenai kedatangan orang-orang Foo Chow ke Sarawak sewaktu pemerintahan Rahman Yaakub, tetapi sebelum sempat saya menyiapkan kajian saya itu, saya telah dihalau keluar oleh Rahman Yaakub. Saya memang ingin meneruskan lagi kajian itu, tetapi sayangnya saya tidak dibenarkan memasuki Sarawak sampailah kepada Ketua Menteri Sarawak yang bernama Taib Mahmud, orang Freemason.

Kita sedang menghadapi zaman akhir Dasar Ekonomi Baru. Bayangkanlah dalam menghadapi saat-saat yang penting ini sekiranya keadaan politik orang Melayu tidak stabil, maka waktu inilah orang-orang Cina akan mengambil kesempatan memasang lukahnya di pergentingan. Anak-anak cucu kita nanti tidak akan memaafkan kita kerana telah membuat kesilapan yang sebegini besar. Asyik berkelahi sesama sendiri kerana merebut kerusi dan kuasa. Yang telah kalah pun, kerana ada duit banyak sikit, dan disokong oleh Cina, sanggup pergi ke mana-mana berkempen memburuk-burukkan kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu.

Demikianlah faktor Cina dalam politik kita. Apabila kuasa politik pun kita terpaksa *bargain* dengan orang Cina, kuasa apa lagi yang ada pada kita? Kalau pada masa itu ada orang Cina katakan *cancau lu* Melayu, apa kita nak buat?

Kenapa maka hal ini semua terjadi? Jawapannya amat mudah, iaitu kerana politik kita lemah. Orang-orang Cina telah melihat bagaimana orang-orang Melayu bukan sahaja berpecah kepada UMNO dan PAS, tetapi dalam masa yang sama dalam UMNO itu sendiri telah ada perpecahan yang jelas, yang bukan disebabkan oleh orang-orang lain tetapi oleh orang-orang Melayu sendiri.

(Form 16)

Ref: IE/UP/75 (0053)

MALAYSIA

IMMIGRATION REGULATIONS, 1963

ORIGINAL

SPECIAL PASS

No 132978

[Regulation 14 (3)]

To Syed Hussien Bin Alwee

Holder of Malaysia ~~passport~~ ~~(international)~~


document No. A0653460 issued at Johore Bahru

on 5-7-75 *(which has been retained).

You are hereby permitted to ~~enter~~ remain in S'wak for a period
until 26-11-75
of days from the date of issue hereof for the purpose of making

necessary arrangement to leave
the State

Date of issue 24-11-75


Controller of Immigration

* Delete if not applicable

Special Pass yang dikurniakan kepada saya sewaktu menulis buku *Sarawak Kepada Siapa Hendak Diserahkan* di Sarawak. Selepas itu saya terpaksa keluar dari bumi Kenyalang dengan hati yang terguris dan perasaan yang hampa.

I was told to leave Sarawak: Writer

KUALA LUMPUR, wed. — A writer on local political issues today claimed he was refused entry into Sarawak by an immigration officer at the Kuching international airport yesterday.

Syed Hussein Alwee or Syed Hussein Alattas said the immigration officer, whom he did not identify, did not give any reasons.

He said after arriving at the Kuching airport from here on Malaysian Airline System (MAS) flight MH505 at 4.45pm, he was told by a senior immigration officer to leave the State on the next flight to Kuala Lumpur.

Syed Hussein claimed that he had asked permission from the officer to telephone Chief Minister Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud and Yang di-Pertua Negeri Datuk Haji Ahmad Zaidi Adruce Mo-

hamed Noor, both of whom he claimed were his friends, but the officer refused to let him use the telephone.

He said that when asked by the officer whether he had money to return to Kuala Lumpur, he said "no" and the officer returned later to give him a ticket on MAS flight MH506 to fly back here last night.

Syed Hussein said later he was escorted into the aircraft

■ THE COSTLIEST STATE ELECTIONS EVER — SEE TIMES TWO

by the immigration officer, and returned to Kuala Lumpur.

He claimed that the immigration officer had no reason to bar him from entry into the State as he had not committed any crime.

The notice of refusal of entry

issued by the Kuching airport immigration office stated that he was refused entry for "being a prohibited immigrant under section 8 (3) of the Immigration Ordinance 1959 read in conjunction with Sections 64, 65 and 66 of the same act".

Section 8 (3) listed several categories of persons who are in the prohibited classes while Sections 64, 65 and 66 relate to special provisions for Sabah and Sarawak.

Syed Hussein said he had written two books on Sarawak — *Kenapa Rosli Dhobi dan Tiga Hero Sarawak Dihukum Bunuh*, written in 1975, and *Sarawak Kepada Siapa Hendak Diserahkan?*, written in 1979.

He said that in 1975, he was also asked to leave Sarawak after his first book on the State was released. — Bernama



SYED HUSSEIN— wrote two books on Sarawak.

Lama juga saya duduk berbual di situ, hingga waktu pun sudah masuk waktu Zuhur. Apabila masuk waktu Zuhur, saya pun keluar daripada hotel tersebut untuk pergi sembahyang. Pada mulanya saya fikir saya hendak sembahyang di Masjid Pakistan yang memang dekat dengan hotel itu, tetapi entah kenapa saya menukar niat saya dan menuju ke Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk pergi ke Masjid India.

Sambil menuju ke Masjid India yang terletak di Jalan Melayu itu fikiran saya tertanya-tanya akan sesuatu. Di Malaysia sudah lama ada Masjid Pakistan, ada Masjid India dan ada Masjid Arab, tapi di Malaysia tidak ada Masjid Cina. Kenapa? Dan bilakah pula agaknya orang-orang Cina akan membangunkan masjid Cina di Malaysia? Nak katakan mereka itu tidak ada wang untuk bangunkan masjid, tentulah orang tak akan percaya.

Terlintas di dalam fikiran saya agaknya tidak lama lagi orang-orang Cina akan membangunkan Masjid-Masjid Cina di Malaysia. Ini semua bukanlah satu perkara mustahil, kerana orang-orang Cina Islam di Malaysia hari ini sudah ramai. Dan orang-orang ini pula bukannya muallaf macam di zaman Tunku dulu, yang bila disebut muallaf itu orangnya miskin dan meminta sedekah. Hari ini Cina masuk Islam kerana memang mereka percaya dan menghayati agama Islam. Orang-orang Cina pun tahu bahawa Tunku bercakap tentang Islam tetapi kehidupannya bukan cara Islam.

Orang-orang Cina Islam hari ini adalah seperti Cina-Cina yang membangunkan Zaitun Industries. Antara rahsia kejayaan Zaitun Industries pembuat kosmetik gunakan tanpa was-was itu ialah kerana mereka menggunakan unsur-unsur aqidah Islam di dalam kempen iklan-iklan mereka. Gunakan tanpa was-was itu ditujukan khas untuk orang-orang Islam yang menganut aqidah Islam. Kemudian terbentang pula di simpang-simpang jalan tulisan "Keluarga Muslim hari ini memilih Zaitun" di dalam iklan mereka yang besar-besar.

Pengusaha-pengusaha Cina Muslim yang memiliki Zaitun Industries sedar bahawa Islam sudah menjadi sebagai satu

force (tenaga yang berkuasa) di Malaysia. Bukan sahaja *force* di dalam politik, tetapi juga *force* di dalam ekonomi dan perdagangan. Saya percaya selepas ini, selepas mereka menubuhkan Solid Gold, tidak mustahil Zaitun Industries akan membangunkan sebuah masjid Cina di Kuala Lumpur.

Masjid Cina di Malaysia ini sangat penting untuk membuka mata orang-orang Cina sendiri bahawa sudah ramai orang-orang Cina yang memeluk agama suci Islam sekarang ini. Kalau orang Cina sanggup mendirikan gereja-gereja dan tokong-tokong di mana-mana, tentu mereka sanggup mendirikan masjid juga. Lagipun di negeri Cina sendiri ada berjuta-juta Cina Islam dan rakyat Cina sudah mula menolak ajaran komunis yang dibawa oleh marxis. Siapa tahu mereka akan memilih Quran dan hadith sebagai petunjuk.

Apabila ada Masjid Cina maka kita dengan mudah dapat mengenali manakah satu Cina yang Islam dan manakah satu Cina yang bukan Islam. Dan dengan adanya masjid Cina ini nanti akan bertambah ramailah Cina-Cina yang akan menganut agama Islam.

Masjid itu sendiri adalah satu institusi. Ia memudahkan bukan sahaja Pusat Islam hendak mengadakan program-program yang khas dan khusus untuk orang-orang Cina, tetapi juga memberikan imej kepada orang-orang Cina Islam itu sendiri.

Mungkin masalah besar penyebaran Islam di kalangan orang Cina yang kurang begitu menggalakkan adalah disebabkan oleh ketiadaan media mesjid ini. Jadi dengan terbinanya Masjid Cina ini maka akan memudahkan segalanya.

Apabila tiba di Masjid India, saya lihat hari itu ramai yang berjubah. Saya pun teringatlah bahawa hari itu adalah hari Rabu. Memang pada setiap hari Rabu orang-orang dakwah Tabligh ini berkumpul di situ.

Disebabkan waktu sudah agak lewat, saya pun terus menunaikan kewajipan saya dengan solat Zuhur. Selesai solat Zuhur saya pun keluar dari masjid itu. Di Jalan Melayu itu,

di Wisma Yakin, ada sebuah kedai buku yang bernama Pustaka Melayu Baru. Saya sudah agak lama juga tidak bertemu dengan Tuan Haji Saat, tuannya Pustaka Melayu Baru. Saya pun terus menuju ke sana.

Kebetulan pada waktu itu Tuan Haji Saat memang ada di pejabatnya. Saya pun terus memberi salam kepadanya. "Assalamualakum Pak Aji".

"Waafakumussalam! Apa tajuk buku baru?" Tuan Haji Saat terus bertanya saya.

"Talqin Untuk UMNO" jawab saya ringkas.

"Hebat tajuk! Bila siap? Hantarkan pada Pak Aji macam biasa.

"Boleh. Insya Allah. Pak Aji tahu kenapa tajuk buku saya kali ini macam tu?"


"Belum baca mana saya nak tahu. UMNO yang mana yang mati ni Syed?"

"UMNO lamalah Pak Aji, yang mana lagi." Jawab saya.

"Pak Aji tidak hendak buat kenduri ke?" Saya berseloroh.

"Lepas buat kenduri nanti Syed akan tulis buku lain pula."

"Insya Allah. Istana dan rakyat kerana dulu UMNO lahir di Istana sekarang UMNO berada di pangkuan rakyat."



Prof. Dr. Syed Hussein Alatas Naib Canselor Universiti Malaya.

BAKAL PERDANA MENTERI

Penerbangan dari Kuala Lumpur ke Manila mengambil masa selama 3 jam 15 minit. Tetapi saya jarang sekali berasa jemu dalam penerbangan. Bukanlah kerana saya asyik memandangi senyum manis pramugari-pramugari Penerbangan Malaysia yang lebih dikenali dengan nama lamanya MAS yang memang cantik-cantik manis belaka, tetapi saya memang selalu ada saja perkara yang boleh saya lakukan untuk mengelakkan rasa jemu dan bosan.

Sebut pasal senyum manis pramugari Penerbangan Malaysia, kalau para pembaca selalu melihat gambar-gambar pramugari dari berbagai-bagai syarikat penerbangan, cubalah saudara bandingkan senyuman mereka. Saya kebetulan perasan perkara ini semasa di lapangan terbang Jakarta. Di tempat kita nak *check in* tiket, beberapa kaunter ada memamerkan gambar seorang pramugari yang dipotong sebesar ukuran manusia biasa, berdiri dan memamerkan senyum seolah-olah mengucapkan selamat datang kepada kita. Senyuman pramugari-pramugari lain kelihatan seperti senyuman komersial, iaitu senyuman yang dipaksa. Tetapi senyuman pramugari kita terasa kemesraan dan keikhlasan senyumannya yang tidak dibuat-buat.

Waktu itu saya berasa bangga bahawa rupa-rupanya bangsa kita masih lagi kaya dengan perasaan keikhlasan dan kemanusiaan yang semula jadi, sedangkan kebanyakan bangsa lain senyum mereka pun sudah jadi senyum komersial atau senyum cari makan.

Sebenarnya macam-macam perkara boleh kita buat atas kapalterbang. Ada orang suka tengok video, ada orang suka main trup, ada orang suka minum arak, ada orang suka membaca, ada orang suka mengorat, ada orang suka berbual dan ada orang suka tidur. Ada juga orang yang suka tengok keindahan di atas angkasa. Lebih-lebih lagi kalau di waktu subuh atau di waktu senja. Tapi lama mana sangat kita boleh tengok keindahan di atas angkasa? *Wonders of the world will last for seven days only*. "Keajaiban dunia paling lama dikagumi dalam masa seminggu saja". Berita muka depan yang penuh sensasi pada hari ini, esok lusa sudah jadi kertas bungkus belacan.

Keajaiban yang kekal abadi buat selama-lamanya hanya sanya satu sahaja, iaitu keagungan dan kekayaan Allah yang Esa.

Hari itu Allah Ta'ala yang maha kaya telah mempertemukan saya dengan seorang kenalan dari Indonesia. Siapa boleh sangka? Dia dari Jakarta, saya di Kuala Lumpur, kami diberi tempat duduk yang sebelah menyebelah di atas kapalterbang ke Manila. Rupa-rupanya dia sudah tiga hari di Kuala Lumpur, tetapi di darat kami tak berjumpa, sebaliknya kami berjumpa di udara. Duduk pula sebelah menyebelah kerusi. Dulu pun kami berjumpa di Puncak secara tak sengaja, tapi seronok dan mesra.

Kenalan saya ini seorang wartawan di Jakarta. Kami sudah lama tak ketemu. Waktu saya ke Indonesia baru-baru ini, saya tidak sempat ketemunya, kerana saya terlalu sibuk. Sekarang kami sudah duduk bergandingan dan terpaksa duduk di situ lebih dari tiga jam, eloklah ada cerita perbualan yang seronok. Kalau tidak tentu sekali perjalanan ini akan membosankan.

“Bapak ada urusan apa di Manila?” tanya dia.

“Saja bung, jalan-jalan,” jawab saya.

“Kok saja jalan-jalan? Eh, orang Kuala Lumpur sekarang bila mahu jalan-jalan pergi ke Manila ya?” Tanya dia berseloroh.

“Bukan begitu bung,” kata saya. “Sebenarnya saya sedang menulis buku, jadi saya cuba melihat politik Malaysia daripada kota Manila.”

“Eh, kok gitu? Kenapa lihat Malaysia dari Manila? Kenapa tidak dari Kuala Lumpur saja? Aneh bapak ini.” Dia bergurau lagi.

“Mana ada penulis yang tidak aneh bung. Kalau mereka tidak aneh, mereka tidak boleh jadi penulis yang baik, kan? Bung tahu bagaimana cara-cara mahu lihat hantu?” Terlanjur dia sudah kata saya aneh, elok jugalah kalau saya kemukakan satu pertanyaan yang aneh kepadanya.

“Enggak. Bagaimana sih, tiba-tiba bertanya tentang hantu.” Dia kaget.

“Orang kalau mahu lihat hantu mesti menengoknya dari posisi yang aneh. Mereka harus menonggeng, mengintai hantu dari antara dua kaki, baru dia bisa nampak hantu. Maka itulah sebabnya saya mahu ke Manila.”

“Oh, jadi politik Malaysia itu macam hantu ya?” Tanya dia kehairanan.

“Begini bung! Bukan politik Malaysia yang macam hantu. Yang saya maksudkan dengan hantu itu ialah orang-orang politik yang sudah mati masa depan politiknya, tetapi mereka mahu hidup kembali, mahu merampas kuasa. Seperti Marcos di Manila. Bung tahu kan betapa besarnya dosa Marcos terhadap rakyat Filipina? Tapi dia masih rasakan dia mahu jadi seorang pejuang rakyat, mahu menggulingkan Aquino.”

“Perkara jatuh menjatuhkan itu saya faham. Tapi saya masih fikir cara bapak ini agak lucu dan aneh. Akan tetapi, ya, itulah makanya buku-buku bapak jadinya lain dari yang lain. Tidak serupa dengan buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis lain.”

“Saya ulangi bung. Semua penulis itu aneh. Mengikut kata kawan saya Zainaldin Zainal, dijey RMIK, semasa dia ditanya oleh seorang peragawan, ‘Bagaimana mahu jadi seorang dijey yang baik?’ jawab Zainaldin, ‘Satu skru mesti hilang,’ kemudian dia ketawa. Peragawan itu pun ketawa. Pendengar yang mendengar juga turut ketawa, terhibur dengan cerita Zainal. Saya sendiri pun turut ketawa. Sebab itu Zainaldin Zainal menjadi dijey yang luar biasa dan digemari ramai. Bung kenal dia?”

“Barangkali kenal di udara. Belum bertemu muka.”

“Di udara la bung! Kan perbualan kita ini pun di udara?”

“Iya ya benar, di udara.” Kami sama-sama ketawa.

“Kita ketawa ketawa juga bung. Tapi bung ini mahu ke Manila untuk apa?”

“Saya ni kan wartawan! Jadi kerja wartawan itu kan jalan-jalan.”

“Jadi serupalah kita.” Kami ketawa lagi.

Peramugari Malaysia yang cantik comel datang menghidangkan minuman untuk kami.

“Wah, genit sekali ya!” Kenalan saya memuji peramugari. Peramugari itu senang dengan pujian kawan saya, dia melemparkan sekuntum senyum yang riang.

“Eh gatal juga orang tua ini.” Saya berkata antara dengar dan tidak.

“Apa ya? Apa ya?” Dia bertanya.

“Ah, biasalah bung.”

Selepas menghirup minuman dia bertanya lagi. “Buku apa sebenarnya yang sedang bapak tulis sekarang? Kalau bapak menulis tentang hantu, saya lihat di Kuala Lumpur ada banyak buku-buku cerita hantu. Yang ciplak dari Indonesia pun ada. Tidak perlu ke Manila.”

“Itu hantu apa itu bung? Saya tidak berminat dengan hantu-hantu itu. Hantu yang saya mahu pelajari ini ialah hantu-hantu politik, khususnya yang dipelihara oleh Amerika. Apa bung tidak tahu Amerika melalui CIA memelihara hantu supaya terus mengganggu negara-negara membangun? Bung tentu tahu Amerika ini kan macam syaitan, di mana-mana negeri mereka pelihara hantu, supaya kelemahan dan kehancuran yang sedang dihadapi oleh negaranya tidak menjadi perhatian umum. Apa bung fikir di Indonesia tak ada hantu? Untuk pengetahuan bung, saya baru-baru ini pergi ke Jakarta. Dalam politik Indonesia juga ada banyak hantu. Bung kan wartawan! Masakan bung tidak tahu. Atau bung sengaja buat-buat tak tahu?”

Saya nampak dahinya berkerut. Cerita pasal hantu Amerika ini sensitif. Dia mengeluarkan rokok kreteknya dan menghulurkan kepada saya.

“Kita merokok dulu pak.”

“Maaf bung, saya tidak merokok. Bung sajalah.”

Dia pun menyalakan rokoknya, rokok kretek Gudang Garam. Saya lihat dia seperti berfikir kuat. Tentunya dia berfikir mengenai kerenah CIA di negara-negara membangun. Di Indonesia sindrom CIA ini tidak sehebat di Filipina, tetapi pengaruhnya lebih kuat daripada di Malaysia, cuma tidak dibisingkan. Di Singapura CIA sudah mula menunjukkan tangannya, tetapi Lee Kuan Yew cepat bertindak dengan berani.

“Bagini pak,” setelah menyedut panjang-panjang dan menghembuskan asap kretek dia berbicara. “Terus terang saya

katakan saya lihat antara Indonesia dan Malaysia hampir serupa saja. Cuma bezanya kebebasan akhbarnya tidak sebebaskan di Malaysia. Di Malaysia wartawan untung boleh tulis apa yang mereka fikir patut untuk melariskan akhbar mereka. Tulis buku juga begitu, boleh menulis sesuka hati untuk pihak tertentu. Kami di Indonesia tidak boleh, kami harus memikirkan undang-undang dari pemerintah. Dulu lain, demi untuk pembangunan mesti ada pihak yang terpaksa terkorban. Antara bapak dan saya tidak sama.”

“Bung kan seorang wartawan! Wartawan itu juga penulis, yang mesti berani untuk menjadi seorang penulis besar. Kan bung sendiri pernah bilang begitu sama saya dulu? Di Puncak dulu, apa sudah lupa?”

“Mahu jadi penulis besar itu semua orang mahu. Yang tidak mahunya disuruh duduk lama-lama di rumah besar, tetapi kamarnya sempit.”

“Kok gitu? Jadi bung sudah berubah fikirannya, tidak seperti kita ketemu dulu? Apa sekarang cuma tulis yang baik-baik saja?”

“Kritikan, ya ada.”

“Untuk siapa bung? Untuk yang pelihara hantu atau hantu itu sendiri?” Saya cuba mengusiknya.

“Kedua-duanya pun boleh. Pokoknya asal pemerintah saya senang. Menyenangi pemerintah itu juga kan tugas wartawan!”

“Ini cakap di udara ke bung?”

“Kita ini kan di udara pak! Di atas udara mana bisa terlalu serius?” Kami pun ketawa.

Dia tekan bell memanggil peramugari. Sekejap kemudian peramugari pun datang.

“*You can give me two beer. Okey?*”

“*Sorry, I don't take beer. Saya cukup dengan ini saja.*”
Kata saya sambil memegang gelas oren.

“Ah tinggal saja minuman itu pak. Beer ini kan bagus untuk penulis macam kita.”

“Bagus ya bagus. Penulis ada macam-macam penulis. Penulis yang minum beer, biarkanlah dia minum. Saya tidak.”

“Ah minum saja. Apa bapak malu? Saya ada kawan di Kuala Lumpur. Seorang penulis juga. Dia pun Syed macam you juga. Dia pagi-pagi minum beer, tengah hari minum beer, malam minum beer. Beer itu teman dia yang setia.”

“Dia lain, saya lain, bung. ”

“Lain bagaimana lagi. Dia pun ada Al juga di akhir namanya. Bukan yang lahirnya di hari Jumaat. Cuma Alnya itu saya tidak berapa ingat lagi, Al apa ya?”

“Alkohol barangkali.”

“Itu cakap di udara Pak. Mana ada Syed Alkohol?”

“Syed Alkohol memang tidak ada. Tapi orang yang pemabuk itulah gelarannya bung, Alkohol. Sekiranya mereka benar-benar mengenal diri dan tahu asal usul mereka dari keturunan orang yang baik-baik, mereka tidak akan buat kerja-kerja yang mereka tak patut buat. Mereka ada tugas dan tanggungjawab untuk menyambung ajaran yang dibawa oleh datuk nenek mereka. Sepatutnya mereka tak jadi macam itu. Tapi apa nak kata, mereka pun manusia biasa juga. Yang sempurna cuma Nabi Muhamad SAW saja.”

“Apa minum beer ini bapak bilang kerja yang tidak patut dibuat? Kerja yang tidak baik?” Barangkali dia tersinggung dengan kata-kata saya itu. Kalau dia tersinggung, memang itulah pun tujuan saya.

“Patut ya patut,” jawab saya. Patut kepada mereka yang suka mabuk-mabuk. Tapi mereka yang mahu mengikut jalan

yang lurus tak buat kerja begitu.”

“Saya minum beer ini tidak pernah mabuk pak, tidak pernah mengganggu orang. Saya minum beer sekadar bikin senang hati sendiri saja. Saya kan manusia biasa.”

“Bung kalau mahu minum beer atau apa, saya memang tidak boleh tegah. Itu hak peribadi masing-masing. Bung minum apa yang bung suka. Kalau bung fikirkan minum beer itu tidak salah, itu terserah. Bung minum minuman yang bung suka, dan saya minum minuman yang Nabi suka saya minum.”

“Wah, bapak ini religius juga orangnya. Tapi saya kira Nabi juga tidak pernah suruh kita minum oren. Nabi kan minum susu! Oren yang bapak minum itu budaya barat kan? Beer juga budaya dari barat. Jadi statusnya kan sama!”

Saya tidak pasti apakah dia sekadar mahu berhujah ataupun itu menjadi pegangan dirinya, tapi saya menjawab juga. “Tidak semua dari barat itu tidak baik bung. Bahkan orang barat pun banyak yang meniru dari Islam. Bung bukan tidak tahu, kita bertanggungjawab kepada ‘conscience’ kita sendiri.”

“Beer baik buat saya, karena itu saya minum. Bapak ini rokok tidak hisap, beer tidak minum, apa bapak sekarang sudah masuk golongan orang tabligh? Saya tahu di Malaysia sekarang ini ramai orang buat kerja tabligh. Barangkali bapak mahu jalan-jalan ke Manila ini mahu berdakwah di sana? Tapi gaya dan cara bapak tidak macam gaya orang Arqam ya, dengan serban di kepala, dengan jubah segala.”

“Bung tahu tentang Arqam?”

“Tentu sekali. Eh, saya kan wartawan!”

“Apa yang bung tahu tentang Arqam? Sekarang bung cuba cerita dengan saya.” Saya sengaja minta dia bercerita tentang Arqam. Saya fikir itu lebih baik daripada membiarkan dia bercakap pasal arak, pasal beer air kencing syaitan itu, yang dia tentu tahu meminumnya itu haram mengikut Islam.

Peramugari Malaysia yang cantik manis itu sudah datang membawa beer yang diminta oleh kawan saya. Dia sungguh gembira.

“Wah, cantik sekali kakinya,” kata kawan saya. Dia memang pandai memuji. Dia tahu kelemahan wanita. Wanita suka dipuji.

Peramugari itu tersenyum dan berkata, “*Enjoy your drink, sir.*” Lepas itu dia terus berlalu.

“Waduh!” Pinggulnya menggegar iman di dada saya.” Dia mengurut-urut dadanya. “Astaga,” katanya.

Saya cuma mendengar, tetapi tidak berkata apa-apa. Dia minum sedikit dan matanya terus mengekori peramugari itu. Kemudian dia minum lagi.

“Wah, *nice cool beer,*” katanya. “Apa bapak tidak senang dengan perempuan?”

Saya senyum. “Tentu sekali saya senang. Isteri saya kan perempuan! Saya ada dua orang isteri. Kedua-duanya perempuan.” Kalau tidak cakap macam itu dia mungkin salah tafsir, bukankah sekarang ini ramai kaum Lut AS, yang beristerikan lelaki.”

“Wah, dua ya. Kapan tambah lagi?”

“Bung berapa?” Saya menjawab soalnya dengan pertanyaan.

“Saya masih satu. Yang itu, itu jugalah. Mahu kawin satu lagi takut, isteri saya garang dan terlalu cemburu. Perempuan pak, perempuan.”

“Sifat garang dan cemburu isteri tidak boleh dijadikan alasan untuk beristeri lebih dari satu. Kenapa mesti biarkan wanita merosakkan aqidah yang kita amalkan. Bukankah bertukar-tukar perempuan, kawin sesama lelaki itu jauh lebih berbahaya dari mempunyai lebih dari satu isteri? AIDS yang

ada sekarang inikan bala dari Allah kerana manusia membuat kerja-kerja yang mungkar?"

"Nanti saya minum dulu." Dia pun teguk lagi. "Wah, ini benar-benar enak ini. Bapak kalau susu murah, buat apa mahu pelihara lembu? Bapak tentu tahu di Marbini Street, Manila itu kan syurga dunia? Di sana perempuan cantik-cantik dan murah sekali. Penyakitnya pandai-pandailah cari ubat. Bagi saya yang tak bertanggung ialah masalah dengan isteri. Isteri tahu saya cari perempuan di luar, asal jangan kawin satu lagi sudah. Kalau boleh berhibur tanpa kena marah isteri, buat apa susah-susah? Oh ya, bapak dengan saya tidak sama ya, bapak sudah jadi orang dakwah. Saya nanti ada masa pun mahu taubat juga."

"Begini bung." Saya nampak dia nak bercakap mengarut-ngarut, saya cuba tarik dia kembali kepada topik Al Arqam. "Tadi bung kata bung tahu tentang Arqam. Apa yang bung tahu itu cubalah bung ceritakan pada saya."

"Oh, bapak ini berminat sekali dengan Arqam itu. Ya, saya ada baca mengenai Arqam di koran dan di majalah. Hebat sekali gerakan itu. Maksud saya, kalau mereka sudah berjaya mengubah selera sebahagian besar dari anggota masyarakat Melayu di Malaysia, di segi lahiriahnya mereka memakai jubah, memakai serban, memakai purdah, tutup segala, tidak tertarik dengan fesyen-fesyen pakaian yang menjadi kegilaan orang ramai serata dunia, tidak terpesona dengan hiburan duniawi, saya kira itu sudah merupakan satu kejayaan yang cukup besar sekali. Saya dengar perempuan-perempuan mereka bukan sahaja boleh menerima poligami, malah sebaliknya turut menggalakkan pula supaya berpoligami. Barangkali itu yang paling menyenangkan bapak ya?"

"Ya, itu kan asalnya memang begitu? Kenapa Nabi sendiri berpoligami, kalau bukan untuk diikuti oleh kita umatnya? Cuma manusia kita yang cuba memandai-mandai mahu mengubah sunnah itu, maka akibatnya maksiat semakin bertambah. Tetapi bukan itu yang paling menyenangkan saya sebenarnya. Ada yang lain lagi. Tapi saya mahu tahu dulu, apa lagi yang bapak tahu tentang Arqam?"

Selepas meneguk minumannya dia berbicara lagi. “Nampaknya Arqam itu sudah berkembang menjadi satu gerakan yang cukup besar sekali pengaruhnya ke atas masyarakat, hinggalah pengikutnya sudah mencapai jumlah puluhan ribu orang. Sampai ke negeri-negera di luar Malaysia. Di Jakarta sendiri juga ada Arqam. Di Medan juga ada. Saya tahu di Manila juga ada. Dan saya tahu juga bahawa yang menjadi pengikut Arqam itu ada yang terdiri dari orang-orang intelektual. Saya barangkali tidak berminat dengan gerakan itu, tetapi...”

Dia berhenti berbicara dan meneruskan minumannya. Saya menunggu lagi ceritanya.

“Bapak bukan orang Arqam ya?” Dia nampaknya curiga.

“Saya bukan orang Arqam, tetapi saya menyokong setiap perjuangan Arqam yang baik.”

“**Apa perjuangan Arqam?**”

“**Memberi ubat kepada penyakit manusia hari ini.**”

“Apa penyakit manusia hari ini?”

“Eh bung kan seorang wartawan! Masakan seorang intelektual seperti bung tidak tahu apa penyakit manusia hari ini.”

“O.. kalau itu yang bapak maksudkan memang banyak sekali. Tapi guru-guru di India, maharesi swamiji segala macam itu pun kata mereka mahu mengubat penyakit manusia juga. Bukan begitu pak?”

“Bagi orang yang tidak mengetahui Islam yang sebenarnya, mungkin mereka akan menyamakan gerakan Arqam dengan gerakan guru-guru di India itu. Tetapi bagi orang-orang yang mengetahui tujuan keduniaan di sebalik janggut dan rambut panjang serta gaya guru-guru India itu, mereka tidak akan menyamakannya dengan gerakan Arqam, kerana yang penting di dalam perjuangan Arqam ialah **mengembalikan**

manusia kepada tujuan sebenar kenapa manusia itu diciptakan oleh Allah Ta'ala. Arqam pergi kepada punca segala masalah, kerana di situlah letaknya punca penyakit manusia pada hari ini."

"Wah, sudah terlalu tinggi kita ini pak."

"Baru 30,000 kaki bung. Belum tinggi lagi. Apa bung takut mati? Jangan takut bung, di bawah kita ini ada laut yang paling dalam sekali di dunia, Jurang Marianas namanya."

"Permisi Pak, saya mahu ke kamar kecil dulu. Tapi sebelum itu biar saya habiskan beer yang enak ini, dan saya boleh order yang baru." Dia meneguk beernya lagi. "Boleh saya kemukakan beberapa soalan lagi kepada bapak, boleh?"

"Boleh saja, apa salahnya bung?"

"Bapak ini ghairah sekali bercakap tentang perjuangan Arqam, tentang tujuan manusia diciptakan. Apa tujuan manusia diciptakan pak?" Macam dia mahu menguji saya.

Dengan tegas saya jawab: "Supaya menjadi khalifah Allah di atas muka bumi. Tidak menyembah selain daripada Allah. Berbuat kebaikan sesama makhluk, dengan niat yang ikhlas, menegahkan kejahatan, sentiasa sabar menghadapi ujian dan sentiasa mencari keredhaan Allah, dengan mengamalkan ibadat yang diajar oleh Rasulullah."

Apabila saya lihat dia diam, saya pun meneruskan. Bung kalau mahu faham Al Arqam yang sebenarnya, bung mesti faham apa yang dimaksudkan dengan fikiran yang dibina oleh Al Quran, *the mind Al Quran builds?*."

"*The mind Al Quran builds?* Apa maksudnya? "

"Begini, saya mesti terangkan melalui satu cerita. Ceritanya agak panjang sedikit. Bung sudi mendengar?"

"Ya, kita pun tidak ada apa-apa yang perlu dikerjakan, sementara menanti tiba di Manila."

“Begini ceritanya bung, saya cuba rengkaskan. Cerita ini saya petik dari buku *The Mind Al Quran Builds* karangan Dr Syed Abdul Latif, yang mengambil cerita ini dari kitab *Ihya' Ulumuddin* karangan Imam Al Ghazali. Ceritanya pada suatu hari Khalifah Omar Ibnul-Khatab berjalan dari Madinah menuju ke Mekah. Dia bertemu dengan seorang budak abdi penjaga kambing. Khalifah Omar ingin tahu sama ada budak ini memahami isi kandungan Al Quran. Omar minta budak ini menjual seekor anak kambing yang sedang dijaganya. Kata budak itu dia mesti minta kebenaran dari tuan punya kambing itu dulu. Kata Khalifah Omar mahu menduga, Tak mengapa, tak perlu tanya tuan punya kambing, ambil saja wang ini katakan anak kambing sudah dimakan oleh serigala.’ Budak Habshi ini tidak kenal Khalifah Omar. Dia tidak mahu ambil wang itu. Dia beritahu Omar, biarpun tuannya berada jauh di bukit yang satu lagi dan tidak nampak dan tidak tahu apa yang dia buat, tapi Tuhan ada. Tuhan tahu dan Tuhan nampak apa yang kita berdua sedang cakap dan buat.”

Kawan saya diam sambil mendengar. Saya teruskan cerita. “Budak penjaga kambing ini tidak pernah baca dan tidak tahu makna Al Quran, tapi fikirannya adalah fikiran yang dikehendaki oleh Al Quran. Dia percaya bahawa Allah berada terlalu dekat dengan manusia. Kiranya tiga orang sedang berbual, Tuhan adalah orang yang keempat bersama, bukan tiga orang itu saja. Begitulah seterusnya kalau berempat, Tuhan adalah yang kelima. Tuhan Maha Mengetahui. Tuhan tahu segala-galanya. Manusia tidak boleh sembunyi. Budak itu tahu dia tidak boleh menjual sesuatu yang bukan miliknya, dia tidak boleh memberi sesuatu kepada orang lain barang yang bukan miliknya. Khalifah Omar terkejut mendengar cerita abdi ini. Mengalir air matanya. Dimintanya budak ini membawa dia kepada tuan punya kambing itu. Dia tanya berapa harga abdi ini dan dia bayar harga yang dikatakan, dan budak hitam itu pun dibebaskan, tidak lagi jadi abdi. Selepas itu Omar pun meneruskan perjalanannya ke Mekah.”

“Permisi dulu pak, saya perlu ke kamar kecil.” Kawan saya itu pun bangun dan pergi ke bilik air.

Di dalam fikiran saya masih lagi bergolak persoalan

“fikiran yang dibina oleh Al Quran” itu. Berapa ramaikah di antara kita hari ini, di antara pemimpin kita, intelektual kita, ulama kita, sama ada keluaran dari pondok, dari Al Azhar atau dari pusat pengajian agama di Mekah, khususnya yang memegang jawatan dalam hal-ehwal agama atau yang menjadi menteri, yang amalannya sudah sampai ke tahap keikhlasan yang ada pada budak hitam yang hanya seorang penjaga kambing itu?

Sementara menunggu kawan saya pulang dari bilik air, saya perhatikan keadaan di dalam pesawat penerbangan Malaysia itu berasap disebabkan oleh ramainya penumpang yang merokok. Kebanyakan penumpang terdiri daripada orang-orang Filipina. Ramai sekali yang sedang minum beer. Minum beer ini sudah jadi satu macam budaya pada orang Filipina. Ada juga yang meminum minuman keras yang lain selain dari beer.

Sedang saya memerhati ruang angkasa di luar melalui tingkap, saya teringat kepada Tun Fuad Stephen dan Datuk Salleh Sulong bersama pemimpin-pemimpin Berjaya yang telah mati kerana nahas kapalterbang di Sabah pada 6-6-76. Tarikh itu memang saya ingat. Ingat kerana ingatan dan pesan orang tua-tua, suka itu lawannya duka. Ikutkan rasa binasa, ikutkan nafsu lesu, ikutkan hati mati. Waktu itu pemimpin-pemimpin parti Berjaya sedang gembira merayakan kemenangan mereka di Sabah mengalahkan USNO. Tetapi hari ini Berjaya kalah, Tun Mustapha dan USNO masih hidup.

Malang tak berbau. Sesuatu terjadi kepada kapalterbang yang mereka naiki lalu jatuh terhempas, meletup dan pecah. Berkecai habis semuanya. Dalam sekelip mata sahaja apabila Tuhan menghendaki sesuatu dengan berkata “Kun”, maka jadilah. Sesiapa pun tidak dapat nak buat apa-apa.

Selepas itu berlaku satu lagi tragedi kapalterbang di Tanjung Kupang, Johor. Jatuh terhempas meletup terbakar dan berkecai juga. Antara yang menjadi korbannya ialah Datuk Ali Haji Ahmad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan waktu itu bersama Setiausaha Politiknya, Cikgu Hud, bekas cikgu saya.

Terlintas dalam fikiran saya, kalaulah terjadi sesuatu ke atas pesawat yang sedang kami naiki ini, dengan kebanyakan penumpangnya sedang bersyok-syok minum minuman haram yang memabukkan itu. Ini semua adalah tidak mustahil. Sungguhpun pihak jurutera kapalterbang telah memeriksa semua yang perlu diperiksa dengan teliti sebelum sesebuah kapalterbang dilepaskan terbang, namun kuasa dan kehendak Allah tidak siapa tahu. Sebab itulah kita orang-orang Islam disuruh supaya selalu beringat-ingat, jangan sampai melupai Allah Taala yang Maha Besar. Alangkah ruginya bila mati dengan keadaan arak berada di dalam pernafasan kita.

Lihatlah apa yang terjadi kepada kapal angkasa Amerika yang diberi nama "Challenger". Berbulan-bulan pakar-pakar mereka segala macam pakar membuat persediaan dan pemeriksaan yang rapi, namun ia meletup juga. Semuanya atas kehendak Allah Taala. Maka kita hendaklah selalu beringat-ingat. Bukan disuruh takut dan jangan naik kapalterbang. Kalau nak kirakan nahas dan kemalangan, di dalam rumah kita sendiri pun macam-macam nahas boleh berlaku. Di atas katil pun boleh berlaku kemalangan. Berapa ramai yang mati dalam kelambu.

Pada 3 Mac 1987, dua mayat nahas pesawat ringan Challenger, Penguasa Polis Shamsudin Mohd Ali dan Ong Tean Kok yang terhempas di hutan Bukit Larut Taiping dijumpai dalam keadaan masih terikat di tempat duduk.

Bekas Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie juga pernah jatuh dari kapalterbang di hutan Janda Baik. Penumpang yang satu lagi mati, King Ghaz terselamat. Tuhan belum mahu mencabut nyawanya agar dia beringat tentang kekuasaan Tuhan.

Apa yang terlintas dalam fikiran saya ialah kalaulah terjadi sesuatu yang tidak diinginkan sedang kita berada jauh tinggi di angkasa, maka biarlah kita berada dalam keadaan seperti seorang Islam yang beriman dan bertaqwa kepada Allah. Tidaklah dalam keadaan kita sedang minum minuman yang diharamkan oleh Allah. Bagaimana keadaan di saat-saat terakhir hidup kita ketika sedang menghadapi sakratul maut?

Aduh, bukan mudah roh hendak berpisah dengan jasad.

Jadi saya terfikir, sekiranya pihak penerbangan Malaysia boleh membuat berbagai-bagai peraturan supaya diikuti oleh para penumpang pesawatnya, seperti memasang tali keledar sewaktu pesawat hendak naik dan sewaktu pesawat hendak turun, memisahkan tempat duduk antara orang yang tidak merokok dengan orang yang merokok, tentulah mereka juga boleh membuat suatu peraturan baru supaya orang Islam tidak meminum minuman yang haram semasa di atas kapalterbang.

Orang bukan Islam nak minum banyak mana pun itu mereka punya pasallah. Orang Islam saja yang tidak boleh jual, hidang dan minum minuman yang diharamkan. Jadi kalau boleh diharamkan terus minuman haram dihidangkan dalam penerbangan Malaysia, itu amatlah baik. Datuk Haji Abdul Aziz Rahman, Pengarah Urusan MAS yang telah banyak membawa kejayaan besar kepada syarikat penerbangan Malaysia tentulah lebih arif bagaimana cadangan saya ini boleh dipertimbangkan. Saya fikir ini pun suatu yang baik juga untuk membina imej penerbangan Malaysia, sekaligus imej negara Malaysia kita sebagai negara yang dipimpin oleh orang-orang Islam.

Kawan saya wartawan dari Indonesia tadi kembali dari kamar kecil mengeluarkan air kencing setan dari perutnya, menyedarkan saya dari menungau. Saya lihat peramugari sedang meletakkan beer lagi di atas meja kecil di hadapan kerusinya. Dia tidak terus minum. Ditengoknya muka saya, direnungnya beer di mejanya, seolah-olah dia sedang berfikir sesuatu. Kemudian dia minum, dan selepas itu dia berkata:

“Kita bicara tentang politik pula pak. Bapak seorang penulis politik Malaysia yang paling berani dan selalu membuat ramalan masa depan yang tepat. Siapa yang bapak ramalkan bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia?”

“Syaikhul Arqam, Ustaz Haji Ashaari Muhammad.”

“Orang Arqam itu?” Dia terkejut dan tersentak. Atau ini cakap-cakap di udara pak?”

“Di udara ya di udara juga bung. Tapi di udara pun kita boleh bercakap serius, bukan?”

“Jadi bapak serius dengan ramalan itu?”

“Kalau bung bermaksud pendapat saya, ya itu pendapat saya yang jujur. Tidak mustahil ketua orang-orang Arqam itu yang bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia suatu hari nanti, sekiranya mereka beramai-ramai menyertai UMNO yang baru. Orang-orang PAS dulu pun pernah jadi menteri dalam kerajaan Barisan Nasional.”

Direnungnya lagi muka saya. “Apa bapak fikir orang-orang Arqam itu akan masuk UMNO?”

“Kenapa tidak? Apa bung tidak tahu bahawa *politic is the game of the possible*? Anwar Ibrahim dulu orang ABIM. Dia masuk UMNO, hari ini dia sudah duduk di kerusi nombor tiga. Itu dia masuk seorang diri saja. Tapi Ustaz Ashaari kalau dia masuk seluruh orang Arqam di Malaysia akan ikut masuk. Tidak kurang dari 50,000 orang. ”

“Apa bapak Alattas benar-benar serius?”


“Saya benar-benar serius dengan apa saja yang akan menentukan masa depan agama saya, bangsa saya dan negara saya.”

“Itu Musa Hitam bagaimana? Apa bukan dia yang bakal jadi Perdana Menteri Malaysia?”

“Musa sudah terlewat bung. Imejnya sudah kacau. Dia bukan lagi calon pemimpin kepada orang-orang Melayu di Malaysia yang sudah menerima Islam sebagai addin, sebagai cara hidup yang dihayati dalam kehidupan setiap waktu. Musa sudah *out*.

“Kan dia masih muda. Kami orang-orang Indonesia berfikir pasti dialah calon Perdana Menteri Malaysia sesudah Mahathir. Kalau begitu Tengku Razaleigh pula bagaimana?”

“Tengku Razaleigh pun dua kali lima saja dengan Musa



Presiden Suharto, Presiden Republik Indonesia.

Hitam, sebab itu baru-baru ini mereka boleh berpakat. Sekadar bikin suasana jadi sibuk bolehlah. Hendak memerintah Malaysia tidak mungkin, kerana rakyat tahu siapa mereka yang sebenarnya. UMNO yang baru perlukan tokoh-tokoh agama yang memiliki *the mind Al Quran builds*, untuk membantu Dr Mahathir, kerana Dr Mahathir sendiri secara sedikit demi sedikit sedang memimpin UMNO ke arah itu, arah yang dikehendaki oleh Al Quran. Ustaz Ashaari dan Al Arqam menepati keperluan ini.”

“Bapak ini sudah fanatik nampaknya.”

“Di sini bukan fanatik soalnya bung. Kita mesti kaji pengaruh dunia sebelum memandang politik dalam negeri. Kita harus lihat politik hari ini dari pandangan global. Di Malaysia hari ini, ada rakyat sudah mula menerima Islam sebagai addin. Kerajaan akhirnya pasti ikut kemahuan rakyat. Rakyat itu macam air. Air jugalah yang akan menang akhirnya.”

“Kalau begitu Datuk Sanusi anak dari Aceh itu bagaimana? Apa peluangnya untuk jadi Perdana Menteri?”


“Sanusi anak Aceh itu memang pintar orangnya. Tapi dia sudah kena belah macam Ghafar Baba juga. Gagah dia gagah anggota badannya saja, tapi sakit yang lain-lainnya masih ada, dan orang UMNO kurang senang dengan sikapnya. Sanusi ini lain sikit. Orang ramai tidak bisa mengerti perangnya. Orang yang kepintarannya luar biasa memang begitu. Nak buat macam mana, nasib dia malang sikit. UMNO mati masa dia jadi Setiausaha Agungnya. Dulu dia macam hero, tapi sekarang Sanusi senyap sunyi, macam main sembunyi-sembunyi, kenapa?”

“Kalau gitu sukar hendak tentukan pengganti Mahathir.”

“Bung boleh beritahu saya siapa selepas Suharto?”

“Ini persoalan berat ni. Ini masalah negara.”

“Bukankah menjadi kewajipan penulis memikir dan membincangkan masalah negara? Apakah penulis dan wartawan



PRESIDEN Subarto (kiri) mengalu - alukan ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebelum kedua - dua pemimpin itu mengadakan perbincangan di Yogyakarta Isnin lalu. — Gambar Reuter.

Utusan Malaysia 15/6/1988

pun mesti ikut jadi *political opportunis* yang hanya memikirkan keuntungan surat khabar dan diri sendiri saja. *Conscience* mereka sebagai pemimpin pemikiran benar kepada rakyat ramai itu di mana? Apakah mereka lebih utamakan perut dan kedudukan lebih daripada agama, bangsa dan negara? Dan inilah antara tujuan saya ke Manila, dan juga ke lain-lain negara, untuk memikirkan siapakah bakal pengganti Perdana Menteri Malaysia.”

Dia diam. Saya menyambung lagi cakap saya. “Masa Marcos menjadi Presiden dulu, siapapun tidak pernah terfikirkan bahawa Aquino yang akan jadi Presiden Filipina menggantikan Marcos. Di Indonesia juga begitu bung. Ada pernah orang ramalkan yang Suharto akan menjadi Presiden sebelum dia menjadi presiden?”

“Pada umumnya memang tidak ada siapa pun yang terfikirkan begitu,” jawabnya.

“Terlanjur kita bercakap tentang Arqam bung, saya kira bung tentunya banyak mengikuti perkembangan gerakan Islam di seluruh dunia. Apa betul begitu bung?”

“Seperti sudah saya katakan tadi, saya ini kan wartawan! Wartawan itu seharusnya mengikuti setiap perkembangan masyarakat sekelilingnya. Nah, sehubungan dengan soal gerakan Islam ini, saya perhatikan di Indonesia juga ada, baik di kalangan mahasiswanya mahupun di kalangan partai politik. Bahkan juga di kalangan para seniman. Namun orang yang jujur ikhlas dan benar-benar berani serta mempunyai kaliber sebagai pemimpin besar belum lagi menunjukkan wajah.”

“Apa pendapat bung mengenai kebangkitan Islam di seluruh dunia?”

“Itulah yang sedang saya fikirkan sekarang.”

“Fikir apa itu bung?”

“Kalau semuanya sudah jadi Islam macam Islamnya Arqam itu, saya nanti susah untuk minum beer.”

“Ini cakap di udara atau cakap beer bung? Kiranya cakap ini sekadar omong-omong di udara, bila kita mendarat nanti, bila kita sudah berpijak ke bumi, tentu tidak begitu lagi kan?”

“Ya omong omong juga. Tapi bapak benar-benar serius bahawa suatu hari nanti ketua orang-orang Arqam itu bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia?” Dia masih tidak mahu percaya nampaknya.

Tiba-tiba saya teringat di dalam beg saya ada sebuah buku karangan Ustaz Ashaari yang berjudul *Krisis dan Jalan Penyelesaiannya*. Saya pun mengeluarkan buku tersebut dari beg saya.

“Ini salah sebuah buku yang dikarang oleh Ustaz Ashaari. *Krisis dan Jalan Penyelesaiannya*. Bung sudah lihat buku ini?”

“Sekarang saya baru lihat.”

“Saya sudah selesai membacanya. Tapi saya sengaja bawa bersama saya dalam perjalanan ini untuk saya merujuk semula kepadanya sambil saya memikirkan tentang bakal Perdana Menteri Malaysia. Tetapi oleh kerana saya lihat bung juga berminat dengan gerakan Arqam, saya ingin hadiahkan buku ini kepada bung. Sebab orang tak akan faham selengkapnya pemikiran dan kepimpinan Ustaz Ashaari dan Al Arqam kalau dia tidak baca buku ini.”

Saya pun serahkan buku itu kepada wartawan dari Jakarta kenalan saya itu.

“Bapak telah selesai membacanya. Jadi apa kira-kira intisarinnya?”

“Bung seorang wartawan. Tentu sekali bung berminat dengan krisis, kerana krisis menjadi bahan berita yang digemari oleh pembaca. Bung juga tentu berminat dengan cara-cara bagaimana pemimpin-pemimpin di seluruh dunia menyelesaikan sesuatu krisis. Satu perkara yang paling penting dalam buku ini ialah bung akan ketemu dengan satu

pendekatan bagaimana memahami krisis-krisis dalam masyarakat manusia dan bagaimana pula kita menyelesaikan krisis-krisis tersebut dengan cara Islam. Caranya jauh berbeza dengan apa yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin di seluruh dunia pada hari ini. Islam sebenarnya mempunyai caranya yang tersendiri untuk menyelesaikan semua masalah manusia. Dalam buku ini Ustaz Ashaari menghuraikan cara-cara tersebut.”

“Bukunya agak kecil dan tipis. Kalau benar di dalamnya terdapat teori dan formula yang dengannya kita bisa memahami dan menyelesaikan krisis-krisis masyarakat manusia seluruh dunia pada hari ini, maka saya kira ketua orang-orang Arqam itu mempunyai suatu macam kuasa sakti yang aneh, atau yang ajaib.” Dia berkata sambil menelek-nelek buku tersebut. Saya dapat membaca maksudnya yang seolah-olah hendak menyindir cakap-cakap saya tentang buku itu.

“Saya dapat merasakan yang bung tidak percaya dengan apa yang saya katakan tentang isi kandungan buku ini. Sebab itu saya hadiahkan buku ini kepada bung supaya bung boleh membacanya sendiri. Bung tidak semestinya percaya dengan isi kandungan buku ini, tetapi sekurang-kurangnya ia akan menambahkan pengetahuan bung tentang Islam dan tentang Arqam.”

Saya kira kalau saya hendak ceritakan semula semua percakapan kami di atas udara dalam perjalanan ke Manila itu, tulisan ini tentu akan jadi terlalu panjang. Maklum sajalah, saya kata begini dia kata begitu, dia kata begitu saya kata begini, dan dalam beberapa perkara kami sependapat.

Walhasilnya perjalanan antara Kuala Lumpur dengan Manila itu pun terasa seolah-olah suatu perjalanan Bas Mini antara Gombak dengan Kuala Lumpur sahaja. Bahkan ada kalanya perjalanan Bas Mini antara Gombak dengan Kuala Lumpur pula lebih terasa jauhnya dan lebih menakutkan dan membimbangkan.

Sungguhpun kami bercakap di udara, tetapi banyak juga

percakapan di udara itu yang bukan cakap-cakap di udara. Maksud saya bukan cakap-cakap sekadar memenuhi waktu sementara menunggu tiba di destinasi sahaja, tetapi adalah pemikiran-pemikiran yang perlu direnungkan dengan lebih jauh.

Saya percaya ramai ahli-ahli PAS tidak akan terkejut sekiranya Ashaari Sheikhul Arqam yang akan jadi Perdana Menteri Malaysia satu hari nanti. Ustaz Ashaari pernah jadi ahli PAS. Ulamak-ulamak PAS pernah duduk di dalam UMNO sebelum mereka menubuhkan parti PAS dahulu. Mereka hidup terus kerana agama yang menjadi perjuangan mereka. Tetapi selagi keduanya tidak bersatu, jadilah UMNO dengan PAS seperti landasan keretapi, sejalan tetapi tetap asing, dan akhirnya mereka jadi landasan saja. UMNO tetap UMNO dan PAS tinggal PAS, bertengkar dan bercakaran.

Al Arqam bukannya satu pertubuhan yang berdaftar, tetapi cara pentadirannya sungguh hebat dan Ustaz Ashaari sebagai pemimpin mereka mempunyai keliber yang tinggi, kalau hendak dibandingkan dengan setengah-setengah menteri-menteri UMNO yang ada. Seperti juga dengan Dr Mahathir, beliau adalah pemimpin yang mempunyai visi. Biar bagaimanapun kerana mentaliti orang-orang Melayu yang berpendidikan barat, apalagi yang telah menjadi agen-agen pemikiran imperialis barat, mereka tetap pandang sepi terhadap golongan yang memperjuangkan Islam. Orang seperti ini adalah manusia yang tidak tahu sejarah. Nabi Musa AS mengalahkan Fir'aun, Nabi Muhammad SAW mengembangkan Islam, apakah yang ada pada mereka selain dari pertolongan dari Allah?

Hari ini bangsa yang mahu menguasai dunia tidak boleh lagi menggunakan kuasa tentera sebagai satu '*force*'. Kita sudah lihat Russia dan Amerika telah gagal menggunakan tentera untuk memperbesar dan memperhebatkan jajahan takluk mereka. Ekonomi juga tidak boleh dijadikan satu kuasa penentu. Kalau tidak, tentu Amerika dan Jepun sudah jadi penakluk yang agung. Amerika gagal mengalahkan Libya dan Iran dengan kekuatan ekonomi dan tentera sebagai satu '*force*'. Padahal mereka jadi hantu di belakang orang-orang Arab Islam yang terus-terusan berperang sesama sendiri.


Apakah rakyat Malaysia tidak yakin bahawa kebangkitan Islam di abad ini bermula dari Malaysia? Kita sudah lihat negara-negara Islam lain gagal untuk disatukan, kerana tidak adanya keikhlasan, disiplin, tidak adanya sifat-sifat tolak ansur sesama Islam, lemah lembut, sopan santun, berbaik sangka, dan tidak adanya sifat tegas terhadap orang-orang bukan Islam. Banyak sifat-sifat kemanusiaan yang baik, tinggi dan mulia ada pada pemimpin di Malaysia, sebab itu Malaysia menjadi perhatian dunia pada hari ini, dan pemikiran yang dikehendaki oleh Al Quran sedang menjadi amalan Mujahidin di Malaysia.

Memandangkan perkembangan itu semualah saya memikirkan adalah cukup baik kalau pihak syarikat Sistem Penerbangan Malaysia dapat menimbangkan cadangan saya mengenai pengharaman minuman beer di atas pesawatnya. Pengalaman saya menaiki kapalterbang, walaupun tidak begitu banyak tetapi banyaklah juga, adalah kira-kira 20 jenis syarikat penerbangan yang saya telah naik. Penerbangan Malaysia atau MAS adalah tidak kekurangan apa-apa dibandingkan dengan kapalterbang kepunyaan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa, baik dari segi layanannya, makanannya dan sebagainya. Jadi kalau ditiadakan minuman beer saya fikir ia tidak akan menjejaskan perkembangannya yang sedang berlaku dengan amat pesat sekarang ini.

Bukanlah beer itu yang selama ini bertanggungjawab menjadikan syarikat Penerbangan Malaysia sebuah syarikat penerbangan yang berjaya. Datuk Aziz Rahman dan para eksekutif kanan MAS tentu lebih maklum lagi apa yang menjadi faktor-faktor kejayaan tersebut. Sesungguhnya Allah maha kaya lagi bijaksana.



USTAZ HAJI ASHAARI MUHAMMAD
*Mujaddid Islam yang pertama yang akan jadi
Perdana Menteri Malaysia
(InsyaAllah)*



“Tahun 1981 kalah sekali lawan Musa. 1984 lawan Musa, Dr Mahathir tolong Musa, kalah juga lagi. 1987 campur geng Musa lawan Dr Mahathir, kalah lagi. Apa punya nasib! Apa juga ilmu yang Dr Mahathir ini pakai. Di manalah silapnya?” Ini bukan salah atau silap. Ini sudah suratan Takdir. Kalau bukan hak kita, rezeki kita, buat macam mana pun tak dapat. “1988, tak percaya suratan Taqdir, ajak Hussein Onn, Tunku, bawa istana berlawan sama. Tubuh parti baru tidak diterima oleh kerajaan.” Bukan salah ibu mengandung, nasib badan!

Sayang semuanya sudah terlambat, menyesal tak berguna lagi. Satu nyanyian dari Shidee untuk Ku Li.



"Musa, you nak menyesal buat apa lagi, nasi sudah jadi bubur." Kata Mahathir. "Saya tak menyesal, saya cuma sedih. You dan Ku Li sudah tidak mahu lagi dengar nasihat saya, jadi saya terpaksa tinggalkan you berdua. Team A tak masuk, team B pun saya tak masuk, saya masuk team Tuhan."

Datuk tak mahu masuk team A, Dr Mahathir dan orang team A suka, beta pun suka juga... Datuk tak mahu masuk team Ku Li, Pak Seman suka. Orang-orang team B lagi suka... Tapi bila Datuk kata Datuk nak masuk team Tuhan, ini susah sikit. Datuk kena tukar perangai dulu. Pertama, tolong pulang balik wang sebanyak satu juta ringgit yang Datuk ambil dari Clement D'Cruz. Tok Mat yang sekarang ini jadi Setiausaha Agung UMNO adalah saksi Datuk terima wang satu juta untuk bangunan rumah UMNO. "Datuk, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya."

"Sayang semuanya sudah terlambat, tak guna kau kesali lagi" lagu dari Shidee istimewa untuk Tok Musa.

本票申請書

APPLICATION FOR CASHIER CHEQUE

F. CLEMEN T D C 202
 (Applicant's Name) 申請人姓名
 (Address) 住址

شریکت بونیٹید ملایان بیکنگ برحد

合泰銀行有限公司


UNITED MALAYAN BANKING CORP. BHD.

(Incorporated in Malaysia, Head Office: Kuala Lumpur)

جولیا بیکنگ برحد Branch 19.....

C/C No.
 Prepared by:
 Checked by:
 Cashier:
 Authorised by:

請照下列各項發給本票乙紙為荷
 Please issued a CASHIER CHEQUE as follows: -

收款人, Payee	BANK GUMIPUTERA (M) BHD - 71C 4020 人單再起 تانگ دیرما روناہ امنو جومرے TANG DERMA RUNAH UMNO JOMERE or order	本票金額 Amount for Cashier Order	\$1,000,000
Instructions to Debit Account		手續費 Commission	
Please complete Authorisation Letter overleaf	by Order of F CLEMEN T D C 202	印花 Stamp duty	
FOR BANK'S USE ONLY 銀行專用		合計 TOTAL	\$1,000,000
Amount paid in Cash \$	For UNITED MALAYAN BANKING CORP. BHD	Yours faithfully,  Applicant's Signature 申請人姓名	
Amount paid by	for RECEIVED		
TOTAL DOLLARS (in words)	CHO MUN TUCK		

DRAFT N^o JB-008211 UNITED MALAYAN BANKING CORP. BERHAD
 JOHORE BAHRU
 JB 22/151

合 眾 銀 行 公 有 限 公 司

Equivalent to M\$	1000000
Comm.	312-50
Stamp Duty	1-28
Total	000312-71

13 JAN 1982 19

Exchange for RM1,000.00-00

SOLA DRAFT


in favour of CLEMENT D'CRUZ 1/C 7650739 or Order
 the sum of MALAYSIAN RINGGIT ONE ~~THOUSAND~~ ~~SEVEN~~ ~~HUNDRED~~ ~~AND~~ ~~SEVENTY~~ ~~SIX~~ ~~AND~~ ~~SEVEN~~ ~~TENTHS~~

NOT CUSTOMER OF TIARA BUREAU

For UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION BERHAD


Kuala Lumpur Main Office

Inilah SOLA DRAFT bernilai satu juta ringgit yang diserahkan oleh Clement D'Cruz kepada Datuk Musa untuk Tabung Derma Rumah UMNO Johor.



Awak semua tak perlu susah hati. Segala-galanya sudah diatur. Kita akan kerjakan Mahathir dan Ghafar cukup-cukup. Ku Li boleh bantu kita. Bersama saya di sini, Ajib Ahmad, Shahrir Samad dan Yahya Ismail, semua ini orang kita. Kita ada banyak cek untuk kita belanja.


Dulu Yahya Ismail sokong Datuk Harris hentam sama Tun Mustapha dan USNO. Harris Salleh dan Berjaya lingkup. Tun dan USNO masih hidup. Kemudian Yahya ikut sokong Musa Hitam. Musa gugur dan hanyut, kini Pak Ya sokong Ku Li lanyak sama Mahathir. Kita tengok lepas ini apa jadi. Brader, kalau tulis buku carimakan, kena pandai pilih kuda, kalau tidak nanti sakit jiwa. Ya..ya..ya.. Brader. Gambar dan kata-kata di atas dipetik dari buku 'Challenger'.



Persidangan Alim Ulama yang kedua yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1951.



Tuan Haji Ahmad Fuad, Yang Dipertua Persatuan Islam Se-Malaysia sedang berucap di dalam majlis persidangan pertubuhan-pertubuhan siasah Melayu di Johor Baharu. Beliau mengeluarkan ulama daripada UMNO. Dr Mahathir berusaha mengembalikan ulama ke dalam UMNO.



Ibu-ibu dengan semangat dan jiwa yang tabah meskipun dengan mengelek, mendukung dan membimbing anak-anak mereka turut bersama-sama mengambil bahagian di dalam perarakan UMNO, MCA mengadap sultan Pahang.

POST SKRIP

“Tangan yang menghayun buaian, tangan itulah juga yang akan menggoncangkan dunia ini.”

Wanita adalah satu faktor yang penting dalam menentukan masa depan manusia dan sesebuah negara. Wanita boleh menjadi racun yang amat berbisa dan wanita juga boleh menjadi madu dan penawar. Wanita adalah sayap kiri kepada kehidupan UMNO. Dulu kaum Ibu UMNO berkerja keras dengan ikhlas membantu menjadikan UMNO sebuah pertubuhan yang raksaksa. Bukankah wanita jugalah yang telah memainkan peranan di belakang suami-suami atau teman lelaki mereka hingga hancurnya UMNO hari ini?

Wanita ada di sebalik kejayaan lelaki, dan begitu juga di sebalik kejatuhan lelaki tentu ada wanitanya. Jadi siapa lagi kalau bukan wanita yang boleh menjadikan UMNO yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang ini sebuah pertubuhan yang raksaksa? Dan tugas siapa kalau bukan wanita supaya menarik semula mereka yang nampaknya terpesona oleh Rahmah Othman dan Marina Yusof yang telah mengikut orang-orang yang sudah kalah perang.

Bukan masanya wanita UMNO yang sudah ada jawatan mahu menyelamatkan kerusi dan diri sendiri saja. Kalau mereka mahu masa depan anak-anak dan suami mereka berada di dalam keadaan yang terjamin, negara ini berada di dalam aman dan sentosa. Mereka mesti tunjukkan keikhlasan dan keberanian mereka berjuang untuk memberikan kesedaran pada umat Melayu yang sudah tertidur semula.

Orang kata wanita tidak pandai berpolitik. Betulkah? Cuba tengok Marina Yusof dan Rahmah Othman, macam mana licik dan licinnya mereka. Cuma Wanita yang dipimpin oleh Rafidah Aziz saja nampaknya belum tunjukkan bukti yang mereka tidak kurang hebatnya dengan wanita yang cuba buat kacau bilau dalam negara. Rafidah patut buktikan yang '*wanita adalah tiang negara*' wanita UMNO bukan hidup nak untung menggunakan *platform* politik untuk mencari *glamour* kekayaan dan jaga kerusi saja, jaga anak dan rumah serah pada lelaki.

Kenapa dari mula saya tidak memberikan perhatian yang besar kepada wanita dalam buku ini? Kerana saya perhatikan wanita tidak begitu serius. Wanita tidak menunjukkan semangat perjuangan yang sepatutnya. Dan mungkin ramai yang tidak tahu bahawa orang perempuan ditegah mengiringi jenazah ke perkuburan. Sedangkan buku ini adalah sebuah talqin untuk jenazah UMNO lama yang sudah disahkan mati oleh Hakim Harun Hashim. Saya biarkanlah wanita duduk memasak dan mengemas rumah semasa saya sebagai seorang suami pergi bertempur dengan musuh.

Sesudah saya bacakan talqin, kalau ada Hakim yang nak kata UMNO 1946 hidup balik, biar dia tanggung sendiri, kerana hakim-hakim yang pakai hukum Anglo-Saxon hari ini pada saya pelek sikit. Mereka sudah pandai main politik. Masyarakat sudah mula hilang kepercayaan kepada para hakim yang cakapnya, semalam lain hari ini lain dan besok lain lagi. Hakim yang pandai gunakan akhbar untuk memburuk-burukkan pemimpin.

Kematian UMNO pada 4 Februari 1988 itu kononnya suatu

kematian teknikal sahaja. Yang sudah mati, mati. Teknikakah tak teknikakah, mati. Orang kampung mana boleh faham teknikal atau tak teknikal. Orang kampung ini cakap orang besar mereka percaya itu pun sekali dua saja. Bila kata mati, matilah. Mati! Kalau hidup pun tentu tak panjang umurnya, memang jodoh hidup lawannya mati.

Tunku, Hussein Onn, Datuk Harun, Tengku Li, Rais Yatim pun politik mereka telah dimatikan oleh orang UMNO sendiri. Siapa tolak Tunku dan Hussein Onn dari kerusi Presiden UMNO? Tahun 1984 siapa yang beri Datuk Harun Idris cuma 37 undi? Siapa yang masukkan Datuk Harun dalam jel? Macam mana Datuk Harun boleh jadi satu geng dengan Tun Hussein Onn, di mana prinsip dan perjuangannya? Dulu masa lawan Musa, Ku Li tidak pernah beri kerjasama pada Harun Idris, Datuk Harun lupa ke?

Tahun 1987 Ku Li, Datuk Harun, Rais dimatikan oleh perwakilan, ahli UMNO lama tidak mahu mereka jadi pemimpin, itu matilah namanya. Kenapa nak kelirukan dan tipu diri sendiri? Menghidupkan benda matikan kerja sia-sia.

Kalau saya tidak cukup yakin dan percaya bahawa mereka ini sudah mati politiknya, saya tak akan berani bacakan talqin, kerana saya tahu tubuh badan saya jadi taruhan. Kalaulah mereka yang sudah mati itu hidup semula tentu saya tak seronok mendengar talqin orang mati keatas saya. Biar bagaimanapun saya sudah bersedia.

Qalu inna lillahi wainna ilaihi raji'un. Apabila tiba masanya dan ia kembali menemui Tuhannya, kita yang hidup ini menangis airmata darah sekalipun, yang sudah kembali kerahmatullah dan yang sudah mati itu, tidak akan hidup lagi. Hidup menyusahkan dan mengganggu bangsa dan negara buat apa? **Cintakan negara itu separuh dari iman.** Semoga Allah terima pengorbanan saya yang ikhlas ini demi kasih saya pada bangsa dan negara saya. Saya harap orang tua-tua yang nak berebut kerusi itu cerminlah diri sendiri dulu. Ingat-ingat sikit pada Tuhan.

Yang mati telah selamat dikebumikan. Talqin juga telah kita baca. Tidak ada sesiapa lagi yang boleh mengatakan yang mati itu akan hidup. UMNO telah dibumikan demi keselamatan bangsa Melayu. Jika sekiranya ada lagi kita terjumpa dengan orang yang cuba hendak merosakkan fikiran dan perasaan kita dengan berkempen mengajak kita membuat kerja karut, iaitu hendak menghidupkan semula yang telah mati, kita tanya mereka UMNO 46 itu apa?

Tengku Razaleigh tahun berapa masuk UMNO? Siapa yang bawa dia masuk UMNO? Hussein Onn dan ayahnya dulu lari dari UMNO 46, tubuh parti baru. Sekarang kenapa tak tentu hujung pangkal tiba-tiba nak balik kepada UMNO 46? Mimpi naik boatkah? Rais Yatim itu sejauh mana dia tahu tentang UMNO 46? Kalau betul-betul mereka itu sayangkan UMNO 46, tatkala UMNO dimatikan di mahkamah pada 4 Februari 88 itu kenapa mereka cepat-cepat pergi daftar parti UMNO Malaysia? Waktu mereka pergi daftarkan parti UMNO Malaysia itu, parti UMNO yang asal belum lagi dimansuhkan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan, sebab itu pendaftaran mereka terpaksa ditolak.

Soalnya, sejauh manakah benarnya dan ikhlasnya tujuan mereka itu yang kononnya berjuang hendak menghidupkan UMNO 46? Andaikata pendaftaran parti UMNO Malaysia mereka dulu itu diterima, tentulah cakap-cakap perjuangan mereka hendak menghidupkan UMNO 46 ini tidak akan kita dengar. Jadi apakah erti yang sebenarnya dari kempen hendak menghidupkan UMNO 46 itu? Bukankah itu semua auta dan temberang saja? Auta dan temberang orang yang sudah kalah perang, atau temberang dan auto orang yang mimpi naik boat. Selepas pendaftaran parti UMNO Malaysia ditolak, mereka yang tak pernah sebut dan mungkin tak tahu pun apa itu UMNO 46, tiba-tiba saja jadi sibuk hendak hidupkan UMNO 46.

Saya nak ingatkan mereka satu perkara. 46 itu jangan dibuat main-main. $4 + 6$ jadi 10, jawabnya nanti awak semua dapat telur kosong.

Akhirnya siapa pun tak boleh gantikan Mahathir melainkan yang sudah ditentukan oleh Allah. Adanya penyakit hasad dengki, iri hati, tamak, khianat, dendam sudah keterlaluan, macam mana nak ganti Mahathir? Sebab itu saya sudah hilang takut, saya tidak peduli biarlah CIA atau M.15 berada di belakang orang yang akan merosakkan negara ini, saya akan jadi macam 'Rambo'. Saya akan berlawan seorang diri dengan mereka. Tuhan ada bersama-sama saya. Macam Tuhan berada di belakang Ayatollah Khomeini menjatuhkan Shah Iran. Kalau hendak selamat cepat-cepat bersatu.

Tuhan telah buktikan Dr. Mahathir benar, ekonomi negara bertambah baik dan keselamatan negara dan rakyat terjamin. Kita mesti percaya "**BILA TIMBUL KEBENARAN, YANG BATIL AKAN GUGUR DENGAN SENDIRINYA.**" Satu persatu mereka yang menentang kebenaran akan gugur.

Sebenarnya tidak ada UMNO lama dan tidak ada UMNO baru. Panggilan "UMNO lama" dan "UMNO baru" itu hanya panggilan untuk sementara waktu sahaja, ketika orang masih keliru.

Sekarang semuanya telah selesai. Mereka yang masih *frust* dan kecewa itu biarlah mereka *frust* dan kecewa dan merasa seronok tiap-tiap hari gambar dan berita mereka jadi bahan akhbar yang terpaksa siarkan berita-berita sensasi untuk cari makan dan kekayaan. Kalau tak keluarkan cerita Ku Li dan mereka yang menentang Mahathir dan kerajaan surat khabar merosot. Nanti bila ada cerita baru yang lebih sensasi dan digemari oleh masyarakat, jangan harap mereka boleh dapat publisiti lagi. Kebebasan akhbar ini pun kerana prinsip Demokrasi Dr Mahathir juga. Zaman Tunku, Tun Razak, Tun Hussein Onn rakyat tidak terfikir seperti zaman Mahathir sebab itu sekarang kita nampak keributan dan sedikit ber-celaru. Ini perkara biasa. Ini hukum alam namanya bila air nak pasang ombak mesti bising menghempas pantai dan sekali air bah sekali pantai berubah.

Teruskanlah perjuangan suci dan mulia kita bersama-sama dengan UMNO yang ada pada hari ini. Hanya UMNO yang

ada pada hari ini. Bukan lagi UMNO lama ataupun UMNO baru. Hanya UMNO. Hanya UMNO yang sudah diterima pendaftarannya dan dipimpin oleh Perdana Menteri kita Datuk Sri Dr Mahathir.

Sudah jadi kebiasaan orang Melayu tak suka mengisi borang. Pada mereka isi borang itu satu benda yang sudah sangat. Kita bantu mereka yang malu-malu nak masuk itu. Kita pun faham memang sikap orang Melayu segan dan malu. Mereka nak tahu keikhlasan orang yang mengajak mereka. Diajak makan pun orang Melayu biasanya menolak dahulu, tapi bila sudah mula menyuap adalah pula yang tambah sendiri. Bila ramai yang telah mengikut mereka pun akan ikut sama. **Bila datang pertolongan dari Allah akan berduyun-duyunlah menyokong kerajaan hari ini.**

Sebagai ingatan kepada bahagian dan cawangan-cawangan UMNO, jangan cuba nak hidupkan klik serta geng-geng sendiri saja. UMNO ini kepunyaan orang Melayu. Asal mereka orang Melayu, terima sajalah. Biar pun dulunya mereka orang PAS atau orang DAP, apa lagi kalau memang mereka bekas ahli UMNO. Kita tak perlu takut dengan mereka. Akhirnya nanti bila Tunku, Tun Hussein Onn, Ku Li, Datuk Harun nak masuk UMNO bila mereka sudah sedar dan bertaubat, Dr. Mahathir pasti terima mereka. Dua kali Ku Li kalah lawan Musa, Dr. Mahathir tetap terima Ku Li menyertai kabinetnya. Yang suruh buang Ku Li pun Musa. Siapa yang letak Datuk Harun di KUB? Yang keluarkan Datuk Harun dari penjara siapa? Manusia kalau tengah marah memang terlupa kebaikan yang telah orang buat padanya. **Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum semula.** Lidah dan gigi lagi tergigit inikan pula orang dalam satu parti yang nak berebut kerusi.

Sekarang ini anda sedang baca bab "Post Skrip". Dalam buku-buku saya sebelum ini tidak pernah ada "Post Skrip". Itu menunjukkan ada benda yang sangat mustahak yang saya mesti tulis. Ada dua tiga perkara lagi yang saya perlu pertegaskan.

Satu daripadanya ialah tentang orang-orang muda hari ini. Memang ramai orang-orang muda hari ini, sama ada yang baru lulus daripada universiti atau institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri di samping orang-orang muda yang tidak bernasib baik untuk mengikuti pelajaran tinggi, tetapi mereka itu semua adalah orang muda, yang boleh memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara. Inilah peluang untuk masuk berjuang sama menegakkan bangsa dan negara. Tunjukkanlah baktimu wahai orang-orang muda! Tunjukkanlah komitmen kamu kepada negara kamu. Jangan lagi berada di pinggir sebagai pemerhati yang tidak kesah kepada nasib bangsa, agama dan negaranya. Masa depan negara ini nantinya akan berada dipundakmu, dan kamu mestilah memberikan komitmen kamu mulai dari waktu ini lagi.

Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubahnya. Demikian Firman Allah. Negara kita akan berubah ke arah kebaikan sekiranya anak-anak muda mahu mengubahnya.

Kita orang Islam tidak boleh berdendam. Orang buat jahat pada kita biar Tuhan yang membalasnya. Kita bergaduh masa berperang saja, kerana mahukan kedamaian dan keamanan. Kita berperang bukan kerana kita suka berperang, tetapi kerana kita ada perjuangan hidup, kita ada matlamat. Kita menentang kekufuran.

Tunku, Tun Hussein Onn, Datuk Harun bukan musuh kita. Mereka adalah saudara kita. Orang tua-tua, kubur sudah kata mari rumah sudah suruh pergi. Kita biasa bergurau senda dan makan bersama dan mudah-mudahan kita dapat bersatu semula di akhirat nanti. Kita mesti sentiasa doa dan mendoakan antara satu dengan lain, supaya kita semua nanti mati di dalam iman. Kita buang yang keruh dan kita ambil yang jernih. Yang kita perangi bukan tubuh badan mereka, tetapi syaitan dan hantu yang melekat di tubuh mereka. Hantu-hantu yang ada bersama-sama mereka, yang selalu menggoda mereka sehingga mereka pun menjadi haru-biru dan kacau balau, sehingga mereka tidak tahu lagi siapa yang mereka nak ikut, tidak tahu lagi mana satu yang menguntungkan negara dan

bangsa dan mana satu yang merugikan bangsa dan negara. Kemungkaran yang macam ini yang kita tentang. Apabila hantu syaitan sudah kita bunuh dan halau, baharulah kita boleh berpakat semula.

Orang yang lemas kita tak boleh peluk dia bawa naik ke darat. Kalau kita terpaksa tarik rambut atau leher mereka, kita akan berbuat begitu. Kalau kita terpaksa pukul, kita pukul biar dia pengsan. Itu semua dilakukan untuk menyelamatkan mereka dari mati lemas, bukan kerana tidak kasihkan mereka, bukan kerana tak menghormati mereka. Inilah yang tidak difahami oleh mereka yang jahil. Mereka kata saya jahat. Tetapi kerana sayangkan merekalah maka saya mesti selamatkan mereka. Mereka bekas pemimpin saya. Kalau saya tak sayangkan mereka, saya biarkan sahajalah.

Buku-buku yang saya tulis adalah untuk kajian dan panduan manusia hari ini dan akan datang. Lojik yang saya gunakan ini tidaklah payah sangat. Tak payah nak jadi intelektual untuk faham lojik ini. Jadi saya terpaksa tarik kepala atau rambut mereka (yang lemas tadi) dan tarik naik ke atas. Kalau tidak mereka akan tarik rakyat untuk mati lemas bersama-sama mereka yang sudah terbungah-bungah, yang nyawanya sudah tinggal seperti ikan dibawa naik ke darat, atau ayam yang baru disembelih melompat-lompat sebelum mati. Bila saya telah bawa naik ke atas, saya tiarapkan dia atas rumput, atau atas pasir, kemudian saya tekan belakangnya supaya keluar air yang mengembong di dalam perutnya.

Kalau kita tidak buat begitu, susahlah cerita. Silap-silap kira kita pun akan tenggelam dan mati bersama mereka. Orang yang lemas mana sedar apa yang mereka buat. Orang yang mabuk dan gila akan mengatakan dia tidak mabuk dan gila. Orang lain yang dituduhnya mabuk dan gila.

Macamlah juga kita terpaksa tampal atau cabut gigi untuk menyelamatkan dari barah gigi. Kita tak tahan sakit dan derita yang nak kita tanggung. Kalau tidak dibuat demikian dia jadi makin merebak. Bila makin merebak, mula-mula tidak boleh

makan barang yang keras-keras, tetapi lepas itu yang lembik dan manis pun tidak boleh makan. Kalau tidak dicabut dan ditampal, bukan sahaja yang keras atau yang lembik sahaja yang kita tidak boleh makan, kita tengok orang pun kita naik benci. Itulah sebabnya baru-baru ini ada timbul orang kata mereka sudah muak. Macam mana tak muak, usahkan nak makan tak boleh, nak tengok pun benci. Orang sakit gigilah katakan!

Mengenai Tengku Razaleigh, Tan Sri Osman Saat dan Rais Yatim pula kita nak kena lebih hati-hati, kerana mengikut ilmu firasat mereka ini tergolong di dalam lingkungan orang-orang yang tidak cukup ukur. Kalau dibandingkan dengan orang yang biasa. Orang yang tidak cukup ukur ini selalu "cerdik-cerdik dan pintar-pintar dan agresif belaka". Mereka suka ketengahkan diri, suka cari perhatian, ada masanya suka bikin sibuk supaya orang ramai tertarik pada mereka. Ini sifat semula jadi orang yang ukuran badannya lebih rendah dari orang biasa. Itulah sebabnya kita mesti banyak berhati-hati, kerana mereka punya cekap, cepat dan ligat kita tidak boleh tahan.

Dalam buku saya '*Challenger*' *Siapa Lawan Siapa*, pada halaman 123 saya ada menyiarkan gambar Ku Li yang tidak mahu saya firasatkan melainkan jika berlaku pertemuan empat mata dan tuan yang empunya diri berkenan difirasatkan, barulah saya boleh firasatkan wajah itu. Biar bagaimanapun saya akan firasatkan Ku Li dari segi bentuk dan ukuran badannya.

Orang yang membaca sejarah Napoleon Bornaparte boleh buat perbandingan antara Ku Li dengan Napoleon. Saya tidak mengatakan yang Ku Li seorang diktator, tetapi persamaan yang saya maksudkan ialah dengan kisah peperangan di Waterloo yang telah mematikan askar-askar Napoleon dan akhirnya Napoleon sendiri mati dalam buangan di Pulau St Halena. Tinggi Napoleon lebih kurang 5 kaki 2 inci. Seorang diktator yang bertubuh kecil, tetapi nafsunya lebih besar dari manusia yang bertubuh normal atau yang bertubuh besar.



Inilah wajah Tengku Razaleigh yang sebenarnya. Saya takut nak meramalkan wajah begini, kerana banyak yang sensitif. Kalau nak tahu, jumpa saya secara personal. Tak boleh cerita di sini.

Ramai tenteranya mati dalam peperangan Waterloo, Napoleon tidak peduli. Dia bukan tidak tahu keadaan musim sejuk yang tidak mengizinkan perjalanan untuk peperangan pada waktu itu, tetapi kerana egonya dan kedegilannya ingin berkuasa dan menakluk dunia, dia tidak pedulikan itu semua. Dia pergi juga. Dia terlupa tentang kekuasaan dan kebesaran Tuhan yang maha esa kerana dia kecil dan ingin tunjuk kebesarannya. Tentera-tenteranya mati bergelimpangan bukan kerana peluru atau pancungan pedang musuh, tetapi kerana kesejukan dan kekurangan makanan. Bala dari Tuhan kerana kekejaman dan kezaliman mereka.

Kalau kita selidiki apa yang dibuat oleh Ku Li pada hari ini, bezanya cuma tempat dan peperangan. Namun Ku Li bernafsu besar macam itulah. Macam Napoleon memimpin tenteranya di Waterloo, macam itulah Ku Li memimpin pengikut-pengikutnya menentang Dr Mahathir dan kononnya hendak menghidupkan semula UMNO 46. Satu keinginan dari nafsu yang meluap-luap. Dia tak kira punya. Walaupun parti itu sudah disahkan tidak sah dari segi undang-undang per-tubuhan, Ku Li tak peduli. Dia tetap juga menganjurkan per-temuan beramai-ramai di seluruh negara, memimpin pengikut-pengikutnya buat kerja karut yang tak mungkin berjaya. Kerja macam itu cuma sanggup dilakukan oleh bapak komunis yang bodoh sahaja.

Kerja buat pertemuan sana sini, buat kacau hasut rakyat suruh benci pada pemimpin, ini kerja haram yang bertentangan dengan hukum negara. Undang-undang negara kita tidak membenarkan rakyat berkumpul lebih daripada tujuh orang tanpa kebenaran pihak yang berkuasa. Rancangan Ku Li yang kononnya hendak menghidupkan UMNO 46 itu membahayakan leftenan dan askar-askarnya, seperti peperangan Waterloo yang membahayakan tentera-tentera Napoleon. Tapi kerana nafsu Ku Li besar, beliau tak peduli, dan kapten-kapten dan leftenan pendek-pendeknya pun tidak peduli juga.

Dr Mahathir bukan tidak tahu akan hal ini. Sebagai Menteri Dalam Negeri Dr Mahathir boleh mengarahkan Tan Sri Hanif Omar menangkap Ku Li dan orang-orangnya,

simpan sebagai tahanan ISA. Tapi Dr Mahathir pengkaji sejarah, dia tahu tentang hukum karma. Dr Mahathir tahu siapa yang menentang kebenaran orang itu akan binasa sendiri akhirnya. Siapa yang bermain api dia akan membakar dirinya sendiri.

Ku Li memang seronok kalau Dr Mahathir suruh Tan Sri Hanif tangkap dia dan orang-orangnya, supaya mereka boleh dianggap sebagai hero dan dengan itu pengikut-pengikutnya bolehlah mencanangkan ke seluruh negara dan dunia luar mengatakan Dr Mahathir seorang diktator.

Orang-orang macam itu macam-macam benda mereka boleh buat. Inilah yang dikatakan politik itu kotor. Sebenarnya bukan politik itu yang kotor. Orang-orang politik yang kotorlah yang menyebabkan politik jadi kotor. Mereka boleh menghalalkan yang haram dan mereka telah menarik anak-anak raja yang tidak berdosa turun sama ke gelanggang. Jadi kalau terjadi sesuatu pihak istana boleh membantu. Ku Li terlupa atau tak peduli perbuatannya ini menanam bibit-bibit kebencian di kalangan rakyat terhadap anak-anak raja dan istana. Tak pasal-pasal nasib istana akan terancam. Nanti timbul satu revolusi menentang raja barulah Ku Li tahu.

Banyak lagi contoh-contoh dari sejarah dunia. Cerita-cerita sejarah amat penting, terutamanya dalam politik. Orang yang tak tahu sejarah dan tidak mempelajari sejarah selalu akan tertipu oleh permainan politik. Dalam Al-Quran sendiri pun ada banyak kisah-kisah sejarah, untuk apa? Untuk menjadi pengajaran, teladan dan pedoman kepada manusia, kepada kita semua yang tidak mau sesat dan tertipu.

Anda tahu kisah General Tojo? Dia seorang Perdana Menteri Jepun yang cukup terkenal dalam Perang Dunia Kedua. Dia pun macam Ku Li, Othman Saat dan Rais Yatim juga, dari segi tak cukup ukur. Orangnyanya memanglah pintar dan bijak. General Tojo adalah orang kecil yang bernafsu besar, dan kebanyakan leftenan-leftenannya juga pendek-pendek dan tidak cukup ukur macam dia. Sebab itu dengan tentera Jepun yang pendek-pendek belaka kita tidak boleh ajak

berunding. Mereka dengar cakap mereka saja. Dek kerana ikutkan nafsu General Tojolah akhirnya Amerika telah menjatuhkan bom atom di Hiroshima. Siapa yang menderita? Yang menderita adalah rakyat Jepun.

Begitu juga Hitler. Dia diktator yang bernafsu besar, ganas dan zalim. Siapa yang tidak tahu akan fakta sejarah ini amat bodohlah dia. Dari segi ukuran dia juga seorang yang tidak cukup ukur. Tengoklah juga di Sarawak, antara Rahman Yaakob dan Taib Mahmud, bapa saudara dan anak saudara, dua-dua tak cukup ukur, apa jadi negeri dan rakyat Sarawak?

Sekarang kita lihat pula kepada orang-orang yang menjadi penyokong kuat Ku Li, yang kononnya hendak menghidupkan UMNO 46. Berapa orangkah dari mereka itu yang cukup ukur? Kita tengok Pak Seman, orangnya pendek saja, tapi dia punya pintar, dia punya kemahuan, dia punya keras hati, orang yang dekat dan hampir dengan dia saja yang boleh menceritakannya. Nasib baik Dr Mahathir tidak pendek macam Pak Seman. Kalau tidak dia akan buat Pak Seman macam Pak Seman tangkap dan simpan Razak Ahmad di bawah ISA masa Pak Seman jadi MB dulu.

Kita tengok pula Rais Yatim (Walaupun dia panggil Kepala Bapak kepada Perdana Menteri, tak eloklah kita panggil dia Kepala Bapak Rais Yatim.) Rais Yatim pun pendek juga orangnya, sebab itu dia boleh cakap macam itu. Sebelum apa-apa lagi dulu dia bakar jambatan, nak tunjuk dia punya berani dan handal. Kata dia, Datuk Mohd Isa Samad Menteri Besar Negeri Sembilan tidak pandai mengenang budi. Budi apa nak dikenangkan? Kata Rais dialah yang mencalonkan Datuk Isa sebagai Menteri Besar, tapi Datuk Isa tidak mahu ikut cakap dia masakan Datuk Isa nak buat kerja-kerja karut macam dia? Dia agaknya terlupa bahawa dua kali Dr Mahathir pilih dia jadi menteri. Kenapa dia tak ikut cakap Mahathir? Apa pasal? Rupa-rupanya dia pun tak kenang budi juga. Mari kita tanya Rais, apakah Rais akan kempen kesana kemari lagi bila ditaqdirkan Mokhtar Hashim keluar dari penjara nanti? Siapa tahu tak lama lagi Datuk Mokhtar Hashim akan dibebaskan!

Inilah kata orang-orang dahulukala, “mengata dulang paku serpih, mengata orang sendiri yang lebih”. Faham-faham sajalah. Habis, Datuk Rais nak minta Datuk Mohd Isa Samad bayarkah budinya? Kalau nak dibayar, Datuk, itu bukanlah lagi budi namanya. Jadi sekarang nak harapkan dekat siapa lagi? Nak harapkan kepada Ku Li, kepada Manan Othman, nak harapkan kepada Ustaz Azmi, Ismail Kamat, Ismail Mamat, semuanya lebih kurang sama saja. Semuanya pendek-pendek belaka.

Hendak buat macam mana saya terpaksa menulis benda-benda yang macam ini. Saya bukan suka sangat mendedahkan ini semua kepada umum, kerana ini firasat peribadi. Tapi kalau orang mencuri kita tak potong tangan, orang membunuh kita tak pancung, buat apa Tuhan adakan undang-undang Islam. Lagipun mereka semua ini nak jadi pemimpin. Kenalah terima ini semua. Dan lagipun bukankah kita sedang berperang? Dalam peperangan kita mesti membunuh, atau kita hadapi kematian. *‘Everything is fair in war’*. Kalau orang ramai nak marah biarlah saya menanggungnya. Saya pun manusia biasa. Lautan mana tidak berombak, bumi mana tak ditimpa dek hujan? Memang susah nak cari manusia yang sempurna. Tapi hiduplah dengan sederhana. Janganlah ikutkan sangat nafsu hingga menimbulkan huru hara dalam negara dan menyebabkan rakyat menderita.

Biarlah saya seorang menderita, asal rakyat dalam negara saya boleh hidup dalam aman dan bahagia. Saya mesti selamatkan bangsa dan negara saya dari dimusnahkan oleh orang-orang yang tidak cukup ukur dengan segala macam perbuatan mereka untuk menjahanamkan perpaduan orang Melayu. Saya mesti memerangi perbuatan orang-orang yang nampaknya tidak mahu percaya dan tidak takutkan Tuhan.

Kita bersyukur kepada tuhan Rabbul-'alamin bahawa Musa Hitam sudah keluar dari UMNO. Ini adalah tanda-tanda dan isyarat bahawa UMNO akan selamat. Dulu Musa Hitam manusia tanpa bulu kening banyak bikin huru hara bila jadi pemimpin. Orang yang tidak cukup syarat tidak patut dijadi-

kan pemimpin. Apa yang saya tulis ini walaupun ada orang katakan gosip, tapi ini bukan gosip sebenarnya. Ini adalah perkara yang perlu diketahui oleh rakyat supaya mereka kenal siapakah sebenarnya pemimpin mereka.*

Bukan itu sahaja, tetapi yang lebih penting lagi ialah supaya rakyat kenal manakah satu yang dikatakan gosip dan manakah satu yang dikatakan bukan gosip. Banyak orang yang mengatakan sesuatu itu gosip kerana mereka selalu sangat mendengar gosip. Jadi dia ingat saya pun membuat gosip juga. Saya menulis untuk memberi tahu semua ini kepada rakyat supaya pada suatu hari nanti rakyat tidak akan menyalahkan saya kerana tidak menggunakan ilmu firasat yang ada pada saya. Falsafah orang-orang tua kita 'sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna' hendaklah kita pakai. Itupun kalau kita tak nak rugi. Kalau nak rugi sendiri apa saya boleh buat!

Berkenaan dengan ilmu firasat dan ramalan, saya ingin memberi peringatan kepada para pembaca dan peminat-peminat tulisan saya sekalian, iaitu seperti yang selalu saya telah peringatkan dalam buku-buku saya yang lepas, janganlah kita tersilap aqidah. Saya bukanlah mencuba mendahului kerja Allah Ta'ala. *Na'uzu bil-Lahi minzalik!* Saya hanya membaca dan mentafsirkan isyarat-isyarat dan tanda-tanda yang telah ditunjukkan oleh Allah Ta'ala, dengan menggunakan sedikit sebanyak ilmu yang ada pada saya. Mungkin bacaan dan tafsiran saya itu tepat, dan mungkin juga ada yang tersilap. Tidak ada siapa pun yang boleh mengetahui apa yang akan terjadi pada masa depan dengan tepat, kecuali mereka yang diizinkan oleh Allah Ta'ala. Anda jangan terus percaya membuta tuli akan setiap apa yang saya tulis, tetapi gunakanlah fikiran anda terlebih dahulu.

Negeri kita jadi kelam kabut macam sekarang ini kerana banyak orang pendek-pendek pergi berkempen karut-karut di seluruh negara. Orang kecil-kecil dan pendek ini memang cerdik dan ligat-ligat belaka. Bukan saja ketua-ketuanya, pengikutnya pun pendek-pendek juga. Cuba selidiki latar belakang orang yang konon hendak menghidupkan UMNO 46. Apakah mereka benar-benar orang perjuangan? Apakah

mereka jujur dan ikhlas, atau mereka hanya alat dan mahu memeralatkan orang ramai?

Tapi rakyat tak perlu bimbang. Dr Mahathir pun ada orang yang pendek-pendek dalam kabinetnya dan di setiap negeri di seluruh Malaysia. Ada sabda yang bermaksud: orang yang lebih pendek saja yang boleh mengalahkan orang yang pendek. Dan Tuhan tidak akan memberikan dunia ini kepada mereka yang zalim. Contohnya kalau Tuhan mahu berikan dunia ini pada orang pendek-pendek tentu Napoleon, Hitler dan General Tojo mengakhiri hidup mereka sebagai orang yang berjaya, tidak merana dan tersiksa. 'Sesungguhnya dunia ini Tuhan akan berikan kepada orang-orang yang solehin.'

Maka selepas membaca buku *Talqin Untuk UMNO* ini saya percaya tidak akan ada lagi orang menggunakan panggilan "UMNO lama" atau "UMNO baru". Hanya UMNO. Dan hanya UMNO yang hidup sekarang ini, yang dipimpin oleh mereka yang beriman, yang diberi kepercayaan oleh rakyat, yang akan menyelamatkan bangsa Melayu daripada terjerumus ke dalam jurang kehancuran dan kemusnahan.

Ini adalah hari baru dengan udara baru dan matahari yang penuh sinar harapan. Marilah kita bersatu kembali dalam UMNO. Marilah kita bersatu kembali menentang musuh kita. Musuh kita hari ini ialah saki-baki penjajah yang bermaharajalela di dalam dan luar negeri yang cuba memecah-belahkan serta memporak-perandakan umat Melayu. Mari kita perangi mereka macam kita perangi dadah. "*Hidup Melayu*".

INDEX

A

- Abdul Aziz Rahman (Datuk Haji) 204, 336
Abdul Hamid Pakwanteh (Datuk) 214
Abdullah Ahmad Badawi (Datuk) 51, 57, 58, 80, 134
Abdul Latiff (Datuk) 204
Abdul Latiff Cucu 146, 147
Abdul Razak (Datuk) 121
Abu Mansur Al Halajj 287
Adib Adam (Datuk) 171
Ahmad Boestamam 104, 106
Ahmad Mohamed Al Bahlul 235
Ahmad Razali (Datuk) 218
Ajaib Singh 10
Ajib Ahmad (Datuk) 51, 68, 243, 246, 259, 260, 264, 265
Ali Haji Ahmad (Datuk) 334
Ali Haji Siraj 246
Allah S.W.T. 9, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 26, 27, 28, 29, 35, 36, 37, 39, 53, 54, 55, 57, 68, 69, 72, 73, 77, 82, 95, 96, 98, 99, 102, 108, 109, 110, 111, 112, 126, 129, 133, 135, 144, 164, 165, 167, 168, 173, 176, 177, 181, 182, 185, 192, 193, 215, 235, 236, 241, 242, 243, 244, 245, 246, 249, 253, 259, 264, 265, 273, 274, 275, 276, 277, 278, 279, 287, 291, 294, 295, 296, 297, 322, 330, 332, 333, 335, 344, 345, 357, 358, 359, 361, 369.
Anwar Ibrahim, 34, 39, 40, 69, 71, 148, 173, 178, 218, 231, 235, 286, 337.
Arafat 228.
Ayatullah Khomeini 228, 230, 295, 296, 358.
Azean Irdawaty 283.
Aziz Kaliman 345
Azman Attar 215
Azmi (Ustaz) 368.

B

- Babra Kamal 38
Bahaman Shamsudin (Datuk) 101, 105, 121, 284, 287.

C

- Carter 228.
Chandra Swamiji 13, 146.
Cikgu Hud 334.
C.M. Yusof 121.

D

- Daim Zainuddin (Datuk Paduka) 147, 163, 177, 180, 194.
Dinsman 201, 203, 206, 208.
D.N. Aidit 262, 263, 264.
Dr. A. Samad Ismail 292, 293.
Dr. Borhanuddin 104, 106.
Dr. Ismail (Tun Allahyarham) 97, 121, 246, 272, 276.
Dr. Khoo Kay Kim (Prof. Datok) 104.
Dr. H. Kadirun Yahya (Prof.) 262.
Dr. Nawawi Mat Awin 146.
Dr. Shanmughalingam 200.
Dr. Syed Abdul Latif 333.
Dr. Zainal Abidin Wahid (Prof. Datok) 104.

E

- Edward W. Said 228, 229, 230.

G

- General Tojo 366, 367, 370.
Ghafar Baba 25, 40, 80, 140, 163, 173, 177, 196, 197, 255,
256, 339.
Ghani Ali (Datuk Setia) 164, 165, 166, 169, 170, 171, 216,
241, 242.
Ghani Ishak 168, 169, 170.
Ghazali Shafie (Tan Sri) 335.

H

- Habib Hassan Alattas 265.
Hafez Assad 228.
Haji Abdul Rahman (Datuk) 336, 345.
Haji Abdul Wahab 122.
Haji Anwar Haji Abdul Malik 271.
Haji Ashaari Mohamad (Ustaz) 143, 278, 286, 336, 337, 339, 342, 343, 344.
Haji Hadi Awang (Ustaz) 138, 286
Haji Hassan 121.
Haji Hassan Yunus (Datuk Allahyarham) 192, 122, 143, 243, 260, 261, 265.
Haji Khalid Yunus (Datuk) 214.
Haji Ahmad Fuad 121.
Haji Mohamad Rejab 121.
Haji Saat 319.
Haji Suhaimi (Datuk) 69, 71.
Hajjah Toh Puan Raha 232.
Hang Tuah 170, 294.
Hang Jebat 170, 290, 294.
Haniff Omar (Tan Sri) 365, 366.
Hitler 367, 370.
Harris Salleh 208.
Harun Hashim (Datuk) 26, 72, 137, 217, 218, 221, 356.
Harun Idris (Datuk) 57, 58, 145, 149, 214, 217, 218, 221, 356, 357, 359, 360, 361.
Hashim Shamsudin (Datuk) 193.
Hassan Albana 287.
Hasmah (Datin) 180.
Hormat Rafee 218.
H.S. Lee 108.
Hussein Ahmad 255.

I

- Ibrahim Ali 164.
Imam Al Ghazali 333.
Indera Ghandi 147.

Ikhwan Nasir 261.
Isa Samad (Datuk) 214, 259, 367, 368.
Ishak Haji Muhammad 104, 106.
Ismail Kamat 214, 368.
Ismail Mamat 368.
Ismail Zain 200, 202, 205.

J

Jaafar Hamzah (Datuk) 192, 216.
Jamaluddin Al Afgani 287.
Jins Shamsuddin 287.
J. Norman Parmer 308.
Joan Collin 60.
Jose Rizal 284, 290, 294.

K

Kadir Sheikh Fadhil (Datuk) 51, 108, 134, 184.
Kamarul Ariffin (Tan Sri) 200.
Karpal Singh (Datuk) 108.
Kassim Ahmad 290, 291.
Khalifah Al-Muqtadir 287.
Khir Johari (Tan Sri) 172.
K.L. Dewarsr 120.

L

Latif 258.
Lee (Mr.) 94, 203, 204, 205, 206, 208, 210, 211.
Lee Kim Sai (Datuk) 108.
Lee Kuan Yew 196, 210, 211, 265, 290, 293, 325.
Lim Kit Siang (Datuk) 108.

M

Machiavelli, Niccolo 72, 73.

- Maharajalela (Datuk) 105, 284, 287.
- Mahathir Mohamad (Datuk Sri Dr.) 12, 17, 25, 30, 34, 37, 39, 40, 50, 51, 57, 69, 71, 72, 78, 79, 80, 81, 85, 103, 106, 137, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 163, 166, 167, 173, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 190, 191, 192, 193, 196, 197, 203, 205, 206, 208, 209, 210, 211, 214, 218, 220, 221, 225, 231, 235, 245, 246, 251, 259, 278, 286, 288, 289, 290, 291, 292, 293, 294, 304, 305, 308, 311, 322, 331, 339, 341, 344, 355, 358, 359, 360, 365, 366, 367, 370.
- Manan Osman (Datuk) 149, 152, 190, 191, 368.
- Marcos 149, 152, 189, 190, 195, 196, 323, 341.
- Marina Yusof 51, 56, 59, 60, 191, 196, 201, 355, 356.
- Mat Kilau 105, 287.
- Mat Salleh 105, 284.
- Mazlan Harun 218.
- Mazuin 147.
- Mc. Michel 116.
- Megat Joned (Datuk) 140, 177, 178, 183.
- Menon 120.
- Mohamad Aduh 261.
- Mohamad Ali 214.
- M. Noor Azam 178, 179, 306.
- Mohamad Nor Omar 271.
- Mohamed Rahmat (Datuk) 68, 69, 82, 83, 163, 232, 233, 234, 235, 255.
- Mohd Yassin 243.
- Muhammad Mohd Taib (Datuk) 214, 215, 217, 218, 219, 220, 221.
- Mokhtar Hashim (Datuk) 214, 367.
- Muammar Ghadafi 131, 144, 147, 148, 149, 155, 225, 226, 227, 229, 230, 231, 232, 233, 235, 295, 296.
- Muhyiddin Mohd Yassin (Datuk) 241, 243, 245, 246, 250, 257, 258, 259, 260, 265, 266.
- Muhyiuddi Sheikh Abdul Kadir 243.
- Musa Hitam (Datuk) 9, 10, 13, 25, 41, 49, 50, 51, 55, 56, 57, 58, 67, 68, 69, 71, 72, 73, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 94, 135, 137, 138, 142, 149, 163, 166, 168, 167, 173, 175, 178, 191, 192, 193, 196, 197, 201, 203, 244, 245, 246, 248, 251, 259, 260, 336, 357, 360, 368.
- Mustapha (Datuk, Tun) 170.

N

- Nabi Isa (AS) 36, 37, 39.
Nabi Muhammad (S.A.W.) 9, 11, 39, 40, 52, 67, 69, 81, 106,
110, 112, 144, 164, 168, 273, 272, 273, 274, 275, 277, 286,
287, 291, 327, 328, 330, 332, 344.
Nabi Musa (AS) 344.
Nabi Noh (AS) 110.
Nabi Salleh (AS) 207.
Najib Tun Razak (Datuk Seri) 201, 231, 232, 233, 234, 235.
Napoleon Bonaparte 363, 365, 370.
Nazri Aziz Yeop 231, 234.
Nirmala 200, 232, 234.
Noor Azah Aziz 200.
Nordin Ahmad 284, 287.
Nuruddin 205.
Niccolo Machiavelli 73.

O

- Omar 246.
Omar Mokhtar 287.
Ong Teon Kok 335.
Onn Jaafar (Datuk) 120, 148, 172, 208, 245, 246, 271, 272.
Osman Arof (Datuk Paduka) 214.
Othman Saat (Tan Sri) 51, 60, 68, 145, 149, 190, 191, 192,
194, 195, 196, 215, 216, 243, 244, 245, 246, 259, 260, 261,
264, 265, 363, 366, 367.

P

- Pak Amri 283.
Pak Din 55.
Parameswara 288.
Peramu (Datuk) 105, 284.
Puan Aquino 152, 323, 341.
P. Ramlee (Allahyarham) 168, 287.

R

- Radzi Sheikh Ahmad (Datuk) 51, 80, 134.
Raffles 290.
Rafidah Aziz (Datin) 356.
Rahim Razali 287.
Rahim Thambi Chik (Datuk) 289.
Rahmah Othman (Datin) 80, 134, 355, 356.
Rahman Yaakub (Datuk) 314, 367.
Rahman Sabri (Datuk) 216.
Raja Ayob 120.
Rais Yatim (Datuk) 58, 59, 80, 149, 190, 191, 196, 214, 357, 358, 363, 366, 367, 368.
Ramani 120.
Ramli Ngah Talib (Datuk Sri.) 178.
Razak Ahmad 10, 190, 261, 367.
Raja Brooke 288.
Ronald Reagan 227, 235.
Rosli Dhoby 105, 170, 284, 289.

S

- Sadat 226.
Sagor (Datuk) 105.
Saidina Ali Abi Talib 168, 250.
Saidina Khalid Ibnu Walid 143, 144.
Saidina Omar Ibnu Khattab 143, 144, 256, 333.
Saidina Usman Affan 277.
Salleh Sulung (Datuk) 334.
Sanusi Junid (Datuk) 140, 163, 339.
Sardon Jubir (Tun) 97, 272, 276.
Shah Iran 195, 359.
Shahrir Samad (Datuk) 51, 60, 134, 201, 246, 248, 259, 260.
Shahrudin Maaruf 286, 297.
Shamsuddin Ali 335.
Sharifah Dora 80, 134, 261.
Sheikh Abdul Kadir Jailani 243.
St. Francis Xavier 288, 289, 291.

Stuart Elzeustat 228.
 Suhaimi Ujang 48, 199, 241.
 Suharto 293, 339, 341.
 Soekarno 261, 262.
 Sulaiman Palestin 248.
 Sultan Abu Bakar 265.
 Sultan Hassanah Bolkiah (DYMM) 13, 147, 195.
 Sultan Ismail Sultan Iskandar 191, 245.
 Sutung Umar Rs 201, 203, 204, 206, 208.
 Syed Abdullah Barakabah 95.
 Syed Abdul Rahman Bin Ahmad Bin Abu Bakar 271.
 Syed Ahmad Bin Alwi Bin Sahab 271.
 Syed Ahmad Jamal 200.
 Syed Abd. Latif 333.
 Syed Alwi Al Hadi 271.
 Syed Hamid Albar 218.
 Syed Hussein Alattas (Prof.) 286.
 Syed Hussein Alattas 17, 28, 29, 93, 94, 108, 165, 172, 175,
 176, 215, 278, 250, 251, 254, 255, 319, 327.
 Syed Jaafar Albar (Allahyarham Tan Sri) 97, 126, 172, 231,
 272, 276.
 Syed Mohd Naquib Alattas (Prof.) 105, 289.
 Syed Nasir Ismail (Allahyarham Tan Sri) 97, 272, 276.
 Syed Omar 241, 258.
 Syed Qutub 287.

T

Taib Mahmood (Datuk Patinggi Haji) 289, 290, 314, 367.
 Tamar Jalis 172.
 Tan Cheng Lock (Datuk Sir) 108, 120.
 Tengku Nerang Putra 96.
 Tuk Awang 183.
 Tun Mustapha 195.
 Tengku Razaleigh Hamzah 13, 25, 41, 49, 51, 55, 56, 57, 58,
 60, 71, 72, 78, 79, 80, 81, 107, 133, 136, 137, 138, 139, 140,
 141, 142, 143, 144, 145, 147, 148, 149, 150, 151, 164, 166,
 167, 168, 169, 173, 178, 180, 181, 183, 190, 191, 193, 194,
 195, 196, 197, 201, 202, 213, 219, 220, 244, 245, 278, 286,
 311, 312, 337, 357, 358, 359, 360, 363, 365, 366, 367, 368.

Thuraisingam 120.
Tok Janggut 284, 287.
Tun Fuad 168, 334.
Tun Hussein Onn 30, 56, 57, 72, 136, 183, 139, 140, 145,
145, 147, 148, 149, 150, 190, 193, 196, 197, 213, 2139, 235,
245, 246, 278, 293, 357, 358, 359, 360, 361.
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 11, 13, 31, 39, 55, 56,
57, 72, 78, 93, 95, 96, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 103, 104,
105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 121, 126, 136,
137, 138, 139, 140, 145, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 172,
180, 181, 190, 192, 196, 197, 212, 213, 215, 217, 219, 220,
245, 259, 262, 278, 285, 287, 288, 292, 293, 303, 307, 308,
309, 310, 311, 312, 317, 357, 359, 360, 361.
Tun Abdul Razak (Allahyarham) 30, 97, 121, 149, 150, 151,
193, 245, 272, 276, 292, 293, 359.
Tun Sambanthan 108.
Tun Tan Siew Sin 108.
Tok Awang 183.

U

Ungku Aziz (Prof Diraja) 200, 205, 207.
Usman Awang 239.

V

V.S. Naipul 12, 229.

W

Wong Kok Keong 307, 308, 310.

Y

Yap Ah Loy 309.
Yassin (Allahyarham Cikgu) 239.
Yusof (Datuk) 199, 200, 201.

Z

Za'ba 272.

Zahid 201.

Zahrin Mohd Yaasin 163, 164, 165, 169.

Zainal Abidin Zain (Datuk) 51, 80, 134.

Zainal Abidin (Datuk) 120.

Zainaldin Zainal 324.

Zain Haji Hamzah 288.

Zia Ul Haq (Presiden) 230.

KARYA SYED HUSSEIN YANG SUDAH DITERBITKAN

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH? (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI 1978 (1978)
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR (1982)
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA? (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)

15 FEB 1989

S.H.ALATTAS

CHALLENGER"



SIAPA LAWAN SIAPA?

S.H. ALATTAS

**PEMUDA
DI ZAMAN
MAHATHIR**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H. ALATTAS



**SIAPA
SELEPAS
MUSA?**

Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR

naskhah.

b: SIAPA SELEPAS MUSA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H.ALATTAS

**MUSA
DERHAKA?**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H.ALATTAS

**PERDANA
MENTERI
YANG
KELIMA**



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: MUSA DERHAKA ?

naskhah.

b: PERDANA MENTERI YANG KELIMA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____


S.H.ALATTAS

TALQIN UNTUK UMNO

Harga: \$10.00

S.H.ALATTAS

TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA



1946 Lahir di Istana
1988 dibunuh di Mahkamah
Siapa Pembunuhnya?

Harga: \$15.00



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: TALQIN UNTUK UMNO

naskhah.

b: TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____
